

Naskhah belum disemak

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

Bil. 19

Iasnin

16 April 2012

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan  
(Langkah-Langkah Khas) 2012

(Halaman 1)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Isnin, 16 April 2012**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.04 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 17 April 2012.”

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN  
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Amat Berhormat peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pada hari Jumaat saya sudah hantar satu surat kepada pejabat Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Pejabat Setiausaha Parlimen memberi notis untuk satu usul untuk merujuk Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu D.R. 15/2012 kepada satu Jawatankuasa Pilihan.

Usul itu berbunyi bahawa dibacakan iaitu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. *I got the usul. What is your point?*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah baca usul itu Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Can I just read one paragraph and I read it for the record* iaitu rang undang-undang...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, ini usaha pembangkang hendak mengganggu Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada lebih, tidak ada kurang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jangan ganggu dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hanya hendak mengganggu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Tidak apa, tidak apa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebenarnya satu usaha tidak hormat kepada Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, *thank you*, terima kasih iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibacakan kali yang kedua enam bulan daripada tarikh ini selepas dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang akan mengkaji semula keseluruhan rang undang-undang tersebut untuk pastikan tujuan untuk menjamin keselamatan negara dicapai dan khususnya langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah dan menangani keganasan iaitu *terrorism* dapat dilaksanakan tanpa menjelaskan hak-hak asasi dan kebebasan yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, rujukan kepada Jawatankuasa Pilihan ada di dua-dua peringkat sebelum perbahasan dasar dan selepas di bawah Peraturan Mesyuarat 55. Jadi, surat usul saya adalah untuk merujuk ini sebab hasrat usul ini adalah supaya rang undang-undang ini dibincangkan di Jawatankuasa Pilihan dari segi dasarnya dan juga daripada ke perinciannya, *the details as well. The principal* dengan izin, dan *the details*. Oleh sebab itu rujukan ini perlu dibuat sebelum perbahasan kedua, *second reading* di sini dan di bawah Peraturan Mesyuarat 55(1).

Jadi, sebab itu saya bangun sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memulakan ucapan beliau. Inilah peringkat yang wajar untuk bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini bukan gangguan, ini mengikut peraturan mesyuarat. Jadi, itulah usul yang telah saya usulkan. Notis telah diberikan dan saya minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua macam mana perbahasan atas usul ini akan dijalankan sebab usul sudah ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So itulah sebab kalau saya bangkitkan isu ini selepas ...

**Tuan Yang di-Pertua:** *I got your point, I got your point.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selepas *second reading*, selepas ucapan Perdana Menteri, memang rujukan itu kalau disetujukan oleh Dewan bukan lagi untuk membahaskan *principal of the bill* lagi, hanya *detail* sahaja. Itu yang saya hendak elak sebab itu saya bangkitkan di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Ahli Yang Berhormat, sepanjang ingatan saya perkara seperti begini telah kita buat dua, tiga kali sudah daripada 2008. Usul seperti begini dibenarkan di bawah peraturan mesyuarat kalau tidak silap saya 53(4) dan 54(2). *Rightly you have written letter to me specify only 53 and 54* tetapi Yang Berhormat tidak *specify* sama ada 53(4) atau pun 54(2).

Prosedur seperti begini kita berbahas dahulu Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat bentang, setelah bentang selepas itu berbahas. Sebelum saya kemukakan untuk bacaan kedua dihantar kepada jawatankuasa, pada ketika itu saya panggil Yang Berhormat untuk bangun untuk bentangkan usul Yang Berhormat. Selepas itu Majlis buat keputusan tanpa bahas sama ada menerima usul Yang Berhormat atau tidak. Jadi, bukan dalam peringkat sekarang. *I will allow you that.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya faham Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya baca 55(1) sebab 55(1) ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan 55(1) ada perbezaan yang jelas di mana boleh saya bacakan itu dalam bahasa Inggeris; *"Any committee to which a Bill committed before its second reading, may discuss the details of the Bill as well as its merits and principles"*

*Standing Order 55(2), "Any other committee to which a Bill is committed after its second reading shall not debate the principle of the Bill but only its details".*

## ■1010

Ada perbezaan yang jelas di mana dirujuk sebelum *second reading* atau selepas *second reading*. So, inilah maksud dia. Selepas kita habis perbahasan di peringkat dasar memang Dewan ini akan rujuk kepada Jawatankuasa. Sama ada *Committee of the House* ataupun *Select Committee*. Itulah kuasa Dewan ini tetapi pada masa itu kalau kita buat pada masa itu, itu adalah di bawah 55(2). Di mana Jawatankuasa Pilihan ataupun *Committee of the House* ini hanya boleh bincang *the details*. Kita akan bincang perenggan-perenggan satu demi satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sekarang saya *I'm moving under 55(1)*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, saya faham Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita kena bangkit di sini. Itu sebab saya minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita habis perbahasan dasar selepas katakan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dihabiskan, ucapan daripada sini, semua Ahli yang terlibat habis. Bermaksud itu *after the second reading*, itulah masalah saya. *That is the difficulty we are facing, the words are very clear.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang duduk dahulu. Di sini ada perbezaan tafsiran waktu bila *second reading* dibuat. Bermakna, *second reading* itu *completed* selepas perbahasan bagi peringkat Jawatankuasa. Apa Yang Berhormat bangkitkan itu ialah apabila nanti pada ketika saya mengatakan bahawa masalahnya ialah perkara ini akan dibawa kepada Jawatankuasa. Sebelum itu saya akan panggil Yang Berhormat untuk bangun. Lepas itu Yang Berhormat kemukakan Yang Berhormat punya usul. Selepas itu baru saya kemukakan balik kepada Majlis sama ada Majlis menerima usul Yang Berhormat atau tidak. Itu sudah kita buat beberapa kali.

Kalau sekiranya Majlis bersetuju kerana persetujuan Majlis itu bergantung kepada apa nanti perbahasan yang di hujah oleh Ahli Yang Berhormat sendiri. Sama ada perlu dihantar kepada satu Jawatankuasa Khas. Dalam Jawatankuasa Khas itu kalaulah itu keputusan Majlis, diperhalusi lagi di situ, selepas itu apa yang didapati tidak betul, Jawatankuasa Khas itu akan buat tindakan. *So, it is the same.* Bermakna, matlamat Yang Berhormat itu kita terima, bukan kita tidak terima. Akan tetapi pada peringkat bila, oleh kerana Peraturan Mesyuarat 54(2) menyatakan bahawa sebelum bertindak untuk dihantar kepada Jawatankuasa *as a whole*, mesti usul itu akan dibentangkan. *Then I will call you that appropriate time.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya ucapkan terima kasih dan menerima dengan baik penjelasan itu. Hanya satu penjelasan sahaja Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Boleh saya dapat pengesahan bahawa kalau Dewan ini setuju rujuk kepada Jawatankuasa Pilihan pada masa itu iaitu adakah itu bermaksud Jawatankuasa Pilihan boleh *discuss the merits principle of the bill* selain daripada *details*. Maksud dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yes.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bukan sahaja *restrict*kan pada *detail* sahaja. Bermaksud, Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan di bawah 55(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau itu, jelas Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh dapat pengesahan itu sahaja. Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

#### 10.13 pg.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, diambah Hari Malaysia 16 September 2011 yang lalu, saya telah mengumumkan inisiatif Program Transformasi Politik Negara (PTP) yang melibatkan pembatalan tiga

proklamasi darurat. Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Kediaman Terhad dan Akta Buang Negeri, Penggubalan Akta Perhimpunan Aman termasuk pemindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Serentak dengan itu setelah tujuh bulan berlalu, bukan sekadar semua komitmen ini sedang dilunaskan. Kita juga meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti sebagai mengiktiraf kematangan juga hak perlembagaan mahasiswa mahupun mahasiswi terlibat dalam politik berparti.

Tuan Yang di-Pertua, menghalusi komponen-komponen Dasar Transformasi Nasional, Program Transformasi Kerajaan (GTP) melalui Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Lebih responsif kepada keutamaan massa bagi memastikan masyarakat luar bandar memiliki kemudahan prasarana asas yang moden dan mencukupi. Program Transformasi Ekonomi (ETP) bersekali dengan Model Baru Ekonomi (NEM) pula bertujuan mencapai matlamat nasional menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, sering kita sebutkan seandai terkedepan dari segi infrastruktur fizikal atau material semata-mata tanpa kematangan institusi serta wacana politik nasional, maka mana mungkin mencerminkan kemajuan sebenarnya.

Dalam kata lain kita ingin merealisasikan potensi Malaysia bukan setakat menjadi negara demokratik tetapi lebih daripada itu. Untuk melonjakkan tempatnya kepada kedudukan disegani di kalangan komuniti negara-negara yang menghormati hak asasi manusia. Lantaran itulah inisiatif PTP ini bermatlamat bagi memastikan proses pembaharuan dan perubahan nasional dilaksanakan dengan tuntas. Sememangnya ini adalah satu proses berterusan dan menuntut komitmen semua rakyat Malaysia, ia bukan misi singkat yang mengambil masa sehari, seminggu, sebulan mahupun setahun. Sebaliknya ia memerlukan iltizam bersifat generasi ke generasi.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali perubahan dan pembaharuan landskap politik yang sedang kita lakukan ini melalui PTP. Adalah menangani kejayaan membangunkan negara selama lebih separuh kurun sejak merdeka. Ia hasil usaha tidak kunjung jemu oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi, menyediakan prasarana fizikal moden, membuka akses kepada prasarana teknologi maklumat serta komunikasi yang menyeluruh. Sekali gus pelaburan besar dalam bidang pendidikan.

Melalui pindaan, pemansuhan dan penggubalan undang-undang yang sedang berjalan. Kerajaan mahu memastikan ruang demokratik mencukupi disediakan untuk perbezaan pendapat serta persaingan idea. Pucuk pangkalnya, kita mahu mencipta sebuah Malaysia di mana prinsip hak asasi manusia dijunjung, kebebasan individu untuk berhimpun secara aman dan untuk menyatakan pendapat secara terbuka diraikan seraya kepentingan individu dan komuniti diimbangi. Berdiri di muka gerbang semua ini segala-galanya kita mampu gemblengkan kerana kita yakin dengan kematangan semua. Ini kerana kita yakin dengan kesediaan rakyat Malaysia dan mustahaknya kita yakin bahawa ini adalah perkara yang betul dan wajar untuk dilakukan... [Tepuk] Apa yang penting setiap hak mahupun kebebasan mestilah bersulam dengan tanggungjawab, dengan izin, *freedom with responsibility*.

Tuan Yang di-Pertua, jika ditinjau senario antarabangsa sesekali pun, peristiwa dan waktu menunjukkan untuk mencapai tahap demokrasi yang ada seperti hari ini Amerika Syarikat dan United Kingdom mengambil tempoh berabad lamanya. Melalui proses perlembagaan, perang saudara,

perundangan malah usaha tanpa henti oleh masyarakat sivilnya. Lain halnya kita bersyukur kepada Tuhan bahawa usaha evolusi demokrasi negara ini tidak melibatkan pertumpahan darah. Bahkan ia berkait rapat dengan evolusi sosio ekonomi. Seperti diimbas lebih lima dekad yang lalu, Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak dalam Dewan yang mulia ini juga telah membentangkan Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri 1960. Bagi menyediakan negara dengan perkasan perundangan yang perlu bagi mempertahankan Sistem Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen, Keluhuran Perlembagaan serta Kedaulatan Undang-undang pasca tamatnya era darurat.

Jadinya, hari ini amat bersejarah dalam menyisir susur galur demokrasi Malaysia, pentadbiran kini yang sentiasa prihatin, merasai denyut nadi rakyat yang sentiasa mendengar keluh kesah mereka. Juga sentiasa mendakap aspirasi massa telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri... [Tepuk] Kita hakikatnya telah memasuki era demokrasi yang lebih matang di mana peranan kerajaan berubah daripada menjadi penentu dan pengukur tahap kematangan rakyat kepada pelindung. Agar mereka dapat menikmati hak-hak asasi yang sepatutnya.

#### ■1020

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun mampu menafikan bahawa selama lebih setengah abad kewujudan ISA, peranan bagi melindungi cara hidup demokratik di negara tercinta ini. Ironisnya undang-undang yang dianggap *draconian* ini telah memastikan demokrasi hak asasi manusia dan *human dignity* dilindungi di Malaysia berbanding alternatif lain jika negara ditadbir oleh sistem kediktatoran komunis. Namun masa telah beralih dan peranan ISA telah tiba ke penghujungnya. Kerajaan menyedari hakikat ini dan komited untuk memacu Malaysia ke arah masa depan yang lebih progresif. Hari ini sudah lebih dua dekad pemberontakan bersenjata Parti Komunis Malaysia dan Parti Komunis Kalimantan Utara berakhir. Ideologi komunisme sudah tidak lagi mendapat tempat sebagai asas pemerintahan negara-negara di dunia namun berakhir ancaman ideologi ini tidaklah membawa era keamanan global yang diharapkan sebaliknya ia menyaksikan ancaman komunisme diganti oleh ancaman keganasan antarabangsa yang berteraskan ideologi ekstremisme.

Kedua-dua ideologi ini walaupun berbeza namun mempunyai titik persamaan matlamat iaitu kedua-duanya mahu merubah corak pemerintahan negara yang berteraskan demokrasi berparlimen dengan menggunakan keganasan dan cara-cara tidak berperlembagaan. Soalnya, matlamat ini sama sekali tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kemajmukan. Oleh yang demikian, menangani cabaran anti demokratik pasca komunisme yang lebih kompleks dan canggih. Negara bukan sahaja memerlukan perisai iaitu kematangan politik rakyat tetapi juga pedang di dalam bentuk Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan 2012. Rang undang-undang ini mewujudkan langkah-langkah khas yang diperlukan untuk menangani kes-kes keselamatan seperti yang terkandung dalam Bab 6 Kanun Keseksaan.

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan 2012 digubal di bawah lembayung Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Keluwesan diberi kepada kerajaan untuk menggubal perundangan yang

tidak selaras dengan Perkara-perkara 5 dalam hal Kebebasan Diri. Perkara 9 berkaitan Larangan Buang Negeri dan Kebebasan Bergerak. Perkara 10 berhubung Kebebasan Bercakap, Berhimpun dan Berpersatuan serta Perkara 13 tentang Hak Terdapat Harta.

Hendaklah diketahui bahawa meskipun rang undang-undang ini akan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, rang undang-undang ini tidak akan menjelaskan penahanan orang yang sedang ditahan kecuali perintah itu dibatalkan oleh Menteri Dalam Negeri. Di bawah pindaan undang-undang ini, aktiviti menjelaskan demokrasi berparlimen ditafsir sebagai satu aktiviti yang dilakukan oleh seorang atau kumpulan orang dengan tujuan untuk menggulingkan atau melemahkan demokrasi berparlimen dengan cara yang ganas dan tidak berlandaskan perlembagaan. Secara mudahnya, jika ada mana-mana rakyat Malaysia sama ada individu, kumpulan atau parti politik berhajat merubah teras asas memerintah negara iaitu Demokrasi Berparlimen kepada misalnya pemerintahan yang bersifat teokratik, mereka haruslah menggunakan cara-cara yang diabsahkan oleh Perlembagaan Persekutuan yakni melalui peti undi untuk mendapat sokongan majoriti rakyat. Ini bersesuaian dengan prinsip bahawa rupa bentuk kerajaan hanya boleh ditentukan oleh rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa rang undang-undang ini digubal di bawah Perkara 149 dan ia membenarkan penahanan individu oleh pihak polis untuk tujuan siasatan yang luar daripada norma kebiasaan tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang lazim, maka kerajaan telah mengambil keputusan mengadakan beberapa lindung jamin atau *safe guard* dengan izin, seperti berikut.

Pertamanya melalui peruntukan seksyen 4 subseksyen 3, tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Ini membawa maksud perlindungan kepada penglibatan dalam aktiviti yang sah di sisi undang-undang melalui:

- (i) penyataan pendapat atau pengambilan tindakan yang dibuat menurut rukun suatu parti politik yang pada masa yang berkaitan itu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang terbukti melalui satu, keanggotaan atau sumbangan kepada parti itu sendiri. Kedua, penyertaan terbuka dan aktif dalam hal ehwal parti itu;
- (ii) pernyataan pendapat yang ditujukan terhadap mana-mana kerajaan di dalam persekutuan; atau
- (iii) pengambilan tindakan yang ditunjukkan terhadap mana-mana kerajaan di dalam persekutuan.

Keduanya, pemansuhan kuasa Menteri Dalam Negeri untuk menahan tanpa perbicaraan mana-mana individu. Fasal 4 rang undang-undang baru ini menyentuh tentang kuasa penangkapan dan penahanan. Di bawah fasal ini, polis mempunyai kuasa khas untuk menangkap dan menahan mana-mana orang yang polis mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu terlibat dengan kesalahan keselamatan. Perlu ditekankan di sini bahawa kuasa penangkapan dan penahanan ini adalah untuk tujuan penyiasatan semata-mata. Orang yang ditangkap dan ditahan di bawah fasal ini boleh

ditahan dalam tempoh 24 jam bagi maksud penyiasatan. Walau bagaimanapun, polis boleh melanjutkan tempoh tahanan tidak lebih daripada 28 hari bagi maksud penyiasatan. Selanjutnya, jika polis berpandangan bahawa penahanan lanjut tidak diperlukan selepas 24 jam atau pada bila-bila masa selepas itu, maka orang itu boleh dilepaskan tetapi boleh dipasang dengan peranti pengawasan bagi maksud penyiasatan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan.

Mereka yang ditangkap bebas untuk membuat permohonan habeas corpus di mahkamah dan boleh mencabar alasan tahanan dan tatacara tahanan. Ringkasnya, kuasa semakan kehakiman dikembalikan sepenuhnya kepada mahkamah bukan seperti peruntukan dalam ISA yang menghalang kuasa semakan kehakiman kecuali dalam tatacara tahanan. Berkaitan itu, ingin ditegaskan bahawa kerajaan dan pihak berkuasa akan menghormati apa-apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Dalam erti kata lain, seseorang yang telah dilepaskan tidak akan ditahan semula atas siasatan kesalahan yang sama.

Ketiganya adalah *sunset clause* dengan izin, bagi tempoh tahanan 28 hari hendaklah disemak tiap-tiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan jika apabila semakan dibuat, sesuatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua majlis Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, lindung jamin keempat ialah fasal 5 memperuntukkan bahawa apabila seorang ditangkap dan ditahan di bawah fasal 4, polis yang menjalankan penyiasatan hendaklah memberitahu waris kadim atau *next of kin* orang yang ditangkap dan ditahan itu sesegera mungkin mengenai penangkapan dan penahanannya. Pihak polis juga hendaklah memenuhi hak mengguami atau dengan izin, *right to attorney* si ditahan tidak lewat daripada 48 jam.

Lindung jamin kelima, dalam jangka masa yang tidak lebih daripada tamatnya tempoh tahanan, pegawai polis yang menjalankan siasatan itu perlu menghantar kertas siasatan kepada pendakwaraya di mana beliau hendaklah membuat keputusan sama ada mendakwa tertuduh di mahkamah atau membebaskannya. Ini bererti tidak akan ada tahanan selepas tempoh 28 hari.

Lindung jamin keenam ialah apabila akta ini berkuat kuasa, kerajaan juga akan menubuhkan satu jawatankuasa secara pentadbiran untuk menyemak keseluruhan akta ini daripada semasa ke semasa dan jawatankuasa ini akan juga bertanggungjawab untuk meneliti pelaksanaan akta tersebut dan mengemukakan syor untuk penambahbaikan.

#### ■1030

Jawatankuasa ini akan dianggotai bukan sahaja dari agensi-agensi berkenaan tetapi juga oleh Presiden Majlis Peguam dan SUHAKAM. Lindung jamin terakhir dan terbesar adalah kuasa dan kehendak rakyat. Kita harus maklum bahawa di tangan rakyatlah kuasa setiap lima tahun untuk mengamanahkan parti atau gabungan parti mana yang hendak diberi kuasa sebagai kerajaan. Itulah teras asas sistem Demokrasi Berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V rang undang-undang ini pula memperkatakan perbicaraan kes kesalahan keselamatan. Di bawah bahagian ini terdapat dua fasal iaitu fasal 12 yang memperuntukkan

bahawa kes yang melibatkan kesalahan keselamatan akan dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi dalam mengambil kira keseriusan kesalahan keselamatan adalah dicadangkan supaya mahkamah khas diwujudkan secara pentadbiran untuk mendengar kes-kes keselamatan di bawah rang undang-undang ini. Para hakim yang berpengalaman akan diberi pendedahan kepada semua bentuk kesalahan keselamatan dan peruntukan undang-undang yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini tidak bermakna berakhir usaha yang telah dimulakan tujuh bulan lalu. Pastinya kerajaan akan meneruskan usaha perubahan dan pembaharuan politik yang mulia ini. Untuk itu, suka saya mengumumkan bahawa kerajaan akan mengkaji semula secara komprehensif Akta Hasutan tanpa mengetepikan apa-apa opsyen. Paling utama, tiga prinsip perlu dikekalkan dalam sebarang evolusi kerangka perundangan baru ini adalah untuk menangani perbuatan dan perlakuan berikut:

- (i) mendatangkan kebencian dan penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja;
- (ii) mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (iii) mempersoalkan apa-apa perkara hak taraf kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 151, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan menggubal rang undang-undang baru bagi menggantikan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Rang undang-undang baru ini akan mengekalkan janji kerajaan untuk menghapuskan keperluan pembaharuan tahunan lesen penerbitan serta menubuhkan majlis media yang akan melaksanakan kawal selia kendiri industri atau dengan izin, *self-regulatory*. Sememangnya lagi kita tidak takut dan gentar bagi bersaing dalam gelanggang demokrasi. Kita tidak takut berbanding idea serta dasar dengan sesiapa pun. Kerajaan bersikap terbuka kerana kita percaya era kerajaan mengetahui segala-galanya telah berakhir dan kita akur bahawa era kerajaan memiliki monopoli terhadap kebijaksanaan telah melabuhkan tirainya.

Dari yang demikian, kita percaya kita telah melakukan yang terbaik demi rakyat Malaysia. Kita akan terus melaksanakan yang terulung untuk rakyat Malaysia. Memang ternyata kerja kita masih belum selesai, kita perlu berikhtiar dengan lebih keras untuk memastikan anak-anak Malaysia hidup dalam sebuah negara yang aman sejahtera, makmur lagi bebas daripada ketakutan, kegundahan dan keimbangan. Pokoknya kita sedang mencipta sebuah negara di mana keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang menjadi payung kepada setiap individu agar bebas menyuarakan pendapat, mengkritik, menyokong, berbeza pandangan, bersiasah mahupun menganggotai apa-apa pertubuhan. Pendek kata, tidak ada sesiapa akan dihukum hanya kerana menjalankan hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang negara.

Akhir kalam, kita idam-idamkan sebuah Malaysia yang terbaik untuk warganya sebagai tanah tumpah darah mereka... [Tepuk] Demi itu, Kerajaan Barisan Nasional akan tetap berdiri teguh, sesekali tidak akan berundur bahkan berkobar-kobar meneruskan proses *tajdid* dan *islah* nasional, menyongsong *nahdhoh* keemasan demokrasi Malaysia, *insya-Allah...* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubung dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

#### 10.35 pg.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik keputusan kerajaan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri membatalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Maknanya selama puluhan tahun tuntutan dan desakan untuk membatalkan akta yang pada mulanya seperti mana yang diungkapkan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan akta ini pada tahun 1960 oleh Allahyarham Tun Razak dan digulung oleh Perdana Menteri pada ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj yang menyatakan dengan tegas, akta ini diperlukan untuk menjamin keamanan, melawan aktiviti militan komunis. Akan tetapi kita tahu akta ini bukan sahaja kemudian digunakan untuk melawan komunis dan militan tetapi diperluaskan merangkum hampir semua tindakan.

Beberapa tokoh besar negara, pejuang kebangsaan, di antara pejuang kebangsaan utama Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Helmy telah meringkuk dalam penjara. Sehingga sekarang tuduhan kepada beliau tidak dapat dipertahankan. Tokoh UMNO yang dianggap besar jasanya membela nasib petani, Allahyarham Datuk Aziz Ishak juga ditahan tanpa bicara di bawah akta ini, sengsara sehingga meninggal dunia kemudiannya. Beliau menulis pengalaman beliau dalam bukunya *Tamu Istimewa, Special Guest* dan saya usulkan rakan-rakan sebelah sana juga dapat melihat bagaimana perasaan seorang tokoh besar UMNO yang telah dizalimi sepanjang itu... [Dewan riuh]

Akan tetapi yang saya hendak tunjukkan di sini kalau ada sedikit kesabaran saudara-saudara yang baru ialah bahawa kezaliman ini bukan hanya menimpa tokoh pembangkang ataupun pengkritik pemerintah, juga orang-orang dalam pemerintah yang dianggap tidak cocok dengan pimpinan ketika itu. Isu yang dibangkitkan oleh Datuk Aziz Ishak dalam *Tamu Istimewa* atau *Special Guest* ini ada disentuh sekarang, 30 tahun kemudian iaitu tentang penyalahgunaan kuasa, lari daripada maksud penggubalan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Akan tetapi saya juga mendengar jaminan Perdana Menteri, beberapa akta yang mencabul hak asasi manusia yang menafikan hak dan kebebasan rakyat...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang tidak selaras dengan maksud kita mengadakan akta yang menghormati hak asasi manusia.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato'Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Itu nampaknya belum dilakukan. Saya tidak faham mengapa ia mengambil masa sekian panjang, sekian lama untuk kerajaan memastikan perubahan segera.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kalau benar dapat menjalankan apa yang disebut oleh Perdana Menteri. Ini termasuk apa yang disebut tadi...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya muh u mencelah.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya tidak benarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bagi laluan, sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Mengapa? Takut apa Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya akan beri laluan Tuan Yang di-Pertua, mana-mana Ahli yang akan bercakap mengikut peraturan Parlimen secara sopan dan tidak diupah atau dibayar... *[Dewan riuh]* Mana-mana yang muh u berdiri sepanjang, dari Perdana Menteri sehingga Ahli Parlimen tetapi saya tidak izinkan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta, Tuan Yang di-Pertua saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh tarik balik apa dia cakap.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Jeritan begini rupa.

■1040

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya belum cakap, mana Yang Berhormat Permatang Pauh tahu saya sopan atau tidak sopan.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kalau boleh saya hendak teruskan dan Yang Berhormat melainkan memang diarah membenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh tidak membenarkan untuk mencelah.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kerana orang yang hendak membahaskan harus baca dahulu undang-undang ini dan harus faham undang-undang ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, 36(6).

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini termasuk apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Universiti walaupun dipinda tidak memenuhi tuntutan dan Akta Hasutan 1948 tetapi kita sekarang akui bahawa undang-undang ini kalaupun dipinda, haruslah dipinda dengan maksud untuk mempertahankan prinsip demokrasi yang sebenar.Namun setelah meneliti Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan

(Langkah-langkah Khas) 2012, saya dapati ada beberapa percanggahan daripada semangat yang disebut oleh Perdana Menteri.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Permatang Pauh duduk sekejap. Ahli Yang Berhormat Padang Serai, okey bangkitkan Peraturan Mesyuarat dengan baik. Jangan menggunakan peraturan mesyuarat semata-mata untuk mengganggu perbahasan. Sila saya mahu dengar Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Boleh saya sebut? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh telah mengeluarkan sangkaan jahat terhadap saya kerana sebelum saya mengatakan apa-apa, beliau telah menggunakan perkataan tidak sopan terhadap saya. Jadi saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh tarik balik apa yang dikatakannya itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Sementara kita memberi penjelasan bahawa pindaan ataupun pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini memang disambut baik tetapi yang memprihatinkan ialah bahawa beberapa peruntukan baru ini dianggap bercanggah dengan semangat menghormati kebebasan. Pendirian kita untuk menjamin keselamatan dan melawan tindakan pengganas, itu tidak harus dipertikaikan.

Soalnya ialah kaedah dan caranya. Beberapa negara menggunakan undang-undang ini untuk menghukum yang tidak bersalah atau menghukum kumpulan yang dianggap mengambil tindakan mencabar kekuasaan kerajaan, bukan perlombagaan atau negara. Kita lihat sahaja umpamanya pengalaman United Kingdom dengan IIRA, pengalaman Mesir dengan Gerakan Ikhwan khususnya penyokong-penyokong Syed Qutb. Apakah pengalaman ini dianggap termasuk dalam *counter terrorism strategy* atau *measures*?

Oleh sebab itu saya mengusulkan supaya pihak kerajaan khususnya Perdana Menteri menimbangkan secara serius sebelum kita luluskan merujuk dalam masa yang cukup terbatas kepada Jawatankuasa Khas kerana ada beberapa, kalau semangatnya hendak menghormati demokrasi, apa salahnya dirujuk supaya diteliti peruntukan itu dan tidak diserahkan hanya kepada kerajaan dan Peguam Negara untuk memutuskan semuanya dan kemudian diminta dalam tempoh satu hari ini kita luluskan. Itu pertama.

Keduanya, kita juga tahu yang tidak tergabung, terangkul dalam cadangan pindaan ini bahawa langkah mengatasi cabaran pengganas memerlukan institusi yang kukuh. Bukan sahaja undang-undang undang bahawa kanun jenayah semata-mata tidak cukup untuk melawan tindakan pengganas dan pengalaman kita di peringkat awal Cawangan Khas dalam membanteras kelompok komunis militan *Special Branch* pada ketika itu. Itu tidak dipertikaikan walaupun dari sudut kerangka politik ada dipertikaikan kerana niat penjajah Inggeris melawan dari sudut ideologi yang tidak cocok dengan mereka.

Akan tetapi kita tidak dapat nafikan keberkesanan tindakan Special Branch melawan Parti Komunis Malaya terutama susuk yang ganas pada ketika itu. Soalnya sekarang, apakah keganasan itu mampu dilawan secara berkesan semata-mata dengan peruntukan undang-undang-undang? Apakah

tidak boleh dilihat juga tentang keberkesanan pasukan khas termasuk Special Branch Cawangan Khas untuk dapat kelayakan dan profesionalisme yang pernah dicapai pada satu ketika dahulu? Ini kerana jumlah mereka dalam negara kita sangat besar, jumlah anggota polis, anggota keselamatan terutama dalam *Special Branch*. Tahun 2010 daripada jumlahnya 40,608 iaitu 33% daripada jumlah pasukan polis keseluruhannya. Ini bukan jumlah yang kecil. Apakah tugas mereka itu dikhususkan lebih banyak bagi menangani kumpulan-kumpulan pelampau atau pengganas ataupun digunakan sebagai alat untuk mendukung parti pemerintah? Ini isu yang besar yang menyebabkan beberapa langkah itu dianggap kurang wajar.

Kedua, apakah kuasa-kuasa tambahan untuk mengawal ketelanjuran yang dibuat? Perdana Menteri menyebut ada beberapa hal yang boleh dirujuk di mahkamah. Saya akan membentangkan beberapa percanggahan daripada kenyataan beliau dan saya percaya beberapa rakan saya akan mengukuhkan hujah ini bahawa kalau kita terima ISA itu ada peranannya pada satu ketika dan kita terima juga ketelanjurannya. Maka apakah boleh kita pertahankan undang-undang yang ada sekarang yang boleh mengelak, yang boleh mengawal dan boleh mengelak ketelanjurannya.

Ini yang saya rasa perlu difikirkan oleh Jawatankuasa Khas untuk meneliti secara langsung apa yang dilakukan. Ada kecenderungan menteri-menteri dan saya percaya dalam jawapan untuk membawa pengalaman United Kingdom, United States dan yang lain-lain. Saya ingin menjelaskan di sini sementara ada beberapa peruntukan yang boleh kita guna pakai, pengalaman mereka itu lain. Negara-negara, kelompok-kelompok yang menentang Amerika Syarikat itu ada disebabkan antara lain kerana dasar luar mereka yang dianggap mencabar keutuhan negara-negara berkenaan. Umpamanya kelompok-kelompok yang berlaku seperti pengalaman di Iraq, di Afghanistan, di Palestin, itu pengalaman khusus kerana dianggap dasar yang mencabar keutuhan mereka sebagai satu kaum, agama atau negara.

Jadi walaupun ada beberapa peruntukan pengalaman di United State, United Kingdom yang boleh diguna pakai tetapi saya tidak fikir wajar untuk Malaysia menggunakan pengalaman yang sama. Malaysia tidak ada cita-cita untuk menakluki atau menawan atau menguasai mana-mana daerah dan rantau. Oleh yang demikian saya masih menganggap bahawa kita mesti mempunyai kekuatan untuk menangani kegiatan pengganas atau menggunakan Malaysia sebagai pangkalan kegiatan pengganas dengan mengawal kepentingan rakyat dan untuk mengawal supaya tidak ada ketelanjuran berlaku yang sudah saya sebutkan sebahagiannya kerana yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini terlalu tinggi jumlahnya dan lebih 10,000 orang dan saya tidak fikir Perdana Menteri boleh berdiri dan bangun di sini pertahankan bahawa semua tindakan itu adalah wajar dan berlandaskan semangat undang-undang untuk menyelamatkan keamanan negara. Saya pernah bertanya kepada Presiden Habibi mengapa...

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dengarlah dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Mengapa dalam satu hari setelah beliau menjadi Presiden, beliau mengarahkan semua tahanan politik dibebaskan tanpa syarat? Ketua Polis Negara, Ketua Angkatan Senjata memaklumkan meminta beberapa tempoh meneliti beberapa nama, puluhan ribu ditahan.

#### ■1050

Beliau menyatakan yang ditahan lima tahun, tujuh tahun, sepuluh tahun dan masih belum ada cukup bukti, apa alasan untuk ditahan semula? Kalau ada kes, ada bukti dan fakta, mana-mana ketika mereka boleh didakwa. Bila saya tanya keputusannya, dia kata akhirnya ini *politic of conscious*. Dia akan bertanggungjawab bukan sahaja mempertahankan keputusannya tetapi di depan Allah SWT... [*Dewan riu*] Kata mantan Presiden Habibi, dia tidak boleh pertahankan jawatannya sebagai presiden kalau mana-mana kezaliman yang dilakukan itu menyentuh mana-mana warga Indonesia di bawah jagaannya.

Jadi sebab itu saya katakan di sini sukar bagi kerajaan untuk mempertahankan tindakan. Sebab itu langkah pengawalan untuk mengelak keterlanjuran ini harus diperketatkan. Ini yang saya usulkan dan saya tidak fikir ini melemahkan usaha kita dalam *counter insurgency* atau *counter terrorism strategy* yang kita harus cukup tegas. Saya tidak mahu beri gambaran sedikit pun kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atau Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa kita boleh longgar atau lemah dalam soal mempertahankan keselamatan negara dan tidak mengizinkan negara ini terlibat atau menjadi pangkalan kepada kegiatan pengganas atas nama apa sekalipun. Akan tetapi keimbangan kita, berdasarkan pengalaman sekian lama, adalah kesilapan dan keterlanjuran yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan nyawa orang, keselamatan keluarga, maruah keluarga dan rakyat negara kita. Untuk mendengar hanya memutus keputusan kerana beberapa peruntukan tidak menjamin hal yang sedemikian. Saya kaitkan pengalaman antarabangsa kerana kita harus ingat beberapa tindakan yang diambil atau yang berlaku, Palestin, Algeria, IRA, itu juga melibatkan pertama, dasar luar; dan keduanya, beberapa perasaan kelompok termasuk kelompok minoriti ataupun yang dianggap terpinggir yang merasakan mereka itu terdesak dan sistem itu tidak dapat mempertahankan kepentingan mereka. Sebab itu kita harus melihat dari sudut kerangka yang lebih besar untuk menjamin mereka itu tidak digolongkan, sebaik sahaja mereka membantah, sebagai golongan pengganas.

Saya telah menyebut pengalaman terhadap individu tetapi kita juga ingat pengalaman kita dalam menangani kelompok-kelompok yang kita anggap pengganas seperti Al-Maunah dan Jemaah Islamiyah yang sampai sekarang masih kabur dalam bentuk tindakan, masih kabur dalam bentuk penjelasan kelompok yang terlibat. Kita hanya menyerahkan bulat kepada penjelasan *Special Branch* atau polis dan kita diminta pertahankan semuanya. Saya fikir dalam keadaan sekarang seperti mana yang dijamin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, keadaan menuntut kita memberikan penjelasan yang lebih *transparent*, lebih terbuka, lebih telus dan oleh yang demikian, sekali lagi saya ulang, tidak ada sebab mengapa kita hendak elak daripada perbincangan lebih teliti peruntukan-peruntukan yang dikhuatiri akan disalahgunakan.

Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut umpamanya pengalaman luar termasuk United Kingdom, polis itu juga menyediakan satu *special unit* atau *force* yang khusus menangani ini supaya ia tidak boleh menggunakan undang-undang peruntukan ini untuk melebarkan, mengenakan kepada orang lain. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan dia ber jaminan, maka saya hendak ulang bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu, Timbalan Perdana Menteri ketika itu memberi jaminan yang cukup tegas dan pada masa itu beberapa Ahli Pembangkang yang saya baca dalam *Hansard* yang menyokong berdasarkan jaminan tersebut tetapi setelah beberapa tahun, mereka sendiri menjadi mangsa kerana diperluaskan skop maksud daripada pengertian *terrorism* atau keganasan.

Saya tidak bermaksud untuk menyentuh beberapa peruntukan secara khusus kerana saya percaya beberapa anggota Parlimen lain yang akan bangkitkan berdasarkan beberapa perbincangan yang Peguam Negara adakan juga dengan Majlis Peguam, tetapi saya difahamkan isu-isu pokok yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam kepada Jabatan Peguam Negara tidak dilayani dan tidak diambil kira.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyatakan bahawa beberapa peruntukan tidak mengambil kira termasuk apa yang dikemukakan oleh SUHAKAM pada tahun 2003, *Review of The Internal Security Act 1960* setebal 180 muka surat yang mengemukakan beberapa kaedah khusus mencadangkan *legislative reform* (reformasi perundangan). Kalau hendak sebut '*al nahdloh*' dan '*islah*' itu tetapi tidak ada tindakan yang sesuai dalam perundangan ini, jadi istilah itu boleh memukau tetapi pelaksanaannya tidak seberapa dan undang-undang yang dikemukakan itu nampak bercanggah dengan peruntukan yang dibawa dan ini akan diperkuuhkan oleh rakan-rakan saya sebentar lagi. Ini juga sama dengan *United Nations Working Group on Arbitrary Detention 2010* yang mengadakan kunjungan di Malaysia yang disambut oleh Kementerian Dalam Negeri dan kementerian-kementerian berkaitan tetapi cadangan mereka untuk memansuhkan tidak menggantikan dengan undang-undang yang longgar yang boleh disalahgunakan.

Oleh yang demikian, saya tidak dapat menerima peruntukan-peruntukan yang dicadangkan atas alasan – umpamanya fasal 3, kesalahan keselamatan cukup umum tafsirannya, *activity detrimental to Parliamentary democracy, attempt to commit activity detrimental to Parliamentary democracy*. Itu dianggap kesalahan jenayah yang boleh dihukum hingga 20 tahun. Kebanyakan negara yang menggunakan undang-undang ini termasuk di UK, di Amerika, dia sebut betul-betul *violence*, dia sebut *assassination*. Dia sebut khusus supaya tidak diperluaskan. *Activity detrimental to Parliamentary Democracy* termasuk usaha penipuan Suruhanjaya Pilihan Raya. Apakah itu bukan *activity detrimental to Parliamentary Democracy*? Ratusan nama yang dimasukkan.

Sebab itu saya ingin mengingatkan, kita luluskan pada hari ini... [Disampuk] Ya, terima kasih. Kita luluskan pada hari ini... [Disampuk] Terima kasih. Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih. Kita luluskan hari ini dan kebanyakannya oleh Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, belum tentu Barisan Nasional terus berkuasa... [Dewan riuh] [Tepuk] Jadi sebab itu...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Barisan Nasional akan dapat lebih dua pertiga akan datang.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, ya Yang Berhormat Sri Gading. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bagi pengakuan itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, ramalan saya Barisan Nasional akan dapat dua pertiga lepas pilihan raya akan datang.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dia jamin demokrasi contoh yang baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, *sorry* lah.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Walaupun saya tahu Yang Amat Berhormat yakin dia akan pertahankan tetapi kita tidak boleh menolak kemungkinan akan berlaku perubahan... *[Tepuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, istighfar sedikit.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Fasal 4 tentang penangkapan tanpa waran...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Perubahan di Permatang Pauh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, biar gangguan itu nanti *reserve* kan sewaktu kempen pilihan raya. Sila.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya tidak sebut pun. Saya cuma kata kemungkinan tidak boleh ditolak. Apa yang hendak ditakutkan, apa dia ini? Berdasarkan jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi undang-undang bila kita luluskan hari ini undang-undang yang kuat dan keras untuk digunakan oleh kerajaan yang ada. Saya hendak ingatkan itu sahaja... *[Dewan riuh]*

## ■1100

Kemudian fasal 4 saya ada sebut kuasa polis menangkap walaupun Perdana Menteri memberi jaminan. Saya hendak tegaskan Tuan Yang di-Pertua, beza di antara jaminan di Parlimen dengan pelaksanaan adalah berdasarkan apa yang sudah berlaku. Ini yang saya sebutkan.

Fasal 5 - Akses orang tahanan kepada peguam dengan bersyarat tertakluk kepada penilaian polis. Ini kita juga perhati dalam konteks fahaman kita tentang perkara 5, perlembagaan.

Fasal 6 - Kuasa polis untuk memintas komunikasi.

Fasal 8 - Maklumat sensitif. Hari ini saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan betul-betul kerana walaupun kita kata kita rujuk kepada mahkamah, tetapi rayuan tidak boleh dilakukan. Maknanya semakan kehakiman di peringkat mahkamah rayuan dan mahkamah persekutuan sebagaimana peruntukan perkara 121 – Kuasa Kehakiman bagi Persekutuan, Perlombagaan Persekutuan dinafikan. Ini apa alasan? Kalau kita kata kita ini negara hukum, polis mengambil tindakan dan mungkin alasan polis kukuh. Bawa ke mahkamah. Pada ketika itu, mahkamah batalkan permohonan. Mengapa tidak boleh dikemukakan rayuan?

Fasal 11 - Ketidakupayaan mahkamah untuk memerintah pendakwaraya mengemukakan apa-apa pernyataan atau ringkasan mengenai maklumat sensitif untuk diterima sebagai keterangan jika Menteri membuat perakuan bahawa pengemukaan untuk ringkasan itu akan memudaratkan keselamatan

atau kepentingan negara. Hanya semata-mata pengakuan menteri tidak boleh, maka mahkamah tidak boleh memerintahkan pendakwa untuk mengemukakan penyataan. Jadi dalam keadaan begini, walaupun kita kata berbeza ISA, sekarang ini isu *rate of habeas corpus* pun dipertikai. Sekarang kita kata boleh tetapi boleh dengan ikatan. Mahkamah boleh dengar tetapi tidak boleh meminta keterangan dan mesti ikut apa yang diarahkan oleh Menteri. Itu fasil 11.

Bahagian VII. Prosedur keterangan yang tidak selaras dengan Akta Keterangan 1950. Cuba kita teliti apa maksudnya. Seorang boleh datang. Kita tidak tahu identitinya. Tidak boleh ditanya umurnya, jantinanya dan siapa dia. Dia bagi keterangan dan yang dituduh atau didakwa dan peguam tidak boleh tahu siapa dia. Dia beri keterangan yang dia hendak dan mahkamah mesti menerima dan menilai penerangan saksi itu. Ini Bahagian VII.

Tuan Yang di-Pertua, apa keadaannya kalau pengalaman orang yang dituduh, kemudian siapa sahaja boleh bawa keterangan. Dalam beberapa negara saya lihat, kalau keterangan itu dari polis yang berkenaan, ada alasannya sebab polis itu ditugaskan untuk menyiasat dan meneliti kes itu. Akan tetapi kalau polis itu mengangkat sesiapa sahaja. “Ya, saya nampak dia bawa senjata petang semalam”. *That's it.* Siapa yang sebut? Peguam tidak boleh tahu. Ini Bahagian VII ini saya anggap sesuatu yang aneh. Jadi kita ada di sini, bangga. Tepuk semua, batal ISA tanpa meneliti peruntukan-peruntukan yang sebenarnya dalam beberapa peruntukan tertentu lebih keras daripada ISA.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** *[Menggeleng kepala]*

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, dia geleng kepala. Tidak apa boleh jawab, boleh jawab.

Fasal 26 - Penerimaan keterangan oleh rakan sejenayah atau agen provokasi walaupun berlawanan dengan rukun undang-undang membuka ruang kepada perbicaraan berdasarkan *conspiracy hearing* dan penganiayaan atas tertuduh.

Fasal 30 - Penahanan lanjut. Ini satu juga yang tidak disentuh oleh Perdana Menteri tadi. Fasal 30 iaitu penahanan lanjut tertuduh secara mandatori oleh mahkamah. Hanya dengan permohonan lisan pendakwa sementara menunggu proses rayuan. Ada kes dilepaskan. Pendakwa bangun. “Yang Arif, saya pohon ditahan semula”. Dia ditahan dan hakim tidak ada pilihan melainkan untuk menahan mandatori. Penahanan lanjut tertuduh secara mandatori dengan hanya permohonan lisan pada ketika itu.

Fasal 31 - Kuasa Menteri membuat peraturan yang perlu yang lain. Biasa dalam beberapa peruntukan, kita beri ruang itu. Akan tetapi peruntukan ini kalau bagi yang luas kepada Menteri Dalam Negeri, walaupun saya percaya Menteri Dalam Negeri akan memberi jaminan dan keselamatan. Dia memberi jaminan kepada saya bahawa kereta saya tidak akan dipecahkan lagi. Saya berterima kasih.. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya terima baik dan berterima kasih. Saya betul-betul berterima kasih. Baru-baru ini saya pergi ke Johor dan memang tidak diganggu.

Kuasa polis di bawah Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Oleh yang demikian, saya harap sementara kita tahu keperluan melengkapkan polis yang cukup berwibawa dan profesional, dan kita pernah menyaksikan tahap profesionalisme yang dibanggakan.

Sekarang agak bertentangan kerana beberapa pegawai kanan polis. Ini bukan Pakatan Rakyat atau *Civil Society Group*. Berapa pegawai kanan polis termasuk Pengarah Cawangan Jenayah yang sekarang menuduh atau membuat tuduhan yang mengaku akan memberikan keterangan bahawa Bekas Ketua Polis Negara terlibat dengan kumpulan-kumpulan haram dan *gangster*. Patut Menteri Dalam Negeri ambil tindakan, buat siasatan kerana kalau itu masih lagi terperangkap, imej polis oleh pegawai kanan polis sepatutnya dibersihkan.

Akan tetapi saya masih menggesa supaya unit khas *counter terrorism* ini yang tidak terlibat dalam kes-kes lain dan dipindahkan sebahagian daripada *special branch* yang mengekori kita. Saya beri beberapa nombor kereta yang ikut saya itu dalam *tweet* saya dan saya harap Menteri Dalam Negeri semak dan itu khusus untuk *counter terrorism* untuk kegiatan antipengganas supaya dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sementara menerima baik keputusan malah lakaran kata bahawa kita muhujadi demokrasi yang lebih matang tetapi saya masyghul dan khuatir peruntukan-peruntukan yang diperkenalkan pada hari ini bukan sahaja bercanggah tetapi bertentangan dengan apa yang uar-uarkan oleh Perdana Menteri dan kita tidak dapat menyokong peruntukan-peruntukan yang saya sebutkan tadi yang bertentangan dengan prinsip yang disebutkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rembau.

#### 11.08 pg.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya laluan untuk membahaskan pembentangan Rang Undang-undang Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai pembahas pertama daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah... [*Tepuk*] Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada pagi ini kita telah melihat satu peristiwa besejarah yang berlaku di Dewan yang mulia ini di mana yang pertamanya, kita telah mengakhiri legasi Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah dikuatkuasakan lebih daripada 50 tahun yang pada pandangan bukan hanya Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional tetapi sebahagian besar daripada rakyat kita sudah sampai ke akhir hayatnya, sudah dianggap sebagai satu undang-undang yang walaupun banyak berjasa kepada sejarah kita tetapi sudah sampai ke tahap mana undang-undang itu sudah dianggap sebagai undang-undang yang lapuk, undang-undang yang tidak lagi relevan dan konsisten dengan tuntutan zaman yang tidak secara langsung dan secara tidak langsung menghormati kebebasan dan *civil liberty*, dengan izin.

#### ■1110

Dan pada hari ini, sekali lagi kita melihat dan rakyat Malaysia menjadi saksi kepada bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah tepati, tunaikan janji kepada rakyat Malaysia yang telah dibuat pada ucapan Hari Malaysia tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, rang undang-undang yang kita dengar dan yang kita bahaskan pada hari ini iaitu Rang Undang-undang Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 merupakan satu rang undang-undang yang dapat mengimbangi antara tuntutan keselamatan negara, *the security of the nation*, dengan izin, dan juga tuntutan kebebasan hak sivil, *civil liberty* yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mungkin tugas ini tidaklah tugas yang mudah, bagaimana kerajaan telah menulis dan menyediakan satu rang undang-undang yang berjaya untuk mengimbangi antara dua tuntutan tersebut. Kalau kita hendak tengok Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbezaan apa yang kita perbuat hari ini dengan apa yang mungkin dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, saya rasa perbezaannya adalah antara, dengan izin, *night and day*. Kalau kita tengok dari segi janji pembangkang, saya hendak buat perbandingan sedikit supaya kita memahami keistimewaan apa yang berlaku pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini.

Pertamanya, kita cadangkan supaya ISA dimansuhkan dan diganti dengan satu rang undang-undang yang menghormati dua prinsip yang utama. Pertamanya adalah kebebasan sivil, keduanya adalah keselamatan negara kita. Kalau kita ambil contoh apa yang telah dihidangkan oleh pembangkang. Kita ambil contoh pembangkang, dalam janji mereka yang dibukukan dalam Buku Jingga, dikatakan bahawa *first one hundred day reform*. Memang disebut bahawa *repeal of the ISA*. Disebut bahawa ISA, Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dimansuhkan. Akan tetapi itu sahaja. Tidak disebut bahawa apa yang akan ganti ISA. Tidak disebut bahawa apa yang undang-undang yang boleh dibawa untuk menggantikan ISA menjaga keselamatan negara kita... [Tepuk]

Jadi di sini kita lihat, bahawa sebenarnya kalau kita hendak lihat dari segi hendak mengimbang antara keselamatan negara dan juga kebebasan sivil, kita buat melalui rang undang-undang ini kita mansuhkan ISA, kita bawa rang undang-undang baru untuk mempertahankan keselamatan negara... [Tepuk] Akan tetapi pembangkang dalam janji mereka hanya mansuh ISA. Apa pula dengan keselamatan negara? Sebab itu kita nyatakan dalam Dewan ini dengan tegas, dengan jelas dan dengan nyata bahawa pembangkang adalah lemah apabila menyentuh isu keselamatan negara, *weak on national security*... [Tepuk]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tidak ada sebarang rang undang-undang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tidak ada sebarang rang undang-undang yang dicadangkan untuk jaga keselamatan dalam negara. Memang saya persetujui. Saya antara pengkritik-pengkritik utama ISA, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan banyak penangkapan Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam sejarah 50 tahun lebih, ada juga berunsur politik. Akan tetapi kalau kita hendak cakap soal penangkapan ISA, lebih banyak lagi penangkapan dan penahanan ISA sama ada di bawah seksyen 73 ataupun di bawah seksyen 8, adalah penangkapan dan penahanan mereka yang dikategorikan sebagai pengganas (*terrorist*). Kalau tidak ada akta rang undang-undang yang boleh

mengganti ISA, yang boleh mengganti keselamatan negara kita, apa pula dengan penganas-penganas? Penganas seperti Yazid Sufaat yang ditahan pada tahun 2001 yang dihubung kait dengan Jemaah Islamiyah (JI) ataupun Nordin Mat Top yang lari daripada tahanan daripada Indonesia menjadi *fugitive* nombor satu di rantau Asia Tenggara tetapi terpaksa ditangkap di bawah ISA. Apakah kalau di bawah senario yang diberi oleh pembangkang, kita tidak ada kuasa langsung untuk menjaga, menjamin keselamatan negara kita?... [Tepuk] Negara kita hancur Tuan Yang di-Pertua. Itulah perbezaan kita pada hari ini, *the responsibility of power*. Keber tanggungjawaban kuasa yang ada, amanah yang ada pada Kerajaan Barisan Nasional menuntut supaya kita gubal satu undang-undang yang boleh mengganti dan menjamin keselamatan dalam negara. Ya, Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Rembau mengatakan bahawa pihak pembangkang hanya menjanjikan pemansuhan ISA tetapi tidak menyebut tentang tindakan selepas itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Rembau, adakah kemungkinan mungkin juga pihak pembangkang akan menghidangkan pula undang-undang yang lebih teruk daripada ISA kerana kita sudah menilai mereka bahawa undang-undang yang sedia ada pun kita lihat mereka langgar, mereka cemarkan. Peristiwa dalam istana baru-baru ini yang disahkan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Selangor, itu pun sudah jelas bahawa mereka selama ini memang tidak menghormati sistem undang-undang yang ada dalam negara kita. Kemungkinankalau mereka mengambil alih kepimpinan negara, mereka bukan sahaja memansuhkan Akta ISA, mereka juga mewujudkan undang-undang yang lebih teruk daripada ISA?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Ledang. Masalah ini kita tidak tahu. Kita tidak tahu sebab tidak dikemukakan apa sahaja daripada pihak pembangkang. Inilah masalahnya. Masalah tidak ada *responsibility* langsung. Diberi janji, umpan janji kepada rakyat bahawa kita akan memansuhkan ISA tetapi tidak ada apa-apa cadangan...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Pencelahan Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** ...Untuk memastikan bahawa keselamatan negara ini dijamin dan dijaga.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Rembau, minta laluan Yang Berhormat Rembau.

**Seorang Ahli:** Tak payahlah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau, sini Yang Berhormat Rembau.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Yang Berhormat Padang Serai dahulu, dia bangun awal lagi.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Sudah bagi, tarik balik?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau... [Dewan riuh] Bertenang! Kita tahu, terima kasihlah kerana pilih saya daripada

Yang Berhormat Lembah Pantai. Ini Yang Berhormat Rembau, keselamatan dalam negara yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau itu adalah sesuatu yang saya sendiri, pengalaman saya bersama-sama dengan Ketua Pembangkang. Apabila Ketua Pembangkang sebut tadi, dia kata Ahli-ahli Parlimen yang tidak sopan dan juga terima upah. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Rembau dan saya mahu ulasan Yang Berhormat Rembau mengenai keselamatan negara yang akan terjejas apabila seorang Ahli Parlimen yang pergi ke luar negara kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh hantar ejen dia ke luar negara ke India untuk jumpa dengan saya dan pada masa yang sama Yang Berhormat Permatang Pauh, upah, cuba upah saya dengan projek petroleum, import petroleum dari Arab Saudi ke India yang bernilai RM440 juta... *[Dewan riuh]* Dioffer untuk saya supaya mendiamkan diri untuk tiga bulan sahaja... *[Dewan riuh]* Jadi, adakah ini menjelaskan keselamatan negara? Boleh Yang Berhormat Rembau ulang sedikit?... *[Dewan riuh]**[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya cuma bab-bab Ketua Pembangkang ini, saya cuma ingin nyatakan bahawa kalau kita dengar ucapan tadi pun kita tengok bagaimana beliau terkapai-kapai hendak cari relevannya dalam kita membentangkan rang undang-undang pada hari ini... *[Tepuk]* Disebabkan satu perkara sahaja, disebabkan perasaan cemburu, dengki, disebabkan begitu lama beliau mengidamkan, mengimpikan bahawa beliaulah yang akan membatalkan dan menghapuskan ISA. Akan tetapi akan terlakar dalam sejarah negara kita yang telah membatalkan ISA adalah Kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]* Dan bukannya pihak pembangkang. Ya, okey.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak pasti kalau Yang Berhormat Rembau dengar ucapan ataupun perbahasan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Ini kerana pertama, dijelaskan permohonan untuk diwujudkan satu jawatankuasa yang kita kata untuk menilai. Menilai bagaimana bila sudah mansuh ISA, *alhamdulillah*. Pertama kalinya, akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh terima pakai segala tuntutan kita... *[Dewan riuh]* Daripada Pakatan Rakyat selama ini. Malangnya Yang Berhormat, malangnya... *[Disampuk]* Eh, sekejap, tak habis lagi *point* ini. Malangnya, sudah mansuh, bila digantikan dengan rang undang-undang baru, ia wajib, wajib menepati syarat-syarat aspirasi. Bukan kami sahaja kritik, Majlis Peguam mengkritik...

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Okey, okey.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** ...Badan-badan hak asasi manusia di luar sana mengkritik. Jadi, tentunya permohonan kami, kami juga mahu *tough against terrorism. Mind you*, bukan diri seorang. Jadi, yang kita mahu, Jawatankuasa Pilihan.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Saya hendak minta, soalan saya, adakah Yang Berhormat akan mendukung, menyokong permohonan Ahli-ahli dari Parlimen Pakatan Rakyat supaya sebuah jawatankuasa ditubuhkan, yang merangkumi semua Ahli Parlimen BN dan juga Pakatan secara adil supaya kita boleh selesai dan wujudkan satu rang undang-undang yang tidak akan menekan *fundamental liberties*, dengan izin. Terima kasih.

■1120

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, terima kasih kerana memberi syarahan tadi kepada kita.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Cuma masalahnya...

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Boleh mencelah?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Sekejap ya. Cuma masalahnya apabila disebut tadi bahawa buat kali pertama kerajaan telah menerima keseluruhannya cadangan pembangkang. Saya sebut tadi bahawa kita tidak terima sepenuhnya. Kalau kita terima sepenuhnya kita hanya memansuhkan ISA dan keselamatan negara kita, kita biar macam itu sahaja. Akan tetapi kita jauh *responsible* bertanggungjawab daripada pembangkang mengemukakan rang undang-undang baru. Itu yang kita hendak sampaikan kepada Yang Berhormat dan disebutkan tadi bahawa hendak tubuhkan jawatankuasa khas Parlimen hendak semak. Ini sekali lagi *selective respect towards Parliamentary Democracy*, dengan izin. Kita kemukakan satu jawatankuasa khas terpilih untuk semak untuk pantau untuk kaji semula keputusan mengenai Lynas tetapi tidak disertai oleh pihak pembangkang. Ditolak tawaran daripada kerajaan. Namun hari ini pula bangkit untuk hendak tubuhkan jawatankuasa khas terpilih. *We cannot have* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *Selective Parliamentary Democracy*.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat, sedikit.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tidak payah ada *Parliamentary Select Committee when you like it...* [Dewan riuh]

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Kalau hendak wujudkan PSC dalam Lynas...

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *If you don't feel convenient to us,* tidak payah ada *Parliamentary Select Committee*, tetapi apabila kita setuju hendak ada *Parliamentary Select Committee*, mesti ada konsistensi dalam *Parliamentary Democracy*...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Rembau...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya satu sahaja. Yang Berhormat ada *selective memory*kah?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Kita tidak boleh ada *selective for standard*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bergilir-gilir.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tidak dengar siapa yang berhujah.

**Beberapa Ahli:** Duduklah, duduklah...

**Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja. Sila duduk. *My floor, please sit down.*

**Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Rembau bagi mencelah sedikit Yang Berhormat Rembau.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bagi mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Mencelah sedikit boleh?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *My floor*, sila duduk.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Boleh?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Rembau...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *That's the best answer... [Dewan riu]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Rembau, bagilah peluang kepada Yang Berhormat Balik Pulau...*[Dewan riu]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat jimatkan masa Ahli Yang Berhormat, jangan ganggu.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Sekejap ya. Kita kena konsisten, sekejap. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin India dari Parlimen Paya Besar... *[Tepuk]* Harap disaksikan *history of the making ISA* dimansuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, bukan daripada pihak sana... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa kepada isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Kalau kita tengok dan kalau kita semak secara teliti apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dan kalau kita *consider*, kalau kita pertimbangkan setiap lindung jamin yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri sudah jelas bahawa di sini undang-undang yang kita telah bentangkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua lebih melihat, lebih menjaga *civil liberties*, *on the side of civil liberties* daripada apa yang dituntut oleh ISA selama ini. Yang pertama kuasa semakan kehakiman diberi. Tidak akan lagi ada *detention without trial*. Itulah salah satunya kritikan yang paling dahsyat terhadap ISA adalah *detention without trial*. Di bawah rang undang-undang ini kita tidak ada lagi *detention without trial*.

Malah dalam penangkapan dan penahanan selama 28 hari yang pertama oleh pihak polis sebelum kes ini dibawa ke mahkamah ia dibenarkan untuk dibawa sebagai semakan *habeas corpus*. Semakan *habeas corpus* kalau dalam Akta ISA, seksyen 73, semakan *habeas corpus* wujud tetapi hanya dalam bentuk semakan terhadap tatacara tahanan ataupun *procedure of matters*. Saya rasa pembangkang pun sedar perkara ini.

Namun kali ini Tuan Yang di-Pertua, kita dengan keberanian kita untuk memastikan bahawa *principal of judicial review exist*, wujud bukan hanya untuk tatacara tetapi untuk alasan ataupun *substantive* sebab musabab kenapa orang itu ditahan maka Perdana Menteri kita telah menetapkan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *On judicial review.*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Kita telah menetapkan satu rang undang-undang yang memberi keluasan supaya...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** ...Yang ditahan, yang ditangkap itu boleh bawa kes ini ke *judicial review*.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *On judicial review.*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya..., sekejap Yang Berhormat Balik Pulau, sekejap. Saya akui bahawa kalau kita lihat contoh dari negara lain, contohnya kalau kita tengok di United Kingdom dia benarkan juga penangkapan dan penahanan selama 48 jam dan sekiranya hendak ditahan selanjutnya untuk tempoh tujuh hari, perlu kepada satu perintah mahkamah, *court order*. Akan tetapi di sini dalam rang undang-undang yang kita cadangkan kita ada juga *safe guard* dalam bentuk *judicial review* di mana kes itu boleh dibawa untuk *habeas corpus* atas sebab *procedural and substantive*. Yang Berhormat Balik Pulau sekejap, saya hendak bagi kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, selepas itu Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dahulu.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya tidak pernah dengar ucapan yang paling auta dan putar belit selain daripada ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh pagi ini... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau mungkin Yang Berhormat Lembah Pantai semasa berlaku perkara-perkara berkaitan ISA ini dia masih dalam buaian. Dia tidak tahu perangai Yang Berhormat Permatang Pauh sebenarnya. Sebab itu Tun Dr. Mahathir buat kenyataan berkaitan dengan PTPTN seolah-olah Yang Berhormat Permatang Pauh ini sudah lupa diri *selective amnesia*, dia yang sain PTPTN hari ini dia yang berkokok hendak mansuhkan.

Yang Berhormat Rembau, saya hendak tanya pada zaman Yang Berhormat Permatang Pauhlah ISA dipergunakan begitu berleluasa. Tahanan bawah ISA kes Al-Maunah, tahanan bawah ISA kes Al-Arqam, tahanan bawah ISA, Yang Berhormat Pokok Sena tidakkan Yang Berhormat Pokok Sena lupa. Dia ditahan ISA zaman Yang Berhormat Permatang Pauh... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Pokok Sena tidak akan lupa apa ucapan masa itu, saya ada. Apa yang dia tidak maki Yang Berhormat Permatang Pauh masa itu kerana menyalahgunakan ISA. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Rembau setuju atau tidak sebenarnya Yang Berhormat Permatang Pauh ini seperti apa yang Tun Dr. Mahathir kata dia ada *selective amnesia* dia ikut suka dia sahaja. Ini yang kita panggil politik dua alam. Politik putar belit. Itu masalah dia.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Ini masalah dia orang semua inilah. Ini dahulu penyokong-penyokong ISA ini. Akan tetapi untuk kepentingan politik mereka hari ini berkokok lain. Jadi ini saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Rembau, Balik Pulau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya bagi Yang Berhormat Balik Pulau, selepas itu saya bagi Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat Balik Pulau dahulu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Rembau, pertama Yang Berhormat Rembau mengatakan tadi itu sejarah membatalkan ISA. Sejarah itu sepatutnya tidak menjadi sejarah pun kalau negara ini tidak ada ISA, satu. Jelaskan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tidak tahu sejarah negaralah. Sejarah penubuhan tak tahu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dengar dahulu, bagilah Yang Berhormat Rembau,

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Masih dalam buaian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jimatkan masa ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kedua Yang Berhormat Rembau. *Judicial review* yang Yang Berhormat cakap itu sebenarnya *judicial review* yang sepatutnya kuasanya di mahkamah tetapi telah diambil oleh *administrative*. Itu yang patut dibetulkan oleh kerajaan. Kembalikan kuasa kepada mahkamah pada tahun 1990 yang telah dipindah... *[Dewan riuh]*

Kedua Yang Berhormat Rembau - fakta. Al-Maunah itu Yang Berhormat Permatang Pauh dalam penjara. Yang Berhormat Rembau, fakta, fakta. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu kes yang dia kalah di mahkamah tinggi, saya dan peguam lain yang kena ambil dan bawa ke mahkamah buat rayuan. Dia tinggal.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Itu yang dia cari Muslim. Jadi fakta yang benar-benar macam itu jangan bohong di Dewan. Itu mengelirukan, pohon penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Sebelum saya bagi Yang Berhormat Pasir Mas...

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Masalah ini Yang Berhormat Rembau apabila jambu kena dia ada sedikit masalah. Dia jambu... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Dia jambu, jambu ini ...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya tidak rujuk dia menyalahkan fakta pun dia terima kasih.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Jambu ini apabila dia kena itu dia semacam.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya hendak rujuk dia mengelirukan Dewan, kena lah terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita *gentleman*.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dia poyo bawa beg, tak *argue* kes...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat...  
*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, suruh dia betulkan kes Al-Maunah. Suruh dia betulkan kes Al-Maunah Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat Rembau, duduk. Ahli Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Hendak tanya jambu kena tahan ISA berapa kali?

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tidak. Jambu kena tahan ISA berapa kali?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, saya benarkan berbahas. Saya benarkan. Saya dengar dengan sabar, tetapi ingat peraturan mesyuarat. Jangan apabila berhujah, menyinggung perasaan kawan sebelah, jangan. Keluarkan fakta, biar yang menjawab itu jawab juga dengan fakta. Jangan apabila ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semua memberi lihat watak masing-masing. Sila Yang Berhormat Rembau, teruskan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Sebelum saya beri laluan kepada Yang Berhormat Pasir Mas, sekejap ya sebab ini melibatkan Yang Berhormat Pasir Mas juga. Saya hendak secara rasmi rekodkan untuk perbahasan, apa yang disebutkan tadi saya hendak jelaskan sedikit sebab tadi kita dengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang cakap soal ISA ini zalim dan sebagainya. Saya hendak cakap ini senarai mereka yang ditahan di bawah ISA. Pada tahun 1987, saya mula waktu Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada dalam kerajaan. Bukan jawatan yang kecil, jawatan yang besar. Ketua Pemuda, selepas itu jadi Naib Presiden UMNO, selepas itu jadi Timbalan Perdana Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tahun 1987, yang ditangkap, yang ditahan waktu Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada dalam kerajaan ialah Lim Kit Siang, Chandra Muzaffar, Chan Kit Chee, Karpal Singh, Halim Arshat, Ibrahim Ali, Fahmi Ibrahim, Dong Jiao Zhong, Lim Fong Seng, Kua Kia Soong, Irene Xavier, Hilmy Noor, Abdul Rahman Ahmad, Albinus Yudah, Benedict Topin, Damit Undikai, Jeffrey Kitingan, Maximus Ongkili dan Vincent Chung. Ini semua jadi mangsa juga waktu...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Ini Yang Berhormat Permatang Pauh *sign* atau Menteri Dalam Negeri *sign*?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Mungkin Yang Berhormat Sungai Petani tidak ada pengalaman dalam kerajaan, ini soal...

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Saya BTN ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *Collective responsibility.* Prinsip dalam *Cabinet collective responsibility.* Jadi, jangan hari ini pula berdiri *absolve himself completely of all the blame.*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** ISA tidak ada *collective responsibility...* [Dewan riu] Minister of Home Affairs, ISA is not for other Minister, its Minister of Home Affairs. Tidak ada *collective responsibility.* Tidak ada.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Perkara ini walaupun seksyen 8...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Itu salah undang-undang itu. Kita pergi mahkamah, kita tidak *challenge* pun Menteri Kewangan, kita *challenge* Menteri Dalam Negeri. Salah.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Balik Pulau tidak memahami *Cabinet principal.* Yang Berhormat Balik Pulau tidak memahami *Cabinet principal.* *Legal liability* tidak bermaksud bahawa tidak ada *collective responsibility.* Yang Berhormat Balik Pulau tidak memahami *Cabinet principal.* Saya beri kepada Yang Berhormat Pasir Mas sekejap. Sedikit sahaja.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Rembau. Pertamanya, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Rembau, memang pada tahun 1987 saya salah seorang yang ditahan di bawah ISA. Waktu itu saya menjadi Pemuda bersama Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Dato' Fahmi Ibrahim. Waktu kami ditahan dahulu, sepatah haram pun Yang Berhormat Ketua Pembangkang waktu dalam kerajaan waktu itu tidak langsung membela kita. Malah tidak silap saya, beliau pun menyokong tahanan dahulu. Jadi sekarang ini bercakap tidak menyokong.

Saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat Rembau, pokok persoalannya akta ini yang kita bahas ini ganti ISA. ISA dahulu asasnya tahanan tanpa bicara iaitu *preventive law*, hari ini ditentang. Oleh sebab itu ISA di mansuh, ganti dengan yang baru. Tidak ada lagi *preventive law*. Saya akan bahas kemudian nanti. Cuma saya bangkit ini hendak tunjuk, tadi Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sudah sebut, mana Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Permatang Pauh ini, larikah..., mana pergi? Pergi mainkah?... [Dewan riu] Saya hendak tanya sebab saya dengar beliau bercakap tadi, saya rakan beliau ini.

Orang yang kenal Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini, orang lain jangan temberang, saya 30 tahun lamanya... *[Disampuk]* Saya tahu. Bersama dalam tahanan ISA dahulu, dua tahun di Kamunting dahulu. Cuma saya hendak maklum juga ini tetapi selamat saya tidak apa-apa. Dua tahun dahulu bersama dengan beliau dan saya dengar beliau bercakap tadi, betul-betul bapa hipokrit... *[Tepuk]* Memang betul-betul bapa hipokrit. Maknanya betul-betul...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Hei Jambu! Duduklah Jambu!

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jambu duduk! Biar beliau habiskan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ini kerana Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Pasir Mas jangan buat begitulah. Tidak perlu begitu, itu personal sebab Yang Berhormat Pasir Mas juga hipokrit.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Akan tetapi waktu...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Penonton video lucah... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Penonton video lucah.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Diamlah!

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Semasa Yang Berhormat Pasir Mas suruh saya buat Program Ampun Anwar, konon-konon Yang Berhormat Dato' Seri Anwarlah yang akan jadi Perdana Menteri. Yang Berhormat Pasir Mas juga suruh saya buat program. Jangan hipokritlah.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya tanya Yang Berhormat Rembau, duduklah! Yang Berhormat pun lihat video yang muka seperti Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Apa lagi hendak cakap?.. *[Dewan riuh]*

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Ya, sebab itu Yang Berhormat suruh saya buat Program Ampunkan Anwar. Ini kerana Yang Berhormat kata Yang Berhormat Dato' Seri Anwar lah yang akan jadi Perdana Menteri. Yang Berhormat suruh saya buat program.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Usah cakaplah! Tidak usah cakap!

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Rembau, sedikit lagi. Saya tidak habis lagi. Saya hendak tarik perhatian. Saya kata hipokrit sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sebut, apabila undang-undang dilaksanakan, satu jawatankuasa akan dibentuk yang dipantau oleh Presiden SUHAKAM sendiri, yang banyak cakap ini termasuk dengan Pengerusi SUHAKAM. Pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa secara berkala. Jadi, tidak timbulkan kekhawatiran dari segi kononnya takut salah guna itu dan ini. Apa yang saya bimbang, kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang jadi Perdana Menteri, memang lebur dan hancur negara ini. Ini yang sebenarnya yang kita bimbang. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Ya, Yang Berhormat Kota Belud, ringkas ya. Ringkas.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Tadi kita mendengar ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya kira ucapan beliau ini amat lemah dari segi hujah. Saya kira kita pernah mendengar ucapan beliau jauh lebih baik dalam Dewan Merdeka, dalam PWTC semasa beliau dalam UMNO, dahululah. Saya kira lebih baik beliau pecat penulis ucapan beliau hari ini sebab lemah sangat, tidak mempunyai hujah yang kukuh, tergagap untuk mencari. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Rembau.

Pertama, dikatakan tadi tentang Amerika. Dikatakan tentang Eropah, bagaimana di situ kononnya kebebasan itu perlu. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Rembau, di USA sekarang ini ada empat undang-undang yang telah diluluskan sejak tahun 2001. Satu, *Patriot Act 2001*. Apa dia? Akses mudah kepada e-mel, perhubungan telefon, rekod kewangan dan macam-macam. Kedua tahun 2006, *Military Commissions Act 2006* – penahanan tanpa had oleh tentera. Kemudian adalah *Foreign*

*Intelligence Surveillance Act 2008 (FISA)* dan yang terkini, baru dua bulan yang lepas, tiga bulan yang lepas Yang Berhormat Rembau, di Amerika diluluskan satu akta yang dipanggil *National Defense Authorization Act 2012 (NDAA)*...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Rembau, di dalam akta itu dibandingkan dengan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini, akta kita ini jauh lebih baik. Di sana untuk pengetahuan, penahanan tanpa bicara untuk DNAA 2012, tanpa bicara. Bukan itu sahaja Yang Berhormat Rembau, ditahan oleh pihak tentera Amerika. Tentera Amerika dibenarkan untuk menahan *surveillances* di Amerika, orang awam termasuk warganegara Amerika itu sendiri. Apa yang paling teruk Yang Berhormat Rembau dibandingkan dengan undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan pada hari ini, dalam DNAA 2012 ini, orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengatakan si pulan bin si pulan itu harus ditangkap oleh mahkamah tentera ialah tidak lain dan tidak bukan seorang sahaja iaitu Presiden Amerika Syarikat pada waktu ini. Sekarang kita beri kepada Yang Amat Berhormat, beliau beri kepada Mahkamah, ada *judicial review*. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Rembau, sedikit. *Preventive law* di Amerika... [Dewan riuh] *Post Hamdan v. Rumsfeld. Post Hamdan v. Rumsfeld, Obama new policy*. Saya hendak minta penjelasan, boleh? *Preventive law* di Amerika, sedikit. *Post Hamdan v. Rumsfeld, very specific*. Boleh jawab? Sedikit sahaja. Kes Profesor Neal Katyal ke *US Prime Court Hamdan v. Rumsfeld*. Boleh saya minta penjelasan sedikit, boleh? Penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, hendak menyampuk dalam perbahasan ini perlu ada minimum kualiti. Jadi beliau tidak menepati *threshold* tersebut... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Okey, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak boleh?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rembau boleh duduk juga. Yang Berhormat Rembau duduk dahulu. Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya buat *Master Human Rights* di US ini, saya hendak tanya sedikit. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Rembau duduk dahulu sekejap. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sahaja tidak bercakap Yang Berhormat, 10 minit tarik nafas dahulu. Ini kerana saya lihat Dewan bila kita bersidang, buku peraturan kita simpan dalam tong sampah... [Dewan riuh] Apabila masalah berlaku, baru kita panggil "Tuan Yang di-Pertua, tolong beritahu dia ini salah cakap."

Akan tetapi, apabila saya cakap orang tidak dengar. Biarlah cakap jadi Yang Berhormat minta tolonglah Dewan ini kebebasan yang dibagi dalam Dewan ini bukan untuk buat sembarangan, ikut peraturan juga. Kalau kita tidak layak jagakan peraturan Dewan ini sendiri macam mana di luar sana

boleh bagi kebebasan yang seluas-luasnya, macam mana kalau tidak ada agensi kerajaan menjagakan kebebasan tersebut. Undang-undang kena jaga juga. Jadi saya minta maaflah bercakap demikian. Minta tolong jagakan peraturan sedikit supaya kita tunjuk dengan masyarakat di luar bahawa kita layak menerima kebebasan. Sila Yang Berhormat Rembau.

■1140

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan pergi terus kepada butiran-butiran yang tertentu cuma sebelum itu saya menyambut baik apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi sebagai perbandingan penanda aras antarabangsa atau *international benchmarking*. Bagaimana undang-undang yang dicadangkan oleh kerajaan Malaysia pada hari ini jauh lebih memberi ruang dan menghormati kebebasan sivil berbanding dengan *the land of the free* iaitu Amerika Syarikat yang sebenarnya telah mengiktiraf *detention without trial*. Jadi kalau kita lihat dari segi penanda aras antarabangsa undang-undang ini jauh lebih menghormati kebebasan sivil daripada apa yang ada di negara-negara barat.

Secara khususnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada *habeas corpus*, selain daripada semakan kehakiman *judicial review* yang kita beri di bawah rang undang-undang ini kita hadkan tempoh tahanan di bawah polis untuk *investigated purposes*. Penahanan untuk siasatan kepada 28 hari. Dulu kalau kita ingat adalah 60 hari di bawah penangkapan dan penahanan di bawah seksyen 73, Akta Keselamatan Dalam Negeri disingkatkan dan ini telah menuntut kepada satu keberanian daripada pihak Menteri Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia supaya keupayaan dan kemampuan polis itu ditingkatkan agar siasatan yang mengenai keselamatan negara itu dapat kita buat dalam tempoh masa yang jauh lebih singkat daripada apa yang ada dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sebenarnya kita harus memuji langkah berani daripada pihak polis, daripada pihak KDN sendiri yang menyatakan bahawa mereka tidak perlu lagi 60 hari untuk buat siasatan. Maka 28 hari sudah cukup dan memadai untuk dijalankan siasatan sebelum kes itu sama ada dirujuk ke mahkamah ataupun dibuat tindakan selanjutnya melalui *electronic tagging device* dan sebagainya. Ini adalah satu kemajuan yang cukup luar biasa yang kita akui bahawa polis pada hari ini sudah menerima dan sudah bersedia untuk menerima perubahan dan pembaharuan yang diberi oleh kerajaan melalui rang undang-undang ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua adalah akses kepada keluarga dan juga peguam. Sebelum ini antara satu kritikan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah akses kepada keluarga dan peguam itu adalah akses yang terbatas. Di sini dengan jelas menyatakan bahawa akses itu perlu diberi kepada siapa-siapa yang ditahan kecuali dalam keadaan tertentu, polis boleh melanjutkan, melewatkkan tempoh itu tidak melebihi 48 jam.

Ini penting Tuan Yang di-Pertua untuk memastikan bahawa sekiranya dalam kes-kes tertentu di mana kalau sekiranya kebebasan itu diberi kepada yang ditangkap itu boleh membantut siasatan, maka polis dengan budi bicara mereka boleh guna tidak melebihi 48 jam. Saya rasa yang paling saya tertarik dengan peruntukan ini adalah peruntukan *sunset clause* bahawa apa yang kita bahas pada hari ini, apa yang kita bentang pada hari ini tidak *cast in stone*. Kalau ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri Tuan

Yang di-Pertua, kita tengok digubal pada tahun 1960 tetapi tidak ada semakan *legislative*, tidak ada satu semakan yang boleh dibuat oleh Parlimen. Akan tetapi, kita masukkan satu *sunset clause* dengan izin, dalam rang undang-undang ini satu tindakan yang amat berani sekali bukan *sunset clause* dalam lima tahun kita bincang semula tetapi *sunset clause* dalam lima tahun, peruntukan penahanan 28 hari ini akan batal dengan automatik. Akan tidak ada lagi dalam undang-undang ini sebab kita ambil kira peredaran zaman. Kita hendak tengok sama ada tuntutan, zaman ‘Zaid Gais’ pada waktu itu menuntut sama ada 28 hari ini terlalu lama dan kita letak di dalam statut dalam undang-undang kita bahawa dalam lima tahun, 28 hari itu yang kita bagi kebenaran itu *sunset clause* dengan sendirinya akan lupus dan akan dimansuhkan.

Jadi ini adalah satu tindakan yang berani bagi kita memberi jaminan bahawa *this is not cast in stone*. Apa yang kita cadangkan pada hari ini bahawa 28 hari boleh dilanjutkan tahanan oleh polis adalah bukanlah satu perkara yang boleh sampai 40 tahun, 50 tahun masih lagi ada di dalam undang-undang kita keberanian dan ketelusan yang perlu kita puji pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi dua, tiga perkara lagi yang boleh menjawab apa yang dibangkitkan oleh ketua pembangkang. Pertamanya beliau sebut bahawa beliau mengkritik kesalahan di bawah undang-undang ini secara spesifik beliau menyatakan bahawa kesalahan *detrimental to parliamentary democracy*. Beliau kata bahawa ini terlalu umum, *catch all* dan mungkin boleh menangkap siapa-siapa yang menentang kerajaan. Akan tetapi, masalah ketua pembangkang dia tidak baca akta yang akan dipinda bersama dengan rang undang-undang ini iaitu Akta Kanun Keseksaan. Di sini ada *definition* kepada apa yang disebut sebagai aktiviti *detrimental to parliamentary democracy*. Kita perlu memahami bahawa rang undang-undang ini perlu dibaca bersama dengan pindaan-pindaan kepada rang undang-undang yang lain. Contohnya, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan, *Evidence Act* dan sebagainya. Barulah kita dapat gambaran menyeluruh. Barulah kita dapat secara *detail* apa yang dimaksudkan oleh kerajaan. Jadi sebagai contoh kalau kita cakap aktiviti *detrimental to parliamentary democracy* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *means*, ‘*An activity carry out by a person or group of person design to overthrow undermine Parliamentary Democracy by violence or unconstitutional means*’.

Maksudnya mengguling ataupun mempertikaikan kerajaan melalui cara yang ganas atau pun tidak melanggar Perlembagaan Negara kita. Adakah pada hari ini apabila ketua pembangkang bangkit untuk menyoal dan mengkritik kesalahan aktiviti *detrimental to parliamentary democracy* adakah bermaksud bahawa beliau menyokong apa sahaja tindakan untuk mengguling kerajaan di luar Perlembagaan yang tidak sah di sisi undang-undang dan Perlembagaan itulah maksudnya. Kalau sekiranya aktiviti *detrimental to parliamentary democracy* itu pun hendak dipertahankan, saya rasa *anything goes*. Kita sokong sejak *arm resurrection, arm rebilling against government* itu yang dimaksudkan. Sebab di sini jelas menyatakan bahawa ada definisi, ada tafsiran yang diberi kepada aktiviti *detrimental to parliamentary democracy* tetapi itu tidak diendahkan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]**

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tidak di *acknowledge* oleh ketua pembangkang disebut bahawa ini *catch all* terlalu luas diberi skop kuasa kepada rang undang-undang ini. Jadi saya minta sama ada pembangkang buat penjelasan sama ada mereka menyokong.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sikit Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Supaya mana-mana kerajaan sama ada kerajaan pada hari ini adalah kerajaan yang akan dipilih oleh rakyat pada waktu yang akan datang boleh di guling melalui *violence mean, unconstitutional means*. Itu yang dimaksudkan *it is very specific*. Yang Berhormat Kuala Selangor saya bagi sikit sahaja.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih sahabat Yang Berhormat Rembau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja untuk mendapatkan pandangan Yang Berhormat Rembau kerana istilah yang dikatakan *sub judice* ataupun membahayakan *democracy* itu ia tentunya membawa banyak pihak termasuk *Bar Council* menyebutkan bahawa ia punya maksud yang agak luas dan boleh sahaja di *abuse*. Persoalannya, apakah Yang Berhormat Rembau boleh menyebutkan secara lebih jelas dalam ertiannya kebangkitan ataupun dalam ertiannya demonstrasi seumpama BERSIH 2.0 dan mungkin 3.0, apakah itu juga dianggap sebagai satu yang ancaman kepada demokrasi dan *parliamentary* dan *extra parliamentary*. Ini kerana perkara itu boleh sahaja atas perkara yang berkepentingan pihak-pihak *the power that be...*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *[Bangun]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Apakah itu juga maksudnya *extra parliamentary* kerana ia jelas adalah satu hak yang di peruntukan dalam Perlembagaan. Jangan sampai *what the big print gives, the small print takes away*. Terima kasih dengan izin.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Rembau, *same point, same point*. Yang Berhormat Subang, *just two minute*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau. Isunya ialah kelonggaran istilah, *that's the point*. Apa yang telah kita tegaskan tadi dalam ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh sebut ada undang-undang yang sama di negara lain, mereka tumpu kepada perkataan *violence, keganasan, assassination and very specific*. Itu kita tidak ada masalah perkataan ini ada kelonggaran. *The takeover of Perak* pada masa itu oleh Barisan Nasional, boleh dikatakan *detrimental to parliamentary democracy*. Adakah itu jalan yang besar yang patut dihukum dengan 20 tahun penjara? *Specific example now* Yang Berhormat Rembau, seksyen 13OA yang baru *document detrimental of - Publication of Detrimental Parliamentary Democracy, section 13OA* ya.

■1150

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini dengan jelasnya Tuan Yang di-Pertua menunjukkan kegunaan istilah yang sangat longgar yang boleh mentafsirkan macam-macam makna. *Example*, contoh saya sebut, '130(b)(b)', definisinya dia kata dengan izin, "*Document that has in part or in whole a tendency to support, propagate and advocate any act prejudicial to the security of Malaysia*". Istilah ini terlalu umum, *prejudicial security of Malaysia*. Satu lagi, "*Prejudicial to the maintenance of public order*". *So, these*

*things* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, perkataan macam ini boleh ditafsirkan dengan apa-apa cara pun. Itulah maksud kita. So kalau kita buat definisi yang tepat, tindakan keganasan, *violence or organized violence, force, assassination*, tidak ada masalah. Itu bukan isu dia. Isu dia ialah kegunaan perkataan yang terlalu umum, terlalu luas, terlalu longgar yang memang boleh ditafsirkan dan disalahgunakan. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Seksyen ini juga diambil daripada *US Criminal Code*, seksyen 238(5). Jadi, ini juga datangnya daripada istilah dan juga terminologi yang dipakai di Amerika Syarikat yang memberi definisi secara khusus bahawa *undermine Parliamentary democracy by violent or unconstitutional means*. Itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang tadi.

Dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Selangor yang tanya sama ada Bersih yang akan dianjurkan ini adalah *undermine Parliamentary democracy by violent or unconstitutional means*, saya rasa Menteri Dalam Negeri sudah jawab. Bagi kebenaran maksudnya ia tidak *detrimental to Parliamentary democracy*. Itu sahaja. Kemudian disebut contoh tadi diberi oleh Yang Berhormat Subang bahawa peristiwa di negeri Perak yang ditawan oleh Barisan Nasional sama ada itu *detrimental to Parliamentary democracy*, saya rasa apa yang berlaku di Perak itu bukannya *unconstitutional* sebab dapat restu daripada Raja Perak, dapat restu daripada Sultan Perak.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu pendapat Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Adalah seorang yang pernah menjadi *Lord President*. Adakah kita akan buat tanggapan bahawa seorang yang pernah menjadi *Lord President* itu akan buat keputusan yang *unconstitutional*, yang melanggar undang-undang dan juga Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak dan juga Perlembagaan Malaysia. Saya rasa tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada perkara yang lain ya. Tadi Ketua Pembangkang juga mengatakan bahawa ada sedikit masalah. Ini saya bangkitkan dua tiga masalah yang kita lihat memberi keistimewaan sedikit kepada undang-undang ini, yang diperlukan atas sebab keselamatan negara kita. Pertamanya, keterangan saksi diberi dengan cara khas. Ada kekhawatiran yang dibangkitkan tadi bahawa siapa-siapa boleh memberi keterangan dan identiti mereka itu tidak perlu didedahkan dalam mahkamah. Saya rasa ini adalah perkara yang penting.

Ini kita bukan soal – Tuan Yang di-Pertua, bukan kita maksudkan jenayah biasa. Bukan kita maksudkan jenayah membunuh, jenayah ragut dan sebagainya ataupun *commercial crime*. Ini adalah jenayah yang berhubung kait dengan *terrorism*, pengganas, yang boleh mengganggu gugat keselamatan dalam negara kita. Apakah kita mengharapkan saksi yang akan memberi keterangan dalam mahkamah buat di depan seorang ketua organisasi pengganas yang besar di rantau Asia ataupun di dunia? Apakah kita akan mengharapkan seorang yang menjadi *informer* daripada organisasi tersebut itu buat keterangan dalam mahkamah di depan ketua organisasi pengganas tersebut? Saya rasa itu adalah menggadaikan nyawa mereka dan saya rasa satu perkara yang biasa untuk kita bagi perlindungan kepada mana-mana pihak yang hendak keluarkan keterangan, yang hendak beri maklumat walaupun maklumat itu diberi terhadap organisasi yang dikatakan bahawa organisasi yang diwakili oleh orang itu sendiri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Rembau, bolehkah?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Rembau. Saya terpanggil sebab saya mendengar hujah-hujah pembangkang seolah-olah negara kita ini dikawal ketat dengan undang-undang demi undang-undang. Saya hendak tanya Yang Berhormat, negara mana tidak ada undang-undang yang polis dia menguasai untuk ketenteraman awam, negara mana? Namakan saya. Sedarkah Yang Berhormat bahawa pembangkang bermain politik dalam isu ini...

**Seorang Ahli:** Betul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Yang dahulu dia kata tidak ada tahanan orang politik. Akta ini jelas, tidak akan ada ditahan mana-mana orang politik termasuk Yang Berhormat Bagan dengan itu Yang Berhormat Ipoh Timur. Kalau pun mereka rasis, tidak juga ditahan. Tidak juga ditangkap sebab orang politik. Justeru itu, apakah Yang Berhormat melihat bahawa perkara ini sebetulnya mereka mempolitikkan semata-mata untuk melemahkan kita tetapi sebetulnya apa yang berlaku, kerajaan telah melakukan yang terbaik termasuk perlindungan saksi ini. Bermakna kalau saya jadi saksi, saya tahu Yang Berhormat Bagan jadi ketua *terrorist*, contohlah, contoh, saya akan membuat perakuan tanpa dia sedari. Itu contoh dia. Kalau tidak ada akta ini, orang akan tidak mahu jadi saksi sebab dia terancam, anak dia terancam, keluarga dia terancam. Ini sebagai satu contoh yang baik. Seharusnya disokong tetapi mereka tidak mahu menyokong. Ini salah satu contoh. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan ya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Rembau, minta sedikit sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya ingat kita berdasarkan kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan ini, saya pun agak kelirulah. Saya minta Yang Berhormat Rembau jelaskan. Adakah dengan akta ini maka ahli politik semua kebal bahawa undang-undang ini langsung tidak boleh digunakan untuk ahli politik ataupun hanya maksudnya tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk ditahan? Ini satu.

Kedua, tentang soal *standard of evidence* iaitu kita hendak beri saksi, *standard of prove*. Kita hendak beri saksi yang kita tidak tahu dia punya latar belakang dia dan sebagainya yang boleh dirahsiakan identiti. Mungkin kalau dalam keadaan yang orang yang dituduh itu betul-betul sudah bersalah, okeylah, tetapi apa kemungkinan –adakah kita sudah membuat satu kesimpulan yang dia sudah bersalah maka oleh kerana dia bersalah maka kita boleh guna apa sahaja jenis bukti? Orang yang sudah mati keluarkan kenyataan pun kita kena terima sebagai *evidence* yang tidak boleh dipertikaikan. Saksi yang tidak tahu latar belakang dia, asal usul dia, siapa dia, sama ada dia boleh disoal siasat ataupun tidak, dia datang mahkamah dengan tutup muka dan sebagainya, kita tidak tahu siapa dan kita akan memberikan tahap dan taraf pembuktian sama seperti bukti-bukti yang lain. Apa kata kalau dia tidak

bersalah? *You're making the assumption with respect* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *you're making the assumption that he already guilty. Therefore, because he is guilty, then it doesn't matter what kind of evidence is being presented.* Akan tetapi apa kata kalau dia tidak bersalah? *How does he defend himself* dalam keadaan dia tidak tahu siapa yang menuduh dia? Saya minta Yang Berhormat Rembau yang maha bijaksanalah beritahu.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih. Sekejap Yang Berhormat Beruas. Sekejap Yang Berhormat Beruas. Sedikit, sedikit.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Masa 30 saat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Rembau. Saya pun amat keliru kalau Yang Berhormat Rembau tadi boleh mentafsirkan bahawa keputusan sultan memastikan siapa jadi kerajaan boleh ditafsirkan itu sebagai satu demokrasi, memang terlalu luaslah perkataan itu boleh ditafsirkan. Bagi saya kalau sultan yang menetapkan siapa jadi kerajaan, itu raja mutlak dan bukan demokrasi langsung. Kalau boleh Yang Berhormat Rembau berikan penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tidak apalah. Itu tidak relevan. Sebelum saya menjawab, saya ingin mengalru-alukan kehadiran Persatuan Dewan Perhimpunan Cina Perak Utara daripada Taiping, Perak... *[Tepuk]*

Untuk menjawab apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, memang betul Tuan Yang di-Pertua. Dalam akta ini, dalam undang-undang ini disebut secara *explicit*, secara tersurat bahawa tidak boleh ada apa-apa penangkapan berdasarkan kepada fahaman politik. Maksudnya, menjawab soalan Yang Berhormat Shah Alam tadi, adakah ahli politik semua kebal dalam rang undang-undang ini. Jawapan saya kepada Yang Berhormat Shah Alam dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *if tomorrow you decide to be a terrorist, you are not kebal anymore.* Itu maksudnya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *Even though I am a Member of Parliament?*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *Of course.*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** So maknanya, akhirnya tidak ada kekebalan. Akhirnya ia kembali kepada tafsiran undang-undang... *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau Yang Berhormat jadi pengganas, tangkaplah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengarlah. Maknanya, akhirnya ia kembali kepada tafsiran...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dua sahaja. Kalau bukan tangkap, tembak.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Sama ada satu tindakan yang kita buat bercanggah dengan *Constitution...*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau Yang Berhormat jadi ketua pelampau, memang kena tembaklah, tidak payah lari.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau hendak tahu ia bercanggah dengan *Constitution* ataupun tidak, ia diserahkan kepada kerajaan untuk mentafsirkan. Maknanya tidak adalah kekebalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau esok dia jadi penggasas menghuru-harakan negara, saya cadangkan Yang Berhormat Shah Alam ditembak sahaja, tidak payah tangkap.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Samalah macam dahulu bila ISA diluluskan. Diberikan jaminan yang sama. Akan tetapi *at the same time*, Yang Berhormat Rembau sendiri mengakui bahawa ia telah disalahgunakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tangkap, ia merebak sebab dia menghasut.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Lalu apa maknanya jaminan yang diberi sekarang? Sama sahaja. *It just the same. It is just a repeat of history.*

#### ■ 1200

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dulu bila ISA diluluskan, diberikan jaminan yang sama. Sekarang sama juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Sila duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *Do not use this clause* seolah-olah ia satu *clause* yang *magical* yang akan menjamin keadilan kepada semua yang terlibat dalam arena politiklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau orang daripada penggasas, macam Yang Berhormat Shah Alam ini, saya tengok berpotensi untuk menjadi penggasas.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *Do not use this clause*lah. *We are not that stupid. Please, please.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia kalah pilihan raya Yang Berhormat Shah Alam berpotensi menjadi penggasas.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *Do not insult* kalau *intelligent..*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia jadi penggasas, orang macam ini tidak payah tangkap, tembak terus.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *.. You go to the market with this clause* seolah-olah inilah yang memberikan kebebasan berpolitik kepada negara. Orang politik tidak boleh kena tangkap. Bohong.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat saya memperingatkan peraturan sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Kalau seorang bercakap yang lain duduk. Itu sahaja.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Boleh Yang Berhormat Rembau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Oleh kerana saya sikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya rasa ke tidak..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Dalam keadaan demokrasi mana pun Yang Berhormat ada peraturan-peraturan dan undang-undang tertentu yang perlu dikuatkuasakan termasuk dalam Dewan ini. Sila Yang Berhormat Rembau. Siapa yang minta berdiri itu, Yang Berhormat Rembau kata okey, Yang Berhormat baru boleh bercakap.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Itu Peraturan 37. Jelas. Kalau kita di sini tidak boleh ikut perundangan, jadi macam mana rakyat di luar hendak ikut undang-undang?

**Seorang ahli:** Pembangkanglah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Jadi mintalah. Sila Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Jempol dan lepas itu Yang Berhormat Tangga Batu.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Pindaan yang dilakukan oleh kerajaan ini untuk mengangkat Perlembagaan dan undang-undang negara sebenarnya. Selagi kita sebagai ahli politik tidak melanggar peraturan Perlembagaan negara, kita keballah. Akan tetapi kalau kita sudah melanggar Perlembagaan negara, melanggar undang-undang, ia tidak lagi kebal kepada kita walaupun kita menjadi ahli politik.

Kalau kerajaan tangkap Yang Berhormat Pasir Salak dahulu, bukan kerana dia Exco Pemuda UMNO. Tangkap Yang Berhormat Pasir Mas dahulu, bukan kerana dia Exco Pemuda UMNO. Kita tangkap Yang Berhormat Pasir Mas, kita tangkap Yang Berhormat Pasir Salak kerana dia melanggar undang-undang pada waktu itu. Dia melanggar. Kita tangkap Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita tangkap Yang Berhormat Ipoh Timur juga kerana dia melanggar undang-undang. Bukan kerana dia pemimpin DAP.

Oleh yang demikian kita kebal boleh melakukan apa sahaja fahaman politik, kegiatan politik kita selagi tidak melanggar undang-undang negara dan juga Perlembagaan negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Rembau?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Orang lama cantik. Saya ambil sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Yang Berhormat Tangga Batu.

**Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau. Satu perbahasan cukup tersusun berbanding dengan Yang Berhormat Permatang Pauh umpama langit dengan bumi. Yang Berhormat Rembau langit, Yang Berhormat Permatang Pauh bumi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya utarakan di sini ialah pertama tentang interpretasi, terjemahan kepada rang undang-undang yang dibentangkan ini. Ia dilihat dari pelbagai sudut umpamanya Yang Berhormat Shah Alam *always has a privilege of being ignorant*. Dia suka hendak interpretasi melayan kerena, keliaran pemikiran beliau.

Akan tetapi apa yang saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Rembau pada hari ini ialah dalam konteks antarabangsa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini menghadapi cabaran yang sama seperti Almarhum ayahanda Yang Amat Berhormat. Apabila mengambil alih negara pada ketika itu dalam keadaan negara begitu kritikal, MAGERAN umpamanya. Hari ini, Perdana Menteri kita berhadapan dengan kerena pembangkang yang tidak tertentu ke mana hala tuju mereka.

Akan tetapi secara sistematik meletakkan ini, pembentangan rang undang-undang pada hari ini sebagai mengotakan apa yang dikata. Pada pandangan Yang Berhormat Rembau di mata dunia di mana kita pada hari ini apabila ini berlaku? Ini sapi. Lembu punya susu, mereka hendak nama. Sapi dapat nama. Pembangkang semua macam sapi.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yalah, sebab Barisan Nasional dimansuhkan bila kita minta, dia ambil nama... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya bagi laluan pada Yang Berhormat Bachok, Ustaz Nasharuddin Mat Isa.

**Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya mengikuti perbahasan yang kita lihat diulas daripada berbagai-bagai aspek seperti mana yang Rembau juga sedia maklum dalam mana-mana sistem perundangan kita ada yang disebut sebagai *substantive law* dan kita juga ada juga yang disebut sebagai *procedural law*.

Saya rasa dari aspek *substantivenya*, saya rasa tidak ada siapa di antara kita di dalam Dewan ini yang menafikan keperluan kepada penjaga keselamatan negara kita ini daripada sebarang ancaman sama ada dalam, luar, rakyat ahli politik ataupun sebagainya. Ini satu perkara yang kita sepakati bersama. Saya rasa yang timbul isunya dalam undang-undang dibentangkan inilah beberapa aspek *procedural law* yang timbul banyak persoalan dan tanda tanya yang cukup mungkin kita sendiri payah hendak jawab tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam, isu yang berkaitan dengan *standard of prove* ya. Kalau boleh dibawa orang ketiga untuk memberikan kesaksian, di mana dia punya *standard of prove* dalam kes-kes tertentu.

Begitu juga kalau kita lihat aspek yang saya cuba melihat apakah maksudnya yang dan bagaimanakah caranya hendak dilakukan nanti khasnya hal-hal yang berkaitan dengan Bahagian III itu,

tatacara khas yang berhubung dengan peranti pengawasan elektronik. Bagi saya ini adalah sesuatu yang bagi saya menafikan hak kebebasan individu walaupun dia sedang ditahan, walaupun dia sedang dituduh, walaupun dia sedang tertangguh di atasnya satu pertuduhan yang mungkin berat ataupun tidak.

Akan tetapi dengan pengawasan yang begini, bagi saya melihat agak ketinggalan mungkin dari sudut kebebasan seseorang individu untuk bergerak dan menjalani kehidupan sebagai seorang manusia biasa. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok yang bawa kepada penggulungan saya sebenarnya. Kalau Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok dari segi *procedural* apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bachok itu memang tepat sekali ya. Peranti pengawasan elektronik, beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini yang agak luar biasa sedikit dari segi *procedural*.

Akan tetapi kita kena terima hakikat Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dengan izin, *this is not an ordinary law*. Ini bukan rang undang-undang atau akta yang biasa. Ini akta yang tujuannya dua, pertamanya untuk menjaga keselamatan negara kita daripada ancaman pengganas, daripada ancaman yang boleh mempertikaikan *Parliamentary democracy*, demokrasi-demokrasi Parlimen.

Kedua pada masa yang sama mengimbangi kebebasan *civil liberties*. Sudah pastinya undang-undang ini akan ada peruntukan yang agak luar biasa dari segi *procedural aspect*. Salah satu *procedural* aspek yang amat agak luar biasa adalah apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang bahawa kalau kita tengok seksyen 33 - Apabila pendakwaraya memfailkan rayuan terhadap pembebasan itu, pendakwaraya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh itu sementara menunggu beresnya rayuan itu.

Maksudnya tidak perlu minta reman sebelum orang itu ditangkap semula. Ini keistimewaan kes-kes ini. *Because this is not ordinary criminal case* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kes yang melibatkan *terrorist*. Ini adalah kes-kes yang melibat *violence terrorist*. *Transnational terrorist organization* kalau sekiranya kita melepaskan mereka tidak pasti kita akan dapat tangkap mereka semula untuk rayuan, apabila rayuan dibuat. Oleh sebab itu kita beri beberapa kelonggaran walaupun dari segi *procedural* aspek agak luar biasa, amat luar biasa dan sebagainya tetapi kita bagi kelonggaran tersebut atas *priority*, *our aulawiyat* keselamatan negara. Itu yang menjadi keutamaan di sini di samping kita mengimbangi dengan apa yang kita sebut sebagai *civil liberties*...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Yang Berhormat Shah Alam saya hendak menggulung jadi nanti dalam perbahasan ya. Jadi apa yang saya hendak nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah kita ada seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri lindung jamin. Kalau kita tidak puas hati dengan *procedural aspects of the* rang undang-undang, undang-undang ini yang dikatakan bahawa terlalu menyekat, terlalu sekat, tidak menghormati dan sebagainya, kita ada Jawatankuasa Pemantauan yang terdiri ahlinya daripada SUHAKAM, Presiden Majlis Peguam yang boleh mengawal selia perjalanan rang undang-undang ini bila jadi akta.

Jadi kalau dari segi *procedural* kita rasa bahawa terlalu zalim, terlalu sekat dan sebagainya, kita boleh buat *administrative reform*, pindaan dan juga pembaharuan dari segi pentadbiran. Ataupun pindaan kepada akta ini untuk memastikan bahawa akta ini dari segi spirit, dari segi semangatnya dan dari segi *letter*, dari segi apa tersurat adalah satu akta yang menepati tuntutan *civil liberties*.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita rasa kita berdiri pada hari ini untuk meluluskan sebuah undang-undang yang saya rasa membawa satu *historic change*, satu perubahan yang bersejarah kepada negara kita. Saya mengakhiri ucapan saya mengambil ungkapan daripada seorang Presiden Amerika Syarikat yang dikenali antaranya sebagai bapa kepada *civil liberties*. Seorang yang telah berjuang untuk memastikan bahawa negara Amerika Syarikat terus diasaskan di atas kebebasan dan *civil liberties* ataupun kebebasan hak asasi setiap individu.

#### ■1210

Apabila Presiden Abraham Lincoln pada tahun 1861, berdepan dengan Perang Saudara (*Civil War*), Presiden Abraham Lincoln dikenali sebagai Bapa Kebebasan (*Civil Liberties*) Amerika Syarikat, telah mengambil langkah yang amat-amat luar biasa iaitu untuk menggantung *habeas corpus*. *Habeas Corpus* adalah batu asas (*corner stone*) kepada perundangan dan *jurisprudence* yang kita memahami pada hari ini.

Akan tetapi Presiden Lincoln dalam keadaan Perang Saudara di dalam Amerika Syarikat telah mengambil langkah untuk menggantung *habeas corpus*. *Suspend the writ of habeas corpus*. Apa yang kita buat pada hari Tuan Yang di-Pertua, tidaklah *extra ordinary* seperti mana kita menggantung *habeas corpus*. Sebenarnya kita pulangkan semakan kehakiman dalam rang undang-undang pada hari ini. Akan tetapi kalau sekiranya pembangkang bangkit dan menyoal dan mengkritik bagaimana isu-isu *procedure of standard of proof* dan sebagainya berbeza daripada undang-undang biasa.

Saya hendak nyatakan di sini bahawa di Amerika Syarikat itu sendiri, Presiden Lincoln telah *suspend habeas corpus*. Satu perkara asas dalam *jurisprudence*. Dalam *jurisprudence* itu sendiri telah digantung dan apabila diberi keterangan kepada Dewan Rakyat Amerika Syarikat kepada Kongres Amerika Syarikat. Presiden Lincoln telah menyebut dalam ucapan beliau mempertahankan keputusan untuk menggantung seketika *writ of habeas corpus* pada tahun 1861, beliau sebut, “*All are the laws, but one to go unexecuted and the government itself to go to pieces, lest that one be violated. Even in such a case, would not the official oath be broken if the government should be overthrown when it was believed that this regarding the single law would tend to preserve it?*”

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, di sini adalah apabila kita berdepan dengan satu keadaan, kita hendak mempertahankan *civil liberties* tetapi kita tidak dapat memperkenalkan beberapa peruntukan *procedural* yang agak luar biasa. Akan tetapi akhirnya apa yang akan jadi sekiranya kerajaan kita tidak ada lagi. Negara kita sudah tidak ada lagi, hancur, kerajaan kita diguling. *What civil liberties are you talking about*, dengan izin, apabila *there is no nation to speak off*.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita sama-sama dapat menyokong rang undang-undang ini. Rang undang-undang yang bersejarah yang melakar dalam sejarah negara kita

sebagai satu rang undang-undang yang menepati janji, membawa transformasi politik seperti mana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kalau saya tanya Yang Berhormat, saya belum buat keputusan. Ada 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16. Kita ada tujuh jam lagi Yang Berhormat. Kalau saya hadkan setengah jam cukup atau tidak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, 20 minit cukup.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Okey, selepas Yang Berhormat Bagan, saya hadkan kepada apa yang Timbalan *Backbenchers* itu sarankan, 20 minit.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Masa 30 minit, 30...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Akan tetapi saya – tunggu dahulu Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat. Saya punya percakapan belum habis Yang Berhormat. Saya bagi peluang Yang Berhormat Bagan, selepas itu seorang wakil dari PAS – 30 minit dan juga daripada BEBAS, satu orang wakil 30 minit. Mana yang lain itu 20 minitlah, selepas itu. Boleh Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Boleh. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Bagan.

#### 12.14 tgh.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan pemansuhan Akta Keselamatan dalam Negeri, maka berakhirlah satu era penindasan rakyat oleh Kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]* Berakhirlah satu sejarah hitam buat negara kita di mana sepanjang 52 tahun pelaksanaan ISA dijangka lebih 10 orang mangsa telah ditahan tanpa bicara di bawah akta tersebut.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, adakah kita rakyat harus rasa gembira? Saya rasa ini bukannya masa untuk diraikan kegembiraan dengan membaca Al-Fatihah kepada ISA kerana ia masih belum benar-benar meninggalkan tanah air Malaysia. Di samping itu keengganan Kerajaan Barisan Nasional mengambil tanggungjawab ke atas kezaliman yang diperlakukan ke atas mangsa-mangsa ISA, tidak meminta maaf secara terbuka ke atas tahanan tanpa bicara yang melanggar segala asas perikemanusiaan serta lunas undang-undang hak asasi manusia dan *due process*. Sesetengah mangsa yang tidak bersalah mahupun berdosa terdiri daripada seorang Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Ketua Pembangkang, aktivis sosial dan rakyat biasa.

Apakah kesalahan mereka sehingga boleh memudaratkan keselamatan negara selain daripada menentang pemimpin Barisan Nasional yang rasuah dan mengugat monopoli kuasa rakus Barisan Nasional daripada terus menindas rakyat. Apakah kesalahan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang, Karpal Singh, Mat Sabu yang selama ini menegakkan kedaulatan undang-undang dan Sistem

Perlembagaan Beraja sehingga perlu meringkuk dalam tahanan di bawah ISA tanpa bicara dan dituduh melakukan kesalahan dengan sewenang-wenangnya tanpa bukti langsung.

Malah mereka yang buat tuduhan palsu bukan sahaja tidak dikenakan tindakan sebaliknya dinaikkan pangkat ke jawatan yang tinggi. Sebagai seorang bekas orang tahanan ISA, saya tahu secara peribadi daripada pengalaman pahit macam mana ISA disalahgunakan. Ketika saya di tahan dalam Operasi Lalang dalam tahun 1987 saya hanya berumur 26 tahun dan baru dipilih sebagai Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka. Dalam umur yang begitu mentah ini, saya dituduh mengancam keselamatan negara... *[Disampuk]* Sehingga boleh mencetuskan negara menjadi huru-hara sekiranya saya masih bebas.

Kalau mengikut logik yang tuntas, logik yang *perverse* ini, kalau ikut logik yang sumbang ini, sekarang dengan umur yang menjangkau 52 tahun, bukankah saya lagi '*mengancam*'. Proses 60 hari *solitary confinement* sukar dilalui kerana nyawa kita terletak di bawah tangan seorang, dua pegawai polis yang boleh buat apa-apa pun secara suka hati ke atas saya. Saya dipersoalkan mengapa menentang Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Adakah saya mahu dibebaskan dengan syarat saya mengaku atau bertaubat di depan kaca mata televisyen bahawa saya terlibat dalam kegiatan *subversive* dan juga dianiyai secara mental.

Saya diletakkan di dalam sebuah bilik berwarna biru tanpa cermin dengan sebuah kipas tidak bergerak, dengan empat cangkuk besar. Kononnya untuk menggantung orang-orang tahanan di atas kipas tersebut. Saya tidak dibenarkan tidur lebih 24 jam dengan dipaksa duduk di atas bangku dengan pegawai polis berteriak ke dalam telinga saya setiap kali saya hendak mengantuk untuk memaksa saya sedar dan bertaubat.

Saya sudah kira bernasib baik Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak dipukul dan dibelasah dengan ganas macam berlaku ke atas Yang Berhormat Ketua Pembangkang sehingga hampir separuh nyawa. Begitu juga ramai rakan-rakan lagi yang diseksa dan dianiyai dengan begitu zalim sekali. Sebagai peneraju dan pewaris ISA, adakah Barisan Nasional bersedia meminta maaf secara terbuka ke atas semua mangsa-mangsa kezaliman... *[Tepuk]*

Selagi Barisan Nasional enggan berbuat demikian, susah untuk menemui penutupan ataupun *closure* dan menimbulkan keraguan bahawa pemansuhan ISA hanya satu permainan silap mata untuk menyembunyikan muslihat jahat Barisan Nasional untuk meneruskan ISA dalam bentuk dan rupa lain.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *That is to continue the ISA in the different guise and form*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengingati bahawa ISA ini sebenarnya telah diwujudkan sebagai langkah pencegahan komunis di Malaya dan kemudiannya Malaysia pada zaman darurat.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman sendiri telah berkata bahawa, "*ISA yang telah diperkenalkan pada tahun 1960 telah dirancang untuk digunakan semata-mata untuk melawan komunis. Saya dan para Jemaah Menteri saya telah berjanji kepada*

*Parlimen dan kepada negara bahawa kuasa besar yang diberi kepada kerajaan di bawah ISA tidak akan digunakan untuk menyekat pembangkang yang sah”.*

Sekiranya apa yang diucapkan oleh Bapa Kemerdekaan kita ini benar, maka ISA sepatutnya dimansuhkan selepas tamatnya pemberontakan senjata komunis secara rasmi pada tahun 1989 dengan perjanjian damai di antara Parti Komunis Malaya dengan Ketua Polis Negara pada masa itu, Tan Sri Rahim Noor, yang ditandatangani pada 2 Disember 1989 di Hatyai. Ini kerana tujuan utama undang-undang ISA yang diperkenalkan sudah tidak lagi relevan apabila perjanjian damai ditandatangani.

■1220

**Seorang Ahli:** Singapura lagi ada.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tanpa ada lagi ancaman komunis, ISA seharusnya dikuburkan. Namun, ISA diteruskan sebagai satu senjata ke atas musuh politik Barisan Nasional, ke atas mereka yang menentang BN secara aman dan berlandaskan perlombagaan. Sejarah hitam ISA harus dikuburkan buat selama-lamanya dan ini tidak akan berlaku selagi kerajaan tidak mengambil langkah untuk meminta maaf dan memberi jaminan bahawa undang-undang kuku besi seperti ISA tidak akan diulangi lagi mahupun secara langsung atau tidak langsung. Selagi kerajaan tidak meminta maaf, hantu ISA akan membayangi legasi kita semua. Ini jelas tertera secara langsung dalam tiga rang undang-undang yang dibentangkan untuk menggantikan ISA iaitu Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), Kanun Tatacara Jenayah dan Kanun Kesekeamanan.

Hakikat ini dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dua hari lepas dengan izin; “*The new law, the security offences special measure replacing the Internal Security Act would not hamper the abilities of the Royal Malaysia Police (PDRM) to protect the safety of the public*”. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, pihak polis masih mempunyai kuasa sama ada wujud atau tidaknya ISA seperti mana yang termaktub dalam perkara 149, Perlombagaan Persekutuan yang membolehkan sesiapa ditahan untuk tujuan apa jua pun. Rang undang-undang ini pada permulaannya telah menyebut bahawa tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia sebagaimana yang disenaraikan. Siapakah kumpulan besar itu dan apakah tindakan yang telah diambil dan yang diancam?

Saya rasa bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah diberitahu terhadap kumpulan-kumpulan manakah rang undang-undang ini ditujukan kerana hanya selepas itu bolehlah Dewan yang mulia ini meneliti dengan baik rang undang-undang ini. Pada mukadimah rang undang-undang ini disebut bahawa dengan izin; “*Action has to been taken and further action is threatened to procure the alteration otherwise than by lawful means of anything by law established*”. Ini adalah satu contoh penggubalan undang-undang secara *cut and paste*, sepatutnya ‘anything’ itu hendaklah merujuk kepada sesuatu atau *something* yang sudah diketahui. Ancaman yang dirujuk adakah ia benar-benar wujud atau hanya satu khayalan kerajaan sahaja atau satu *loophole* untuk membolehkan semua keadaan diambil kira supaya boleh menangkap sesiapa yang kerajaan mahu tahan.

Rang undang-undang ini dicadangkan untuk di gubal di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan undang-undang khas diperbuat bagi tujuan menentang tindakan subversif walaupun undang-undang itu bertentangan dengan hak asasi manusia yang dijanjikan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Piagam Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita semua tahu bagaimana lagi satu akta yang digubal di bawah Perkara 149 yakni ISA yang sepatutnya bertujuan menentang kempen keganasan parti komunis Malaya tetapi telah disalahgunakan oleh kerajaan Barisan Nasional untuk menzalimi dan menganiayai rakyat Malaysia yang tidak bersalah semata-mata kerana mereka menentang Barisan Nasional.

Janji, kalau janji Allahyarham Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tuanku Abdul Rahman boleh dibuang dengan sebegitu sekali. Saya rasa kita kurang yakin bahawa kerajaan BN yang sekarang gila untuk kekal kuasa akan menepati janji mereka. Sebenarnya Perkara 149 pada asalnya hanya membenarkan undang-undang khas diperbuat untuk setahun sahaja. Jika ia tidak dilanjutkan setiap tahun, maka undang-undang khas itu seharusnya luput. Demikianlah perlindungan yang wujud di bawah perlembagaan zaman merdeka tetapi Kerajaan Perikatan pada masa itu dan Barisan Nasional telah meminda perlembagaan kita untuk menghapuskan perlindungan hak-hak rakyat. Jika kerajaan benar-benar patuh kepada semangat perlembagaan dan hak-hak rakyat, rang undang-undang ini harus dipinda supaya ia luput jika tidak diperbaharui setiap tahun oleh Parlimen.

Fasal 4, rang undang-undang membenarkan pihak polis untuk menahan seorang bagi tempoh selama 28 hari tanpa bicara dan tanpa dibawa ke hadapan majistret. Fasal ini amat bahaya. Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah tanpa kelengahan yang tidak munasabah dan walau bagaimanapun dalam tempoh 24 jam dibawa ke hadapan majistret dan orang itu tidak boleh ditahan dalam jagaan selanjutnya tanpa kebenaran majistret itu.

Melalui fasal 4 ini, hak asasi yang dijamin oleh Perkara 5(4), Perlembagaan Persekutuan adalah dirampas dan dicabuli. Jika mana-mana orang boleh ditahan selama 28 hari tanpa dibawa ke hadapan majistret, manakah jaminan bahawa orang itu tidak akan dibelasah dan diseksa polis selama tempoh ini. Siapakah yang boleh ditahan, diseksa selama 28 hari? Dalam masa sebulan, orang tahanan boleh dibelasah sampai lebam dan selepas itu ditahan sehingga legam budak itu. Kalau kita lihat Teo Beng Hock satu malam sudah hilang nyawa... *[Tepuk]* Sehingga hari ini untuk kes Teo Beng Hock tidak ada seorang pun didakwa kerana menyebabkan kematian beliau... *[Tepuk]* Sama juga dengan kes Ahmad Sarbani pegawai kastam, sama juga dengan A. Kugan tidak ada sesiapapun didakwa. Adakah ini keadilan yang dijanjikan oleh Barisan Nasional? Kalau inilah janji yang ditawarkan oleh Barisan Nasional sudah sampai masa kita ubah kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Sekurang-kurangnya seseorang yang ditahan patut dibawa ke hadapan majistret selepas 24 jam pertama dan selanjutnya selepas setiap tujuh hari yang berlalu. Mengapakah kerajaan dan pihak polis begitu takut membawa orang tahanan ke hadapan majistret. Bagaimanakah hak asasi manusia yang dijamin oleh perlembagaan boleh diketepikan dengan begitu senang dan mudah sekali. Bagi orang

tahanan yang mampu mendapat perwakilan peguam dan mampu menyaman pihak polis, memang tindakan mahkamah boleh diambil terhadap polis sekiranya kuasa tahanan disalahgunakan. Namun, realitinya lokap dan penjara-penjara di seluruh negara kita penuh dengan orang tahanan termasuklah pemuda-pemuda bawah umur yang tidak mampu mendapat perwakilan undang-undang. Oleh sebab itu, penyeliaan Badan Kehakiman adalah mustahak.

Sekali lagi saya ingin tanya, mengapakah Kerajaan Barisan Nasional dan pihak polis begitu takut membawa orang tahanan ke hadapan majistret. Tanpa penyeliaan Badan Kehakiman. Kami rasa bahawa pihak polis boleh melanjutkan tempoh tahanan orang tahanan selepas akhir 28 hari dengan membebaskan dan menahan semula orang tahanan itu selepas setiap 28 hari seperti yang sering dilakukan di bawah ISA. Dengan ini tempoh tahanan itu boleh dilanjutkan bertahun-tahun tanpa had. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa tempoh tahanan 28 hari itu tidak boleh dilanjutkan secara membebaskan dan menahan semula orang tahanan.

Bahagian IV rang undang-undang ini memberi kuasa kepada pendakwaraya berkenaan dengan kes-kes yang melibatkan maklumat sensitif. Pentakrifan maklumat sensitif ini amat luas dan merangkumi apa-apa dokumen maklumat dan bahan yang berkaitan dengan Jemaah Menteri dan jawatankuasanya atau yang menyentuh kedaulatan, keselamatan negara, pertahanan, ketenteraman awam dan hubungan antarabangsa sama ada bahan itu dikelaskan sebagai rahsia atau tidak. Pentakrifan ini adalah terlalu luas dan nampaknya adalah bertujuan melindungi kepentingan kerajaan dan bukan kepentingan awam atau kepentingan negara. Keperluan menjamin keadilan perbicaraan tidak disebut sama sekali dalam bahagian ini. Yang Berhormat Menteri patut menjelaskan sama ada mahkamah mempunyai budi bicara untuk menolak permohonan pendakwaraya di bawah fasal 8 jika perlu untuk menjamin keadilan perbicaraan. Ini hanyalah satu contoh peruntukan dalam rang undang-undang ini yang tidak adil dan kurang wajar.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat secara keseluruhan, semua peruntukan rang undang-undang ini jelas bertujuan untuk membolehkan kerajaan menyabit dan menyerahkan sesiapa sahaja atas kesalahan keselamatan dengan bukti yang direka cerita.

Fasal 8 rang undang-undang ini membolehkan pendakwaraya menyembunyikan fakta-fakta yang menunjukkan bahawa orang yang dituduh itu tidak bersalah atas alasan maklumat itu sensitif. Fasal 14 membolehkan bukti diterima daripada saksi yang menyembunyikan identitinya daripada pihak tertuduh. Fasal 18 membolehkan pernyata yang kononnya dibuat oleh orang yang mati, hilang atau tidak hadir ke mahkamah diterima sebagai bukti.

Fasal 19 pula membolehkan orang dituduh disabitkan kesalahan atas testimoni kanak-kanak yang tidak disokong. Fasal 20 membolehkan apa juga dokumen yang kononnya disita oleh polis walaupun secara menyalahi undang-undang diterima sebagai bukti. Fasal 22 membolehkan senarai dokumen atau benda yang kononnya disita oleh polis diterima sebagai bukti kewujudan dokumen atau benda itu walaupun dokumen atau benda itu tidak boleh dikemukakan di mahkamah. Fasal 23

membolehkan ekshibit yang dikatakan sensitif tidak dikemukakan di mahkamah tanpa menjelaskan kes pendakwaan.

Kesemua ini memberikan gambaran bahawa prinsip asas keterangan undang-undang bolehlah diketepikan. Ini memberikan kuasa apa yang saya anggap sebagai kuasa mutlak kepada pendakwaraya untuk memperkenalkan apa-apa keterangan tanpa sebarang semakan undang-undang yang telah ditetapkan sebelum ini untuk mendapati seseorang itu bersalah.

Kalau kita lihat Fasal 25 membolehkan apa jua dokumen yang dibuat dengan komputer diterima sebagai bukti bersama dengan Fasal 26 membolehkan testimoni rakan sejenayah dan polis yang memprovokasi tindakan kesalahan itu diterima sebagai bukti. Kalau ini dibolehkan mengapakah untuk kes rasuah, dalam kes provokasi tidak pula dibenarkan. Saya harap kalau kita lihat ancaman kepada negara bukan sahaja dari segi keselamatan awam tetapi juga dari segi rasuah. Kalau semua ini boleh dibenarkan di bawah Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan, saya rasa prinsip-prinsip yang sama harus diterima pakai ke atas kes-kes rasuah kerana ia juga memudaratkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 dan 30 membolehkan orang dituduh, ditahan bertahun-tahun walaupun ia belum disabitkan kesalahan atau didapati tidak bersalah oleh mahkamah sehingga habis rayuan terakhir. Sungguhpun hak orang yang ditahan boleh menuntut perbicaraan selepas 28 hari tetapi berkemungkinan tidak dapat menikmati kebebasan kerana Fasal 30(1) menyatakan boleh terus direman dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difailkan terhadap pembebasan tertuduh itu oleh pendakwaraya dan semua proses undang-undang ditamatkan.

Ini adalah satu *carte blanche* kepada pihak Kerajaan BN kerana kalau hanya dengan rayuan secara lisan, seseorang itu mesti terus direman, bukankah ini bertopengkan ISA?... [Tepuk] Ini kerana seseorang penahanan ini boleh diteruskan hanya dengan permintaan atau pun permohonan lisan daripada pendakwaraya dan ia boleh direman kalau proses pendengaran itu mengambil masa yang lama. Ini mungkin bertahun-tahun. So, apa bezanya dengan ISA? Saya rasa ini yang saya sebut tadi satu permainan silap mata dan kita bertanggungjawab sebagai Ahli Parlimen untuk membongkar dan mendedahkan permainan silap mata ini.

**Beberapa Ahli:** Ya... [Tepuk]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri juga perlu jelaskan apakah kaitan khas antara kesalahan keselamatan dan testimoni kanak-kanak. Apakah saksi yang berkaitan dengan kesalahan keselamatan sering mati atau hilang. Jangan-jangan diletupkan dengan C4. Kalau dibandingkan dengan kes-kes yang lain, apakah cetakan dari komputer lebih boleh dipercayai dalam kes kesalahan keselamatan. Mengapakah kes kesalahan keselamatan harus lebih senang dibuktikan jika dibandingkan dengan kes bunuh atau kes rogol. Ini semua menunjukkan bahawa undang-undang di negara kita akan disalahgunakan bukan untuk melindungi rakyat tetapi untuk melindungi Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Peguam Malaysia juga telah menyatakan kebimbangan mereka terhadap rang undang-undang ini termasuk sama ada rang undang-undang ini patut digubal di bawah

Perkara 149. Jika syarat-syarat perlindungan memadai, definisi kesalahan keselamatan yang terlalu luas, kekurangan pengawasan kehakiman atas penahanan serta penyekatan atas komunikasi, kekurangan perlindungan atas komunikasi peguam dan pelanggan dan yang paling penting sekali keberlainan dengan peraturan-peraturan biasa berkaitan dengan perbicaraan jenayah.

Selagi bayang-bayang, sisa-sisa dan saki baki ISA masih wujud dalam Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012 dan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 maka ia tetap akan mewujudkan ketakutan di kalangan orang ramai terhadap kerajaan yang bersedia menggunakannya untuk niat dan hasrat politik mereka, macam Akta Perhimpunan Aman, saya rasa sebenarnya untuk mengehadkan dan menyekat kita dari berhimpun secara aman. Ini pun serupa. Kalau dari luar nampaknya hendak mansuhkan ISA tetapi sebenarnya ia diteruskan dalam bentuk dan rupa yang lain. Indah khabar dari rupa.

Masih lagi menimbulkan keresahan dan ketakutan di kalangan rakyat bahawa kerajaan masih boleh dengan sewenang-wenangnya menangkap dan menahan mereka. Saya hendak memetik daripada seorang Presiden Amerika dan saya rasa untuk sesbuah kerajaan yang menyatakan bahawa era kerajaan tahu segala-galanya telah tamat. Rakyat yang mesti, suara rakyat, suara keramat yang mesti didengar. Saya rasa kita harus mendengar baik nasihat daripada Presiden Amerika ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua *"When the people fears the government, there is tyranny, when the government fears the people, there is liberty"...* [Tepuk]

Kalau Kerajaan Barisan Nasional hendak memberikan kebebasan kepada rakyat, jangan timbulkan ketakutan dan keresahan di kalangan rakyat dengan tiga rang undang-undang ini yang tidak lain, tidak bukan adalah suatu rupa dan bentuk ISA. Saya harap dengan terus menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat tidak ada kebebasan yang sebenarnya. Lebih-lebih lagi hanyalah kebebasan palsu. Barisan Nasional akan terus menimbulkan keresahan dengan kuasa rakus di bawah undang-undang sedemikian.

Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak bermakna kerana kuasa tahanan luasnya digantikan dengan tiga rang undang-undang yang saya sebutkan tadi. Oleh itu Parti DAP menyokong pemansuhan ISA tetapi menentang kesemua tiga rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini kerana ketiga-tiga rang undang-undang ini tidak akan membebaskan kita tetapi akan terus menyekat kebebasan kita.

#### ■1240

Tidak akan memastikan tahanan tanpa bicara tidak dibenarkan tetapi akan terus membenarkan tahanan tanpa bicara diteruskan. Apa yang penting sekali kalau sebut untuk menghalang sebarang peristiwa keganasan berlaku nyatakan dengan jelas. Untuk *terrorism* saya rasa kita tidak ada masalah tetapi nyatakan dengan jelas mengapa masih bergantung kepada Perkara 149 yang begitu luas sekali. Sehingga sesiapa pun boleh ditahan termasuk ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh lupa peristiwa, kalau di kalangan Ahli-ahli Pembangkang ditahan ini memang

diduga. Bila kita menyertai parti pembangkang ini memang diduga tetapi kalau undang-undang ini boleh diperluaskan sehingga musuh-musuh pemimpin pada masa itu pun boleh ditahan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang bekas Timbalan Perdana Menteri pun tidak terlepas. Saya rasa ini menunjukkan betapa bahayanya kalau kita memberikan kuasa mutlak seperti ISA kepada pemimpin-pemimpin yang mahu mengekalkan kuasa mereka.

Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau benar-benar komited, kalau benar-benar jujur, kalau benar-benar ikhlas untuk menjalankan transformasi politik. Bukanlah sekadar memansuhkan ISA dan menggantikannya dengan tiga rang undang-undang baru. Saya rasa komitmen ini hanya akan dipercayai dan diyakini oleh rakyat sekiranya beliau membuatnya secara menyeluruh. Adakanlah satu Suruhanjaya Diraja untuk meneliti semua undang-undang. Jangan hanya pilih satu lepas ini pergi kempen dekat kampung dekat pekan bahawa tengok, "*Saya adalah jaguh demokrasi.*" Kita mahu satu Suruhanjaya Siasatan Diraja yang merangkumi semua aspek kerana kami amat kesal...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sila.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bagan. Saya ingat hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Bagan cadangan daripada Ketua Pembangkang tadi bahawa rang undang-undang ini patut dibawa kepada satu PSC untuk dibahas dahulu di kalangan Ahli Parlimen. Ini kerana ianya merupakan satu langkah yang besar, satu perkara yang penting. Kita hendak menentukan bahawa ISA itu dimansuhkan dan tidak digantikan dengan undang-undang yang sama zalim ataupun yang tidak menyelesaikan masalah asasi yang terdapat di dalam ISA. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan berhubung cadangan itu? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam saya rasa sebagai permulaan ia memang satu langkah yang tepat dan wajar. Akan tetapi kalau kita hendak lihat secara holistik saya rasa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja diadakan untuk meneliti semua undang-undang supaya kita selaras dengan Piagam Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu, kita selaras dengan keperluan undang-undang yang memberikan hak asas iaitu *we should be tried before your peers* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa kita kurang yakin kerana sebagai satu contoh, mengapakah sehingga hari ini IPCMC yang telah dicadangkan oleh satu Suruhanjaya Siasatan Diraja di bawah bekas Perdana Menteri sehingga hari ini belum ditubuhkan. So, itulah sebabnya kita kurang yakin ke atas semua janji-janji yang dibuat bahawa jaminan diberikan kepada rakyat. Ini kerana rekod Barisan Nasional selama 50 lebih tahun ini ialah janji-janji ini semua tidak dilaksanakan.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi meminta bahawa kita memansuhkan ISA. Jangan gantikan dengan tiga rang undang-undang baru ini yang hanya mengongkong dan menyekat dan mengekang hak kebebasan rakyat Malaysia. Lihatlah anak-anak muda kita khususnya mereka yang dengan berani menentang kebebasan dan sekarang berkumpul di Dataran Merdeka. Ingatlah, lihatlah ini adalah masa depan kita. Kita harus memberikan mereka keyakinan dan harapan. Malaysia akan lebih

baik daripada yang kita alami sebelum ini. Saya sebagai seorang bekas tahanan ISA, saya tidak mahu lihat mana-mana anak-anak muda kita menghadapi apa yang kita terpaksa lalui. Ini kerana ini adalah sejarah hitam yang harus menjadi bahan sejarah. Kalau ia tidak dikuburkan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ia akan menghantui generasi yang akan datang dan akan mencacatkan usaha kita untuk menjadi sebuah negara maju dan mempunyai pendapatan yang tinggi.

Dengan ini saya meminta sekali lagi saya menyokong, bagi Parti DAP saya menyokong pemansuhan ISA tetapi menentang ketiga-tiga rang undang-undang ini. Sekian terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat Pasir Mas.

#### **12.46 tgh.**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 sebagai rang undang-undang yang akan menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini di waktu kerajaan pada awalnya ura-ura berhasrat untuk meminda ISA bukan memansuhkan saya turut memberi sokongan sebagai langkah penambahbaikan kepada undang-undang ISA. Akan tetapi hari ini ISA langsung ataupun dimansuhkan sepenuhnya dan digantikan dengan undang-undang baru. Prinsip undang-undang yang baru ini dan di mansuh ISA ialah mengenai dengan preventif /law iaitu Akta ISA yang dahulunya bertujuan untuk pencegahan, *prevention is better than cure* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini juga sebagai bekas tahanan ISA sebanyak dua kali. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat Bagan bukan main lagi menyerang Akta ISA sehingga menuntut kerajaan meminta maaf dan sebagainya dan menaruh keraguan terhadap akta yang baru ini. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas tahan ISA dua kali, kerajaan tidak perlu meminta maaf terhadap pelaksanaan ISA sebelum ini. Ini kerana pada pandangan saya negara kita selamat, aman dan maju setakat hari ini ialah kerana wujudnya ISA. Itu perkara yang pertama.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan juga di sini...

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya juga hendak menyebut di sini Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang...

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Ipoh Timur tungggulah.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tanpa bicara hari ini Malaysia sudah mansuh ISA. Langkah berani Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Sanggup mengambil risiko kerana hendak mendaulat demokrasi dan hak asasi manusia. Akan tetapi kita semua tahu Yang Berhormat Bagan tahu...

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** [Bangun]

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Nanti sekejap. Yang Berhormat Bagan tahu. Singapura sampai hari ini belum lagi memansuhkan ISA. Saya hendak cabar Yang Berhormat Bagan buat kenyataan terbuka, Parti DAP buat kenyataan terbuka minta Singapura mansuhkan ISA sebagaimana dilakukan oleh Malaysia.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Mana dia berani.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Buat kenyataan sebab Singapura kita tengok ianya aman tidak ada demonstrasi jalanan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua kita cabar supaya DAP...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh buat penjelasan?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tidak payah belum boleh berucap sebab masa tidak ada.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Pasir Mas mesti tahu Singapura disingkir oleh SI kerana ISA.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua kalau ada lepas ini masa saya bagi. Lepas ini saya bagi kalau ada masa. Tuan Yang di-Pertua, saya cabar DAP buat kenyataan minta Singapura mansuhkan ISA seperti Malaysia. Ini sebab kita tahu Singapura adalah *godfather* kepada Ketua Menteri Pulau Pinang dan *godfather* kepada DAP. Ketiga, kita tahu peristiwa 13 Mei siapa yang mencetuskan peristiwa 13 Mei. Siapakah yang membakar bendera Malaysia? Siapakah yang memijak Perlembagaan Negara Malaysia kalau tidak di kalangan pimpinan DAP?

■1250

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya, sila Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Pasir Mas, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Pasir Mas setuju dengan cadangan supaya parti Yang Berhormat Bagan ini, parti DAP ini minta maaf dulu kepada rakyat Malaysia atas perlakuan biadab dan kurang ajar mereka mencetuskan peristiwa 13 Mei yang tercatat dalam rekod sejarah bagaimana mereka menghina, memperlekehkan bangsa Melayu dengan panggilan, "*malaise mampus Melayu*", dengan menghina polis Melayu, dengan menghina anak-anak Melayu, menghina orang Melayu di Kampong Bharu dan lain-lain. Bukankah itu sikap yang telah mencetuskan huru-hara yang mencetuskan peristiwa 13 Mei?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bohong lagi.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Dan sepatutnya Yang Berhormat Bagan minta maaf dulu, DAP minta maaf dulu. Yang Berhormat Taiping kurang ajar memaki Menteri Besar Perak dengan kenyataan, "*Menteri Besar black metallic haram jadah*". Bukankah ini kenyataan-kenyataan yang menghina orang Melayu? Patut mereka minta maaf dulu! Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Mas?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Setuju seribu *percent*. Saya minta pandangan Yang Berhormat Kulim Bandar Baru dijadikan sebahagian daripada ucapan saya. Memang tepat sebab kelakuan-kelakuan dan tindakan mereka selama ini, merekalah rasis.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Merekalah melakukan macam-macam tapi mereka menuduh pihak lain. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Singapura yang mengekalkan ISA atau perbicaraan tanpa bicara, saya nak sebut di sini, *United State of America* atau Kerajaan Amerika...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Nanti dulu. Undang-undang USA *Patriot Act 2001*, *Homeland Security Act 2002*; Australia ada *Terrorism Act 2005*; Tanzania, *Tanganyika Preventive Detention 1962*; Brunei, *International Security Act 1983*; India, *National Security Act 1980*; United Kingdom, *Terrorism Act 2000*; Thailand, *Act on International Security 2008*; Bangladesh, *Special Power Act 1994*; Iceland, *Prevention of Crime Act 1908*; Ghana, *Preventive Detention Act 1958*; Uganda, *Habitual Criminal Preventive Detention Act 1951*; Timor Leste, *Internal Security Act 2003*; South Korea, *National Security Act*; Macau, *National Security Law*; Bahrain, *State Security Law 1974*; Israel, *Emergency Power Detention Law*; Sri Lanka, *Prevention of Terrorism Act 1982*. Ini undang-undang yang saya buat kajian yang ada *detention without – preventive law* iaitu tahanan tanpa bicara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya pada awal-awal lagi, memang *reserve*. Kalau tanya saya secara ikhlas, saya memang tidak senang hati dengan pemansuhan Akta ISA di mana dalam akta baru ini sudah tidak ada lagi apa yang dikatakan tahanan tanpa bicara. Akan tetapi kerajaan telah mengambil langkah yang berani tapi ini pun tidak dihargai. Sebenarnya mereka terkejut dengan keputusan kerajaan, dengan keputusan Perdana Menteri nak memansuhkan ISA. Mereka terkejut kerana mereka tidak dapat lagi menjanjikan ini sebagai suatu agenda politik, satu kempen politik nak mengatakan bahawa Malaysia ini ada undang-undang yang zalim, tahanan tanpa bicara dan seumpamanya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Bagan lupa Tuan Yang di-Pertua, waktu dia kata dia kena tahan ISA tahun 1987 dahulu, dia kata dia kecil lagi. Sebenarnya pada waktu itu Ketua Pembangkang dalam kerajaan. Ketua Pembangkang sebahagian daripada Kabinet yang membuat keputusan pada waktu itu yang menahan beliau. Tadi dia pula kata bekas Timbalan Perdana Menteri pun kena ISA. Jadi ini semua retorik politik.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, anak-anak muda dan rakyat harus tahu tidak ada perkara yang paling berharga daripada segi mempertahankan keamanan negara. Kita tengok apa yang berlaku di Mesir, di Tunisia, Yaman, Pakistan, Afghanistan even di selatan Thailand, di mana-mana sahaja kita lihat keadaan tidak selamat tapi Malaysia, dalam ancaman macam-macam berlaku dalam negara tetapi masih lagi di tangga ke-19 negara yang paling selamat di dunia. Jadi undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua,

bila dimansuhkan ISA, tak ada lagi tahanan tanpa bicara. Saya bimbang, so saya bagi *benefit of the doubt*...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Pasir Mas, sini.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya tak ada masa ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *Just seminit. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan ahli-ahli PERKEMAS dari kawasan Parlimen Padang Serai... [Tepuk]*

Yang Berhormat Pasir Mas, saya mengambil peluang ini mengatakan bahawa bukan sahaja unsur-unsur keganasan tetapi unsur-unsur sogokan juga amat bahaya untuk negara di mana saya sendiri empat lima kali saya boleh membuktikan dan saya cabar mana-mana Ahli Parlimen dari PKR untuk turut serta ke balai polis sekiranya mereka ini ingkar untuk membuat laporan polis terhadap...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...Cubaan sogokan oleh Ketua Pembangkang kepada saya supaya mendiamkan diri daripada bercakap dalam Parlimen.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya setuju dan masukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi kepada golongan kaum muda dan rakyat Malaysia, bila disebut soal demokrasi, hak asasi, memanglah, tetapi kita tahu mana ada demokrasi mutlak. Hak asasi pun ada dia punya peraturannya tambah lagi bagi orang Islam. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini, selepas seseorang itu ditangkap kerana disyaki cuba mengancam keselamatan negara, dia boleh ditahan lagi selama 28 hari. Selepas 28 hari, kena bawa ke mahkamah. Jadi, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dah beri sedikit gambaran tadi tapi daripada segi administratifnya yang dibangkit oleh pembangkang, itu dia punya pandangan.

Saya punya pandangan Tuan Yang di-Pertua, macam mana nak buktikan di mahkamah seseorang itu nak mengancam keselamatan negara? Soalnya, mengancam keselamatan negara tidak timbul soal siapa dia. Di sini disebut bukan untuk parti politik dan orang-orang politik tetapi sesiapa sahaja yang mengancam keselamatan negara boleh diambil tindakan dan ini diberi jaminan bukan kerana politik. Baik, soalnya kalau pergi ke mahkamah Tuan Yang di-Pertua, hakim seorang. Betul, Perdana Menteri ada sebut dalam pembentangan tadi iaitu hakim-hakim akan diberi pendedahan yang cukup mengenai dengan keselamatan negara. Akan tetapi seorang hakim dan kita tahu mereka yang hendak mengancam keselamatan negara ini, mereka ini memang bijak dan licik.

Kita tengok bagaimana kumpulan-kumpulan ketua-ketua mafia, pengedar-pengedar dadah yang besar-besar, mereka sukar ditangkap. Yang kena tangkap ini yang kecil-kecil, yang kena tangkap ialah yang menagih dadah, pengedar-pengedar kecil. Tauke besar tak kena tangkap sebab kalau nak tangkap kena ada bukti. Malah, kalau dadah itu ada dalam keretanya pun dia boleh lepas di mahkamah sebab dia mengatakan orang yang letak dadah itu – dadah itu bukan dadah dia. Ada pihak lain yang masukkan dadah dalam kereta.

Sama juga analogi dengan rang undang-undang ini. Jadi nak dituduh seseorang nanti mengancam keselamatan negara, apakah bentuk bukti yang hendak dibawa oleh pihak pendakwaraya dan pihak polis, pegawai penyiasat? Dia ini bawa pistol, dia ini bawa mesin gun, dia ini bawa bom. Kononnya kerana rang undang-undang ini ada kena mengenai dengan *terrorism*. Itu pun salah tanggapan. Ianya undang-undang berkaitan dengan nak mencegah huru-hara di mana nak menjamin keselamatan negara. So, itu dia punya prinsip semangat rang undang-undang ini. Jadi macam mana?

Manakala di mahkamah pula Tuan Yang di-Pertua, disebut dengan jelas iaitu *beyond reasonable doubt*. Sesuatu kesalahan mesti dibuktikan dengan tanpa ragu. Jadi saya bimbang esok-esok banyak mereka-mereka yang memang boleh mencetus masalah huru-hara dalam negara dan mengancam keselamatan terlepas dan negara akan jadi hancur. Ini yang saya takut. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, di waktu mula-mula ISA nak dipinda, nak menambah baik, saya ada membuat cadangan waktu perbausan dahulu, saya nak ingatkan balik. Saya mengatakan kalau tuduhan takut kononnya Menteri Dalam Negeri boleh menyalahgunakan kuasa dan menggunakan ISA untuk tujuan politik, saya mengatakan boleh dikekalkan undang-undang tanpa bicara iaitu untuk tujuan *preventive* tetapi kuasa menahan selama mana itu bukan lagi di bawah Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sambung tengah hari Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Ada 15 minit lagi tengah hari Yang Berhormat ya.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan persidangan waktu pagi ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pukul 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat ditempoahkan pada pukul 1.03 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dijemput Yang Berhormat Pasir Mas untuk 15 minit ya.

**2.32 ptg.**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbausan saya. Waktu saya hendak tamat ucapan sebelum ditangguhkan tadi, saya sedang menyentuh persoalan di mana tidak ada lagi tahanan atau tangkapan tanpa bicara. Saya menaruh kebimbangan dan sebelum ini kenapa ISA hendak dimansuhkan kerana masalah tahanan isu tanpa bicara. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, banyak *misconception*, salah faham bersabit dengan tahanan tanpa bicara. Saya hendak *quote* dalam

bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Buletin Bahagian Pendakwaan*, Jilid 1/2007 dengan izin,

*"What could have caused the misconception?*

*These misconceptions are due to the failure in differentiating the aims and operation of preventive laws compared to other penal laws. The latter is aimed at preventing the commission of penal offences whereas the former is to penalize and to curb crimes at bay upon its commission.*

*The difference could be seen through the measures meted out in preventive cases. The convicted criminal in penal offences will go to prison whereas the preventive subject (detenu) will go to the rehabilitation centre instead.*

*These are great differences in operation and principles between prison and rehabilitative centre for the former is to retribute and rehabilitate whereas the latter is just to rehabilitate.*

*At the rehabilitation centre, the government takes pain to spend the tax payers' monies solely for the purpose of protecting the community from dangerous and potential criminals. Various rehabilitative programs designed with the hope that the detenu could be corrected into good and responsible members of the society and will not pose potential danger or threat to the society upon their return.*

*There is no punishment for the inmates in the rehabilitation centre except in cases where there are violations of internal discipline. At the centre, they are thought religious subjects according to their faith, self improvement, tai chi and yoga classes and many wonderful things and events take place aimed at bringing about changes in their lives...". Dan sebagainya.*

Saya berpengalaman proses yang sama. Jadi sekarang ini bila tidak ada lagi tahanan tanpa bicara, jadi tidak timbul lagi soal *rehabilitate*. Jadi kalau kes ini pergi ke mahkamah, saya bimbang Tuan Yang di-Pertua proses mahkamah akan mengambil masa yang panjang, memerlukan kecekapan polis yang betul-betul profesional dan kalau tidak, bila kes dibawa ke mahkamah selepas itu mahkamah pula kes ditangguh, tangguh pula dengan permainan dan kebijaksanaan peguam-peguam tertentu yang hendak melepaskan anak guamnya apa akan terjadi pada negara? Waktu itu nasi sudah menjadi bubur.

Kita tengok Tuan Yang di-Pertua selama ini sudah berlaku di mana mahkamah membebaskan orang-orang yang melakukan kesalahan atas dasar teknikal, Yang Berhormat Kota Belud. *On technicalities and this can happen* dalam kes-kes ke hadapan nanti, mereka minta tangguh, mereka timbulkan procedure, mereka minta *judicial review* macam-macam bertahun masa. Manakala pada waktu itu negara sudah hancur lebur, negara sudah hancur Tuan Yang di-Pertua. Inilah keimbangan saya dengan akta baru yang ganti ISA ini. Akan tetapi tidak apa saya katakan tadi *benefit of the doubt*. Beri percubaan. Akan tetapi saya hendak cadangkan kerajaan jangan teragak-agak selepas ini untuk

meminda kalau di dapati mekanisme undang-undang baru ini tidak berkesan untuk hendak menangani keselamatan negara.

Oleh sebab itu dulu saya cadang, sesudah ditambah baik ISA, dikurang daripada 60 hari ke 30 hari, sekarang 28 hari, campur 1 hari, maka pihak polis yang menyiasat tidak perlu bawa kes ini ke mahkamah, cadangan saya. Kerajaan patut wujud satu tribunal, satu jawatankuasa berprofil tinggi yang dipengerusikan oleh salah seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang sedang bertugas, bergilir setiap masa dengan beberapa jawatankuasa termasuk Ketua Polis Negara, termasuk Pengerusi SUHAKAM dan tokoh-tokoh ternama yang berwibawa.

Satu, dua lagi hakim kata tujuh, lapan orang maka polis bawa kes ini di hadapan jawatankuasa ini. Lima, enam, tujuh orang, lapan orang mereka dengar sama ada terdapat buktikah, tidak ada buktikah polis meyakinkan si anu yang berkenaan, orang yang berkenaan itu boleh mengancam keselamatan negara tetapi sukar hendak keluarkan bukti.

Maka biar jawatankuasa ini putus *in camera* ada juga perbicaraannya, pihak yang bersalah juga boleh bawa peguamnya tetapi persoalannya kalau seorang hakim sahaja Tuan Yang di-Pertua, jadi kita serah bulat-bulat kepada seorang hakim untuk menentukan keselamatan negara.

Hakim memang hakimlah tetapi yang tahu hal keselamatan ialah pihak keselamatan, pihak polis, Ketua Polis Negara, Ketua Cawangan Khas. Mereka ada tetapi sukar untuk membawa bukti maka sebab itulah Tuan Yang di-Pertua saya harap dalam sebelum rang undang-undang ini dilaksanakan kenalah diadakan latihan yang cukup kepada pegawai-pegawai polis. Hakim-hakim juga begitu dan di samping itu juga pastikan bahawa tidak timbul masalah teknikal yang menyebabkan seseorang yang dituduh terlepas. Kita sudah tengok sebelum ini kes Ketua Pembangkang pun dilepaskan atas dasar teknikal. Ini yang saya hendak tegaskan Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sekejap lagi hendak habis sebab takut terlepas nanti. Tuan Yang di-Pertua selain satu lagi ini saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang dia kata ada hal-hal yang berkaitan dengan sesiapa yang akan dituduh begitu umum sekali. Ada dia takut nanti ini digunakan boleh disalah gunakan untuk parti politik, itu kata dia, kebimbangan dia.

Akan tetapi kalau dia jadi Perdana Menteri saya rasa lebih teruk lagi daripada ini. Akan tetapi apa pun Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya dilihat balik Jadual 1, rang undang-undang supaya ditambah dengan jelas apakah bentuk yang dikatakan mengancam keselamatan negara? Bukan sahaja *terrorism*, bukan sahaja pengganas, *trans model crime*. Bukan itu sahaja, macam-macam boleh menimbulkan masalah keselamatan negara.

Oleh itu Perdana Menteri waktu membentang rang undang-undang ini tadi ada menyebut sedikit tetapi tidak jelas dalam rang undang-undang ini patutnya di masuk saya harapkan ianya ditimbang dimasukkan kemudian nantikah, bagaimanakah supaya lebih jelas contohnya tidak boleh siapa lagi mempertikaikan asas Perlembagaan negara kita iaitu Perkara 153 patutnya masuk dalam Jadual ini.

**■1440**

Sesiapa yang mempersoalkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, sesiapa yang mempersoalkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, sesiapa yang menghina kedaulatan Raja-raja Melayu, hak keistimewaan Melayu dan juga hak kaum-kaum lain dari segi kerakyatan, boleh disabitkan juga, boleh ditafsirkan sebagai menggugat keselamatan negara dan boleh didakwa di bawah undang-undang ini, dan cukup dengan bukti-bukti *hearsay*, keratan surat khabar, tulisan-tulisan yang ditulis dalam blog ataupun ucapan-ucapan yang dirakam melalui *tape recorder* ataupun *video-cam*, ini boleh dijadikan bukti. Memang kena buat Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, tidak ada makna. Macam ada pihak yang mempertikaikan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan mempromosi Islam ini sama dengan agama lain iaitu fahaman pluralisme.

Ini juga boleh mengancam keselamatan negara, sebab majoriti penduduk negara ini adalah orang Islam dan sudah pun termaktub di dalam perlembagaan. Bukan saya sengaja hendak timbulkan, cuma hendak memperkasakan lagi perlembagaan kerana ia boleh mengancam keselamatan negara. Contohnya, menghina Raja-Raja Melayu, banyak dah sebelum ini sebab itu Raja Muda Perak bertitah, Sultan Selangor bertitah, Majlis Raja-Raja Melayu pernah keluarkan kenyataan, memang benar peristiwa di Istana Negara di waktu pertabalan 11 hari bulan baru-baru ini. Keluar dalam blog yang ditulis oleh seorang pegawai perubatan bernama Dr. Rahman yang mengatakan ada Ahli-ahli Parlimen iaitu kita semua yang membuat undang-undang negara, yang berada paling atas dalam sistem yang menggubal undang-undang. Kita tahu bukan soal tubuh badan Baginda itu, sama ada Baginda segak atau tidak, bukan kerja kita hendak ulas.

Apa yang penting ialah institusi Raja-Raja Berperlembagaan itu sebahagian daripada perlembagaan. Itu yang pentingnya dan ada mereka yang menghina, mengejek. Kalau Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, tangan dalam poket, lepas itu Sultan Selangor datang, dia kata buang tangan dalam poket, macam hendak perli, hendak perlekeh, tidak payahlah. Kita jadi warganegara yang baik, tunjuk tauladan yang baik, ini dilaporkan dan pihak yang bertanggungjawab patut jawab, patut beri penjelasan.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Shah Alam ini, belum apa-apa, duduk terus bangun. Nanti, bagi saya habiskan dahulu, duduk sekejap, biar saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, duduk.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, biar tubuh badan nanti bagi penjelasan. Sepatutnya dia beri penjelasan, tidak elok. Saya percaya tengok kepada tingkah laku dan fiil, perangai, saya hendak percaya perkara ini berlaku. Saya bangkitkan perkara ini supaya dalam undang-undang yang kita bahaskan ini, dalam hendak memperkasakan undang-undang keselamatan negara, kita kena hormat, kena jaga tutur kata, tatatertib, apatah lagi dalam istana. Apatah lagi di waktu Hari Pertabalan, bukan kita sahaja tidak hormat kepada Yang di-Pertuan Agong, dalam istana hari pertabalan. Kalau kena

di negara Siam, Thailand, Tuan Yang di-Pertua, memang kena kerat empat dah, kena potong semua sekali, habis semua sekali.

Saya cukup kesal apabila Ahli-ahli Parlimen yang buat kerja-kerja macam ini, malulah kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dah hendak habis dah, dua minit lagi Yang Berhormat Shah Alam, lepas itu Yang Berhormat Shah Alam boleh jawab.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini tuan punya badan, saya terlibat juga, nama saya disebut. Tadi kata hendak minta penjelasan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya ada 15 minit sahaja ini...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Cukup penting, saya hendak beri penjelasan...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya ada 15 minit sahaja ini dua, tiga minit sahaja masa.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi bukan suruh buat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak bagi penjelasan, tidak hendak beri laluan pula.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya tidak ada masa ini, dengan syarat Tuan Yang di-Pertua tambah masa, saya beri, sebab saya ada banyak lagi...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Lain kali janganlah minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tolong beritahu dia lain kali jangan..., fasal dia tidak hadir, dia tidak hadir pun. Dia tidak ada di situ, dia tidak nampak.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sebab itu saya hendak tanya...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu yang saya hendak jawab...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang makan cili rasa pedas tu fasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Biar Yang Berhormat Gombak dengan Yang Berhormat Batu jawab.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, saya pun disebut, nama saya pun ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak baca habislah, tidak baca habis.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya sebut Yang Berhormat Gombak dengan Yang Berhormat Batu, sebab Dr. Rahman sebut nama Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Batu. Saya percaya Yang Berhormat Shah Alam ada *tomakninah* sikit kot, beza dengan Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Gombak ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempertahan oleh sebab kita politik, kita ada parti. Sikit apa pun kita terus pertahankan walaupun salah, tidak ada kelaslah. Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada bukti pun cakap tidak ada kelas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara dalam Perkara 153 sepatutnya dimasukkan dengan jelas dalam Jadual 1, rang undang-undang. Mana-mana pihak yang mempertikaikan Perkara 153 tadi, saya memohon paling tidak Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, bila berucap minta sokongan supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dijadikan sebahagian daripada jika mana-mana pihak mengganggu-gugat apa yang saya sebutkan tadi, memang boleh mengganggu gugat keselamatan negara dan tindakan boleh diambil. Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, oleh kerana tugas polis ini berat hendak menentukan kesalahan mereka-mereka ini. Saya sangsi sebab itu saya kata saya tidak menaruh harapan yang tinggi bahawa rang undang-undang ini adalah satu mekanisme yang boleh menjamin keselamatan negara. Hendak beretorik politik boleh, hendak jadi populis boleh. Contohnya, saya hendak PTPTN dihapuskan, hendak ISA dihapuskan, hendak retorik boleh, nak sedap cakap boleh, hendak cari popular boleh, hendak suruh orang tepuk boleh tetapi tanggung jawab sebenarnya.

Sama juga tindakan-tindakan yang menjijikkan. Saya tidak ada halangan sekiranya kalau-sekarang dah ada Akta Perhimpunan Aman, pelajar-pelajar berhimpun hendak menuntut kononnya tak hendak bayar PTPTN. Saya ada gambar, letak pula gambar Perdana Menteri dengan Menteri Pendidikan Tinggi di tengah jalan, di tepi jalan, letak pula kalung bunga seolah-olah dah mati. Inikah yang dikatakan *civil society*? Perdana Menteri kata dia buat undang-undang ini, mansuh ISA kerana dah yakin kematangan rakyat, rakyat matang tetapi Ahli-ahli politik yang bermain politik, hendak kata matang kah tidak matang, *wallahualam*.

Tengok kepada tingkah laku, mereka tidak peduli soal proses undang-undang, yang penting *political mileage*, yang penting menjadi popular di kalangan rakyat. Maka, sebab itu, saya mengcam mereka-mereka ini. Hendak hantar cadangan, hantar, hendak adakan perhimpunan aman, adakan tetapi jangan buat perkara-perkara yang menjijikkan. Mak bapak dia pun, saya hendak tanya, tidak ajarkah anak-anak mereka ini supaya berkelakuan baik? Kelakuan yang bertamadun. Jadi, sekarang ini disebut *civil society*, disebut rakyat matang tetapi rakyat hendak matang macam mana kalau Ahli-ahli Parlimen sebagiannya tidak matang, tingkah lakunya macam mana? Jadi, kita yang mengajar, kita yang buat undang-undang, kita yang mengajar rakyat melanggar undang-undang. Ini yang saya persoalkan.

Jadi sebab itu, bagi mereka yang tidak mahu bayar PTPTN, saya cadangkan tidak payah beri PTPTN kepada mereka ini dan tidak payah bayarlah. Jadi, tidak payah beri. Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggulungannya, sebagaimana saya sebutkan tadi, saya walaupun menerima rang undang-undang ini tetapi saya menaruh keimbangan. Sebab itu saya harap kerajaan jangan *apologetic*. Kementerian Dalam Negeri jangan *apologetic*, jangan berasa takut-takut, bersifat politik kerana hendak melaksanakan undang-undang. Biarlah tidak popular walaupun satu dua orang kena demikian kepentingan, keselamatan majoriti rakyat *insya-Allah* akan selamat. Sejak ISA dilaksanakan puluh tahun dahulu, sewaktu rakyat 10 juta sampailah dimansuhkan ini, rakyat Malaysia dah 28 juta, berapa ramai yang kena ISA? Sampai ke seribu orang, dua ribu, berapa persen daripada jumlah rakyat negara kita tetapi kita selamat dari segi keamanan.

Akhir sekali, saya cabar balik Yang Berhormat Bagan, Parti DAP buat kenyataan secara terbuka mendesak Singapura tarik balik ISA seperti Malaysia. Sekali lagi saya cabar, cara terbuka. Jangan hendak mengajar Kerajaan Malaysia sebab mereka ini *godfathery* ialah daripada Singapura. Jangan hendak berpura-pura, jangan hendak bermuka-muka, jangan hendak bersandiwara. Bagi Yang Berhormat Batu yang gigit telinga polis, baru masuk ini, dia kalau tidak berpuas hati dengan Malaysia, boleh cari negara lain. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memberi sokongan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada *ruling* sebelum ini, tidak boleh menghina seorang Ahli Parlimen. Ini pernah ada *ruling* oleh Speaker dan ini sekali lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dah nak habis Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yalah dah habis tetapi tidak bolehlah berterusan dengan ini...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya tersebut, jadi saya tarik balik Yang Berhormat Batu kata dia gigit polis, dia gigit betul pun tetapi saya tarik baliklah. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagusnya Malaysia ini, penjenayah pun boleh jadi Ahli Parlimen. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

#### ■1450

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

#### 2.50 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini saya berasa berbangga, saya lega sebab sekurang-kurangnya bumi yang saya duduki ini aman, damai, tenteram, selamat daripada ancaman-ancaman musuh luar negara mahupun dalam negara walaupun ada usaha-usaha yang kita ketahui dengan berbagai-bagai cara untuk menidakkannya pimpinan kerajaan hari ini. Akan tetapi sebagai seorang warganegara Malaysia, saya rasa rakan-rakan saya pembangkang pun yang beragama Islam kita panjatkan seberapa banyak kesyukuranlah di atas limpah kurnia Allah SWT kepada negara kita dengan kebijaksanaan pemimpin yang sedia ada membawa negara kita dalam satu tahap keselamatan yang tidak ada *dispute* langsung.

Kita boleh dalam dewan ini bebas di luar sana, bebas ceramah tanpa perlu takut ada bom di bawah kaki Pokok Sena yang akan meletup macam di Selatan Thailand, macam di Iraq, macam di Afghanistan. Akhirnya sesbuah negara yang mengutamakan keselamatan rakyat dia, mengutamakan kepentingan masyarakat awam memerlukan undang-undang. Hari ini saya cukup berbangga sebab akhirnya kerajaan berjaya untuk mengetengahkan satu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas). Nama-nama pun iaitu langkah-langkah khas bermakna ada satu istimewa yang perlu kita guna pakai untuk merungkai untuk mempertahankan keselamatan negara kita.

Kita lihat bagaimana keruntuhan beberapa buah negara apabila keselamatan negara itu tidak terjamin. Rakyat tidak ada keyakinan akhirnya rakyat bangkit menentang pemerintah yang ada akhirnya anasir-anasir ganas daripada luar meracuni minda rakyat dan negara itu akan menjadi porak-peranda dan akan terus didominasi oleh idealis-idealistic yang bersifat negatif. Macam Yang Berhormat Shah Alam

lebih kurang dia sudah akur bermakna dia etnik dia salah seorang - saya sebut tadi akta ini sekarang ini kita wakil rakyat dan saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau nanti suatu hari Yang Berhormat Shah Alam merancang untuk menggunakan keganasan akan kena tangkaplah. Kalau dia lagi ganas saya cadangkan dia tidak perlu tangkap kita guna macam di Indonesia, macam di Brazil mana pengganas yang terlampau liat tembak sahaja tidak ada bicara... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jalan tidak ada. Kalau ada Menteri Kerja Raya, dia minta jalan sana... *[Ketawa]* Sini tidak ada jalan.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Laluan tunggu Menteri Komunikasi dan Multimedia.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya wakil rakyat yang sedang bercakap.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Menunjukkan hanya mampu berhujah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ada 10 minit sahaja dan guna 10 minit untuk...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Hanya mampu berhujah dengan peluru. Dia tangkap, dia tembak hendak hujah tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak mengapa. Nanti Yang Berhormat berhujahlah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini yang tidak faham demokrasi berparlimen. Pandangan macam ini yang mengancam proses demokrasi berparlimen Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang bertentangan dengan demokrasi berparlimen. Konsep yang dibuat macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bagi.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak boleh hujah, tangkap, tembak, tangkap, tembak. Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak boleh bagi..., *point of order*. Yang Berhormat Pokok Sena menggunakan telefon Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu boleh... *[Ketawa]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Shah Alam ini bercakap fasal demokrasi itu semua. Akan tetapi dia pecat EXCO dia sendiri Dato' Hasan Ali tidak diberi peluang bela diri kata parti Islam, ikut Islam pun tidak, kawan itu hendak bagi bukti dia tidak mahu dengar terus pecat. Jadi pandangan Yang Berhormat Kinabatangan ini adakah mereka ini berhak atau layak hendak bercakap fasal demokrasi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu itu sebab saya tidak bagi dia peluang untuk mencelah, sebab saya rasa dia tidak ada locus standi langsung. Dia...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya Ahli Parlimen macam mana tidak locus standi Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia mencelah soal demokrasi.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia ini tidak betullah. Kita dalam Dewan ini semua orang Ahli Parlimen ada locus standi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dalam Dewan ini kalau hendak mencelah kena minta izin Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini peraturan mana mencelah. Ini peraturan mana ini?... *[Ketawa]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *Locus standi* ada. Minta dia tarik balik. *Locus standi* ada. Dia beri laluan atau tidak beri laluan itu lain cerita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagilah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi tidak bolehlah kata tidak ada *locus standi*. Saya rasa dia tak faham apa yang dia cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bagi duduk dahulu.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam Yang Berhormat Kulim Bandar Baharulah. Sama-sama angau. Tidak faham.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tidak ada *locus standi* hendak bercakap fasal demokrasi. Tidak ada *locus standi* hendak bercakap pasal Islam... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *What are you talking about?*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Kamu buat sumpah talak tiga, ikrar diri sendiri hendak jadi Ahli Parlimen, sanggup hendak talak isteri sendiri dengan talak tiga.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dato' Hasan Ali jumpa dengan Tok Guru Nik Aziz dan *within the party*... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Kamu tidak ada *locus standi* hendak bercakap fasal Islam...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia telah diberi peluang untuk bela diri. Dia tanya, saya jawab dia tidak mahu bagi laluan.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Cakap fasal demokrasi, tidak ada hak hendak bercakap tentang apa pun. Tidak layak pun duduk dalam Dewan ini.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia sudah gila dah. Gila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, Yang Berhormat Shah Alam. Duduk Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat Kinabatangan habiskan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Itu sudah gila. Kena ambil duit dan pergi... *[Ketawa]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Mereka ini Yang Berhormat Kinabatangan tidak layak langsung hendak - tidak ada *locus standi* hendak bercakap demokrasi, hendak pertahankan wanita. Sanggup talak tiga bini sendiri, hendak jaga jawatan. Ini jenis orang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Allah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Kuala Selangor hendak cakap apa Yang Berhormat Kuala Selangor? Sumpah talak tiga. Sanggup cerai talak tiga bini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Kuala Selangor berani nafikan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Shah Alam berani nafikan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, dia sudah buat fiil lagi dah. Dia sudah buat perangai macam iblis... *[Dewan riuh]* Dia buat perangai macam syaitanlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masa saya berjalan terlampaui cepat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dia ulang balik macam perangai lama dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Kinabatangan, ini jenis hendak talak tiga bini sendiri, hendak cakap fasal demokrasi, podah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia orang ini lompat. Katak yang berkopiah tetap katak, Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Kulim Bandar Baharu duduklah Yang Berhormat. *[Dewan riu]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Dia belajar-belajar tinggi tapi pekak bangang... *[Ketawa]* Dia tidak faham antara lompat dengan pecat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Lompat dengan pecat pun dia tidak faham. Macam mana mereka hendak layak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Pakai istilah lompat pun apa kita rasa, sudah memang dah... *[Dewan riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, duduklah Yang Berhormat... *[Dewan riu]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Dewan riu]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dan Yang Berhormat Shah Alam minta duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak undi dia balik atau tidak, hendak undi?... *[Bertanya kepada Ahli-ahli]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Tolong, tolong ya tolong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]:** Kalau kamu rela, bini kamu ditalak tiga. Sokong mereka tidak mengapa... *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjelaskan bahawa sebetulnya saya bukan membela Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Akan tetapi dia dipecat. Kenapa dia dipecat? Sebab dia berjuang dan berlandaskan amal makruf nahi mungkar... *[Ketawa]* Dia menegakkan yang makruf untuk...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia dipecat sebab dia tidak ikut arahan parti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kenapa ini? Apa fasal Yang Berhormat Shah Alam ini.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia makan upah. Dia jual kerusi. Jual kerusi, jual diri...  
[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Buang, buang, buang. Pergi ambil upah... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersorak itu kenapa ini, tabiat barukah? Kita tidak boleh bersorak dalam Dewan. Kita pakai tepuk meja, tidak boleh bersorak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itulah kadang-kadang kita ini terlupa, kita ini wakil rakyat. Itu masalahnya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Speaker, he asked for it.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** No. Don't define the standing order kerana ada sesuatu yang macam ini tidak boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana sebuah negara memerlukan satu akta yang boleh menjaga keselamatan sebuah negara. Keselamatan rakyat, orang awam, macam-macam. Sebab negara yang tidak selamat tidak akan boleh membangun dan tidak boleh maju. Negara Malaysia ini - *alhamdulillah* seorang pengacau sudah keluar. Tidak mengapa, dia tidak boleh bercakap dari situ.

#### ■1500

Kalau negara itu tidak selamat, pelabur-pelabur tidak akan datang sebab itu saya berterima kasih kepada pemerintah yang ada kerana berjaya menyediakan satu ruang lingkup keselamatan, jaminan kepada semua pihak termasuk pihak pembangkang yang mendakwa negara kita tidak selamat, polis tidak boleh dipercayai dan sebagainya. Pada saya tidak ada mana-mana negara dalam dunia ini yang lebih baik, yang lebih selamat daripada negara-negara lain walaupun kita dipandang sinis dengan mengetengahkan akta seumpama ini tetapi kalau kita lihat negara jiran kita di Singapura contohnya, Yang Berhormat Kepong ada. Saya mahu Yang Berhormat Kepong menyatakan pendirian meminta Kerajaan Singapore menghapuskan ISA di negara mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingat dia bukan minta jalan, dia terkepung-kepung. Dia pun tidak tahu apa saya cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang ini hendak apa?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berdiri tidak apa-apa bukannya meminta. Kalau minta saya bagi.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cuba Tuan Yang di-Pertua tanya, dia minta atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia minta jalanlah itu Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak, dia baru sampai, mana tahu dia tidak boleh duduk, belakang dia masih panas. Kenapa ini Yang Berhormat Kepong macam ini? Kalau dia minta, saya bagi.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia minta jalan Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kepong hendak minta jalan kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Kepong punya skru sudah *jammed* ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Kalau dia minta, saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, silakan Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang bangun, itulah meminta namanya. Ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam tidak ada macam itu, tidak ada kesopanan langsung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Adat istiadat di dalam Dewan yang mulia ini dan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ISA ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang itu untuk semua, sebelah sini pun kena juga.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kena itu, dua-dua belah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kedua-dua belah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kedua-dua belah. Inilah ISA, saya boleh hadiahkan kepada Tuan Yang di-Pertua ISA ini. Masuk ke ini, adakah Yang Berhormat Kinabatangan pernah masuk ke ‘universiti Kamunting’...

**Seorang Ahli:** ...Akan datang, akan datang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat Pokok Sena pun adakah pernah, apakah salahnya kita di sini yang mempunyai kepercayaan kepada politik yang berbeza. Adakah perlu dihadapkan ke ‘universiti Kamunting’?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat Shah Alam pun begitu juga, kita pun sama-sama, pelajar yang sama tempohnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mengatakan yang masuk ‘sekolah’ di Kamunting itu orang jahat sebab seperti Yang Berhormat Bagan juga pernah masuk ISA sebab itu dia menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang, daripada tangkapan ISA dia menjadi popular. Banyak lagi rakan-rakan dalam kerajaan pun kena sebab itu saya sendiri, kita mencadangkan memansuhkan ISA negara kita, gantikan dengan satu akta. Hari ini, saya rasa Yang Berhormat Kepong pun ada akta baru ini, yang perlu – saya mahu mendengar hujah Yang Berhormat Kepong, apa pula nanti dan saya juga mahu Yang Berhormat Kepong mencadangkan di dalam hujahnya meminta *Singapore* juga memansuhkan ISA seperti kita. Jangan menjadi *double standard* seperti Yang Berhormat Bagan.

Yang Berhormat Bagan ini sebenarnya dia terlalu rasis dalam negara ini, sebab itu kalau boleh saya ada akta iaitu kenapa akta ini diletakkan oleh kerajaan, iaitu untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang, harta awam atau menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu. Kedua, untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong dan saya cukup kesal mutakhir ini pemimpin-pemimpin pembangkang, nampak memandang sinis kepada Raja-Raja Melayu di negara ini...

**Seorang Ahli:** ...Ini fitnah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan semua tetapi ada, bukan semua. *[Disampuk]* Justeru itu, saya meminta kerajaan supaya menggunakan apa-apa juga akta yang ada, menyiasat mana-mana pemimpin dalam pembangkang atau mana-mana yang mempunyai unsur-unsur menghina kesultanan Raja-Raja kita, mereka kena menerima hakikat bahawa kita mempunyai undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan panjang lebar boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, kalau dia tidak bagi tadi, saya hendak komenlah kan. Kita berdiri tidak bagi, lalu itu yang kita terpaksa cakap. Akan tetapi saya hendak menasihati Yang Berhormat Kinabatangan lah, kalau Yang Berhormat Kinabatangan hari itu tidak hadir di dalam Majlis selepas itu hanya bergantung kepada satu laporan dalam *Facebook*, selepas itu di panjang-panjangkan cerita, ini kes fitnah. Ya, saya ada, saya boleh bercakap, orang yang tidak ada jangan bercakap.

Saya duduk satu baris dengan Yang Berhormat Gombak, dikatakan saya dengar Yang Berhormat Gombak komen bahawa apabila Sultan Kelantan masuk jalan laju, Tok Guru Nik Aziz tidak terkejar. Ini bukti bahawa laporan itu tidak benar kerana Menteri Besar tidak masuk bersama dengan Sultan, Menteri Besar sudah duduk di tempat dia, Sultan berjalan seorang diri dengan pengiring-

pengiringnya dan bukannya dengan Menteri Besar. Lalu dia menulis benda yang tidak betul dan saya tidak mendengar pun apa-apa yang dikatakan, sedangkan saya duduk satu baris hanya tiga kerusi jauh daripada dia...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang doktor ini yang kononnya duduk di hadapan Yang Berhormat Batu – Yang Berhormat Batu duduk di depan Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak duduk di depan Yang Berhormat Kota Raja diselangi pula dengan Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Lalu kenyataannya dia duduk di belakang Ahli-ahli Parlimen pembangkang pun tidak betul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebab dia ingat ini macam dalam Parlimen...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Semua pembangkang duduk di satu tempat, semua kerajaan duduk di satu tempat, tidak betul. Lalu saya menasihati Yang Berhormat Kinabatangan supaya kita ini jangan memanjangkan fitnah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau kita tidak tahu, jangan sebut.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, sama-sama.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap ya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya, saya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mungkin Yang Berhormat Shah Alam ini tidak tahu dia punya telinga dia tutup pakai apa. Saya cakap tadi kalau ada berlaku minta disiasat, saya tidak sebut pun sesiapa. Bermakna kena siasatlah jika ada berlaku, kalau tidak ada...

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Tidak ada lah.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, silakan.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Kalau begitu serius sekali harapan kerajaan meletakkan bahawa undang-undang yang kita pinda ini untuk memastikan setiap rakyat kita setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan dari segi rekod-rekod yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi memang sudah berlaku di dalam negara kita ini, bagaimana mereka menunjukkan kebiadaban, tidak taat kepada arahan dan juga perilaku yang menyinggung perasaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Baru-baru

ini disebut oleh mereka-mereka yang hadir di Istana Negara bahawa berlaku lagi penghinaan terhadap Raja-Raja Melayu.

Apakah Yang Berhormat Kinabatangan ingin menyebut di dalam ucapan Yang Berhormat Kinabatangan mendesak kerajaan supaya menubuhkan suruhanjaya khas bagi menyiasat perkara ini supaya kita mengambil tindakan bagi menyiasat betul-betul tentang kesahihannya. Kalau betul-betul ia berlaku, rakyat mahu dan menuntut supaya tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak yang berkuasa.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sebetulnya kalau mengikut saya punya hati, memang inilah yang terbaik supaya akan menjadi pengajaran kepada mana-mana individu pada masa-masa yang akan datang, kita lihat...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** /Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagaimana di Thailand Raja Bhumibol. Orang sentuh dia satu inci, boleh dipenjarakan tujuh tahun, orang luar ataupun orang tempatan. *Criticize* dia di mana-mana asalkan ada yang mendengar, orang melaporkan, polis terus tangkap masuk penjara. Di sini di tempat kita, saya cukup hairan...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kinabatangan, laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau tadi cadangan supaya suruhanjaya ini diadakan, bersetujukah Yang Berhormat siasatan ini bukan hanya merangkumi apa yang berlaku dikatakan berlaku sekarang, ia patut *go back* termasuk perkara-perkara yang menyebabkan kuasa Sultan terhakis. Kedua, saya hendak sebut bahawa inilah yang kami bimbangkan tadi, di sini kita bercakap mengenai akta untuk mengawal ataupun menghalang keganasan, keselamatan dalam negara, berlakunya kekacauan, kita ada kawan kita, sahabat kita bangkit di dalam isu ini, adakah ini akan digunakan? Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** /Bangun]

■1510

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Batu pun mahu juga?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya. Saya ingin mendapatkan pendapat daripada Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kalau siasatan ini berlaku, pertama sekali kita harus menyiasat orang yang membuat fitnah ini sama ada manusia seperti ini sanggup mencemarkan institusi Diraja untuk kepentingan politik. Kalau betul ini adalah fitnah, sama ada Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak, orang yang menyebarkan fitnah ini harus dihukum dengan seberat-beratnya?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh saya menjawab? Nanti lupa.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jawablah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** /Ketawa] Yang Berhormat Kota Raja, sebetulnya apabila suruhanjaya ini kita wujudkan untuk menyiasat apa-apa juga permasalahan berhubung dengan institusi Diraja ini, memang ada kebenarannya iaitu kita rakyat kerajaan di negara ini, kita tidak merendahkan Raja-Raja kita. Akan tetapi kita juga berkehendakkan institusi Diraja ini dihormati.

Apabila dihormati, bermakna kedua-dua pihak harus mengetahui batasnya: Raja menyayangi rakyatnya, rakyat menghormati Raja-Rajanya. Jadi itulah antara lain yang diseimbangkan.

Berhubung dengan Yang Berhormat Batu, saya memang bersetuju kalau suruhanjaya ini diwujudkan dan perkara ini merupakan unsur fitnah, maka orang yang memfitnah itu harus diambil tindakan dengan sewajarnya.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini sebab kita tidak mahu fitnah berleluasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Simpang Renggam bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Berlaku dalam negara kita.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kinabatangan, kalau kita lihat peristiwa Dong Zong, himpunan Dong Zong yang berlaku baru-baru ini yang mana Timbalan Menteri kita, Yang Berhormat Ayer Hitam hampir ditumbuk oleh... *[Disampuk]* Seseorang yang kononnya yang memihak ke sebelah sana... *[Merujuk kepada Ahli Pembangkang]* Akan tetapi, selepas itu, dia difitnah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Oleh Yang Berhormat Cheras...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Bahawa itu adalah diaturkan, sengaja diaturkan: Yang Berhormat Ayer Hitam sebenarnya berlakon. Jadi, fitnah seperti ini, adakah kita hendak menggunakan standard yang sama yang menuduh orang yang membuat fitnah yang tidak berasas? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pokoknya, apa pun agama sebetulnya, fitnah ini tetap fitnah. Dosa besar... *[Disampuk]* Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah Yang Berhormat Shah Alam. Masa saya sudah tinggal sedikit. Fitnah tetap fitnah. Justeru itu, saya tidak nampak mengapa kita perlu mendapat kuasa atas dasar memfitnah orang lain sebab kalau pun kita dapat kuasa yang sedemikian, rezeki pun kita dapat dengan menindas orang lain, ia tidak akan berkekalan bahkan ia akan membawa mudarat kepada mereka yang mendapat rezeki tanpa keredaan daripada Allah SWT dan juga atas titisan air mata orang lain.

Justeru itu, apa yang perlu kita lakukan. Dalam *field* politik, kita perlu berpolitik tetapi keselamatan negara harus kita utamakan sama ada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Kalau akta ini kita lihat boleh membantu untuk mengekang keselamatan orang awam, ekonomi, keselamatan diri kita sendiri, mengapa tidak kita sama-sama merealisasikan akta yang sebegini baik untuk kita terjemahkan.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini untuk kita wariskan...

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Silam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sejarah tercipta pada hari ini sebagai sebuah negara yang baru mencecah usia 50 tahun lebih. Kita mempunyai identiti sendiri daripada segi bagaimana dengan keyakinan dengan kemampuan dengan cara supaya negara kita ini relevan dengan persekitaran antarabangsa. Barangkali kalau kita selalu membandingkan negara kita dengan negara lain, kita akan terkil-kial ataupun memikirkan ia tidak sesuai.

Akan tetapi adakah Yang Berhormat Kinabatangan ataupun minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan kalau bersetuju dengan pandangan saya bahawa, sesungguhnya rang undang-undang ini adalah suatu bentuk dan bukti bagaimana keseriusan dan keikhlasan kerajaan kita untuk memastikan yang penting *survival* kita punya kerajaan, *survival* masyarakat Malaysia dan kita telah memikirkan bahawa perkara inilah yang terbaik dengan menghapuskan ISA dengan suatu tindakan undang-undang yang diperkenalkan ini dengan harapan bahawa kita akan menjadi sebuah negara maju yang setanding dan lebih baik daripada negara lain. Pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Silam. Dalam akta yang dicadangkan ini terlampau mudah. Dahulu mana-mana tahanan ISA tidak ada akses kepada peguam, keluarga tidak tahu, isteri tidak boleh jumpa, anak tidak boleh jumpa, kawan tidak boleh jumpa. Akan tetapi dengan akta yang baru ini, boleh berhak melantik peguam, anak-bini boleh jumpa, tidak ada *torture* ataupun tidak ada seksaan yang melampaui, tidak boleh ada paksaan. Ini bermakna terlampau hebat akta ini cuma matlamat kita iaitu untuk mempertahankan keselamatan negara ini.

Ini disebabkan apabila negara tidak selamat, orang awam akan bangkit meruntuhkan negara itu. Ekonomi sebuah negara tidak selamat, tidak boleh berkembang: menguncup. Macam di Afghanistan, Iraq, Iran, selatan Filipina - siapa hendak melabur, siapa hendak datang. Asal datang, nyawa melayang. Hendak pergi masjid pun, boleh kena bom. Pergi tokong pun kena bom. Di sini, 24 jam orang kita yang malas pergi masjid. Asal rajin pintu masjid terbuka luas.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak mengapa. Itu Allah SWT yang tahu, Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam buatlah fitnah sesuka hati Yang Berhormat Shah Alam. *Wallahu alam*, saya tidak arif dalam agama tetapi Yang Berhormat Shah Alam ini memang pintar. Jadi, buatlah fitnah selanjutnya... *[Ketawa]* Saya sarankan buatlah sebab dunia ini bersifat sementara...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada yang kekal abadi buat kita.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya. Yang Berhormat Kinabatangan kata orang kita yang malas pergi masjid. Saya tanya orang kita itu UMNO apa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Orang kita ini orang Melayu.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Soalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Orang Melayu.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Jawablah... *[Ketawa]*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak tuduh orang PAS, orang apa. Orang kita ini orang Melayu. Orang Melayu itu kita semualah. Jadi itulah yang saya maklumkan.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, pada saya selaras dengan akta ini, saya sangat *salutelah* dengan pihak penguat kuasa kita polis terutamanya sebab kerajaan memberikan mereka amanah untuk menjalankan kewajipan, tanggungjawab menjaga hal ehwal keselamatan orang awam dan pihak polis telah menjalankan kewajipan mereka dengan baik. Lebih-lebih lagi kita ada IGP yang baru ini, yang baru dapat. Saya rasa tidak ada kontroversi serta mudah untuk tindakan-tindakannya boleh difahami, ia tidak ada agenda apa-apa, ia cuma bekerja untuk memastikan negara kita tenteram, rakyat kita ada keyakinan, kemudian yang berniaga boleh berniaga; yang hendak berpolitik boleh berceramah siang malam, tidak ada gangguan.

Maka pada saya kata ini merangkumi, mencapai sesuatu matlamat untuk menjaga keharmonian dan juga keselamatan sebuah negara. Negara yang selamat, saya percaya akan mendapat keredaan, akan mendapat kekuatan dan kita boleh membentuk satu gagasan masyarakat yang boleh setanding dengan bangsa-bangsa yang lain di mana-mana negara sekali pun. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

### 3.18 ptg.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-Undang Kesalahan dan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Pertama, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada belia dan beliawanis Kedah Sejahtera yang hadir untuk membuat lawatan ke Parlimen pada petang ini... *[Tepuk]*

Pertama, ingin saya sebut bahawa – mengingatkan saya pada satu sejarah yang agak melucukan apabila pada hari ini kerajaan tampil untuk memansuhkan ISA. Saya menyambut baik keputusan untuk memansuhkan ISA. Akan tetapi saya katakan bahawa suatu yang sangat melucukan apabila rakyat bangun, bangkit, minta, menuntut memansuhkan ISA, pada waktu itu, rakyat diherdik oleh pasukan keselamatan dengan tembakan gas pemedih mata, yang mengoyak baju, sehingga ramai yang ditahan di dalam lokap dan sebagainya. Kemudian dilemparkan dengan kata-kata yang cukup kesat bagi saya. Pernah ada Ahli-ahli Parlimen kita di sini yang mencerca orang-orang yang keluar berdemonstrasi itu seperti monyet yang terhegeh-hegeh. Akan tetapi saya tidak tahu apakah istilah yang boleh saya berikan pada hari ini kepada orang yang tampil ke hadapan untuk membawa satu usul bagi memansuhkan ISA di dalam negara kita. Sudah tentu dia bukan bapa monyet, sudah tentu dia bukan bapa monyet.

■1520

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *are you reflecting to the Prime Minister?* Jangan buat begitu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak, tidak, sebab itu saya kata sudah tentu dia bukan bapa monyet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Control yourself.*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh bahawa saya adalah mangsa korban ISA. Satu sejarah yang saya hendak mengingatkan Perdana Menteri, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan datang menggulung, bukan sekadar dia bentang kemudian Yang Berhormat Padang Rengas atau Yang Berhormat Sembrong yang akan menggulung. Sering kali, setiap kali dia membentang apa-apa perkara di Parlimen ini, dia hanya membentang tetapi orang lain menggulung. Jadi saya minta bahawa dia berpegang kepada apa yang didakwa oleh beliau bahawa masyarakat kita sudah matang yang boleh menerima perbahasan dan perdebatan yang terbuka dalam masyarakat kita hari ini.

Jadi sebab itu saya ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa saya adalah mangsa korban ISA daripada keganasan kaum yang ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Pasir Salak tidak akan boleh menafikan perkara ini bahawa pada waktu itu, beliau dengan bekas Setiausaha Agung MCA ataupun Ketua Pemuda MCA pada waktu itu, Datuk Lee Kim Sai, pertarungan antara UMNO dan MCA yang membawa isu-isu perkauman dalam negara kita sehingga membangkitkan sentimen di kalangan masyarakat Melayu dan Cina untuk bergaduh. Pada waktu itu, ramai di kalangan pemimpin-pemimpin negara kita pada waktu itu berarak ke seluruh negara untuk membangkitkan sentimen orang Melayu supaya datang ke Kuala Lumpur dalam satu perhimpunan umat Melayu yang kemudian itu dibatalkan oleh pihak polis.

Akan tetapi penjelajahan ke seluruh negara itu telah menimbulkan satu kegawatan yang sangat serius kepada negara kita. Akan tetapi akhirnya yang menjadi mangsa korban ISA daripada keganasan kaum yang ditimbulkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada waktu itu termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu selaku Ketua Pemuda UMNO. Saya, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pasir Salak, saya akui, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Kota Melaka yang pada waktu itu ialah Bagan, pada waktu itu. Saya katakan bahawa kami menjadi mangsa daripada keganasan tersebut. Mangsa, yang akhirnya pemangsa itu...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mangsa keadaan, bukan mangsa keganasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pemangsa itu diberikan cuti dua bulan ke Australia. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak mengatakan dia hipokrit, itu biarlah sejarah yang menilai beliau walaupun beliau datang ke sini untuk menunjukkan dia sebagai hero dalam pemansuhan ISA di negara kita. Akan tetapi sesungguhnya bagi saya bahawa saya

merakamkan sesuatu yang amat mendukacitakan, sejarah merakamkan. Saya mohon bawawa sepututnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tampil ke hadapan ini memohon maaf khususnya kepada mangsa-mangsa ISA, Operasi Lalang kerana kami tidak langsung terlibat dengan pertelingkahan kaum pada waktu itu tetapi kami disumbat selama dua tahun di Kem Tahanan Kamunting.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Pokok Sena, sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya rasa perlu disebut bawawa pada masa itu UMNO sedang menghadapi masalah dalaman dan ada kemungkinan undang-undang ISA ini digunakan untuk mencapai matlamat politik mereka kerana mereka berpecah *team A* dan *team B* dan untuk menangani suasana supaya pembangkang tidak dapat menguasai keadaan, maka digunakan ISA dan inilah yang kita khuatir bawawa undang-undang yang menggantikan ISA yang mereka hendak luluskan pada hari ini juga boleh disalahgunakan. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya bersetuju dengan pandangan rakan saya dari Shah Alam. Memang UMNO berhadapan dengan masalah krisis kepercayaan rakyat termasuk daripada dalaman UMNO sendiri terhadap kepimpinan pada waktu itu. Untuk mengalihkan satu pandangan kepada masyarakat khususnya di kalangan orang Melayu supaya terus dipayungi oleh UMNO dan Barisan Nasional, maka dicetuskan isu-isu perkauman ini seolah-olah hendak memperlihatkan bawawa Melayu sedang diancam oleh satu kaum lain dalam negara kita khususnya daripada orang Cina.

Macam sekarang, dibangkitkan isu-isu yang bersifat perkauman kononnya orang Melayu, orang Islam sedang berada dalam keadaan yang terancam. Akan tetapi saya percaya bawawa daripada kata-kata oleh seorang bekas Ketua Pemuda UMNO, saya tidak mahu sebut namanya di sini sewaktu saya bertemu dengan veteran-veteran UMNO baru-baru ini bersama dengan wakil Marang, ada bekas menteri dan sebagainya. Beliau mengatakan kepada saya bawawa mudah-mudahan Allah Taala mengampunkan dosanya. Saya tanya pada dia, "*Pasal apa perlu Allah Taala ampunkan dosa, apa dosa Datuk?*". Dia kata, "*Dulu sayalah berdosa pergi jaya seluruh negara beritahu kepada orang Melayu, waktu itu saya EXCO Pemuda UMNO Malaysia. Beritahu kepada orang Melayu kata, Melayu kena pertahan UMNO sebab tanpa UMNO, Melayu tidak akan ke hadapan, tidak boleh hidup dan sebagainya*". Habis itu apa jadi hari ini? Hari ini dia kata, "*Melayu lingkup kerana UMNO*"... [Tepuk]

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pokok Sena, adakah Yang Berhormat setuju jika saya katakan bagaimana seumpamanya kalau kita ambil Telok Intan sebagai contoh, 55 tahun rakyat atau masyarakat yang paling miskin di Telok Intan adalah Melayu sendiri. Jadi kalau pihak UMNO hendak jaga hak dan kepentingan orang Melayu, adakah mereka sudah berjaya jaga hak-hak ataupun kepentingan orang Melayu sedangkan orang Melayu yang paling terpinggir sekarang?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itulah dia nasib orang Melayu. Hendak dapat RM500, kena tunggu 55 tahun. Hendak dapat RM500 lagi, kena tunggu 55 tahun pula. *Allahuakbar*. Yang

Berhormat Kinabatangan minta Perdana Menteri beri komitmen kot-kot tahun depan boleh banyak sikit. Perdana Menteri tidak boleh beri komitmen, sebab apa? Sebab kena tunggu 55 tahun pula.

Baik, saya hendak balik kepada isu pokok kita iaitu rang undang-undang ini. Saya mempersoalkan bahawa kenapa rang undang-undang ini perlu bertolak daripada Perkara 149, kenapa? Apakah kerana kalau tanpa Perkara 149 ini kita tidak boleh mewujudkan undang-undang? Saya bersetuju bahawa perlu kepada satu undang-undang untuk mencegah kegiatan-kegiatan keganasan yang boleh membawa ancaman kepada negara kita termasuk kepada ancaman Yang di-Pertuan Agong, saya bersetuju. Seperti mana ancaman kepada Yang di-Pertuan Agong. Apa ancaman kepada institusi-institusi Raja-Raja Melayu dalam negara kita? Iaitu membawa warga asing diberikan taraf kerakyatan, diberikan hak untuk mereka memilih, akhirnya diberikan hak untuk mereka menentukan kerajaan pada masa hadapan negara kita.

Ini saya katakan bahawa kemasukan banjiran warga asing yang diberikan taraf kerakyatan oleh kerajaan negara kita seperti yang saya dedahkan tadi akan menyebabkan satu hari nanti terhakis dan runtuuhlah institusi Raja-Raja Melayu dalam negara kita. Inilah yang sepatutnya suruhanjaya dibuat, untuk menyiasat bagaimana satu operasi pemberian taraf kerakyatan warganegara kepada warga asing, hanya semata-mata untuk hendak jamin kemenangan Pilihanraya Umum Ke-13 yang akan datang. Saya bersetuju dari segi akta itu perlu diwujudkan tetapi kenapa perlu akta ini bertolak daripada Perkara 149, dalam Perlembagaan? Apakah kerana kalau tidak ada Perkara 149, maka akta ini tidak boleh diwujudkan?

Saya hendak katakan bahawa akta ini hanya bersifat Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas). Saya percaya ramai di kalangan saya ini pengamal undang-undang. Cukup meminda kepada Kanun Tatacara Jenayah, itulah merupakan langkah-langkah dalam mengawal selia soal kegiatan-kegiatan jenayah yang boleh dimasukkan termasuk persoalan-persoalan keganasan. Kenapa perlu kepada satu Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) yang mesti bertolak daripada Perkara 149?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena tentang rujukan pada Perkara 149 yang digunakan untuk membawa rang undang-undang ini ke Parlimen.

#### ■1530

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Pokok Sena Tuan Yang di-Pertua kepada mukadimah rang undang-undang ini dan dengan izin saya baca dia mula dengan ayat ini dan ayat ini pelik sebab ayat ini bagi saya merupakan satu dengan izin bahasa Inggeris fiksyen ataupun dongeng sebab dia berbunyi seperti ini; "*Bahwasanya tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan ini*".

Siapa sekumpulan besar ini? Bagi saya ini tidak wujud. Warga asing kita bincang selepas ini tetapi mana kumpulan besar pengganas ini? Ayat ini memang dia petik dari Perkara 149, kita tahu itu asal dia. Asalnya Perlembagaan Persekutuan di sini. Ayat itu dibuat pada tahun 1957 pada masa itu dan pada masa itu dari tahun 1960, Artikel, perkara ini digunakan untuk menggubal Akta Keselamatan dalam Negeri tetapi pada masa itu, keadaan jauh berbeza. Kumpulan besar itu memang ada, mungkin dalam bentuk pada masa itu pergerakan militan komunis yang ada di hutan dan di bandar.

Oleh sebab itu ayat itu ada maksud, ada *meaning*, ada maksudnya tetapi hari ini kita nampak Perdana Menteri dan penasihatnya masih hendak gunakan satu cerita dongeng *you know, this is a fiction*. Ini tidak wujud lagi. Jadi sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena betul, kita patut gunakan undang-undang yang lain, Perkara 149 ini lapuk dan tidak perlu dipakai lagi. Saya minta penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang yang bersetuju dengan pendapat saya, bahawa tidak perlu kepada kita bertolak daripada Perkara 149 sebab saya katakan bahawa, kita hendak hapuskan ISA kerana ISA telah menafikan hak-hak yang terkandung di dalam Perlembagaan negara kita tetapi apabila kita wujudkan satu undang-undang yang menggantikan ISA, ianya bertolak daripada Perkara 149, bermakna bahawa kita mengekalkan hak-hak yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan kerana ia melangkaui peruntukan-peruntukan lain yang dijamin oleh Perlembagaan dan Perkara 149 ini juga memberi kuasa yang amat luas kepada Parlimen dengan majoriti Ahli Parlimen untuk menggubal undang-undang yang bertentangan dengan perlembagaan.

Saya hendak katakan bahawa Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengizinkan sama sekali Parlimen ini menggubal satu undang-undang yang bertentangan dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan yang terdapat dalam negara kita.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya cukup setuju Tuan Yang di-Pertua apa yang berlaku di dalam Dewan ini sangat mencurigakan. Apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendakkan kita semua sebagai Ahli Parlimen adalah untuk mengambil satu keputusan dan bersetuju bahawa kini ada tindakan yang diambil, ada tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang dalam dan di luar Malaysia untuk menyebabkan keganasan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sini hendakkan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk setuju kepada perkara itu. Ini fakta dan kita sebagai Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua bolehkah kita setuju kepada satu perkara yang kita semua tahu tidak betul, tidak berlaku. Itu menjadi isu asas, pokok asas. Kalau kita hendak gunakan Perkara 149, peruntukan Perlembagaan Persekutuan ada dimaksudkan dan dinyatakan di situ boleh digunakan dalam keadaan-keadaan tertentu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terdesak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Keadaan-keadaan tertentu seperti mana disenaraikan di situ. Isu asas, utama perkara nombor satu yang kita kena lihat semua Ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk kita sebagai Ahli Parlimen Pembangkang, *we are all here as a Members of Parliament*, boleh kita setuju. Maknanya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua Parlimen akan menyatakan bahawa Malaysia tidak menjadi negara yang aman.

Sebenarnya Malaysia satu negara di mana kita terancam oleh seorang atau sekumpulan orang besar yang hendak membawa kepada keganasan. *Is that true, is that a fact*, memang tidak. Apa komen Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun dalam semangat yang sama apabila dibahaskan Yang Berhormat Pokok Sena akan perkara ini saya dapat jelas bukan seperti mana sahabat Yang Berhormat Subang menyebutkan saya setuju dengan apa Yang Berhormat Subang bangkitkan. Ia bukan satu yang tahuul atau satu yang direka tetapi jelas bahawa bahawasanya tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam. Bermakna peruntukan ini, peruntukan yang atas dalam *Federal Constitution* merupakan satu *special powers*. Ia adalah satu yang selalunya Perkara 149 dan Perkara 150 ini dibaca bersekali kerana *special powers* itu.

Maka jelas bahawa peruntukan yang diberikan dalam Perkara 149 itu adalah ketika telah berlaku. Ia bukan satu dongengan, ia bukan satu yang direka cipta. Contohnya pada yang melatarbelakangi Perkara 149 itu adalah komunis tetapi kalau mahu diperuntukkan dalam satu akta, maka ia sudah cukup dengan *Criminal Prosedure Code*, Kanun Kesejahteraan dan Akta Keterangan. Mengapa perlu satu undang-undang seperti ini?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, pendekkan, cepat sedikit.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Kita menolak ISA kerana ianya menafikan hak asasi. Hak asasi yang dijamin dalam perlumbagaan dan kita apabila bertitik tolak daripada Perkara 149, kita bertolak daripada peruntukan yang membenarkan Parlimen menggubal undang-undang yang menafikan hak asasi ini. Lalu apa maknanya? Maknanya kita tolak ISA dan kita gubal undang-undang atas Perkara 149 yang juga akan menafikan hak asasi kita. Lalu ini satu pembohongan dan saya kasihan dengan Yang Berhormat Rembau. Tadi dia hendak cari hujah, dia terpaksa cari ucapan Abraham Lincoln pada zaman *Civil War*, orang tengah perang, Perang Saudara. Takkan tidak ada hujah lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena 10 minit tinggal.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, ya terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Shah Alam yang telah memberikan penghujahan yang sangat baik, yang sangat bernes yang sepatutnya menjadi pertimbangan Dewan ini untuk memikirkan semula tentang kedudukan rang undang-undang ini yang saya fikir bahawa dia seharusnya sama ada ditarik balik ataupun kita boleh setuju, perlu wujud satu undang-undang tetapi perlu kembali kepada PSC, kepada satu *Parliamentary Select Committee* untuk menilai kembali kerana ada sejarah dalam Parlimen ini satu rang undang-undang, saya tidak begitu ingat kalau tidak salah saya sama ada Kanun Tatacara Jenayah...

**Seorang Ahli:** DNA.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** DNA yang pernah dikembalikan kepada PSC untuk menyemak semula.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa tidak menjadi masalah kepada Parlimen, kepada Dewan hari ini untuk kembali dan membentuk satu *Select Committee* dan minta mereka meneliti sebab saya katakan tadi bahawa tidak ada satu keperluan. Kalau langkah-langkah khas bermakna bahawa kita harus kembali kepada Kanun Tatacara Jenayah. Itu merupakan langkah-langkah khas. Kita hanya perlu meminda, memasukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan soal keganasan. Soal hukuman, kita kembali kepada Kanun Keseksaan dan kita masukkan pindaan kepada Kanun Keseksaan untuk memasukkan apa-apa bentuk hukuman di dalam Kanun Keseksaan.

Jadi saya katakan bahawa apa keperluan? Keperluannya sekarang saya melihat bahawa ia tidak lari daripada asas kewujudan ISA itu sendiri iaitu untuk menafikan. Pertama menafikan hak setiap rakyat untuk mendapat hak-hak yang tertentu seperti mana yang terkandung dalam perkara 5, perkara 9, perkara 10 dan perkara 13 iaitu hak-hak kebebasan diri dan sebagainya yang harus ada kepada setiap rakyat dalam negara kita ini.

Keduanya ialah saya melihat bahawa apabila kita bertolak kepada Perkara 149, kita telah bertolak kepada kita merungkaikan dan kita merosakkan prinsip pemisahan kuasa, *separation of powers* yang seharusnya bermula daripada eksekutif sampai ke legislatif, sampai kepada kehakiman, kepada *judiciary*. Jadi ini sepatutnya yang berlaku dalam rang undang-undang ini tetapi saya lihat bahawa hari ini rang undang-undang ini telah pun secara jelasnya dalam perkara-perkara tertentu telah pun menafikan hak kehakiman untuk membuat satu keputusan hak kehakiman untuk membuat huraian hak kehakiman untuk membuat apa-apa *review* dan sebagainya, membuat keputusan atas kebijaksanaan, pertimbangan oleh mahkamah atau oleh sistem kehakiman yang ada dalam negara kita.

Jadi apabila saya katakan bahawa ini sekali lagi Dewan hari ini dipaksa untuk pertama sekali ialah untuk merungkaikan *separation of powers*. Kedua Dewan pada hari ini sekali lagi dipaksa untuk merampas kuasa kehakiman dalam negara kita dan Dewan sekali lagi selepas Perkara 121 yang telah dipinda pada zaman bekas Perdana Menteri sebelum ini iaitu Tun Dr. Mahathir pada tahun 1987 yang telah menyebabkan merampas kuasa kehakiman. Kita sekali lagi membawa satu peruntukan walaupun hanya dalam Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) tetapi kita

hakikatnya merampas kuasa kehakiman. Oleh sebab itu saya katakan, saya hendak menyatakan saya hendak merujuk kepada kenyataan Tun Mohd Zaidin, bekas Ketua Hakim Negara.

■1540

Dia mengatakan bahawa hakim-hakim dalam negara kita ini akhirnya menjadi akur, takut kepada eksekutif, takut kepada orang politik bermula daripada penghapusan Perkara 121 iaitu mencabut hak dan kuasa kehakiman. Jadi, saya katakan bahawa kita sekali lagi dipaksa pada hari ini untuk mencabut kuasa kehakiman. Kita sekali lagi dipaksa untuk tidak mempercayai tentang kebijaksanaan kehakiman. Contoh, saya katakan iaitu dalam seksyen 11, maklumat sensitif yang berbangkit semasa perbicaraan. Di sini ramai pengamal undang-undang yang ada dalam Dewan ini. Disebut, jika Menteri memperakui bahawa mengemukakan pernyataan atau ringkasan itu akan memudarangkan keselamatan negara ataupun kepentingan negara. Mahkamah tidak boleh memerintah pendakwaraya untuk mengemukakan apa-apa pernyataan dari segi fakta, dari segi dokumen sama ada dia daripada minit mesyuarat Majlis Jemaah Menteri dan sebagainya, tidak boleh. Walaupun itu satu pembohongan seorang Menteri. Dewan hari ini seolah-olahnya dipaksa untuk buat satu keputusan supaya mahkamah mempercayai pembohongan seorang Menteri. Sebab seorang Menteri hanya perlu membuat perakuan. Dia kata itu betul, memang ada unsur sensitiviti, subversif dan sebagainya. Apa dokumen? Oh, tidak boleh bagi dokumen tersebut. Itu dokumen yang sangat rahsia dan menyentuh soal Jemaah Menteri dan sebagainya, majlis mesyuarat kerajaan negeri, Jemaah Menteri, Jawatankuasa Jemaah Menteri dan sebagainya, tidak boleh.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Walaupun pada waktu itu, pernyataan itu dia berbohong, dia berbohong. Kita hari ini, Dewan yang mulia ini dipaksa untuk apa? Untuk mengusulkan menyetujui satu fasal memastikan mahkamah kena percaya kepada pembohongan seorang Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih. Sebenarnya bagi saya tidak ada unsur paksaan dalam rang undang-undang ini. Bahkan rang undang-undang ini membawa satu pengertian bahawa pihak berkuasa boleh menahan sesiapa sahaja sebelum satu perkara buruk yang mungkin akan mengakibatkan kerosakan kepada harta benda dan melayangnya nyawa. Itu yang pertama.

Kita buat begini, jangan lupa kita ada satu bukti ataupun kejadian yang berlaku di Mumbai, India kerana mereka tidak ada undang-undang preventif, maka walaupun mereka mengetahui tentang ada rancangan untuk melakukan keganasan tetapi kerana mereka tidak ada preventif, maka kejadian tersebut telah mengakibatkan banyak nyawa melayang. Sekarang ini India telahpun perkenalkan akta yang sama. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Pokok Sena, tambahan sedikit Yang Berhormat. Satu ayat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Yang Berhormat Pokok Sena, saya cuba menarik perhatian, yang buat Akta ISA ini namanya Profesor Hickling. Dalam sebuah buku, dia *recall* balik dialognya dengan Tun Razak. Dia kata, dengan

izin, "At one subject, preventive detention. Look sir", I said to the Minister Tun Razak, "Detention without trial can only be justified in time of national emergency. Cancel the state of emergency, such provision no longer exist..." Kemudian Tun Razak tanya dia, "Put yourself in my position, would you release all those people?" Sebab masa Tun Razak buat undang-undang ini dibentang, ada lebih kurang 358 anggota komunis bersenjata di sempadan Malaysia-Thai dan sebagainya. Kata Profesor Hickling, "Well, no." Tidak, dia tidak akan bebaskan tetapi dia kata masa Tun Razak, tidak berlakulah. Saya yakin, dia kata, "Minister, you would not abuse your power." Akan tetapi dia tanya, "What of his successors?" His son. Tidaklah, kebetulan sahaja. Bagaimana pula dengan penggantinya selepas itu?

Sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena, bila saya tengok siapa yang kena ISA. Saya baca ya - pengklon kad prabayar telefon awam, kena ISA. Kemudian dia sebut lagi, pengklon telefon bimbit, aktivis kesatuan sekerja MAS 22 orang, Februari 1979, bantah campur tangan kerajaan dalam pentadbiran MAS, kesatuan sekerja. Kemudian aktivis masyarakat yang bangkang pembinaan tol di Cheras. ISA juga. Penulis Laporan Peristiwa Memali menurut versi beliau sendiri yang bercanggah dengan Kertas Putih Kerajaan, kena juga ISA. Jadi, ini yang Profesor Hickling maksudkan. Masa Tun Razak dahulu mungkin tidak berlaku dan tidak berlaku tetapi penggantinya selepas itu, kalau sudah kad prabayar pun kena, bantah tol pun kena ISA, ini keselamatan negara apa ini? Ini keselamatan parti pemerintah sebenarnya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Pokok Sena, ini fasal Yang Berhormat Jasin tadi. Ringkas. Saya rasa Yang Berhormat Jasin tidak faham. Bila kita bertolak daripada Perkara 149 tadi sudah tiga empat orang sudah baca. Ianya bertolak daripada keadaan telah berlaku satu ancaman, telah berlaku satu kumpulan besar manusia seperti mana di Mumbai. Bila sudah berlaku barulah digubalkan undang-undang di dalam Parlimen bertolak dari 149 tetapi dalam keadaan sekarang ini, kita bangga, kita kata negara Malaysia yang terselamat di *Asian*. Nombor 14 terselamat di dunia dan bila digubal ISA dahulu oleh kerana ada ancaman komunis, disebut khusus atas sebab wujudnya pengganas-pengganas daripada komunis. Lalu digubal berdasar dan bertolak daripada Perkara 149. Ini kita tidak ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kita gubal. Ini menjadikan satu salah guna undang-undang yang terdapat di dalam Perlumbagaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, baik terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya harap apa yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam itulah jawapan saya sebenarnya kepada Yang Berhormat Jasin. Saya harap boleh jadi sebahagian daripada ucapan saya termasuk juga daripada Yang Berhormat Machang yang saya katakan bahawa satu penjelasan yang membantu untuk Dewan ini memahami persoalan pokok yang sedang kita bincangkan. Apa yang penting kepada kita pada hari ini ialah untuk memastikan supaya rang

undang-undang ini dibawa kembali ke *Select Committee* untuk dipermasakkan, diteliti tentang apa-apa keperluan yang boleh dilakukan. Ini kerana saya katakan tadi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak bangun tetapi masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maaf, maaf masa sudah habis. *Sorry, sorry.* Kalau bangun awal tadi, *Allah* lama sudah sebut nama dia, baru dia sedar. Lenakah apa tadi?... *[Ketawa]*

Jadi, saya harap bahawa ini merupakan perkara yang sangat serius. Dewan ini tidak boleh dipaksa macam saya katakan tadi untuk merumus, menyetujui satu rang undang-undang. Walaupun pada prinsipnya kita bersetuju bahawa perlu ada undang-undang untuk mencegah keganasan dalam negara kita tetapi macam saya katakan tadi bahawa cukup dengan Kanun Tatacara Jenayah dan hukumannya dalam Kanun Kesejahteraan. Ini harus dilihat dan kebimbangan saya nanti bahawa- saya tidak tahulah sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional juga boleh bersetuju bahawa kalau mereka bersetuju bahawa satu *task force* yang saya sebut baru-baru ini yang berkaitan dengan kebanjiran warga asing yang diberikan warganegara pun mereka itu harus didakwa dengan akta ini. Sedangkan *task force* itu beroperasi di Pejabat Perdana Menteri. Adakah kita bersedia untuk membawa *task force* ini kerana ini merupakan satu pengkhianatan kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga Raja-Raja Melayu. Ini benda yang lebih serius, yang cukup besar. Ini kerana tidak mustahil satu hari nanti ada rakyat Myanmar yang jadi warganegara, jadi Ahli Parlimen belah Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Rakyat Nepal sebab UMNO sekarang ini sudah jadi '*United Myanmar-Nepal Organisation'*... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Pokok Sena satu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, saya harap sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibawa kembali ke *Select Committee* untuk dipermasakkan supaya memastikan bahawa kita tidak melakukan satu perbuatan yang salah dari sudut prinsip keadilan di dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau nanti ada Ahli Yang Berhormat UMNO berucap, kemudian diistilah lain nama parti Yang Berhormat nanti, macam mana? Tidak bolehlah sebut UMNO itu ada Nepal Yang Berhormat. *It's not right.*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Kemungkinan satu hari nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia mengundang.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Bagus, tarik balik!

■1550

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nanti daripada UMNO cakap, PAS itu dia ubah sedikit, DAP itu dia ubah sikit. Tidak eloklah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak ada apa masalah. Depa kata petik sahaja selesai. Tapi apa depa hendak kata, kata lah.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** 'Parti ajaran sesat' - PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebenarnya tidak perlulah Yang Berhormat. Okey, tidak perlu. Yang Berhormat Pasir Salak.

**Seorang Ahli:** Ha, jaga! Dengar!

3.50 ptg.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*  
*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.*

**Seorang Ahli:** Imam baca khutbah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Sebagai mukadimah, saya dahulu ditahan ISA. Pada masa itu, Yang Berhormat Permatang Pauh sahabat saya. Masa itu bersama dengan kita dalam Barisan Nasional. Dalam UMNO juga. Saya ditahan dan memanglah kita tidak biasa ditahan. Sekali ditahan, terkejut juga. Dibawa pergi dan isteri pun tunggu di rumah tidak balik-balik. Tidak ada khabar berita. Terus tidak baliklah. Isteri saya katanya pergi jumpa dengan Yang Berhormat Permatang Pauh yang sekarang ini Ketua Pembangkang untuk bertanya macam mana, tidak bolehkah tolong keluarkan. Saya ini kena tahan ISA. Pertama sekali kawan, sahabat baik. Keduanya pemimpin besar.

Akan tetapi tidak ada apa-apa dan rumah saya pun. Ini cakap tadi. Sebelah sana ada cerita Yang Berhormat Pokok Sena cerita peribadi, bukan? Saya pun hendak cerita soal peribadi juga. Sikit sahaja. Rumah saya tidak jauh daripada rumah Yang Berhormat. Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu orang yang saya sanjung tinggi dan saya kempen seluruh Malaysia. Dia jadi Menteri, jadi Timbalan Perdana Menteri melalui UMNO dan saya sebagai *campaign manager*, sepuluh undi menang, kali pertama Ketua Pemuda itu, undi Pasir Salak ada itu dan undi daripada Johor. Tidak, boleh masuk Johor, saya yang telefon minta kebenaran daripada Datuk Musa Hitam, Timbalan Presiden UMNO untuk mendapatkan kebenaran masuk Johor dan saya di suruh telefon Menteri Besar Johor untuk mendapatkan peluang bagi membawanya masuk. Saya bawa dan Menteri Besar Johor tunggu. Sediakan dengan Pemuda-pemuda UMNO makanan dan sebagainya.

Itu bukan sepuluh undi itu. Banyak undi itu. Saya bawa ke Perak. Bawa ke seluruh tempatlah.

**Seorang Ahli:** Silap besar itu, silap besar itu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak silap. Masa itu dia bagus. Bagus. Masa itu bagus. Jadi balik cerita ISA. Isteri saya tertunggu-tunggu di rumah kot-kot ada pembelaan pasal kalau dengar cerita hari ini, dia tidak bersetuju dengan tahanan ISA. Tidak adil, bukan? Zalim itu ini apa semua? Ini kita meringkuk dekat dalam, tidak ada pun apa-apa bantuan, belas kasihan. Rumah pula itu di belakang rumah saya sahaja rumah dia. Lalu lalang pergi pejabat. Balik pejabat tidak jauh daripada..., lalu dekat rumah saya. Jiran. Tidak ada pun singgah, tanya khabar anak-anak sayakah?...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** You orang tidak tahu cerita ini. Duduk, duduk. Sudah-sudah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak jumpa Menteri-menteri lainkah? Menteri-menteri lain tidak pergi jumpakah? Jumpa Yang Berhormat Permatang Pauh seorang sahajakah? Timbalan Perdana Menteri sekarangkah? Menteri-menteri lain tidak pergi jumpakah? Atau mereka semua setuju Yang Berhormat Pasir Salak ditangkap kot.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Beberapa Ahli:** Duduklah, duduklah. Kacaulah.

**Seorang Ahli:** Hendak jadi calonkah..., hendak jadi calon?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Salah lampulah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi tidak ada apa-apa berita. Pertolongan pun tidak ada. Apalah salah. Singgahlah sekejap tanya apa khabar anak-anak. Kawan-kawan saya yang lain-lain datang. Tanya apa khabar. Anak-anak sekolah atau tidak..., okey atau tidak okey?

Saya hendak beritahu di sini. Bukan saya hendak puji, hendak angkat atau apa, tidak! Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri inilah dahulu pada masa itu Ketua Pemuda yang datang ke rumah saya. Betul... *[Tepuk]* Betul! Dengar ini. Mana ini, Yang Berhormat Putrajaya? Ini! Inilah kawan. Inilah dia. Mana lagi ada dua atau tiga orang...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Confirm Yang Berhormat Pasir Salak bertanding sekali lagi. Confirm!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi saya tidak tahu macam mana kata tidak bersetuju dengan tindakan ISA, itu ini dan sebagainya. Akan tetapi masa berlaku? Masa berlaku tidak ada apa-apa pun. When, bila 60 hari kita di dalam. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena cerita...

**Seorang Ahli:** Dua tahun!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dua tahunkah atau 60 hari? Dua tahun itu tidak ada teruk sangat. Tanyalah Yang Berhormat Permatang Pauh. Dia tahu. Yang teruk itu masa *the first 60 days* itu, dengan izin. Tidak jumpa orang dalam *solitary confinement*. Selepas 60 hari, you pergi Kemunting, boleh campur. Boleh itu, boleh ini. Boleh main, boleh bersukan, boleh apa. Ini 60 hari itu tidak jumpa orang duduk dekat dalam. Macam kena kurung begitu.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Pasir Salak, hendak minta. Tuan Yang di-Pertua, apa kesalahan masuk dalam ISA itu, kalau boleh kita hendak dengar?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh. Sabarlah dahulu. Pelan, pelanlah.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tidak, lama sangat cerita ini. Tulis buku cerita pasal sendirilah... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebab saya hendak tahu, saya masa itu adalah salah seorang daripada EXCO Pemuda UMNO dan kita bangun, bertindak kerana pada masa itu ada satu gelombang membawa kepada penentangan terhadap kuasa. Kuasa yang terletak di dalam Perlembagaan. Adat Raja-Raja Melayu dipersoalkan. Ini bukan soal perkauman. Ini dalam Perlembagaan tetapi jangan dibelitkan. Bila kata ketuanan Melayu, *Malay supremacy. We are not talking about Malay supremacy. Don't manipulate. We are talking about Malay leadership. This has been all along in our country*, dengan izin. Akan tetapi kita tidak ada menganiaya sesiapa. Adakah orang-orang Melayu, ketuanan Melayu ataupun pemerintahan Melayu yang diketuai oleh UMNO dan diterajui oleh UMNO dengan sokongan daripada parti yang lain, kerjasama, kita tidak menindas bangsa lain. Bila sebut ketuanan Melayu, yang lain ini *second class*, Melayu *first class*.

Hakikatnya adakah kita *first class*. Adakah bangsa lain kita anggap *second class* atau *third class*? Ini *manipulation. Political by politician*. Politikus-politikus. Ini menunjukkan, apabila ISA digunakan semasa Operasi Lalang, termasuk saya orang UMNO, dipihak kerajaan pun ditahan. Jadi bermakna tuduhan mengatakan ISA digunakan untuk menentang, untuk memusnahkan musuh-musuh politik, itu tidak betul sama sekali! Tidak betul!

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Drama sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa drama? You hendak masuk? Trylah!

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sandiwara.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita ditahan. Saya tidak diletakkan di rumah banglo. Saya tidak diletakkan di rumah berasingan. Saya serupa juga ditahan seperti Yang Berhormat Bagan, seperti Yang Berhormat Tasek Gelugor dan sebagainya. Ditempatkan di tahanan yang sama, makanan yang sama dan layanan yang sama. Apa bezanya? Tidak ada beza. Jadi sebab itu jangan dituduh bahawa ISA digunakan semata-mata untuk *political interest of the ruling party*, dengan izin. *It is not true*. Ini adalah satu tohmahan yang tidak betul. ISA digunakan di masa lampau dengan tujuan untuk menjaga keselamatan dan kestabilan negara kita pada hari ini. Yang kita dapat lihat yang ekonomi Malaysia pada hari ini, pembangunan negara Malaysia ini boleh dibangunkan begitu rupa. Kalau pihak rakan-rakan kita di sebelah sana tidak bangga dengan kejayaan Malaysia, *that is your problem. That is your problem*. Akan tetapi pokoknya, rakyat Malaysia majoritinya mengiktiraf kejayaan dan pembangunan negara kita dan negara dunia mengakui Malaysia ini berjaya... *[Tepuk]* Tuan-tuan tidak mengiktirafnya, itu tuan-tuan punya pasal.

■1600

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa pasal? Kita pun tahu apa pasal. *It is all about political reason. It is not for anything else,* dengan izin. Tak apalah, *you can go on with your own political pursuit.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, I have no time for* Yang Berhormat Kepong. *Sorry, thank you very much,* dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekarang saya sudah belajar daripada kesilapan dahulu. Bagi peluang, peluang, peluang, saya tidak boleh bercakap. *I cannot be too nice anymore.. [Ketawa] Be too nice, generous. I give them the peluang and then they get back at me,* dengan izin. Ini semua puak-puak ini tidak boleh buat baik belaka... *[Disampuk] You know that. So,* masa itu kata ini. Bila ISA digubal tujuannya dahulu ialah kerana komunis. Kerana *terrorist. Hey! Come on man.* Tuan Yang di-Pertua, komunis ini satu bentuk, satu kumpulan yang mengancam keselamatan kita. Akan tetapi spirit komunis itu, perangai komunis itu tidak semestinya dari golongan komunis sahaja. Daripada puak-puak politik yang tidak bertanggungjawab, kegiatannya pun boleh mengakibatkan kehancuran kepada negara yang boleh dibawa seperti pihak komunis juga bawa. Betul atau tidak?...

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *So, this is,* Tuan Yang di-Pertua – buka sedikit minda itu. Jangan berfikiran dalam kotak yang kecil. Bila sebut komunis, *is communist.* Perangai macam komunis itu, seperti Chin Peng pun wujud di kalangan banyak di kalangan daripada... Saya hendak cakap, saya pun kesian juga kalau hendak tuduh-tuduh. Akan tetapi kalau perangai macam Yang Berhormat Bagan itu, *this is the man. Father and son* dengan izin, perangai macam komunis...

**Beberapa Ahli:** Huh!!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Why not?* Yang Berhormat dari BEBAS, Yang Berhormat Pasir Mas sudah cerita. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sudah cerita. *What happened,* dengan izin *in 1969, what happened? The bloodshed* dengan izin, *in 1969, who caused it?*

**Beberapa Ahli:** UMNO.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa? Itulah, tidak malu muka kata orang lain. *Malulah* sedikit, malulah sedikit. Kalau tidak tahu, jangan bercakap. Ya tidak?... *[Disampuk]* Siapa dia?

**Seorang Ahli:** Harun bin Idris.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* tahu Dato' Harun Idris, semasa itu DAP pergi rumah dia, buka seluar. Tunjuk kepada Dato' Harun Idris. *Do you know that?*

**Seorang Ahli:** Betulkah itu?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You don't know, don't talk,* dengan izin. Saya bercakap, saya sudah bagi tahu *my Chinese voters, don't listen to DAP. They will accuse me of being*

*racist. I am not racist. I am telling you, I am not racist.* Inilah, ini di Perak. Baru menang sedikit, dapat 18 Kerusi di Perak tahun 2008. Tuan-tuan tidak tahu, Yang Berhormat Permatang Pauh pun tak sedar, Ketua Pembangkang..., *chung, cheng! Chung, cheng! Chung! cheng!...*

**Beberapa Ahli:** Apa dia tu?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Do you understand? You know what I am talking about? Punya arrogant. Punya arrogant, hendak halau semua orang daripada Pekan Ipoh. Seperti tahun 1969, hendak halau semua orang daripada Kuala Lumpur. Balik kampung, tanam ubi, tanam kacang. Who says these? I want to ask you dengan izin, DAP! This is...*

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Siapa kawan DAP?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *It is a historical fact. Tuan Yang di-Pertua, fakta sejarah yang saudara semua tidak boleh lupakan, or you cannot deny this, but you work with DAP today for political expediency. Nothing else...*

**Seorang Ahli:** GERAKAN, GERAKAN?

*[Tuan Yang di-Pertua mempengaruhi Mesyuarat]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *...For your survival dengan izin. It is not because for the interest or the nation. I believe you can tanya Ketua Pembangkang itu, deep in his heart. He disagreed with DAP, I know that but he has no choice. No choice at all... [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, dengan izin...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak, pakai Baju Kebangsaan, berhujah dalam bahasa Inggeris, makin menjadi... *[Ketawa]* Sila teruskan, sila teruskan. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Masa lebih sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Exercise kontrol sedikit... [Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebab dia bukan rasis itu, dia kata dia bukan rasis ya.

**Seorang Ahli:** Percaya kepala bapa kamu!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]* Ha! Itu bukan saya ya. *Not me*, dengan izin, *not me*.

**Seorang Ahli:** *Okey, okey, I believe you, I believe you.* Itu semua kartun.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan dia kata, umur 26 tahun dia diambil tindakan. Ya, umur 26 tahun pun, kalau *you* sudah mengancam keselamatan. Takkan orang hendak biarkan umur 26 tahun? Sekarang ini pun kau orang ajar semua budak pergi nun, buat demonstrasi. Baling itu, baling ini.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Bukan Yang Berhormat Pasir Salak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa itu?

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Pasir Salak bukan mengajar demonstrasi dahulu ini? Zaman kita di...

**Seorang Ahli:** Itu Yang Berhormat Sungai Petani... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Sungai Petani ini. Tidak payahlah saya hendak layan *you*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lima minit lagi Yang Berhormat, lima minit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Betul tidak? Tuan Yang di-Pertua, sikap DAP ini jelas, jelas... *[Disampuk]* Apa dia?

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak ulang balik. Puak-puak ataupun individu yang mengancam keselamatan negara, tidak mestinya datang daripada siapa yang mereka kita panggil komunis. *Anybody*, dengan izin. Siapa pun sekiranya yang mengancam keselamatan, mengganggu kestabilan yang kita terpaksa pertahankan. Kita tidak mahu jadi *you know, I am sorry to say*. Kawan-kawan kita bangga sangat dengan *Arab Spring*. *Arab Spring*, Oh! Bagus! Tentang Hosni Mubarak. Perjuangan demokrasi, *something like that also can happen in Malaysia, Arab...*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I want to tell you* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Go ahead, I am listening...* *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa terjadi kepada *Egypt*, Mesir?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini saya hendak sebut satu-persatu. Ekonomi habis, hancur ekonomi *Egypt*.

**Rawa [Parit Buntar]:** Sebelum revolusi pun, *Egypt* sudah habis, sudah runtuh. Bukan... *[Dewan riu]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Alah!... *[Dewan riu]*

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Jadi, mewarisi apa yang dibuat oleh pemimpin yang korup.

**Seorang Ahli:** Tak payahlah! Duduk sahaja!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kalau pun hendak mencelah, celah dengan cara baik. Sila teruskan Yang Berhormat. Ada dua, tiga minit lagi Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, *must read the report*. Ini bukan saya reka. *Report*, baca. Satu contoh, *The Edge Financial Daily*. You bacalah contoh. Bukan saya yang tulis. Ekonomi, *unemployment* sampai 30%. Tidak ada kerja dah pasal bergaduh sahaja! Perang! *Investment drop!* Hutang negara atau *national debt shoot-up* sampai beratus persen.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Itu sebab Hosni Mubarak lah itu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Tourism* tidak usah cakaplah, siapa hendak pergi? So, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adakah kita hendak perkara ini berlaku kepada negara kita

Malaysia supaya kita punya ekonomi terjadi seperti mereka juga? Inilah sebabnya. Jadi, yang kita hendak...

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sebelum ini sudah jadi dah pun... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, itu saudara-mara, anak saudara tuan-tuan...

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sebanyak 53% lagi. Tinggal 55%, muflis. Kita belum perintah lagi itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari ini kenapa Yang Berhormat Parit Buntar begitu?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh bercakap Tuan Yang di-Pertua?..  
*[Ketawa]* Ini apa, Parlimen kah apa ini?... *[Ketawa]*,

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau rakyat sudah kaya, tidak bagi RM500 itu. Sudah 50 lebih, macam itulah juga. Apa lagi hendak cerita? Itulah dia, hendak cerita apa lagi?... *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Biadab betul.

**Seorang Ahli:** Ini bukan pasar ikanlah hoi!

#### ■1610

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pasir Salak, ini tali barut DAP, Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Inilah...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Tali barut DAP.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Parlimen *world class* kepada pihak pembangkang. *It's a world class Parliament*, syabas kita ucapkan... *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang kata *world class* itu sudah melompat...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat pembangkanglah *at the beginning of this Parliament 2008, we want a first class, we want the world class Parliament*. Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita hendak *world class Parliament. First world*. Muka-muka ini hendak *first world*?... *[Ketawa]* Muka-muka ini? Ala, minta maaflah. Banyak-banyak minta maaflah... *[Ketawa]* Kalau inilah hendak bagi contoh *Members of world class Parliament*...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Jadi hendak muka macam *you* kah?... *[Ketawa]* Apa punya muka? Tengok muka *you* sendirilah. *You see your own facelash*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]* Minta maaflah banyak-banyak. Okeylah itu dahulu ISA sudah guna pakai, sudah habis, habislah. Masa dahulu. Akan tetapi adalah sedikit sebanyak tu, maklumlahkan. Tidakkanlah *perfect* pelaksanaan ISA itu. Adalah silap sedikit sebanyak. Yang Berhormat dari pembangkang kena, saya pun ada kena. Itulah perjuangan namanya. Ini perjuangan kena sedikit aduh, aduh, aduh! Polis tangkap sedikit sahaja aduh, aduh, aduh! Perjuangan taik minyak namanya... *[Ketawa]* Apa pejuang? Kita pejuang mesti berani. Apa jadi pun biar badai

datang, kita pasti menentangnya... *[Tepuk]* Macam itu. Apa ini? Ini kena gas pemedih mata, aduh, aduh, zalimnya polis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Gigit telinga polis, apa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh gulung Yang Berhormat. Masa, masa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, saya hendak menggulung. Saya pun kasihan juga Yang Berhormat Permatang Pauh dahulukan? Sampai lebam biji mata kena kerjakan Ketua Polis Negara... *[Ketawa]* Macam mana hendak buat. Kalau sudah cabar-cabar sangat, terlepaslah penumbuk kawan... *[Ketawa]* Cuba *control* sedikit mulut itu.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Jadi Yang Berhormat Pasir Salak setuju mata lembam.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau mulut itu tidak keluarkan perkataan-perkataan provokatif yang menjatuhkan maruah, tidakkanlah kawan itu hendak bagi penumbuk tidak tentu fasal, betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya pun, *don't disturb me. You don't disturb me, I don't disturb you...*

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Inilah *world class Parliament*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *But the moment you disturb me, I will fight back.* Itu sahaja. Adakan etika itu. Kalau kita sama-sama hormat-menghormati tidak ada masalah. *No problem.* Sekarang ISA sudah lepas. Kita pergi kepada era baru. Era baru pun jangan kita harapkan yang mutlak. Mana boleh? Ini semua bukan perangai elok-elok belaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. *Can I disturb you by invoking the* peraturan mesyuarat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, apa itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sudah dengan ucapan banyak-banyak terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Machang.

#### 4.14 ptg.

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuhi.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan. *Insya-Allah* saya akan bahaskan dalam tempoh masa yang Tuan Yang di-Pertua izinkan dan saya akan membahas menggunakan bahasa Melayu *insya-Allah* kecuali ada petikan khusus yang saya hendak petik dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun minta izin dengan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Ya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada 22 April 1960 Almarhum Tun Razak semasa itu Perdana Menteri membentangkan Akta ISA ini dan dia menjelaskan bahawa undang-undang ini seperti ISA telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan untuk tamat dalam tempoh selepas satu tahun dan Dewan Rakyat boleh membuat resolusi membatalkannya pada bila-bila masa. Itu pada permulaan Almarhum Tun Razak ketika niat sebenar membentangkan Akta ISA ini dia menggunakan satu peruntukan iaitu Perkara 149, subperenggan 2, di mana ianya akan berkuatkuasa sejurus tamat untuk tempoh satu tahun dan Dewan Rakyat boleh membuat resolusi membatalkannya pada bila-bila masa. Malangnya kemudian daripada itu pindaan perlembagaan telah dibuat iaitu dengan membatalkan perenggan 2, dalam Artikel 149 yang memperuntukkan kuat kuasa undang-undang Anti Subversif hanya satu tahun. Hari ini April 2012 genap 50 tahun barulah Akta ISA ini dapat kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkanya pada sesi pagi tadi untuk membatalkan akta ini saya mengambil pendirian menyambut baik dan menyokong pembatalan akta ini. Ini saya pandukan kepada nasihat Khalifah Umar Al-Khattab kepada gabenor Abu Musa Al-Shaari. Kata Umar Al-Khattab jika kelmarin kamu telah membuat satu keputusan dan hari ini setelah dipertimbangkan semula telah menemukan satu pendapat yang benar. Kamu tidak seharusnya terasa tersekat daripada membatalkan keputusan terdahulu itu. ingatlah bahawa keadilan itu yang diutamakan dan adalah lebih baik membetulkannya daripada terus kekal dalam kebatilan.

Dalam konteks dan semangat itu saya menyambut baik langkah-langkah yang diambil membatalkan akta ini. Akta ini daripada awal pun ditentang kerana bercanggah dengan prinsip-prinsip asas perlembagaan, prinsip-prinsip keadilan iaitu yang pertama seorang yang ditangkap hendaklah dimaklumkan pertuduhan ke atasnya. Dia hendaklah dibawa ke muka pengadilan. Ada hakim yang mengadilinya. Dia dibenarkan diambil peguam dan apabila dijatuhi hukuman dia dibolehkan untuk membuat rayuan. Kesemua prinsip keadilan sejagat itu tidak dipenuhi dalam konteks Akta ISA yang kita perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik dengan izin, pendapat Maulana Abul A'la Maududi ketika dia membahaskan Perlembagaan Negara Pakistan ketika adanya usaha memasukkan penahanan tanpa bicara. Kata Maulana Abul A'la Maududi dengan izin, "*They first enact the necessary unlawful laws to justify the unlawful practices and then lawfully imprison their victims*". Itu kata Maulana Abul Ala Maududi sebab undang-undang yang sama dibuat dalam Perlembagaan Pakistan 1952. *Preventive detention*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan kadang-kadang disebut tujuan ISA ini adalah untuk penahanan perlindungan. Saya sempat membuat rujukan ringkas Tuan Yang di-Pertua asal perkataan atau maksud sebenar *preventive detention* ini dia merujuk kepada tindakan yang dibuat oleh para hakim di Britian pada zaman perang dunia pertama tahun 1914 apabila ada di kalangan anggota tentera British pada waktu itu yang berhubungan dengan pihak musuh.

Akan tetapi ketika mengambil tindakan ke atas askar British yang berhubungan dengan pihak musuh itu, hakim yang membuat keputusan kata ini adalah langkah yang disebut sebagai *preventive*

*detention* dan dia sebut dengan izin, *preventive detention is not punitive but precautionary*. Ia adalah satu langkah untuk mengasingkan dan tidak membolehkan yang ditahan itu berkomunikasi dengan musuh dan mencegahnya daripada memberi pertolongan kepada musuh. Ia bukan satu hukuman, dia tidak dihukum ketika dalam tahanan 60 hari, dia tidak dipukul, dia tidak diaibkan, dan di luar sana pemerintah yang menguasai media massa tidak pula mengumumkan bentuk-bentuk pertuduhan yang tidak dapat dipertahankan.

Itu bukan maksud sebenar yang disebut sebagai *preventive detention*. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua ketika berlaku kepada Yang Berhormat Permatang Pauh ketika ditahan pada malam 20 September 1998 itu ditahan di bawah Kanun Keseksaan 373. Kita baru selesai solat Isyak berjemaah.

#### ■1620

Sebelum itu pun peguam-peguam Yang Berhormat Permatang Pauh maklumkan, jika pihak polis berhajat hendak ambil Yang Berhormat Permatang Puah, hendak tangkap, sila maklumkan. Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri akan pergi ke balai polis. Akan tetapi yang berlakunya ialah mereka pakai topeng, mereka tendang pintu, mereka pecahkan tingkap, mereka pijak sejadaht tempat kami sujud, air sembahyang pun belum kering lagi. Ini bukan berlaku di Israel, ini berlaku di tanah air ku yang tercinta. Masih segar dalam ingatan kami. Apabila malam itu dipukul separuh mati, biarlah kawan-kawan lama hendak ketawakan di atas kesengsaraan saudara seagama kita, silakan. Saya tidak akan kata apa. Akan tetapi setelah diperlakukan dengan begitu ganas sekali oleh Ketua Polis Negara, malam itu juga mereka mengadakan mesyuarat untuk menutup perbuatan jenayah mereka.

Mereka tahan Yang Berhormat Permatang Pauh di bawah ISA sebab menahan di bawah ISA tidak perlu mereka bawa ke mahkamah. Mereka boleh pegang dia selama 60 hari. Jenayah dilakukan oleh Ketua Polis Negara dilindungi oleh pegawai-pegawai tinggi polis ketika itu, dilindungi oleh Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Di luar sana kerana menguasai media, pemimpin UMNO khususnya, mentertawakan. Lebam mata itu kerana dia berbekam, lebam mata itu kononnya dia maki Ketua Polis sebagai bapa anjing. Dalam siasatan *Royal Commission* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, fakta yang *diestablished* ialah tidak ada kata-kata itu dikeluarkan. Itu keterangan saksi yang sahih, tetapi kita masih dengar hari ini, masih ada yang mahu mempercayai dongeng itu. Kita tinggalkan episod hitam itu. Kita mulakan satu episod baru.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada akta ini khususnya di bawah kuasa penangkapan dan penahanan. Fasal 4(1) menyebut, “*Seorang pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab...*” Seorang pegawai polis mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat seseorang itu dalam kesalahan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memilih untuk berbeza pendapat dan tidak bersetuju dengan seksyen ini berasaskan kepada satu kaedah yang sangat jelas di dalam Islam, agama yang saya anuti, iaitu sesuatu yang yakin tidak boleh dihapuskan dengan sesuatu yang syak. Apa yang yakin? Yang yakin adalah seseorang tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah melalui proses yang adil. Itu suatu yang

yakin. Apa yang syak? Yang syak ialah polis ada sebab untuk percaya atau Menteri berpuas hati. Ini saya memilih untuk tidak boleh menerima fasal 4(1). Ini kerana kaedah keadilan dalam Islam itu jelas. Apa yang terbukti dengan yakin tidak terhapus dengan syak. Oleh kerana seorang pegawai polis mempunyai sebab untuk percaya, itu masih dalam taraf syak. Yang yakinnya apa? Seorang yang ditangkap itu adalah tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah melalui proses yang adil. Kalau prinsip ini tidak dapat dipenuhi, tidak ada sebab untuk kita menyokong khusus fasal 4(1).

Isu keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, ancaman terhadap keselamatan negara adalah suatu yang memudaratkan. Itu tidak ada beza pendapat. Isunya ialah bolehkah suatu kemudaratkan dihilangkan atau diatasi dengan melakukan satu mudarat yang lain? Tangkap orang, tahan tanpa bicara 28 hari, aibkan dia, pukul dia, buat tuduhan dalam media. Itu bercanggah prinsip seseorang tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Prinsip yang saya hendak bawa untuk makluman berkongsi dengan Dewan ialah prinsip dalam Islam yang saya faham, kemudaratkan tidak dihilangkan dengan kemudaratkan yang lain. Ancaman keselamatan negara satu yang mudarat, tetapi ia tidak boleh dihilangkan dengan melakukan satu mudarat yang lain, kezaliman ke atas orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat sensitif. Fasal 11(4) menyebut Mahkamah tidak boleh memerintahkan pendakwaraya untuk mengemukakan apa-apa pernyataan fakta atau ringkasan mengenai maklumat sensitif jika Menteri memperakui bahawa pembukaan pernyataan atau ringkasan itu akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara. Fasal 11(4). Hujah saya untuk berbeza Tuan Yang di-Pertua, saya memetik pandangan yang diberikan Maulana Abul A'ala Maududi sekali lagi. Beliau sebut, *"The executive should not be given the privilege of withholding any piece of evidences considered essential by the court for giving its decision on the charges made. Mere satisfaction of the executive should in no case be a ground sufficient for the detention of a citizen. Only a court of law, if satisfied as to the guilt of the person, should have the power to order detention."*

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah soal maklumat-maklumat sensitif ini saya sandarkan keyakinan saya kepada satu peristiwa sirah yang berlaku zaman Nabi SAW tatkala Nabi dan para sahabat sedang melakukan perancangan untuk menakluki Kota Mekah. Ketika itu ada seorang sahabat namanya Hatib Abi Baltah, beliau telah membongkar dan membocorkan maklumat Nabi hendak serang Mekah. Beliau hantar satu nota melalui seorang perempuan untuk memaklumkan kepada pihak Quraisy di Kota Mekah. Nabi sempat meminta Sayidina Ali dan Zubir menahan – wanita itu ditahan dan dapat mengambil maklumat sensitif. Ini satu pengkhianatan yang cukup jelas. Di kalangan tentera Islam sendiri membocorkan rahsia tatkala Nabi hendak menyerang Kota Mekah. Siapa yang buat? Hatib bin Abi Baltah. Bagaimana beliau buat? Beliau bocarkan dengan bersurat. Siapa utusan beliau? Seorang perempuan. Pengkhianatan sebegini tidak ada tolok bandingnya. Apakah beliau ditahan selama 28 hari, 60 hari? Tidak.

Kalau kita baca sirah itu, mahkamah terbuka dibuka iaitu di Masjid Nabawi. Hatib ditanya, *"Mengapa mesti kamu bertindak begitu?"* Hatib beritahu, *"Sebenarnya saya ada isteri dan anak-anak di Mekah. Kalau saya membocorkan maklumat ini kepada pemimpin Quraisy, saya berharap mereka dapat*

*melindungi isteri dan anak-anak saya.*" Ketika itulah Sayidina Omar kata, "Wahai Rasulullah, izinkan aku penggal kepala Hatib." Nabi kata jangan, bahkan aku bebaskan Hatib. Perbicaraan terbuka. Apa asas Nabi bebaskan Hatib? Nabi kata, "*Hatib adalah anggota Badar. Anggota Perang Badar yang pernah berjasa dalam perjuangan.*" Walaupun bentuk pengkhianatan itu jelas, pengadilan terbuka dibuat.

Isu maklumat sensitif yang kita bahaskan dalam ini, apa lagi sensitif yang kita maksudkan kalau contoh itu hendak kita ambil kira? Kalau itu juga tidak cukup membuka minda kita, ya lah – bagaimana kisah Sayidina Ali bin Abi Talib berdepan dengan musuh politiknya daripada puak Khawarij. Seorang daripada puak Khawarij ini yang muncul secara terbuka memberikan kata-kata kesat dan mengecam Sayidina Ali bahkan mengisyiharkan akan membunuh Sayidina Ali secara terbuka, beliau ditangkap. Siapa yang ditangkap? Namanya Sarwar al-Mankuri. Dihadapkan kepada Sayidina Ali, perbicaraan terbuka. Sayidina Ali tanya apa kesalahan dia. Para sahabat kata dia telah mengutuk kamu, mengecam kamu, mengeluarkan kata-kata kesat ke atas kamu dan mengancam secara terbuka membunuh kamu. Apa kata Sayidina Ali? "*Apakah mesti aku membunuh dia walaupun dia belum lagi membunuh aku?*"

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kisah-kisah seperti ini perlu kita ingatkan balik ketika kita sebagai anggota penggubal undang-undang dalam hendak berbahas dan meluluskan sesuatu perkara. Memang dalam proses demokrasi di mana suara ramai itu menang, tidak boleh kita atasi khususnya daripada Pakatan Rakyat dari segi bilangan, tetapi itu tidak menghalang kita menjelaskan prinsip kita dalam mengambil bahagian ketika membahas tentang memansuhkan dan membatalkan akta ini dan membahas rang undang-undang baru.

Tuan Yang di-Pertua, 28 hari tempoh tahanan sebelum ia ditentukan sama ada diteruskan atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, saya sempat meneliti di Israel ada satu akta ISA. Itu dipanggil *Military Order 378*. Digunakan untuk menangkap pejuang Palestin tanpa bicara. Tuan Yang di-Pertua, akta ini dipinda beberapa kali.

### ■1630

Tahun 1994, akta ini membolehkan tahanan ditahan 18 hari tanpa dihadapkan ke mahkamah, 18 bukan 28. Kemudian disingkatkan kepada 11 hari dan akhir sekali pindaan tahun 1997 Akta ISA decided ini ialah tidak boleh tangkap orang tanpa bicara lebih lapan hari. Kita 28 hari, kita lebih bertamadun daripada Israel...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lebih teruk daripada Israel.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Kita 28 lah, Israel lapan. Lapan itu lebih lama daripada 28.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Machang. Sedarkah Yang Berhormat Machang katalah berhujah dalam semangat untuk membezakan apa yang di lakukan di sini dan dilaksanakan di Israel. Kalau kita merujuk kepada penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis Tuan Yang di-Pertua saya minta Yang Berhormat Machang untuk meletakkan kedudukan yang sebenarnya kerana pada setiap kali

seorang pendakwaraya di bawah subseksyen 1, mahkamah hendaklah memerintah apabila beliau diberikan walaupun – Kalau saya boleh bacakan di sini. Maaf Tuan Yang di-Pertua ya kalau boleh saya bacakan di sini; “*Walau apa pun Perkara 9, Perlembagaan Persekutuan jika mahkamah perbicaraan membebaskan tertuduh bagi kesalahan keselamatan pendakwaraya boleh memohon secara lisan kepada mahkamah untuk tertuduh direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difaikkan terhadap pembebasan tertuduh itu oleh pendakwaraya*”.

Andainya atas permohonan pendakwaraya itu di bawah subseksyen 1, “*Mahkamah hendaklah memerintah tertuduh itu direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difaikkan*”. Seterusnya, “*Apabila pendakwaraya memfaikkan rayuan terhadap pembebasan itu pendakwaraya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi sesuatu perintah untuk memenjarakan tertuduh sementara menunggu beresnya rayuan itu. Atas permohonan pendakwaraya di bawah subseksyen 3 mahkamah hendaklah memenjarakan tertuduh sementara menunggu beresnya rayuan itu*”.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Machang sebenarnya dalam proses ini kita dapati bahawa tertuduh walaupun belum lagi tentu salah benarnya telah mengalami keseksaan di reman begini rupa. Sementara Yang Berhormat Machang tadi menyebutkan satu prinsip yang betul-betul yang berteraskan kepada kaedah dalam Islam, *Islamic Legal Maxims... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Seorang itu tetap tidak bersalah selagi ianya tidak sabit dituduh ataupun dihukum salah dalam proses undang-undang yang sebenarnya di mahkamah*”. Oleh kerana itu, jelas walaupun ISA itu sudah dimansuhkan katanya tetap ianya dalam akta ini jauh lebih zalim nampaknya. Terima kasih Yang Berhormat Machang.

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya daripada Kuala Selangor. Memanglah hal itu juga disentuh tadi dalam perbahasan Yang Berhormat Permatang Pauh terutama proses yang dianggap sebagai satu formaliti di mana mahkamah tidak boleh berkata tidak. Terpaksa dengan izin *entertain* permohonan yang dibuat oleh Peguam Negara untuk terus bertindak ke atas orang yang ditahan. Tuan Yang di-Pertua, pendirian saya jelas dalam soal ini. Ia harus diteliti dan disemak semula sebelum daripada kita bersetuju memberikan kelulusan terutama dalam klausa yang jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip asas kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut bahawa ISA di Israel itu minimum ataupun syarat seorang ditahan itu tidak boleh lebih daripada lapan hari. Kemudian, jika sekiranya perintah tahanan lanjutan itu dibuat di sana dia tidak boleh untuk kali pertama melebihi enam bulan. Di tempat kita dua tahun. Kemudian, dalam tempoh itu seseorang itu boleh merayu lagi kepada mahkamah. Dia dibenarkan ambil peguam. Walaupun ada sekatan iaitu peguam tidak boleh mendapatkan bukti-buktii kenapa anak guam mereka ditahan. Hanya mahkamah yang boleh tentukan berapa banyak bukti yang boleh didedahkan kepada peguam bela. Di Malaysia pula, hanya menteri sahaja yang boleh pegang maklumat itu.

Mahkamah pula tidak ada kuasa mengarahkan Peguam Negara untuk semak bukti. Jadi kalau kita tengok persamaan ini tentulah kita rasa satu yang kita anggap dan kagum sebagai satu pembaharuan dalam kerangka transformasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kalau kita

ambil contoh daripada sebuah negara yang kita anggap paling yang kita tidak suka sekali pun berjalannya Akta ISA ini menyaksikan ruang-ruang di sana itu dalam konteks jumlah tahanan lapan hari berbanding 28 hari dan sebagainya itu jauh lebih lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya untuk memberikan sedikit pandangan terhadap rakan saya daripada Yang Berhormat Pasir Salak ketika memberikan ucapan tadi. Tatkala penahanan dalam krisis tahun 1987 Operasi Lalang kita pun faham masa itu latar belakangnya kerana pemimpin MCA Dato' Lim Kim Sai yang mempertikaikan bahawa kaum peribumi di negara kita bukannya orang Melayu. Akibatnya menimbulkan kemurkaan Tuanku Sultan Selangor, Dato' itu ditarik balik iaitu mengundang reaksi Pemuda UMNO pada masa itu. Ya, tetapi juga menyaksikan Dato' Lim Kim Sai tidak dikenakan ISA, Ketua Pemuda UMNO Dato' Najib juga tidak kena ISA yang kena... *[Disampuk]* Cuti Australia. Kena cuti ke Australia jadi ini antara kita nampak paradoks yang agak memuaskan jugalah dalam konteks kita hendak bercakap latar belakangnya itu dan yang kebanyakannya ditangkapnya itu adalah *team B* dalam UMNO masa itu. Yang Berhormat Pasir Salak *team B*, Yang Berhormat Pasir Mas *team B*, Fahmi Idris *team B*, *team A* tidak kenalah. Jadi masalah itu masalah politik UMNO sebenarnya ya, tidak ada kena mengena dengan keselamatan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua memberi izin kepada saya mengambil bahagian saya hargai saya ucapan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batang Sadong.

#### 4.32 ptg.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan serta menyokong Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Di sini biar saya mulakan dengan mengucapkan terima kasih.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dengan adanya niat yang baik yang hendak dilakukan oleh kerajaan ini kita amat memujilah langkah ini. Saya menyokong ingin menyatakan selamat tinggal kepada ISA dan selamat datang kepada Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Seperti biasa kita dengar tadi rakan-rakan kita di sebelah sini dan di sebelah sana apabila berhujah pihak pembangkang yang banyaknya mencari alasan untuk dengan izin *under estimate* inisiatif kerajaan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat memuji tindakan berani Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin sebuah negara berdaulat berbeza dengan negara-negara lain kerajaan kita mendengar rungutan-rungutan rakyat. Tadi ada menggunakan contoh seperti negara Egypt dan beberapa negara lain di mana banyak rusuhan berlaku dan mungkin ada yang hendak mencuba di Malaysia ini tetapi oleh kerajaan kita pemimpinnya sentiasa mempunyai pemikiran yang begitu terbuka sekali.

Malah beliau mengakui pagi tadi apabila beliau membentangkan pagi tadi mengatakan kerajaan yang menganggap dirinya mengetahui segalanya sudah tiada lagi. Masa ini kita perlu mendengarkan

keluhan rakyat. Jadi kerajaan kita mendampingi kalau kita perhatikan apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kita kerajaan kita sentiasa mendampingi kanak-kanak, remaja, wanita, veteran dan macam-macam jenis NGO yang ada di Malaysia ini. Semuanya dibantu, semua didampingi untuk mengetahui apakah masalah dan apakah kehendak mereka. Rakyat Malaysia memerlukan seorang pemimpin sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana beliau seorang pemimpin demokrasi yang bijak dan relevan untuk rakyat zaman moden seperti hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli politik tidak kira daripada pihak mana sekalipun seharusnya menyokong rang undang-undang ini. Akan tetapi tidak, pembangkang sentiasa hanya melihat daripada sudut mereka sahaja. Kalau kita dengar pagi tadi sehingga sekarang pun menyokong ISA dihapuskan tetapi macam pagi tadi contoh rakan saya dari Bagan tadi menyokong pemansuhan ISA. Akan tetapi, tidak menyokong rang undang-undang ini dan ada lagi rang undang-undang lain yang sama juga yang kita hendak pinda untuk melengkapkan pindaan dan juga pemansuhan ISA ini. Jadi apakah yang kita hendak biarkan Malaysia terus terancam.

Pihak pembangkang menentang pengenalan rang undang-undang ini tetapi tidak mahu memberi saranan atau cadangan. Kita terbuka dengan cadangan dan saranan yang mereka ingin nyatakan untuk kita supaya kita sama-sama merasa tanggungjawab kita ini kita beri input dalam peluang untuk kita berbahas ini. Saya berani katakan di sini bahawa apa yang kita lihatkan...

#### ■1640

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Batang Sadong. Boleh bagi laluan sedikit?

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Okey.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedang bermain politik Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batang Sadong, kita mansuhkan ISA, modal pembangkang habis. Habis. Modal pembangkang hendak memutarbelitkan fikiran rakyat habis. Sebab itu dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) ini, sebab modal ISA itu sudah habis, seberapa bolehlah pembangkang menzahirkan, maknanya undang-undang yang hendak kita luluskan ini lebih zalim daripada ISA. Itu modal dia.

Dia hanya hendak mencetuskan rasa tidak puas hati rakyat sedangkan tujuan kerajaan begitu murni mengenai keselamatan, ketenteraman. Kita tidak boleh kompromi. Keselamatan rakyat yang banyak harus dilindungi. Jadi, itulah main politik sahaja pembangkang ini. Dahulu sudah tidak ada modal lagi, modal itu sudah habis, modal ini cubalah seberapa boleh. Dia bongkar, dia bongkar, dia bongkar hendak mencetuskan kebencian kepada undang-undang ini walhal tujuan kerajaan hendak melindungi keselamatan rakyat. Apa pandangan?

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya mengharapkan apa yang dikatakan oleh Sri Gading ini tidak betullah, kita mengharapkan supaya kita sama-sama pada hari ini, betul-betul berjuang untuk membantu membawa penambahbaikan. Kita dari pagi tadi kita dengar tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini dan ada dua lagi rang undang-

undang lain kerana ada yang dikatakan tidak adil tetapi setuju dengan pemansuhan ISA. Jadi, apa yang kita hendak tahu di sini, apa yang pembangkang hendak. Negara seperti mana kita hendak wujudkan?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Batang Sadong. Sekejap.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Jadi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekejap. Sedikit sahaja.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Sekejap. Nanti, nanti saya bagi peluang sebab saya hendak ceritakan di sini. Malam tadi, saya dengan beberapa rakan hendak melihat sendiri – nanti / bagi peluang dengan *you*. Melihat sendiri apa yang berlaku di Dataran Merdeka. Kita dengar beberapa pelajar, kononnya pelajar dari IPTA dan juga IPTS pergi berdemonstrasi di sana. Jadi, saya hendak melihat sendiri. Saya berhenti pergi sana dan jumpa dua orang wanita yang dalam umur dalam 40s, dengan izin. Saya tanya apa yang berlaku di sini. Salah satu daripada wanita itu jawab, "Tidak tahu. Mereka membebek sahaja". Dia kata, membebek, tidak ada cerita lain, dia cerita pasal hutang lepas dia belajar. Lepas itu seorang lagi mak cik itu kata, dia kata, "Saya tidak tahulah budak-budak ini", dia kata.

Saya yang saya sedih tengok ini, bukan saya hendak rasis di sini tetapi ini saya hendak ceritakan apa yang berlaku, yang saya lihat semalam. Makcik ini kata, "*Mereka itu budak-budak Melayu sahaja di situ. 20, 30 orang budak Melayu sahaja. Hendak membodohkan diri*", dia kata. Ini saya kongsikan yang dikatakan oleh seorang wanita, saya tidak tahu dia bersekolah atau tidak bersekolah, dia kata, "*Ini budak-budak yang tidak pass lah ini. Dia hendak free sahaja. Kita duduk di rumah pun tidak free*", dia kata. Jadi ini, bayangkan ini orang yang *layman* punya cerita apabila saya bertanya apa yang berlaku di sini sebab saya hendak menyaksikan sendiri apa yang berlaku. Jadi, kita tidak mahu anak-anak kita, pelajar yang sepatutnya belajar...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Batang Sadong.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** ...Akan tetapi membuang masa untuk...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Batang Sadong.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Batang Sadong.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** ...Perkara-perkara yang tidak begitu produktif untuk mereka. Sekejap, saya tadi berjanji untuk memberi Yang Berhormat Batu lepas itu...

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Lepas ini.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** ...Tiga, empat. Okey, terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batang Sadong. Dari pagi tadi kita mendengar hujah-hujah yang diberikan oleh rakan-rakan kita daripada pihak pembangkang. Kalau dibaca ucapan mereka itu dalam bahasa Inggeris, mereka menggunakan *past tense*, bukan *present tense*. Mereka lebih ingin menceritakan tentang ISA yang telah pun kita mansuhkan, yang akan kita mansuhkan ini. Dia tidak bercerita tentang undang-undang baru ini. Itu satu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar bagaimana saudara daripada Machang, daripada beberapa rakan tadi, daripada Pokok Sena, yang sedang sekarang ini menjadi *lawyer* yang terbaik di dalam Dewan ini. Saya – itu satu pujian ya. Yang Berhormat Batang Sadong, dikatakan tadi

bahawa kononnya penyata-penyata maklumat sensitif ini tidak boleh diberikan kepada mahkamah. Kita berdepan dengan satu isu bahawa inilah keselamatan. Terrorism, keganasan. Bayangkan kalau maklumat itu yang mana kerajaan atau polis dapat, memang betul dia kalau boleh dia tidak bagi kepada peguam ataupun yang tertuduh tetapi mahkamah boleh meminta pendakwaraya untuk memberikan maklumat itu kepada mahkamah. Mahkamah akan memikirkan sama ada perlu dihebahkan atau tidak. Itu adalah imbangannya kerana pihak polis juga tidak mahu saksi-saksinya seperti yang berlaku di Tawau contohnya, Yang Berhormat Batang Sadong. Di situ ISA yang ditahan itu hendak menyembelih orang. Bagaimana kalau ada saksi yang datang untuk memberitahu secara terbuka, 'Inilah orangnya, yang ingin menyembelih orang'. Sudah tentu dia terpaksa dilindungi. Ini yang tidak diberitahu oleh rakan-rakan pihak pembangkang. Mereka masih memikirkan tentang ISA.

Saya hendak bertanya satu perkara kecil lagi Yang Berhormat iaitu tentang pandangan Yang Berhormat ya. Tentang setelah dituduh dan dibicarakan dan tidak diberi peluang untuk keluar kerana ada *appeal* secara automatik. Ramai rakan-rakan tadi mengatakan, 'Oh, ini zalim' dan sebagainya. Sebenarnya dalam insiden kes bunuh, perkara yang sama boleh berlaku. Apatah lagi ini keganasan. Ada sebabnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat Batang Sadong terutamanya tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh parti-parti pembangkang tadi.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Kita teruskan dengan Yang Berhormat Batu. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak perkara ini saya agak kita tidak ada perbezaan pendapat padahal pada mulanya bila pihak di sini bangkitkan isu ingin mansuhkan ISA, pada mulanya ada rintangan daripada pihak Barisan Nasional. Akan tetapi setelah Perdana Menteri mengambil langkah ini untuk mansuhkan ISA, itu dialu-alukan oleh pihak Barisan Nasional. Itu satu kemajuan yang baik. Saya agak tidak kalau ada konsensus politik ini memang baik.

Adakah Yang Berhormat Batang Sadong setuju kalau kita ada klausa-klausa tertentu yang kita rasa tidak selesa dan cadangan kita untuk kembali ke *Select Committee* untuk diteliti supaya undang-undang ini yang kita ingin buat akan membawa kesan mungkin 50 tahun atau 100 tahun yang akan datang. Semasa ISA dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen ini, waktu itu waktunya darurat dan ia membawa kesan sampai hari ini yang sebenarnya tidak ada lagi ancaman komunis. Itulah sebab kalau kita hendak sebagai Ahli Parlimen atau wakil rakyat yang bertanggungjawab, kita ingin teliti supaya boleh kita bincang secara teliti, bukan satu hari sahaja kita luluskan undang-undang yang sebegitu penting ini.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Okey, terima kasih. Sebelum saya teruskan, takut saya lupa. Tadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud, saya mengharapkan pihak Menteri akan menjawab perkara ini. Dari segi apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Batu tadi, dari segi klausa yang kita tidak selesa. Kalau ada yang kita rasa tidak selesa, saya rasa ia boleh kita kemukakan di sini. Dari segi untuk penubuhan *Select Committee*, saya mengharap ini saya masukkan ini ke dalam ucapan saya supaya Menteri boleh menjawab. Cuma apa yang saya hendak nyatakan di sini,

kita dikatakan tidak bersedia untuk menerima pemansuhan ISA sebelum itu, itu tidak betul. Sebenarnya memang sudah dirancangkan lama.

Tinggal kita perlu *fine tuning*, dengan izin. Sebab itu memang pada hari ini apabila kita rasa kita sudah bersedia, kita sama-sama menyokongnya. Sebabnya kita memang tahu, ini sudah dalam perancangan untuk dibuat pemansuhan kerana kita lagi menghalusi rang undang-undang lain untuk *cover-up*, dengan izin, apa-apa yang menjadi kesalahan yang boleh mungkin dilakukan. Kita takut ia menjadi *creating a loophole* di situ. Itu yang saya boleh nyatakan di sini Yang Berhormat Batu ya. Tadi dari...

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Sungai Petani, Sungai Petani.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** ...Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak berkongsi juga pengalaman dengan Yang Berhormat Batang Sadong sebab yang buat demonstrasi di padang sekarang ini pun ada orang Sungai Petani.

#### ■1650

Jadi saya hendak maklumkan Yang Berhormat Batang Sadong, ramai anak-anak Melayu di situ. Malah majoriti. Cuma saya hendak bagi contoh, semalam saya jumpa juga dengan seorang anak penoreh getah dari Sungai petani. Bapa dia penoreh getah, mak dia jual kuih Yang Berhormat Batang Sadong. Penoreh getah ini menghantar anak dia, anak dia ambil RM60,000 sahaja daripada PTPTN. Akan tetapi yuran pentadbiran kena RM21,000. Pinjaman RM60,000, yuran pentadbiran RM21,000. Selepas enam bulan dia kena bayar RM463. Sedangkan dia pula bekerja dengan GLC yang gaji RM1000.

Jadi inilah masalah Yang Berhormat Batang Sadong. Kita kalau sekiranya kita mendengar betul-betul daripada pelajar-pelajar ini kenapa mereka membuat demonstrasi? Oleh kerana ada benda yang tidak betul. Saya rasa bukan masalah mereka itu Melayu, kerana masalahnya ialah ada benda yang tidak kena. Khususnya tentang yuran pentadbiran yang jauh lebih tidak munasabah. Mereka minta untuk jumpa Menteri, mereka jumpa pentadbiran. Akan tetapi tidak ada apa yang berlaku. Apa yang mereka ada? Demonstrasi sahaja. Itulah yang berlaku sekarang.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Batang Sadong, sama Yang Berhormat Batang Sadong. Sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Sebelum ini saya hendak mengucapkan selamat datang kepada sahabat-sahabat daripada urus setia belia dari Kedah. Terima kasih kerana datang sini.

Yang Berhormat Batang Sadong merujuk kepada demonstrasi tadi. Ia merujuk kepada kawan-kawan katanya dari golongan Melayu. Saya jumpa, saya lihat mereka yang berdemonstrasi. Antara lain ialah mereka hendak supaya mereka didengar suara berkaitan tentang pendidikan percuma yang disebut oleh seorang Perdana Menteri bahawa ada tiga negara sahaja yang menawarkan pendidikan percuma

dalam dunia. Akan tetapi bila kita tengok ada 25 negara yang menawarkan pendidikan percuma kepada rakyat termasuklah kepada pendidikan di peringkat *tertier*, di peringkat universiti.

Jadi saya teka ini satu tuntutan yang wajar dalam sebuah negara demokrasi dan kalau kita boleh bagi kepada penghuni pusat serenti makan percuma, duduk percuma. Empat tahun kalau kita lihat, kalau kita kali tengok dengan yuran yang dikenakan kepada pelajar di peringkat IPTA, IPTS ini, saya rasa wajar tuntutan yang dibuat oleh mereka. Ini yang perlu dilihat. Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan sendiri menyatakan pendidikan percuma kepada bumiputera. Jadi saya rasa tidak timbul. Jadi saya harap Yang Berhormat Batang Sadong bila hendak keluarkan kenyataan seperti ini perlu berjumpa dengan pihak-pihak yang mengadakan bantahan, tunjuk perasaan ini. Apa sebenarnya masalah yang berlaku sehingga mereka terpaksa berhimpun seperti itu. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih. Sebenarnya bukan saya mengeluarkan kenyataan tersebut. Saya hendak ulang kan di sini saya pergi di sana saya terjumpa dua orang wanita. saya tanya, “*Apa hal?*” Yang mengeluarkan perkataan yang saya *quote* tadi adalah dengan izin bukan saya. Itu makluman yang diberi kepada saya. Jadi sebab saya hendak mengetahui apa sebenarnya berlaku. Jadi apa yang dikatakan oleh rakan kita tadi yang dinyatakan tidak ada pilihan lain selain daripada demonstrasi. Saya rasa itu tidak benar terutama sekali...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Batang Sadong.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Perdana Menteri kita sentiasa memberi peluang kepada sesiapa sahaja. Sekecil-kecil kumpulan pun yang dari Sarawak, yang sekecil-kecil kumpulan dari Belaga jauh-jauh datang, ramai mereka menyatakan mereka hendak berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Inilah di antara peluang yang terbaik bagi mereka kerana mereka dapat berjumpa dengan pemimpin tertinggi sekali di dalam negara kita untuk menyuarakan masalah mereka. Apa lagi beribu-ribu pelajar yang memerlukan pertolongan mereka. Kalau dinyatakan dengan baik hasrat murni ini dan diberi cadangan, saya percaya kerajaan tidak akan membiarkan mereka. Bagi sikit masa sebab saya hendak habiskan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya, dua minit.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ya, okey.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Saya terpaksa minta laluan seperti ini kerana Tuan Yang di-Pertua dan juga Tuan Yang di-Pertua lain tidak berlaku adil. Saya sudah tunggu dari pagi tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi..

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa benda yang saya tidak berlaku adil?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Sedar-sedar sudahlah. Apa hendak buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya terpaksa ingatkan.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Buruk sangka kepada Tuan Yang di-Pertua ini. Buruk sangka kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Kuala Kedah. Tidak apa.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Tidak apa?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Keluarlah. Pergi minum.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan. Teruskan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong bila Yang Berhormat Sungai Petani sebut tentang demonstrasi, saya ini bekas tahanan ISA. Saya ini ditahan. Di antara alasan yang diberi oleh polis semasa saya dalam tahanan adalah demonstrasi dan juga tangkapan-tangkapan terhadap “pengundi hantu” dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Pengundi-pengundi hantu yang berpuluhan-puluhan bas saya dan Ezam dengan Yang Berhormat Machang tangkap di pilihan raya kecil di Lunas. Berpuluhan-puluhan kali kami terima telefon terus daripada Sungai Buloh di mana pada masa itu Yang Berhormat Permatang Pauh berehat di dalam Sungai Buloh telefon *on the spot*, satu jam, satu jam dia telefon.

Jadi apa yang berlaku sebenarnya, kami tahan berpuluhan-puluhan bas dari situ sehingga hari ini pimpinan PKR tidak dapat bawa ke hadapan satu pun pengundi hantu daripada puluhan-puluhan bas itu yang ditahan. Saya ini hendak katakan di sini Yang Berhormat Sungai Petani kata anak petani, anak penoreh getah itu semua retorik sahaja. Saya empat tahun jadi Ahli Parlimen daripada PKR di Kedah, saya langsung tidak dibantu untuk membantu pengundi-pengundi saya. Akan tetapi bila saya jadi BEBAS, saya dapat bergerak bebas membantu mereka, mereka cemburu. Hari ini juga saya dibuat begitu lamaran, pelbagai lamaran sehingga saya ditawar projek RM440 juta mengimport minyak daripada Arab Saudi ke India...

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Selamat kamu, selamat.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Okey, saya rasa cukup.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya cabar kalau Ketua Pembangkang mahu saya boleh sebut nama ejen dia.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Padang Serai saya rasa cukup itu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi apa yang saya mahu katakan di sini adalah hendak demonstrasi ini semua adalah satu pembinaan untuk menghasut rakyat di mana saya melakukannya 12 tahun selepas dengan mereka.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Saya bersyukur Yang Berhormat Padang Serai sudah sedar. Terima kasih. Cukup.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya katakan cukuplah. Kalau hendak cerita, cerita dua-dua pihak. Tidak payah cerita satu pihak sahaja. Kalau sebelah sini kena belasah, mati-mati mempertahankan. Akan tetapi bila saya jadi BEBAS, turut saya dibelasah juga.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Okey cukup Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai cukup. Saya..

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Padang Serai, cukup, cukup.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya bagi dua notis kepada, memolah tadi.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Cukup Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi saya harap lepas ini saya diberi peluang Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Okey, cukup Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih. Akan tetapi beruntung juga Yang Berhormat Permatang Pauh dari Sungai Buloh boleh juga *monitor* menggunakan *handphone* ya? Ada juga peluang kebebasan diberi. Saya hendak berbalik kepada..

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Batang Sadong. Sikit sahaja. Tidak sampai setengah minit. Sikit sahaja.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** *Last ya?*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Hendak membuat pembetulan sedikit.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tadi Yang Berhormat padang Terap membandingkan atau menyamakan mereka-mereka yang dirawat di PUSPEN ataupun dari pusat serenti dengan pelajar-pelajar universiti. Saya rasa itu tidak boleh disamakan kerana mereka-mereka yang dirawat di PUSPEN itu adalah pesakit, mengikut konvensyen antarabangsa sedangkan pelajar adalah yang sihat. Jadi salah kenyataan Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Batang Sadong.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ya, saya masukkan dengan sekali ke dalam ucapan saya. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya hendak balik kepada rang undang-undang ini. Kita telah menghapuskan ISA tetapi kita juga perlu memastikan ada undang-undang untuk kesalahan-kesalahan tertentu. Jadi saya percaya semua kita di dalam Dewan yang mulia ini tidak dapat menyangkal bahawa pada masa ini kita tidak dapat mengambil ringan perkara keselamatan.

Mana-mana tempat di dunia menjadi ancaman sekarang. Ada pihak di luar sana mencari-cari peluang untuk menggunakan tempat sebagai transit untuk memindah senjata misalnya. Untuk menyeludup dadah dan apa sahaja aktiviti jenayah dan aktiviti berbentuk ancaman yang hendak dilakukan oleh orang yang hendak melakukan aktiviti tersebut dan mereka yang mencari peluang ini. Setiap negara memang memerlukan undang-undang untuk mempertahankan keselamatan negara mereka.

Banyak penambahbaikan Tuan Yang di-Pertua terhadap sistem pentadbiran dilakukan dengan pengenalan rang undang-undang ini. Kalau dulunya ISA memperuntukkan kesalahan berkaitan dengan percetakan subversif, kawalan terhadap keraian dan pameran, kuasa lain bagi pencegahan subversif, kesalahan yang berhubungan dengan senjata api, amunisi dan bahan letupan. Di bawah rang undang-undang ini, hanya kes-kes yang dikenali sebagai kesalahan keselamatan sahaja yang dimasukkan di bawah rang undang-undang ini.

Kalau kita lihat inisiatif kerajaan sungguh jelas sekali. Kerajaan amat telus dalam membawa transformasi politik dalam negara ini. Dulu akses tidak diberi kepada keluarga dan peguam. Pada kali ini akses hanya diberi ke atas Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan di mana akses bergantung kepada budi bicara polis.

#### ■1700

Akan tetapi sekarang akses diberi kepada keluarga dan peguam dengan serta-merta. Cuma dalam aspek ini saya hendak minta penjelasan dari pihak kementerian supaya memastikan pelaksanaannya dibuat dengan terperinci, iaitu kalau orang yang ditahan itu keluarganya tinggal di luar bandar yang sukar untuk kita sampai, untuk kita maklumkan mengenai penahanan. Bagaimanakah peruntukan ini hendak dipatuhi? Cara mana pelaksanaannya dibuat supaya ia memang efektif.

Jadi, akses juga diberi kepada peguam. Bezanya kita dengan negara-negara seperti Britain misalnya, rang undang-undang ini membenarkan akses kepada mana-mana peguam. Britain pula hanya menerima *special advocate* dengan izin, sahaja untuk dibenarkan untuk mewakili seseorang itu. Di sini terdapat kemajuan dalam rang undang-undang yang kita usulkan ini. Misalnya tadi disebut mengenai maklumat sensitif. Apa yang kita maksudkan dengan maklumat sensitif? Saya harapkan Menteri boleh menjelaskan maklumat sensitif ini, apakah ianya dan supaya ianya betul-betul membantu kita dari segi kecekapan dalam perundangan ini. Saya percaya segala pindaan yang dibuat ini...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Sungai Petani, mari pergi minum sambil tengok video.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Adalah untuk kebaikan. Jaminan diberi kepada seorang yang didakwa atas kesalahan keselamatan melainkan seseorang itu berumur di bawah 18 tahun. Jika seseorang itu perempuan ataupun orang yang sakit ataupun tidak berdaya. Pengecualian jaminan berasaskan seksyen 388, Kanun Tatacara Jenayah dengan modifikasi diperkenalkan. Kalau di bawah ISA, tiada peruntukan untuk melindung saksi dan kepada pemberi maklumat.

Rang undang-undang ini pula memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Saya mengharapkan apabila Menteri memberi penjelasan semasa penggulungan nanti memberi cara mana ianya memang betul-betul diperlukan kita untuk memanfaatkan pihak yang ditahan supaya kita berlaku seadil-adilnya. Tuan Yang di-Pertua, kita amat memerlukan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) ini demi keselamatan negara kita.

Semakin negara itu maju makin kita perlu undang-undang yang berkaitan. Lihat seperti Amerika Syarikat, semakin maju Amerika Syarikat semakin besar ancaman terhadap negaranya. Begitu juga

dengan negara kita Malaysia. Ramai yang memikirkan negara kita boleh digunakan sebagai tempat untuk persinggahan untuk melakukan satu-satu jenayah. Jadi, sebab itulah negara sebagai seperti Singapura tidak sanggup untuk memansuhkan ISA. Kalau ada kelemahan dan kalau ada perkara yang hendak dipinda seperti mana yang saya nyatakan tadi, saya harap pihak rakan kita dari sebelah sana sama-sama memberi inputnya.

Macam mana undang-undang ini masih tidak begitu ketat sekali untuk memperkuatkan masalah ataupun kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu, yang boleh membantu orang yang ditahan itu untuk kita melakukan keadilan kepada mereka.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Laluan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tidak hanya kita memansuhkan tanpa memberi sebarang input untuk mengatakan ianya masih tidak dapat memanfaatkan pihak yang ditahan. Ya.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sedikit, sedikit. Tidak sampai satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Respons kepada ini Yang Berhormat, kali penghabisan, *because times...*

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Batang Sadong. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, mutakhir ini di sekitar negara-negara ASEAN dan belum berlaku di negara kita. Boleh dikatakan ada maklumat pernah akan berlaku tetapi tindakan cekap yang diambil oleh pihak polis, kita berjaya menangani masalah tersebut, seperti ramalan akan berlaku kejadian di Batu Caves dan juga di Damansara. Akan tetapi berlaku di Selatan Thailand dan juga di Selatan Filipina. Adakah kita terpaksa menunggu sesuatu akta tertentu sehingga kita biarkan keadaan itu berlaku di negara kita baru kita hendak laksanakan? Minta pandangan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih. Oleh sebab itu tadi saya mengatakan memang kita amat memerlukan undang-undang ini. Saya mengharapkan agar semua pihak menyokong rang undang-undang ini walaupun tadi kita dengar ramai mengatakan menyokong ISA dimansuhkan akan tetapi bukan undang-undang ini. Untuk akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh dari segi *sunset clause*. Ini menunjukkan satu kesediaan kepimpinan kerajaan kita untuk melakukan satu lagi perubahan sekiranya ianya tidak diperlukan lagi, kita buat pindaan dan juga, ianya melalui Parlimen ini.

Jadi, apa yang kita nyatakan di sini semuanya kita tahu bahawa kita mempunyai satu *common*, satu hala tuju yang sama di mana kita mahu mansuhkan ISA demi melakukan keadilan untuk orang yang ditahan dan pada masa yang sama kita mahu juga mempertahankan keselamatan negara kita. Jadi, biarlah kita sama-sama melalui perbahasan dalam Dewan ini, guna peluang ini kalau ada yang hendak disarankan untuk dijadikan klausa untuk dipinda. Biarlah, gunakan peluang ini supaya pihak kita sama-sama menunjuk dan membuktikan bahawa kita sama-sama bersungguh-sungguh untuk mengadakan satu penambahbaikan dalam perundangan kita. Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari tadi pagi cuma satu wakil daripada DAP iaitu Yang Berhormat Bagan. *So now I will give it to Yang Berhormat Kepong.* Sila Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan Mesyuarat 80A, “*Walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 80 berhubungan dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, sekiranya pada hemat Majlis telah berlakunya, sama ada oleh seorang ahli atau mana-mana orang lain, apa-apa perbuatan, perkara ataupun benda yang boleh dikenakan hukuman sebagai perbuatan menghina Majlis di bawah Ordinan Majlis-Majlis Parliment (Keistimewaan dan Kuasa) 1952. Majlis boleh melantik suatu Jawatankuasa untuk terus menyiasat hal itu dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut Ordinan tersebut.*”

Tuan Yang di-Pertua, dalam media beberapa hari ini dan dalam perbahasan tentang rang undang-undang ini juga dikaitkan dengan kononnya berlaku peristiwa Ahli-ahli Parliment di Balairung Seri di Istana Negara telah berkelakuan tidak senonoh menghina Raja-Raja atau sebagainya. Saya ingin mengetahui dan mendapat *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada kita boleh menggunakan peraturan ini untuk menyiasat dan memanggil yang membuat berita dan pertuduhan tersebut dan memanggil semua Ahli-ahli Parliment yang hadir di Balairung Seri tersebut supaya perkara ini kita jelaskan dengan secara yang paling-paling berkesan. Ini supaya penghinaan terhadap Parliment dan anggota-anggotanya tidak berterusan kerana ia dimain-mainkan dan kita dijadikan sebagai bahan tuduhan oleh pihak-pihak yang tertentu. Saya mohon *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. *I wish I have that power* kerana perkara-perkara yang berlaku umpamanya di luar parameter Parliment tidak termasuk dalam kuasa saya yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu Peraturan Mesyuarat 80A, tidak ada kena mengena. Lagi pun itu isu yang sedang dibicara dalam media dan sedemikianya. *So, I don't think that is a proper* peraturan mesyuarat untuk saya sebagai Speaker campur walaupun yang terlibat itu adalah Ahli-ahli Parliment. Sila Yang Berhormat Kepong.

#### 5.09 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan hati yang sangat sedih juga. Akan tetapi saya pun gembira kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sudah pun di mansuhkan dan digantikan dengan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas). Ada beberapa perkara di dalam rang undang-undang kita setuju. Akan tetapi ada beberapa perkara yang kita perlu mempertingkatkan lindung jamin, supaya orang yang benar-benar melakukan kesalahan, orang-orang yang betul-betul mengancam keselamatan negara diambil tindakan. Bukan orang-orang yang tidak melakukan perkara yang mengancam negara ini.

■1710

Saya boleh sebutkan bahawa bukti terutamanya daripada bekas Perdana Menteri yang telah saya bincangkan mengenai hal penyalahgunaan ISA termasuk penggubal ISA, Mr. R.H Hickling. R.H

Hickling yang pernah saya bincang dengan dia. Yang pertama, saya dengar daripada Yang Berhormat Rembau pagi tadi mengenai kita di dalam pihak pembangkang tidak ada alternatif bagi ISA walaupun kita hendak mansuhkan tetapi kita tidak ada alternatif. Akan tetapi maklumlah Yang Berhormat Rembau ini berani senduk pengedang, air hangat direnanginya...

**Seorang Ahli:** Tidak faham.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak faham tidak apalah kerana dia berani dengan membuta tuli. Dengan membuta tuli sebab dia tidak mengambil perhatian apa yang kita sebutkan di sebelah sini. Saya berulang kali menekankan bahawa selepas kita memansuhkan ISA, kita mesti ada rang undang-undang untuk melindungi negara ini daripada pengganas atau *terrorism*. Kita mesti semua negara termasuk Malaysia mesti ada undang-undang yang berkesan untuk menentang segala bentuk pengganas. Itu mesti dibuat. Kita di dalam sebagai warganegara kita mesti memastikan undang-undang seumpama ini wujud termasuk di Norway sendiri yang sebuah negara yang dianggapkan aman, dianggapkan liberal di semua aspek. Akan tetapi pada tahun yang lepas ada pelampau yang membunuh 77 orang terutamanya pemuda pemudi yang berbakat di negara itu dan tidak ada orang yang menyangka perbuatan kejam seumpama ini boleh berlaku di Norway yang kaya raya dengan gas dan petrol.

Di negara kita sendiri termasuk di Dewan, saya percaya keselamatan di sekitar Dewan ini mesti dipertingkatkan sentiasa di dalam keadaan berjaga-jaga. Tadi saya pun ada dengar daripada Yang Berhormat Pasir Salak buat macam-macam tuduhan. Gendang sebagai dilambuk-lambuk, tinggi sebagai dijunjung, membanggakan diri kerana kelebihan yang tidak ada...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidak sama rima akhiran. Kalau 'A-A', tidak bunyi tidak sama itu akan tetapi saya bukan pakar bidalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Bidalan bukan pantun.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Boleh terimalah, boleh terima.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat Arau, negeri itu begitu kecil... *[Ketawa]* Kemarau ada. Dia punya kependudukannya di sekitar Kangar sahaja. Tempat yang lain itu untuk hutan dan sebagainya.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Itu hina Perlis itu. Bahaya itu...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]* Itulah baik. Dia jaga pembangunan di Perlis itu lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, saya akan bincangkan sedikit sebanyak mengenai aspek perundangan kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga akta sekarang memang ada mempunyai aspek perundangan, aspek falsafah dan aspek teoritikal. Di sini saya hendak menekankan bahawa pada 12 Julai 1948 kerana ancaman komunis, ada Proklamasi Darurat di Malaya yang diadakan oleh pihak British dan diikuti dengan Peraturan Darurat 17D.

Pada tahun 1951 diikuti dengan *Briggs Plan – Operation Starvation*, pada 31 Julai 1957 Tuan Yang di-Pertua, berakhirlah pemerintahan darurat walaupun tidak dimansuhkan. Selepas itu pada tahun 1960, ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri digubal dengan lindung jamin yang disebutkan oleh

Yang Amat Berhormat Mantan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada waktu itu. Ini sebab saya pernah berbincang dengan Tunku mengenai hal ini. Saya akan sebutkan apa yang dia ada kata kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya di dalam undang-undang ini disebutkan bahawa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, dia boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan sepenuhnya atau menjalankan peruntukan akta ini. Ini bergantung kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang adil, yang waras, yang benar-benar saksama kepada semua orang. Saya berharaplah Yang Berhormat Sembrong sekarang dan Menteri Dalam Negeri yang berikutnya akan sentiasa adil, sensitif dan benar-benar saksama. Itu kita berharap tetapi kita semua manusia termasuk saya, kita melakukan kesalahan juga termasuk Yang Berhormat Sri Gading dan tidak semestinya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang berikut adalah orang yang begitu sempurna dan adil. Oleh sebab itu, saya setuju dengan satu syor untuk kita adakan kaedah menjamin lindung jamin yang disebutkan... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...Lima lindung jamin yang disebutkan..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Kepong. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong ini contoh Ahli Parlimen pembangkang yang baik lah. Dia boleh beri contoh berbudi bahasa. Akta ISA, Menteri dahulu boleh tahan orang dua tahun. Dalam undang-undang yang baru ini sudah tidak ada lagi prosedur itu. Akan tetapi kalau kita syak buruk, sangka buruk, kita punya pendapat pandangan kita hanya buruk sahaja pihak kerajaan, sampai bila pun tidak selesai masalah ini Yang Berhormat Kepong. Jadi terpulang pada kitalah bagaimana Menteri pun adil, baik tetapi kalau kita syak dia, wasangka dia dengan buruk, jadi saya haraplah Yang Berhormat Kepong jangan ikut telatah kawan-kawan yang lain lah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun sebutkan tadi Yang Berhormat Sembrong adalah baik. Bukan sangka tidak baik, saya memang – apa yang dibuat bukan kita bantah semua termasuklah dua tahun yang lepas pihak kementerian sudah membuat perundingan dengan Majlis Peguam dan sebagainya untuk menggubal undang-undang. Itu langkah betul. Yang Berhormat Sri Gading, itulah kita mesti fikir dengan teliti sebelum kita sebutkan sesuatu dalam Dewan yang mulia ini, memuliakan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua...

■1720

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Apa pusing? Dia ganggu. Ganggu pun tidak ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini kerana Allahyarham Tun Hussein dia pernah menegaskan kerana saya pernah jumpa dia juga. Tuan Yang di-Pertua, dia menegaskan sedemikian, “*I made every effort to ensure that the power under the ISA would not be misused to curb lawful political opposition and democratic citizen activity were respected.*” Saya akan sebutkan lagi, Tun Hussein pernah

mengatakan ISA disalahgunakan. Itu ayahanda kepada Yang Berhormat Sembrong. Dia pernah menyebutkan kepada saya sendiri dan di dalam buku pun ada yang disebutkan itu ISA pernah disalahgunakan dalam satu afidavit juga. Inilah Yang Berhormat Sri Gading.

Sebab itu saya memang setuju, bukan semua kita bantah di sini, ada yang baik juga. Akan tetapi definisi, pentakrifan, pentakrifan mestilah bersih, tepat dan jitu. Sebab itulah kalau ada jawatankuasa khas untuk meneliti, mendalami semua ini sebelum kita luluskan, itu bukan kita bangkang dengan seratus peratus, Yang Berhormat Sri Gading. Sangkaan yang tidak baik tadi. Misalnya dalam pentakrifan kita itu fasal 3. Fasal 3, kita mestilah itu maklumat sensitif. Apa yang disebutkan di sini tidak cukup. Memang tidak cukup. Saya tidak akan mendalami kerana kita ada, berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tujuh minit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tujuh minit lagi sahaja. Jadi tidak ada masalah untuk meneliti semua ini dan juga untuk fasal 5, tahanan 28 hari. Ini soalnya bukan dua bulan ataupun dua tahun ataupun 28 hari. Soalnya definisi untuk menahan seseorang itu. Ini soal itu yang perlu kita meneliti dan mendalami dalam satu jawatankuasa khas. Ini termasuklah itu Bahagian VII untuk keterangan-keterangan oleh rakan sejenayah dan agen provokasi; fasal 30, penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis; fasal 31, kuasa Menteri untuk membuat peraturan yang saya sebutkan tadi.

Di sini kita perlu semuanya ini dibuat kerana saya pernah jumpa dengan penggubal ISA, R.H. Hickling. Bila saya jumpa dengan dia, dia sebut macam ini. Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku saya itu ada dia kata...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia kata apa?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat Padang Rengas, beliau tidak pernah masuk ke 'universiti Kamunting' tetapi kalau itu, mungkin tidak ada pengalamanlah mengenai apa yang disebutkan ISAny. Cuma dari segi teori sahaja tidak ada pengalaman. Dia sebutkan, Hickling bagi saya tahu, "*Oh, you have been detailed. Did they give you the whole works?*" Dia cakap macam itu... *[Disampuk]* R.H. Hickling sebelum dia kembali ke *rahmatullah...* *[Disampuk]* Ya, *did they give you the whole works?* Ini memang macam itu, R.H Hickling. Buku dialah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Hussein sendiri ada sebutkan di dalam afidavithnya semasa itu Operasi Lalang, dia kata ISA ini disalahgunakan di dalam afidavit. Ayahanda Yang Berhormat Sembrong. Di dalam itu kita tidak mahulah rang undang-undang sekarang itu disalahgunakan lagi walaupun ada lima lindung jamin tadi yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebab jaminan seumpama ini sudah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat waktu itu Tunku Abdul Rahman. Dia cakap macam ini, "*Tunku said that the ISA was formulated against Communist and their allies to prevent and ultimately to defeat this insurgent. Tunku also said...*" Ini macam ini, "*Tunku said, "My Cabinet colleagues and I give solemn promise to Parliament and the nation that the immense powers given to the government under the ISA 1960 would never be used to stifle legitimate opposition and silence lawful decent."*" Ini yang disebutkan oleh Allahyarham Tuanku di sini 52 tahun yang lepas dan 52 tahun kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut dengan perkataan yang hampir sama. Lindung jamin tetapi tidak dapat

ditunaikan, tidak dapat dikotakan. Saya berharaplah semua yang lindung jamin yang disebutkan ini boleh dikotakan untuk selama-lamanya... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang tidak pernah masuk ‘universiti Kamunting’, cakap banyak. Cakap dengan begitu banyak dan sebab itulah masa bagi saya pun sudah habis dan saya berharaplah itu kita ada satu kaedah untuk memastikan lindung jamin kita dapat dikotakan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order, sila, sila.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapatkan penjelasan dalam dua perkara. Satu ialah penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua dan satu lagi saya ingin dapat sokongan daripada Dewan ini. Pertama sekali saya ingin dapat bimbingan daripada Tuan Yang di-Pertua. Bila pada Peraturan 80A, di sini ia menyatakan, “*Pada hemat Majlis telah berlakunya, sama ada oleh seorang ahli atau mana-mana orang lain, apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang boleh dikenakan hukuman sebagai perbuatan menghina Majlis di bawah Ordinan Majlis-Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952.*”

■1730

Di sini dia tidak *specified* bahawa dia harus menjadi Ahli Parlimen atau tindakan di dalam Dewan ini. Di sini juga dibacakan, Majlis boleh melantik satu jawatankuasa yang disebut dalam bahasa Inggeris *the House*, maksudnya Dewan ini. Jadi, saya rasa perkara yang kita tumpu hari ini adalah perkara yang sangat serius dan dia bukan sahaja melibatkan maruah seseorang Ahli Parlimen, tetapi dia melibatkan kewibawaan Institusi Diraja. Saya ingin dapat persetujuan *majority of the House* juga kita bersama-sama untuk membentuk satu jawatankuasa untuk memulihkan imej kita dan juga memelihara kewibawaan Institusi Diraja. Saya agak, itulah sebab saya ingin tahu *where do we go from here* kalau kita ingin dapat persetujuan daripada Majlis ini supaya kita boleh menjelaskan perkara ini supaya kita boleh membersihkan nama kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu, kalau kita teliti Peraturan Mesyuarat 80A bagi saya, kunci perkataan di situ menghina Majlis. Jadi Peraturan 80A menghina Majlis *means* dia merujuk kepada apa yang berlaku dalam Dewan *is a Majlis means you have breach your privileges is a Members of Parliament*, umpamanya kalau membuat perkara-perkara bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 36(12) dan sedemikianya. Peraturan Mesyuarat 80A, *breach of privileges* ada disebut dalam Peraturan Mesyuarat 80 seperti yang kita pernah buat kepada Yang Berhormat Permatang Pauh sewaktu insiden APCO. Pada ketika itu, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kenapa beliau tidak dirujuk sahaja kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan yang sedia ada di bawah Peraturan Mesyuarat 80? Akan tetapi, pada ketika itu kita mengatakan bahawa tidak salah juga kalau kita wujudkan satu jawatankuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 80A.

Jadi perkara yang berlaku di istana, ia tidak ada kena mengena dengan Majlis Mesyuarat *per se*, *it is something that is been done by few Members of Parliament*, itu pun apa yang saya terbaca di dalam suatu Majlis, tidak kena mengena dengan menghina Majlis *per se* dalam Parlimen. Itu sebab saya kata 80A tidak kena mengena...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau saya dapatkan penjelasan, kalau di dalam Majlis ini, kedua-dua pihak di dalam Majlis ini bersetuju supaya jawatankuasa ini diwujudkan supaya kita cari kebenaran dalam perkara ini. Bolehkah kita wujudkan jawatankuasa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pun saya tidak benarkan, kerana tidak boleh kita gunakan peraturan mesyuarat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi dalam isu Yang Berhormat Bukit Gelugor dikasari oleh beberapa orang ahli di luar Dewan ini, tetapi kita wujudkan satu jawatankuasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu Yang Berhormat, ada kena mengena dengan tugas dia sebagai Ahli Parlimen, *because* pada ketika itu, apabila perkara itu berlaku, dia berlaku dalam perkarangan Parlimen dan ada kena mengena dengan – beliau itu dihalang menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen, oleh kerana perkara-perkara yang dia sebut.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya minta cadangan kerana sifat yang kita di undang ke istana adalah sebagai Ahli Parlimen, dan bila kita dikutuk dan dikritik oleh *blog* ini juga menjelaskan tugas kita sebagai Ahli Parlimen. Kalau saya orang biasa, Tan Sri Kah atau apa, tidak ada kena mengena dengan Dewan ini tetapi saya harap dipersetujui oleh Majlis ini sebab ini melibatkan kita semua. Kalau ada seseorang Ahli Parlimen yang menghina Institusi Diraja, keseluruhan Dewan ini dicemar dengan nama itu. Saya hanya ingin dapat panduan, macam mana cara kita untuk selesaikan masalah sebab sehingga hari ini *Utusan* masih menyatakan kes ini, ia mengganggu kita, membabitkan kita untuk menjalankan tugas kita sebagai Wakil Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya masih berpendapat bahawa *we are stretching 80A very far, if it is applicable*. Kalau pun umpamanya mendapat persetujuan, *I can understand what you're trying to say, I sympathize*. Kalaupun umpamanya Majlis ini mengatakan setuju, saya tidak nampak peraturan mesyuarat mana, usul mana yang dia bawa. Kalaupun Menteri kata, dia bentang usul di bawah 80A dengan insiden apa yang berlaku di istana. *I will not allow it*, biarpun Menteri yang buat *because it is not in* peraturan mesyuarat. Terima kasih, sila Yang Berhormat Kota Belud.

### 5.35 ptg.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya insiden yang berlaku di Istana itu adalah *Facebook*, orang yang menulis itu Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mahukan publisiti, tetapi *dipick-up* oleh orang lain. Jadi pada saya, orang itu yang membuat insiden itu, yang menulis itu hanyalah membuatnya secara peribadi, komen dalam *Facebooknya* tetapi tak mengapalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peranan dalam perbahasan terhadap rang undang-undang ini. Saya mendengar daripada awal sampai sekarang ini, kawan-kawan saya di sebelah sana

masih lagi terbelenggu dengan ISA. Agaknya mereka lupa yang berada di depan mata kita ini adalah satu rang undang-undang baru yang menggantikan ISA.

Ramai yang masih mengatakan tentang bagaimana ISA itu zalim, ISA itu tidak berperikemanusiaan, penahanan tanpa bicara. Kita faham Yang Berhormat, sebab itu kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini membentangkan satu rang undang-undang baru. Jadi jangan habiskan masa bercerita tentang perkara yang lepas, kita kena maju ke depan. Rakyat meminta kita memikirkan yang ke depan, yang ke belakang ini sebab itu adanya rang undang-undang hari ini. Jadi saya kira rakan-rakan daripada pihak pembangkang, tidak perlu lagi mengulangi cerita-cerita itu, kita faham.

Oleh sebab itu hari ini, kita ada rang undang-undang baru ini, itu satu. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar bagaimana Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang mengatakan bahawa kononnya oleh kerana di negara-negara barat, mereka berdepan dengan unsur-unsur keganasan yang besar kerana faktanya mereka ini adalah negara-negara yang berpengaruh di seluruh dunia. Maka sebab itu kononnya, saya rasa itu tanggapan saya bahawa kita tidak memerlukan Akta Anti Keganasan di negara Malaysia ini yang kononnya aman damai. Akan tetapi, saya kira Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu pandangan yang amat berbahaya. Kalau kita tengok negara seperti Afghanistan, bukannya negara besar, bukannya negara yang mempunyai pengaruh di seluruh dunia, tetapi mereka porak-peranda di negara-negara yang lain. Saya dengar tadi dengan teliti beberapa rakan-rakan daripada pihak pembangkang mengatakan bahawa pujian harus diberikan kepada pembangkang kerana mendesak kerajaan untuk mewujudkan dasar ataupun rang undang-undang yang baru ini. Saya kira itu pun salah Tuan Yang di-Pertua, salah, kerajaan ini membentangkan rang undang-undang ini bukan kerana suara pembangkang tetapi kita mendengar suara rakyat...

**Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendengar suara pembangkang, sedangkan sejak daripada kita merdeka, sampai sekarang ini 12 pilihan raya, pihak pembangkang sentiasa meletakkan penghapusan undang-undang *draconian* ini sebagai sebahagian daripada manifesto mereka, kita tidak dengar pun.

Rakyat pada masa itu masih lagi mengundi Barisan Nasional, walaupun pihak pembangkang melalak tidak mahukan ISA, dimasukkan di dalam manifesto setiap kali pilihan raya, rakyat bersuara kepada kita semua, mereka memilih Barisan Nasional, kerana mereka mahukan ISA pada waktu itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh celah sikit?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi kita tidak ubah, kerana suara rakyat didengar oleh Barisan Nasional. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, suara rakyat apabila dalam melalui proses pembangunan yang rakyat kita sekarang ini sudah kaya raya, sudah maju, sudah membangun, mereka mahukan keinginan untuk mendapat sedikit kebebasan dalam *civil society*, dalam masyarakat madani, maka kerajaan ini mendengar itu, bukan mendengar Yang Berhormat Batu.

■1740

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tidak mahu polemik dalam isu dengar cakap, suara rakyat atau macam mana. Akan tetapi saya agak rakyat melalui... Tadi Yang Berhormat Kota Belud setuju bahawa bila negara kita masyarakat sudah maju, rakyat sudah selesa, mereka ingin menyampaikan hasrat untuk mendapat lebih banyak kebebasan dengan undi yang dibagi kepada parti-parti pembangkang pada pilihan raya 2008. Di mana kawasan yang banyak yang sudah maju di Lembah Kelang, di Perak, di Pulau Pinang, di Kedah. Ini jelas satu *shift* sokongan kepada pembangkang. Melalui isyarat itu, setuju atau tidak isyarat itu sampai ke Barisan Nasional dan Perdana Menteri peka kepada kehendak ini dan lakukan perubahan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, saya setuju Yang Berhormat Batu. Suara rakyat yang kita dengar. Bukannya suara pembangkang. Itu sebabnya saya katakan dalam pilihan raya, manifesto, ingat, kita masih berkuasa. Barisan Nasional masih lagi Kerajaan Persekutuan. Maka, kita masih lagi memerintah. Majoriti Ahli-ahli Parlimen adalah datangnya daripada Barisan Nasional. Sebab itu saya katakan tadi saya tidak mahu berpolemik juga cerita ini tetapi saya kira kalau pembangkang hanya memikirkan bahawa ini adalah iltizam daripada pihak pembangkang, seolah-olah kita di Barisan Nasional ini tidak mendengar suara rakyat itu pun saya rasa tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terdengar ada yang mengatakan ini soal keselamatan, ini setiap kerajaan, apa pun kerajaan, siapa pun menjadi kerajaan bisa dan mampu untuk menjaga keamanan negara. Ini pun saya kira tidak betul. Janganlah kita pergi jauh, di negara-negara yang berdekatan dengan kita, di Selatan Thailand, di Filipina, di Indonesia. Pada masa-masa tertentu berpuluhan, beribu orang mati, dibom dan sebagainya. Kenapa? Mereka tidak ada kerajaan? Mereka juga ada kerajaan yang dipilih secara demokratik. Akan tetapi kenapa di situ berlaku huru-hara, berlaku pembunuhan, berlaku keganasan. Di Yala, di Narathiwat, di Selatan Thailand, di Songkhla, di Pattani, tidak jauh Tuan Yang di-Pertua. Hanya lebih kurang 100 kilometer daripada sempadan Malaysia. Perlis di Arau, Kangar, Kota Bharu, Jeli, Pasir Mas, Gerik, Padang Terap, Sik, Tumpat. Semua ini berada berdekatan dengan *border*, sempadan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi turun sahaja ke kawasan Malaysia, masuk dalam sempadan Malaysia, tidak ada pun keganasan. Sebab apa? Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang mampu untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara ini. Bukan sebarang kerajaan. Kuala Selangor. Sekejap sahaja Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud. Pada awal tadi Yang Berhormat Kota Belud memulakan perbahasannya dan menyebutkan bahawa kita mahu *move forward* dan tidak mahu lihat ke belakang, tidak mahu. Kesemuanya itu kemudiannya Yang Berhormat Kota Belud lalu membuat penghujahan bahawa kesemuanya ini dilakukan kerana tuntutan rakyat. Yang Berhormat Kota Belud, apakah Yang Berhormat boleh sedar, sedar bahawa sebelah sanalah yang banyak berhujah satu masa dahulu tentang pentingnya Akta Keselamatan Dalam Negeri ini dikekalkan.

Hari ini Yang Berhormat Kota Belud, saya masih kurang senang dengan penghujahan yang dibuat oleh Perdana Menteri sebab dikatakan bahawa diterima akan semua ini kerana tuntutan rakyat dan tidak kerana prinsip bahawa ianya *draconian, detention without trial* itu. Maka, di sinilah kita buat dan kita lakukan bukan kerana *conviction* kita bahawa ianya bersalah dan *fundamental liberties* tetapi kerana dikekang ataupun dituntut dan didesak oleh rakyat yang sudah mula celik sebenar-benarnya dan itulah dia dinamika politik, *the check and balance*. Sudah tentunya pembangkang punya saham di situ Yang Berhormat Kota Belud, kalau boleh kita terima. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak mengapa, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Pandangan yang bernalas. Saya bukan tidak katakan bahawa pembangkang tidak mempunyai kredit atau boleh diberi kredit. Cuma jangan ambil semua, jangan bolot... *[Ketawa]* Kalau tidak kerana iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menterjemahkan kehendak rakyat itu dalam bentuk rang undang-undang itu, saya kira Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak wujud. Akan tetapi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Kota Belud sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap. Saya katakan begitu, saya setuju kita tidak perlu polemikkan. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya katakan suara rakyat yang kita dengar ini? Ini kerana pembangunan negara kita ini juga ada berfasanya. Fasa pertama, apabila kita merdeka dahulu sudah tentu kita memikirkan tentang isu-isu keselamatan kerana itu asas kepada pembangunan sesebuah negara. Tanpa ada keamanan, keselamatan, tidak ada yang boleh berlaku.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Kota Belud sedikit. Satu minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud. Keprihatinan Perdana Menteri seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi adalah cukup jelas apabila ada perkataan subversif pun Yang Berhormat suruh cari perkataan yang lebih baik, yang lebih konotasinya tidak mengganggu sensitiviti masyarakat. Ini menggambarkan bahawa Yang Amat Berhormat begitu serius untuk menangani masalah ini dengan begitu *transparent*. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Arau, kita dengar bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan Peguam Negara dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri mencari jalan bagaimana caranya supaya rang undang-undang ini tidak apa yang selalu dikatakan pembangkang, 'menyinggung' perasaan rakan-rakan kita daripada pihak pembangkang. Ini perkataan subversif ini betul sebab pihak pembangkang selalu mengatakan kalau subversifnya apa. Seolah-olah ada kegiatan untuk menumbangkan kerajaan. Itu pun Perdana Menteri kata jangan guna. Ini bukan soal untuk menumbangkan kerajaan ataupun mengalahkan kerajaan. Cari ayat yang betul supaya lebih difahami oleh rakyat iaitu percubaan untuk menggagalkan *Parliamentary democracy* di negara ini. Ini satu saya kira Yang Berhormat Batu, satu gerakan yang cukup baik, satu cadangan yang cukup baik. Saya bagi 15 saat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tidak mahu dapatkan kredit dalam perkara ini. Saya hanya ingin dapatkan persetujuan. Adakah betul kalau kita sanggup atau mampu menjaga keamanan, bukan dengan undang-undang yang lebih represif. Kalau kita lihat banyak negara termasuk Selatan Thailand, saya agak punca ada kacau-bilau ini, ada pemberontakan, bukan kerana undang-undang dia tidak cukup ketat. Akan tetapi tidak dilakukan keadilan kepada kumpulan minoriti. Kalau kita ingin bandingkan di negara Israel, undang-undang dia jauh lebih represif tetapi tidak dapat menjaga keamanan kerana keadilan tidak dilakukan. Itulah sebab bila kita gubalkan undang-undang, kita harus jaga dalam isu janganlah elemen represif ini mengambil prioriti tetapi lebih mementingkan keadilan dan hak asasi manusia.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sebab itu Yang Berhormat Batu rakyat tidak akan mengundi pembangkang. Sebab apa? Mereka tidak mahu membuat satu kesilapan dengan meletakkan keamanan ini di tangan Yang Berhormat. Yang Berhormat pentingkan kebebasan. Yang Berhormat pentingkan - Saya kira itu betul tetapi kena diimbangkan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Keadilan dan hak asasi manusia. Saya tidak sebut kebebasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, betul. Hak asasi manusia, keadilan, semuanya itu. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, tanpa ada keamanan mana mungkin, bagaimana pun kita berteriak tentang PTPTN dipercumakan, dimansuhkan, tidak guna tanpa ada keamanan. Ada orang yang mahu memperjuangkan LGBT pun tidak guna. Sebab keamanan itu asasnya. Itu sebabnya saya katakan tadi, tuntutan keamanan waktu kita merdeka dahulu, itu yang mulanya. Selepas itu, apabila keamanan itu telah dapat dicapai, maka kerajaan dan rakyat bersatu padu. Kali ini agendanya, agenda pendidikan. Sebab itu di mana-mana pun di negara kita ini ada sekolah. Fasa kedua, pembangunan negara kita. Pendidikan, walaupun di kampung saya ada kawasan-kawasan yang tidak mempunyai air, elektrik dan jalan, kerajaan ini meletakkan sekolah dahulu. Sekolah dahulu, biarlah jalan kemudian, air kemudian, elektrik kemudian. Kemudian selepas selesai agenda pendidikan barulah pergi kepada agenda tuntutan infrastruktur dan ekonomi.

#### ■1750

Sebab itu kita maju, kita maju sekarang ini, negara satu dunia mengiktiraf Malaysia adalah satu negara contoh. Sampai selesai sekarang ini agenda keamanan, agenda pendidikan, agenda infrastruktur dan ekonomi maka negara kita sedang masuk ke dalam satu fasa yang baru iaitu inilah tuntutan tentang nilai-nilai *civil society*. Ia berfasa itu Yang Berhormat, sebab itu kali ini apabila kita mendengar suara rakyat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaannya berani meletakkan sekarang ini pembubaran ataupun pemansuhan ISA, kita dengar. Kalau dahulu walaupun pembangkang bising dimasukkan di dalam manifesto rakyat belum bersedia, rakyat masih mahu meletakkan tanggungjawab untuk menjaga keamanan negara kita ini di bahu kerajaan. Dia tidak mahu tahu...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]**

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Dia sedang sibuk mencari rezeki, mencari pekerjaan, menuntut, dia tidak mahu berfikir tentang keamanan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Penjelasan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Itu adalah tanggungjawab kerajaan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kota Belud, sedikit penjelasan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Rakyat, ya sekejap. Rakyat akan bagi kepada..., dia hendak senang, dia serahkan kepada kerajaan supaya kerajaan menjaga keamanan. Sekarang ini rakyat kita lebih *confident* berkat usaha baik Kerajaan Barisan Nasional menaikkan taraf hidup negara kita, rakyat kita, berkat program *role out internet penetration* kita ke seluruh negara, yang kita berbelanja berbilion-bilion ringgit, siapa yang berbelanja? Kerajaan Barisan Nasional. Maka adalah satu kesedaran, maka kita bersedia, rakyat sudah bersedia untuk memikul sebahagian daripada tanggungjawab...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Cepat sikit.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Untuk menjaga keamanan negara kita, maka itulah rang undang-undang ini wujud pada hari ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, sedikit Yang Berhormat Kota Belud. Hujah Yang Berhormat Kota Belud itu bukan satu hujah yang baru mengatakan hak dengan izin, kita kata apa *third class development rights*, tahap pertama, kedua. Ada yang berhujah mengatakan *the third wave of democratization*, macam-macam, hujah itu ada seperti yang dikatakan tadi tetapi persoalan yang saya mohon penjelasan Yang Berhormat Kota Belud, cuba Yang Berhormat Kota Belud bayangkan kalau pada tahun 1957, ketika surat beranak negara ini dikeluarkan, namanya pemasyhuran kemerdekaan, *declaration of independent*, dalam dekat bawah itu sampai habis itu tidak ada pun Tunku Abdul Rahman mengatakan bahawa negara ini akan ditubuhkan berdasarkan demokrasi dan juga keadilan dan kebebasan. Adakah kita mengandaikan ketika itu kebebasan dan keadilan satu perkara yang boleh disusun-susun prioritinya? Saya berhujah bahawa *it is co-existence*, kebebasan, pembangunan ialah satu perkara yang seiringan bukan perkara yang boleh ditentukan oleh pak Menteri.

Sebab itu Yang Berhormat Kota Belud, sedikit lagi. Saya mengatakan di sini di dalam berhujah mengenai hak asasi manusia, saya kadang-kadang terkejut kerana ramai mengandaikan sehingga berbincang hak asasi manusia itu hak negara, hak negeri, *No! Human right is always about a tyranny of state*, untuk mempertahankan rakyat daripada tirani ataupun kezaliman oleh negara, andaian yang sebegini sebab itu diperlukan undang-undang yang mempertahankan kebebasan dan saya rasa kalau akhir sekali yang saya ingin Yang Berhormat Kota Belud sentuh kerana satu hujah yang baik ialah kita berbahas di sini mengenai satu rejim undang-undang pasca September 17, yang telah membelenggu *co-opted the whole imagination of the whole world because of American problem, and it's not our problem* dan kita bukannya ada masalah itu. Dan hari ini apa yang patut dibincangkan oleh pimpinan pada hari ini ialah *what is the root of this terrorism*, isunya *development*, isu pembangunan itu persoalannya mohon penjelasan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya memperingatkan masa sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat membaca teori-teori ini berdasarkan buku Yang Berhormat. Dunia ini dinamik. Tidak ada satu teori yang boleh dipakai guna oleh semua pihak. Yang Berhormat mengatakan tentang kebebasan individu. Kebebasan individu itu juga tidak akan wujud tanpa ada keamanan. Kalau ada keganasan di dunia ini, di negara ini mana mungkin kebebasan individu itu dapat dicapai? Sebab itu Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, soal tentang keselamatan dan keamanan bukan tanggungjawab pembangkang. Ia adalah tanggungjawab kerajaan yang memerintah, itu dipertanggungjawabkan kepada kerajaan. Tidak pernah kalau kita mengikut, kalau pembangkang yang memikirkan tentang soal keamanan sudah tentu mereka akan mencuba bermacam-macam formula.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya kira pihak polis harus dipuji, sya telah mengatakan sebelum ini 200 tahun Polis Diraja Malaysia wujud, sudah tentu mereka memiliki pengalaman. Ada perkara yang mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak tahu, Yang Berhormat tidak tahu. Tadi Yang Berhormat Balik Pulau mengatakan tentang isu keganasan itu sebenarnya majoriti ataupun kesemuanya itu milik negara Amerika, itu sebabnya di sini tidak wujud. Bagaimana Yang Berhormat tahu, yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua ialah pihak polis bekerja siang dan malam mengumpul *intelligence*. Kenapa keganasan tidak berlaku di negara kita? Antara lainnya pihak polis bekerja siang dan malam dan *we have the best intelligence units in among all the police forces in the world*, dengan izin, bukan saya yang katakan tetapi *United Nations* yang mengatakannya. *They learned from us, why is it?* Kenapa hanya 100 kilometer di utara, sempadan kita di utara itu berlaku keganasan? Hanya 100 meter masuk Malaysia aman dan damai banyak MP-MP yang ada di sini...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Kenapa tidak ada keganasan, sebab itu saya cakap...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat minta penjelasan...

**Seorang Ahli:** ...Yang Berhormat Kota Belud.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya katakan, saya minta maaf ya, masa saya ...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Laluan satu minit sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Masa saya tidak cukup, saya sudah bagi banyak...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Isu keselamatan sempadan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, ya nanti-nanti selepas ini, saya percaya Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Isu yang berkaitan, minta sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagaimana keselamatan, kita berterima kasih. Tetapi Yang Berhormat tahu tidak apa yang berlaku di sempadan? Saya adalah Ahli Parlimen di sempadan dan dalam tahun ini sahaja lapan kes pembunuhan yang melibatkan senjata api, menunjukkan bagaimana kawalan sempadan yang begitu lemah. Bagaimana senjata daripada luar boleh masuk dengan begitu mudah? Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Sebenarnya ancaman keselamatan bukan soal di negara luar sahaja, kita berhadapan dengan isu keselamatan dalam negara kita sekarang, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat jawab, gulung, ya silakan Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, hujah itu –saya bersimpati dengan Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya tidak mengatakan tidak ada pembunuhan, kalau dikira pembunuhan di Kota Kinabalu wujud, di Kuching di mana-mana. Yang saya katakan ini ialah keganasan. Inilah tadi yang perkataan yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena, gerombolan Yang Berhormat Subang kah yang cakap tadi. Ini adalah keganasan yang besar, sekumpulan besar orang di dalam, di luar Malaysia ini. Ini keganasan yang menyeluruh. Akan tetapi saya ingin mengatakan Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah tiba masanya pihak pembangkang mengakui bahawa rang undang-undang ini walaupun dikatakan *draconian* kah atau lebih menjijikkan kah, atau lebih menekan tetapi sebenarnya tidak. Saya mendengar ceramah Yang Berhormat apabila bercerita tentang ISA, *no access to council*, ada. Setelah 48 jam boleh, 28 hari penahanan itu pun kalau takut nanti anak guam itu dipukul, diseksa *lawyer will be there everyday* kalau hendak, ada *access* tidak ada masalah, keluarga boleh mendapat tahu di mana kedudukan mereka 24 jam.

Semuanya ini Tuan Yang di-Pertua dan secara *explicitnya* pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan tidak ada penahanan orang politik berdasarkan fahaman politiknya, *of course if you're politician, you do something wrong* itu lain cerita. Jadi sebabnya itu saya mengatakan, saya mengucapkan ribuan terima kasih, saya begitu lega Tuan Yang di-Pertua kerana akhirnya kerajaan mengambil satu tindakan yang cukup berani untuk membawa rang undang-undang ini dan saya meminta pihak pembangkang *don't shift the goal post* yang diminta oleh rakyat inilah, yang diminta juga oleh parti pembangkang inilah dia, dalam bentuk yang terbaik, dalam mengimbangi keamanan, kebebasan individu bersama dengan keamanan negara. Sebab itu saya katakan tadi apa pun yang dikatakan oleh Yang Berhormat dalam penghujahan saya minta kalau boleh hentikanlah cerita tentang ISA, kita bercerita tentang rang undang-undang yang baru ini supaya kita dapat memperbaiki keadaan Malaysia ini dan kita akan mendapat menaikkan imej negara kita ini dalam pembangunan yang jauh lebih besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Gombak.

**5.59 ptg.**

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung dengan rang undang-undang yang baru diperkenalkan iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan.

**■1800**

Sebelum saya memulakan perbahasan, lanjutan daripada perbahasan Yang Berhormat Kota Belud, beliau mendakwa bahawa rang undang-undang ini dibentangkan oleh Perdana Menteri setelah mendapat maklum balas dan mendengar daripada rakyat sendiri. Maknanya UMNO mengambil masa lebih 50 tahun untuk mendengar rakyat untuk membawa pindaan pada undang-undang yang zalim ini. Ini juga membuktikan kepada kita bahawa apabila UMNO itu kuat, ia tidak mempedulikan masalah rakyat di bawah. Akan tetapi apabila mereka tahu mereka akan kalah dalam pilihan raya ke-13 ini, barulah pindaan ini dibuat secara tergesa-gesa tanpa merujuk pada banyak pihak yang mempunyai kepentingan demi menjamin kedaulatan dan keselamatan negara.

Saya ingin memulakan perbahasan dengan menyatakan bagi pihak rakyat Gombak dan juga Keadilan, kita menyokong sepenuhnya langkah untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang sering kita nyatakan bahawa ini merupakan satu undang-undang yang zalim, yang diguna pakai oleh kerajaan selama hari ini dan ia meneruskan prinsip tahan tanpa bicara. Jelas akta ini telah merampas hak dan kebebasan rakyat sebagai warganegara seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun kita menolak ISA secara total, namun ini tidak bermakna Keadilan akan sekali-kali berkompromi soal isu keselamatan negara. Kedaulatan dan kesentosaan negara harus dijamin dan kita percaya bahawa jaminan ini akan diperoleh dengan menjamin keluhuran undang-undang dan perlombagaan serta sistem kehakiman yang bebas dan adil. Menjamin keselamatan negara juga tidak bermakna hak asasi rakyat dinafikan dan kebebasannya dipasung oleh negara.

Saya menyambut baik pencelahan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Balik Pulau yang memberikan peringatan supaya kita memecahkan minda lama bahawa kerajaan yang menentukan sejauh mana kebebasan, harus diberikan kepada seseorang rakyat. Sedangkan tanggungjawab kerajaan untuk menjaga keamanan negara tetapi kebebasan itu merupakan satu hak yang dijamin oleh Perlembagaan untuk setiap rakyat di negara ini dan bukannya kerajaan menentukan sejauh mana kebebasan harus diberikan dan setakat mana harus kita laksanakan. Melihat undang-undang baru yang dinamakan sebagai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada minggu ini, saya kecewa kerana kerajaan masih lagi mempertahankan prinsip yang menindas hak asasi manusia.

Jelas ini bercanggah dengan *natural law* dan tidak menghormati *karamah* insaniah atau kemuliaan insan sebagaimana yang diungkap dalam *Maqasid Syariah*. Penggubalan akta ini juga bermakna transformasi politik yang mahu digagaskan oleh Perdana Menteri telah gagal. Justeru itu, kita pada petang ini harus mengambil dan memikul tanggungjawab untuk sama-sama membahaskan bagaimana keperluan mendesak untuk mencadangkan satu bentuk *substantive reform* ataupun reformasi

yang lebih bermakna untuk menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat di negara ini dan pada masa yang sama menjaga kedaulatan negara Malaysia. Undang-undang yang digubal ini tuntas, tidak menghormati konsep asas undang-undang negara yang mana Perlembagaan Persekutuan adalah *the supreme law of the land*.

Saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kerajaan bercadang untuk membatalkan ISA tetapi membawa satu rang undang-undang yang baru dengan memuatkan tiga komponen tambahan iaitu sabotaj, *espionage* dan satu lagi ialah tentang *member of an organized criminal group* sedangkan pada bulan Mac 2007 telah pun dibuat pindaan pada Kanun Keseksaan dalam Bab VI dan juga Bab VIA iaitu *offences relating to terrorist*. Saya kira pindaan yang dibuat pada bulan Mac 2007 dalam Kanun Keseksaan ini telah cukup untuk menangani isu *terrorisme* yang sedang hangat diperbincangkan.

Persoalannya pada hari ini ialah soal pelaksanaan ataupun *enforcement* oleh pihak-pihak yang berwajib khususnya pihak yang berkuasa polis yang harus lebih cekap, efisien, profesional dalam mengumpul maklumat-maklumat *intelligence* dan bertindak secara profesional. Oleh sebab itu kita sebelum ini mendesak supaya IPCMC itu dapat dilaksanakan untuk melihat bagaimana anggota dan pegawai-pegawai polis dapat diberikan dukungan dan sokongan dalam konteks latihan untuk menggilap potensi dan profesionalisme mereka dalam menangani masalah ini.

Malangnya, pindaan yang dibuat pada Kanun Keseksaan pada tahun 2007 ini, tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh sebab masalah-masalah yang telah saya nyatakan tadi termasuk kegagalan kerajaan untuk memperkenalkan IPCMC bagi mengangkat martabat pegawai dan anggota polis ke tahap yang lebih wibawa. Oleh sebab itu pindaan ini tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pada hari ini kerajaan mengemukakan satu rang undang-undang yang baru, yang sebenarnya ia lebih zalim dan terbuka pada *abuse of power*...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Oleh pihak-pihak yang berwajib.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Gombak, sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Gombak sedikit kerana saya melihat reaksi kerajaan ketika mencadangkan pindaan Kanun Keseksaan ketika itu, pada pandangan saya lebih ke arah memuaskan hati pentadbiran Bush yang ketika itu dibelenggu dengan isu *terrorisme* nya sendiri. Reaksi itu atau *gesture* itu sebenarnya *just* untuk memberitahu yang isu *terrorisme* seperti yang digambarkan itu ialah satu yang kita bersama-sama Amerika. Akan tetapi apa yang kita pentingkan di sini ialah *our own domestic challenges* atau apa cabaran keadilan jenayah di dalam negara kita ini di kala apabila saya katakan dengan yakin, kita tidak mempunyai masalah seperti yang dihadapi oleh Amerika Syarikat atau negara-negara yang lain?

Ini kerana Yang Berhormat Gombak, saya mohon penjelasan sedikit kerana saya mendapat fakta bahawa negara seperti Perancis dan Jerman tidak mengambil sikap menggunakan rejim undang-undang

pasca September 11 seperti yang dicadangkan oleh Bush pada waktu itu. Akan tetapi mengapa kita perlu menyambut baik sehingga pindaan tidak dibuat dengan seberkesan mungkin? Mohon penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi, saya menyambut baik peringatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Balik Pulau dalam menggubal satu rang undang-undang yang penting ini, kita tidak harus tergesa-gesa untuk tunduk pada arahan ataupun kuasa-kuasa besar termasuk Amerika Syarikat kerana kalau ini berlaku, kita gagal melihat masalah dalaman negara dan juga serantau dalam menangani masalah ini tetapi lebih terjebak dalam masalah politik antarabangsa untuk memuaskan nafsu serakah kuasa-kuasa besar khususnya pentadbiran di Washington DC.

Maka apa juga pindaan yang dibuat sebelum ini termasuk pindaan Mac 2007 Kanun Kesejahteraan Bab VI dan Bab VIA ini tidak dapat dilaksanakan kerana semangat itu tidak dapat dijiwai dan dihayati oleh pemerintah. Ia dipinda, ia digubal semata-mata untuk tunduk kepada arahan kuasa besar. Maka hari ini kita kemukakan satu lagi rang undang-undang yang dilihat tidak menjamin keselamatan negara dan juga tidak menjamin hak asasi seseorang rakyat di dalam negara ini.

#### ■1810

Walaupun saya setuju kita tidak mahu pandang ke belakang ISA sudah dihapuskan, *alhamdulillah*. Kita menyambut baik tetapi Rang Undang-undang Keselamatan yang dibawa pada petang ini ianya jauh lebih zalim daripada ISA. Ada beberapa komponen yang telah dinyatakan ...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi ada juga komponen-komponen yang cuba dipadamkan daripada pengetahuan rakyat yang sebenarnya ianya lebih mengekang kebebasan atau pun *fundamental liberties* yang kononnya telah diberikan kepada rakyat Malaysia.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, silakan.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat Kota Belud bangun itu terus mencari jalan untuk bercakap tentang Kota Belud dan dalam lafaz yang sama Yang Berhormat Gombak juga menyatakan tadi tentang ramai rakan-rakan kita yang agak bimbang dan mahukan kita berhenti bercakap tentang ISA. Lupakan sejarah lama dan tumpukan undang-undang yang baru.

Setujukah Yang Berhormat Gombak bahawa saya tertarik dengan seorang panglima dan juga pakar strategi China Sun Tzu atau pun Sunzi pernah mengatakan bahawa dalam melayari bahtera ke hadapan, ibarat dia kata sejarah adalah cerminan masa depan. Walaupun kita memandang ke hadapan, kereta yang paling canggih hari ini pun harganya jutaan ringgit tetapi mesti ada cermin pandang belakang. Bila kita hendak memotong ke hadapan kereta paling canggih jangan ada halangan di belakang. Itu pentingnya cermin pandang belakang dan cermin pandang belakang itu adalah sejarah.

Dalam konteks ini memang kita perlu bercakap tentang ISA kerana ISA itu wajahnya dan lembaga hitam itu masih wujud dalam akta ini. Itu yang kita bimbang akan berlaku apabila rang undang-

undang ini kita terima dan ia masih memangsakan rakyat Malaysia satu hari nanti. Itu yang kita perlu pelajari daripada sejarah ISA kerana yang penting bagi saya adalah komitmen kita untuk melihat bahawa apa yang berlaku kepada ISA itu tidak akan berulang dalam rang undang-undang ini. Adakah Yang Berhormat Gombak bersetuju?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh sambung sekali Yang Berhormat Gombak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya respons kepada Yang Berhormat Kubang Kerian dahulu. Saya bersetuju supaya sejarah ini adalah cerminan masa depan. Bila kita bicara soal rang undang-undang yang baru ini sudah tentulah kita perlu melihat apa yang telah dilakukan sebelum ini sehingga menyebabkan lebih 10,000 rakyat Malaysia ditahan tanpa perbicaraan. *Detention without trial*. Akan tetapi bila kita membicarakan soal ISA ini tidak bermakna kita mahu membuka balik sejarah yang lama tetapi kita hendak mengukuhkan lagi hujah kita bahawa rang undang-undang yang dibawa oleh Perdana Menteri ini adalah satu sandiwara politik menjelang pilihan raya umum yang akan datang. Ini kerana komponen zalim, komponen kejam, komponen menghalang dan mengekang hak asasi itu masih wujud dalam Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan.

Apa bezanya dengan ISA? Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua definisi yang diberikan di dalam rang undang-undang yang baru ini berhubung dengan *security offences* ianya terlalu umum, tidak *precise* seperti yang berlaku di negara-negara yang maju. Sepatutnya definisi ini perlu lebih *precise* serta lebih terperinci dan tidak disalahgunakan seperti yang terkandung dalam rang undang-undang yang disebut sebagai sini *undermine Parliamentary Democracy*. Apa definisi *undermine Parliamentary Democracy*? Ini yang disebut oleh Yang Berhormat Subang pagi tadi.

Kalau hendak gunakan akta yang baru ini, kita perlu mendakwa Perdana Menteri kerana merampas negeri Perak baru-baru ini. Oleh kerana itu juga sebenarnya telah mencabuli demokrasi rakyat negeri Perak yang telah memilih sebuah kerajaan yang sah melalui proses demokrasi dan hari ini Perdana Menteri sendiri telah mencabuli semangat demokrasi tersebut. Oleh sebab itu ianya mesti diterangkan secara terperinci definisi yang harus termaktub dalam rang undang-undang ini.

Ini kerana amalan di peringkat antarabangsa dan di negara-negara maju ianya tertumpu kepada tiga komponen utama iaitu yang melibatkan *violent* ataupun *assassination* ataupun *force*. Namun rang undang-undang yang dikemukakan ini diselitkan juga elemen-elemen ISA kerana kalau Tuan Yang di-Pertua lihat hukuman untuk kesalahan ini iaitu seksyen 124(b) dengan izin saya menyebut, “*Whoever by any means directly or indirectly commits and activity that detrimental to Parliamentary Democracy shall be punished with imprisonment for a term which may extend to 20 years*. Selama 20 tahun ISA tahanan pertama dua tiga tahun. Sekarang ini boleh dipenjarakan 20 tahun. Lebih zalim daripada ISA. Untuk kesalahan ini 20 tahun, untuk kesalahan ini...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ada satu lagi kesalahan di dalam rang undang-undang ini ditahan sepanjang hayat sehingga mati, *espionage*. Jadi di mana Yang Berhormat Kota Belud hendak pertahankan Perdana Menteri kononnya hendak mengembalikan *fundamental liberties*. Ya, dia

kembalikan *fundamental liberties* tetapi pada masa yang sama *liberty* yang sama dikekang dengan undang-undang yang cukup zalim yang tidak boleh diterima oleh rakyat yang matang, yang ada kemampuan untuk menjaga kedaulatan dan keselamatan negara. Ini yang kita bahaskan pada hari ini.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Gombak minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kalau hendak bagi peluang itu ada tiga minit Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kota Belud lah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya cuma tertarik sebab Yang Berhormat Gombak menyebut tentang dibentangkan secara tergesa-gesa. Saya hendak tanya pandangan sebab ada dua insiden yang hampir sama. Pertama semasa Perdana Menteri dalam rangka rancangan untuk berjumpa dengan Presiden Amerika Syarikat.

Kita bawakan pembentangan untuk Rang Undang-undang Persaingan untuk membuktikan ketulusan kita pada masa itu. Hendak buktikan kepada Presiden Amerika Syarikat. Hari ini berkenaan dengan undang-undang menggantikan ISA. Baru dua hari lepas kita dilawati oleh Perdana Menteri daripada Great Britain. Adakah Yang Berhormat Gombak mengesyaki atau merasakan apa yang saya rasa perkara ini dibuat tergesa-gesa atau tujuan lain untuk selain daripada persiapan untuk pilihan raya. Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekalilah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Indera Mahkota itu jelas saya ingat rakyat dapat melihat bahawa ini adalah sandiwara politik menjelang pilihan raya umum yang ketiga belas. Kita lihat Perdana Menteri Britain dalam lawatan dia ke Malaysia baru-baru ini pun dan kemudian ke Indonesia, dia lebih memuji kebebasan dan demokrasi yang cukup subur di Indonesia langsung tidak memberikan sebarang pandangan yang positif kepada keadaan dalam negara kita sendiri.

Akan tetapi yang lebih penting ialah kita yang menentukan hala tuju negara pada hari ini. Mengapa kita hendak bawa satu rang undang-undang secara tergesa-gesa tanpa melihat implikasinya kepada kebebasan keharmonian dan kesejahteraan rakyat dalam negara ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tidak benar rang undang-undang ini pernah dirujuk, dibincangkan atau pun ada *consultation* dengan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan. Saya dimaklumkan Majlis Peguam dirunding hanya sekali dua tahun yang lalu. Dua tahun yang lalu hanya satu mesyuarat. Itu pun atas inisiatif Majlis Peguam untuk mengemukakan pandangan mereka sekiranya kerajaan ingin membatakan dan menghapuskan ISA dan pada ketika itu tidak tahu pun kerajaan akan mengambil langkah ini.

Mesyuarat yang kedua hanya dua minggu yang lalu. Bermakna dalam tempoh dua tahun tidak ada *consultation* dengan pelbagai pihak dan kami Ahli Parlimen baru dibentangkan beberapa hari yang lalu. Mengapa tergesa-gesa dan diberikan hanya satu hari untuk membahaskan ini. Pasti ada udang di

sebalik batu untuk meluluskan rang undang-undang ini dan menggunakannya ke atas pimpinan politik dan orang-orang yang tidak secocok dengan kerajaan yang ada pada hari ini.

■1820

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Hai, tidak betullah, Yang Berhormat. Bolehlah, bolehlah sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Kalau sehari tidak menabur bermacam-macam, saya tidak hendak kata fitnah sudah, tidak. Dia orang ini sudah tidak faham apa maknanya fitnah. Akan tetapi saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat, dalam keinginan pihak pembangkang untuk menghapuskan ISA ini dan juga untuk mengimbangi keamanan dan juga kebebasan itu, saya belum pernah terdengar lagi bahawa pihak pembangkang ada mengutarakan satu rang undang-undang ataupun pandangan bagaimana cara hendak menangani ini. Saya pun hendak tahu bagaimana. Bagaimana cara Yang Berhormat Gombak sebagai pemimpin nanti mengimbangi ini? Kita tidak nampak Yang Berhormat. Saya sudah baca Buku Jingga juga tidak nampak. Apa yang ada dalam Buku Jingga Yang Berhormat ialah untuk memansuhkan ISA. Saya ada *list* di sini untuk makluman Yang Berhormat, *list* ini ada dengan tarikh, ada lebih kurang 60, 50 NGO yang telah diberi taklimat dan bukan *Bar Council* sahaja yang perlu diberi taklimat terhadap rang undang-undang ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Baik Yang Berhormat Kota Belud, saya hendak teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya, saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang yang baru ini juga kalau kita teliti, jelas ditulis dalam rang undang-undang ini beberapa seksyen yang menyatakan bahawa mempunyai kuat kuasa walau apa jua yang berlawanan dengan perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Hal ini jelas bercanggah dengan Artikel 4 yang diperuntukkan dalam Perlembagaan yang menyatakan bahawa perlembagaan ini ialah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka yang tidak selaras dengan perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu. Ini adalah satu-satunya akta yang menyatakan ataupun *declare ultra virus* terhadap perlembagaan. Kalau kita tengok dalam rang undang-undang ini, beberapa seksyen dan sub seksyen dengan jelas *declare* ataupun menyatakan *ultra virus* terhadap Perlembagaan Persekutuan. Mengapa perkara ini dibenarkan? Saya harap Menteri dapat memberikan penjelasan dalam penggulungan nanti.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan di dalam Dewan Rakyat ini untuk menjamin demokrasi bagi negara ini, hak setiap rakyat harus dihormati dan dipertahankan. Hal ini adalah sebagaimana yang diungkapkan oleh Reinhold Niebuhr bahawa, "*Man's capacity for justice makes democracy possible but man's inclination to injustice makes democracy necessary*". Kemampuan manusia untuk berlaku adil menjadikan demokrasi itu satu kemungkinan tetapi kecenderungan manusia kepada kejahatan menjadikan demokrasi itu satu kewajipan. Hanya demokrasi yang akan menjamin

keadilan dan kebebasan terhadap rakyat sesebuah negara. Keabsahan sesebuah kerajaan adalah bergantung kepada penerimaan rakyat kepada pentadbiran tersebut. Pemerintahan yang zalim dan autokratik sentiasa melacurkan nama demokrasi dan *moderation* untuk mengaburi pandangan rakyat lebih-lebih lagi menjelang Pilihanraya Umum Ke-13. Walau bagaimanapun, saya yakin rakyat sudah jelik dengan hegemoni yang dicipta oleh UMNO dan kita akan melihat keputusan yang akan dibuat oleh rakyat dalam pilihan raya yang akan datang.

Oleh yang demikian, atas nama demokrasi berperlembagaan, saya mencadangkan supaya Undang-undang Kesalahan Keselamatan ini ditolak kerana jelas terbuka untuk salah guna kuasa dan bercanggah dengan perlombagaan serta mengancam hak asasi rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jasin.

#### **6.24 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk ambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Bagi saya sebenarnya rang undang-undang ini adalah terlalu mudah dan sepatutnya diterima baik oleh semua peringkat kerana ini adalah satu rang undang-undang preventif bagi menggantikan ISA yang telah kita mansuhkan.

Pelaksanaan undang-undang ini adalah untuk menggantikan ISA yang telah kita mansuhkan seperti di fasal 32(1). Ia adalah janji daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 September tahun 2011. Ini adalah satu bukti jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin kita iaitu mengotakan segala janjinya dan juga menepati apa juga yang telah dikatakan. Ini membuktikan satu keberanian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana beliau bersedia memilih untuk menghadapi satu cabaran yang lebih besar lagi dalam mentadbir negara dengan memberikan lebih banyak udara kebebasan kepada rakyatnya di era digital ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini ialah satu imbangan di antara *national security* dengan *fundamental right*. Jadi Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) ini adalah satu pendekatan untuk memastikan supaya penguatkuasaan diberikan kuasa untuk menahan supaya memastikan tidak ada kejadian-kejadian buruk yang berlaku yang mengakibatkan kerugian pada harta benda dan juga kehilangan nyawa. Ini kerana bukti dengan jelas kejadian ini banyak berlaku di negara-negara lain dan akhirnya negara tersebut mengambil langkah-langkah seperti yang dibuat oleh negara kita.

Sebenarnya apabila ISA ini telah dimansuhkan, ada banyak pihak yang tidak dapat menerima keputusan kerajaan kerana mereka berpendapat kerajaan akan kehilangan satu senjata yang amat ampuh sekali untuk mengekang gerakan subversif. Walaupun ISA ini dimansuhkan, mereka yang didapati melakukan apa juga perbuatan yang menjelaskan keselamatan rakyat dan keamanan negara akan tetap dikenakan tindakan tegas berdasarkan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan ISA ini telah menjadikan negara kita lebih demokratik dan lebih bebas berbanding dengan negara-negara seperti Amerika, seperti UK dan juga Singapura yang masih mengekalkan Akta ISA ataupun ala ISA masing-masing. Dalam pada itu, kita harus menghargai bahawa salah satu penyumbang utama keamanan dan juga kemakmuran negara kita adalah kerana adanya ISA. Sekalipun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya tetapi ianya boleh diperbaiki. Tidak ramai pun di antara kita yang telah ditangkap sepanjang ISA diperkenalkan sejak 52 tahun lalu. Kebanyakan yang ditangkap itu pun memang patut ditangkaplah, memang patut diletakkan di Taiping supaya mereka belajar dapat menghargai kebebasan, kemakmuran dan juga keamanan yang sama-sama kita miliki.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya bertanya Yang Berhormat, saya bertanya kepada Yang Berhormat Gombak. Kita hendak tahu kalau mereka tidak mahu rang undang-undang ini, apakah jenisnya rang undang-undang ataupun undang-undang yang mereka inginkan untuk menangani isu keganasan yang jelas yang nyata hadir dan *exist* di dalam negara ini. Dari segi keperkauman, dari segi keganasan, pembunuhan secara kekerasan. Akan tetapi sampai sekarang Yang Berhormat, pernahkah Yang Berhormat mendengar daripada ceramah, daripada Buku Jingga bentuk jenis apakah yang hendak dibawa oleh pembangkang ini? Ini yang ingin saya hendak tanya tetapi Timbalan Presiden PKR tidak menjawab, yang dikatakan kita sabotaj. Dia minta supaya Perdana Menteri diletakkan di dalam rang undang-undang ini. Dia lupa waktu dia dengan Yang Berhormat Batu pergi cuba hendak menjatuhkan, menggulingkan Kerajaan Persekutuan. Itupun juga satu kesalahan di dalam rang undang-undang ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin, boleh celah sedikit?

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Saya jawab Yang Berhormat Kota Belud dahulu. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, tugas dan tanggungjawab kita bukan hanya untuk memajukan negara, bahkan untuk memastikan supaya keamanan yang sama-sama dapat kita kecapi akan terus dapat kita pertahankan.

#### ■1830

Justeru kita mesti ada satu undang-undang bagi memastikan kita dapat melakukan satu dasar preventif sebelum satu-satu kejadian buruk berlaku. Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Jasin, sama ada di kalangan yang ditahan di bawah ISA ini berpatutan atau tidak, juga saya ingin dapatkan secara khusus Yang Berhormat Pokok Sena, saya, Yang Berhormat Permatang Pauh, Ahmad Boestamam, Burhanudin al-Helmy, Dr. Syed Husin Ali dan ramai lagi. Saya ingin tahu secara khusus, orang-orang ini, individu-individu pada pandangan Yang Berhormat Jasin, mereka patut ditahan di bawah ISA atau tidak?

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sebenarnya pengertian undang-undang ini adalah bagi memastikan supaya pihak berkuasa diberikan satu kuasa untuk memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yalah, saya tidak hendak tahu teori pengertian atau tidak. Saya ingin secara khusus individu-individu yang saya namakan, saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Jasin sama ada kita patut ditahan di bawah ISA atau tidak?

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Okey saya faham, saya faham. Sebenarnya penguatkuasaan yang telah diberikan mandat untuk memastikan supaya keselamatan kita akan dapat terus kita pertahankan, mereka mempunyai kaedah. Bukan sahaja pada ketika tersebut, mungkin ada satu rekod pada satu ketika atau satu masa. Jadi kalau yang saya sebut tadi, mungkin mereka yang telah ditangkap itu memanglah bertepatan bagi memastikan supaya tidak ada kejadian jenayah yang boleh berlaku pada masa akan datang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Nanti kejap, saya teruskan dulu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, tadi kawan saya bagi waktu kepada Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Saya akan bagi, saya akan bagi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini ada sedikit sahaja Yang Berhormat, dari Kota Belud ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Saya akan bagi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sekejap, saya akan bagi kemudian.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini Kota Belud ya. Saya hendak tanya sikit sahaja berkenaan Yang Berhormat Batu itu. Yang Berhormat, bolehkah saya katakan Yang Berhormat, kita menerima penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Permatang Pauh semasa dia jadi Timbalan Perdana Menteri. Waktu itu dia katakan bahawa penahanan itu betul. Jadi saya pada waktu masih kecil Yang Berhormat, saya kira sebagai pemimpin saya pada waktu itu, saya setujulah. Itu yang dikatakan oleh mereka, oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Sekurang-kurangnya pertanyaan itu telah pun terjawab.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tidak minat untuk tahu pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini cuba mewujudkan *delicate balance* dengan izin, antara kebebasan individu ataupun kumpulan dengan keselamatan awam dan negara.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Tidak memijak kebebasan semasa bagi mewujudkan keselamatan dan sebaliknya. Satu perimbangan antara *national security* dengan *fundamental right*. Pihak berkuasa hendaklah diberikan kemudahan ruang dan juga peluang bagi memastikan supaya kita dapat melaksanakan undang-undang ini demi untuk menjaga keselamatan rakyat dan juga negara tanpa menggugat kebebasan individu. Namun pilihan hendaklah jelas kerana kita terpaksa memilih antara kebebasan individu dan juga keselamatan ramai. Maka dengan ini, keselamatan ramai hendaklah kita utamakan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Jasin, boleh dapat penjelasan tentang isu ini?

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Bagi sahabat saya dulu, saya sudah janji ini.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih. Saya nak balik kepada apa disebut, yang dipersoal oleh Yang Berhormat Batu kemudian Yang Berhormat Jasin tadi jawab kata wajarlahkan. Gamak Yang Berhormat kata, saya ini wajar ditahan di bawah ISA, gamak sungguh sedangkan yang buat salah itu orang lain. Yang menghasut orang Melayu, menghasut orang Cina supaya bertembung dan bergaduh pada waktu itu orang lain.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Yang Berhormat Pekan yang pada waktu itu juga sebagai Ketua Pemuda yang melakukan benda ini tetapi dia dilepaskan. Maknanya Yang Berhormat setuju seorang yang melakukan kegiatan jenayah keganasan perkauman boleh dilepaskan begitu sahaja sedangkan saya ini Yang Berhormat kata patut, tidak ada sangkut paut pun memang patut kena. Maknanya ini undang-undang apa macam ini? Maknanya tak bolehlah macam itu Yang Berhormat. Saya tak tahu apa-apa pun pada waktu itu. Jadi kalau kira dengan Yang Berhormat Kota Belud ini, dia kata dia pun budak-budak lagi, berhingus lagi pada waktu itu, dia bukan tahu apa sangat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh? Saya juga mahu tanya tentang isu ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Kita banyak terhutang budi kerana kita terpaksa terima hakikat bahawa ISA yang telah diperkenalkan cukup bertepatan pada waktu tersebut. Apa juga pengertian tangkapan tersebut adalah semata-mata untuk dalam konteks untuk preventif bagi memastikan supaya kita tidak mahu kejadian buruk berlaku dan apa yang berlaku di India Yang Berhormat, saya sebut sekali lagi.

Di Mumbai baru-baru ini, walaupun sebenarnya *intelligent* mereka mengetahui satu perkara buruk akan berlaku tetapi kerana mereka tidak ada mempunyai undang-undang preventif, setelah berlaku perkara tersebut yang menyebabkan banyak kematian, mereka diburu. Sekarang India terpaksa memperkenalkan akta yang macam kita ada sekarang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Jasin. Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang juga prihatin tentang keselamatan negara dan juga kebebasan hak seseorang. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, bukankah undang-undang yang sedia ada ini memang sudah memadai dan mencukupi kerana di bawah undang-undang kita, memang seseorang itu kalau disyaki hendak melakukan ataupun akan melakukan kesalahan,

mereka boleh ditahan dan dibawa ke mahkamah dan siasatan boleh dijalankan untuk 14 hari dan kalau mereka didakwa dalam masa itu, mahkamah tidak akan membebaskan mereka kalau disyaki akan melakukan sesuatu jenayah yang serius seperti pembunuhan ataupun *terrorism*. Jadi yang saya tidak yakin tentang Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini ialah ia menghalalkan ketidakadilan di mana saksi-saksi palsu dan keterangan-keterangan palsu boleh dikemukakan dan tidak boleh dicabar.

Ini semua dalam peruntukan ini. Kita tidak boleh menghalalkan ketidakadilan dan saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin, memang kalau seseorang itu nak lakukan kesalahan, kita sudah ada undang-undang yang sedia ada di bawah Kanun Keseksaan dan juga Kanun Acara Jenayah sedia ada, ada prosedur dia untuk menangani masalah itu.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sepatutnya rang undang-undang ini kita mesti terima baik dalam satu konteks bahawa ISA telah pun dimansuhkan. Undang-undang preventif ini bagi memastikan supaya kita dapat lihat bahawa negara kita sentiasa aman. Tidak ada percubaan-percubaan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab muh mengharu-birukan negara kita. Seterusnya saya pergi kepada kekuatan undang-undang ini, saya pergi kepada apa Yang Berhormat-Yang Berhormat soal tadi. Kekuatan undang-undang ini, ia digubal di bawah Perkara 149 iaitu Undang-undang Menentang Perbuatan Subversif, tindakan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya.

Bermakna ia boleh dilaksanakan tanpa menghormati perkara 5 iaitu Kebebasan Diri, perkara 9 iaitu Larangan Buang Negeri dan Kebebasan Bergerak, perkara 10 iaitu Kebebasan Bercakap, Berhimpun dan Menubuhkan Persatuan dan juga perkara 13 iaitu Hak Terhadap Harta. Jadi soalan saya iaitu pada perkara 2, Huraian. Apakah sebenarnya rasional perkara 79? Ia menjalankan kuasa-kuasa perundangan bersama tidak dimasukkan seperti mana yang dinyatakan dalam Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Di dalam mukadimah rang undang-undang ini, hanya Perkara 149(1)(a),(b), (d) dan (f) Perlembagaan Persekutuan dipetik ataupun dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Soalan saya, apakah rasionalnya Perkara 149(c) dan (e) Perlembagaan Persekutuan tidak diambil sama terutama mengenai usaha membangkitkan permusuhan kaum seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi iaitu Perkara 149(1)(c) dan juga permusuhan agama agar apa juga perkara yang telah berlaku terutamanya 13 Mei tidak lagi berulang.

Dalam sebuah negara majmuk, sensitiviti perkauman adalah sangat rapuh. Justeru itu, kita mahu memastikan kita mesti ada satu undang-undang yang dapat mengekang apa juga percubaan-percubaan yang tidak diingini bagi membangkitkan rasa tidak puas hati di antara rakyat. Dalam mukadimah ini ada juga ditegaskan usaha untuk menghentikan perbuatan membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong iaitu di para dua melalui rang undang-undang ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Jasin.

■1840

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan di sini supaya jelas. Adakah tindakan akan diambil terhadap mereka yang menentang Raja-Raja yang baru berlaku. Katakanlah saya tidak pergi istana, saya tidak sihat, saya pun tidak mahu komen perkara tersebut tetapi apa yang berlaku di hadapan kita dua tahun lepas apabila ramai kawan kita berguling-guling di atas jalan raya di hadapan kereta Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Terhadap orang-orang ini, apakah tindakan yang patut kita ambil supaya kita dapat memastikan tidak ada mereka yang menghina Raja. Kita mahu dan saya menyarankan supaya kita perkenalkan undang-undang ala *laissez majeste* seperti mana yang terdapat di Thailand bagi mengekang perbuatan yang tidak bersopan ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Jasin, sedikit. Tadi Yang Berhormat Jasin berulang kali menggunakan perkataan preventif dan saya rasa Yang Berhormat Jasin boleh bersetuju dengan saya, ia bukan sahaja bersifat preventif tetapi juga bersifat *preemptive* sebenarnya. Akan tetapi Yang Berhormat Jasin, saya mohon Yang Berhormat jelaskan pada Dewan ini, kenapa Yang Berhormat yakin sangat bahawa undang-undang ini lebih baik daripada perlu ada daripada ianya tidak ada. Itu kerana Yang Berhormat, kalau saya tengok undang-undang ini, sampai ke tahap selama 57 tahun, Malaysia mana ada hak hendak *tap-tap* telefon orang. Hendak ambil hak sampai boleh kalau katakan hari ini Peguam Negara kata, “*likely*”, perkataan “*likely*”, dia kata berkemungkinan ada asas sikit sahaja, dia boleh pergi *tap* sampai ke *handphone* segala macam. Adakah ini menggambarkan, dengan izin, *the big brothers state* ini menggambarkan sebuah negara maju.

Bagi saya ianya menggambarkan kita mundur. Negara maju ialah, dengan izin, ia ada *honor system*, ia mengamalkan demokrasi. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Jasin, tolong jelaskan pada saya kerana bagi saya *fundamental liberty* Yang Berhormat Jasin hujahkan tadi itu, dengan izin, *it is a moral foundation of our Constitution*. Kalau *fundamental liberty* itu pun diambil, di *bypass*, jantung perlembagaan itu diambil, di *bypass-bypass* teruklah kita. Jadi, macam kita ini sakit jantung, sudah 57 tahun. Mohon penjelasan.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya tetapi kalau kita bercakap tentang kemanusiaan, kemungkinan sahabat saya tidak ada pengalaman. Saya merasa setelah dalam pasukan keselamatan. Jadi, preventif adalah satu perkara yang amat penting sekali bagi memastikan kita dapat mengekang apa juga percubaan-percubaan yang boleh merosakkan keamanan negara kita. Jadi undang-undang, kalau dulu ISA diperkenalkan sejak tahun 1960, maka mungkin kita mahu buat satu transformasi politik bagi memastikan negara kita sebuah negara yang lebih demokratik dan dapat diterima oleh negara-negara lain. Saya teruskan kepada hujah saya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Jasin, boleh dapat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jasin boleh bagi tetapi ada dua minit Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tadi mengenai mereka yang bantah dilantik Datuk Seri Zambry menjadi Menteri Besar di Perak ini. Adakah daripada ucapan Yang Berhormat Jasin tadi, Yang

Berhormat berpendapat bahawa mereka yang kita kata menegakkan demokrasi iaitu hendak Dewan dibubarkan dan rakyat membuat pemilihan baru untuk Kerajaan Negeri Perak. Orang-orang sedemikian yang mengutamakan atau menegakkan demokrasi ini mesti ditangkap dan dikurung di bawah undang-undang ini. Adakah itu cadangan tadi dikatakan kerana bantahan mereka? Itu pun kalau digunakan menunjukkan satu salah guna undang-undang yang begitu serius.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Apa yang berlaku di Perak itu adalah mengikut Perlembagaan, kita tidak usah bincang lagi perkara tersebut. Apa yang kita bincang kita menghala. Sepatutnya rang undang-undang ini mesti diterima baik kerana kita ada satu pembaharuan bagi memastikan supaya kita dapat membuktikan kepada dunia luar bahawa kita memberikan kebebasan kepada rakyat untuk lebih bersuara. Oleh kerana Perkara 149(1)(e), Perlembagaan Persekutuan ini tidak dipetik sama, maka saya ingin bertanya apakah rasionalnya kita gugurkan perkara ini. Di bawah akta mana tindakan segera boleh diambil terhadap mereka terutamanya yang melakukan sabotaj secara *subtle* atau terbuka kepada ekonomi negara kita.

Misalnya, dalam percakapan atau tulisan atau tindakan yang boleh menyebabkan pelabur-pelabur lari dan yang demikian impaknya adalah sangat besar terutamanya akan mengakibatkan pengangguran yang berleluasa dan akhirnya boleh menjadikan *social unrest*. Ada di kalangan kita yang tidak patriotik, ke luar negara menyampaikan berita-berita palsu. Bukan itu sahaja, menyampaikan fitnah seolah-olah negara ini tidak aman, negara ini tidak demokratik. Ini boleh menyebabkan pelabur-pelabur kita tidak yakin bahawa negara kita mengamalkan satu sikap yang terbaik sekali kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain.

Jadi justeru itu, saya ingin bertanya apakah tindakan-tindakan susulan supaya kita dapat memastikan mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab ini boleh senang lenang menyampaikan fitnah ke luar negara. Bukan itu sahaja, boleh membuat berita-berita palsu terutamanya tentang aset-aset ketenteraan yang sepatutnya tidak boleh jatuh ke tangan asing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di bawah akta yang sama. Saya hendak tanya sama ada apakah tindakan segera yang kita boleh ambil terhadap mereka yang menghina dan memburuk-burukkan pemimpin dan nama baik negara. Mengapakah tindakan tidak boleh diambil terhadap mereka yang terus menerus melakukannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Baik Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tiang seri rang undang-undang ini ialah perkara fasal 4 di mana seseorang tidak boleh ditahan lebih daripada 28 hari. Kalau kita bandingkan dengan ISA selama dua tahun dan *indefinite detention*. Jadi, fasal 45 ini dan hendaklah diberikan peluang pula berunding dengan peguam dalam masa 24 jam bagi fasal 52. Soalan saya, apakah sebenarnya mekanisme yang akan kita wujudkan bagi memastikan supaya pihak polis tidak menyalahgunakan kuasanya di bawah perkara fasal 41 ini yang boleh menangkap tanpa waran.

Terakhirnya, *corner stone*, dengan izin, rang undang-undang ini ialah fasal 43. Tiada tangkapan dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Ia seumpama satu sijil yang kita berikan kebenaran untuk kita berpolitik seluas-luasnya di negara kita ini. Soalan saya, di bawah akta manakah tindakan segera dan berkesan boleh kita ambil terhadap apa juga aktiviti-aktiviti politik yang bersamaan dengan aktiviti-aktiviti politik Operasi Lalang tahun 1987. Jadi peruntukan 63, pihak polis dibenarkan mengambil tindakan berkenaan dengan mendapatkan kebenaran pendakwaraya terlebih dahulu. Soalan saya, apakah juga mekanisme yang kita wujudkan supaya kita dapat pastikan pihak polis tidak menyalahgunakan kuasa di bawah fasal tersebut. Lebih-lebih lagi kaedah yang kita maklumkan mendapat kebenaran di bawah fasal 64 adalah dilihat amat longgar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

#### 6.48 ptg.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya menyambut baik dengan pemansuhan ISA Keselamatan Dalam Negeri dan diganti dengan Rang Undang-undang Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memansuhkan ISA, apakah rang undang-undang ini sahaja yang akan menggantikan ISA kerana sebelum ini kerajaan mengumumkan bahawa dua rang undang-undang akan di bentang dalam Dewan yang mulia ini. Memandangkan tumpuan kita sekarang adalah tertumpu pada usaha memerangi *extremism* dan anasir pengganas atau *terrorism*, kenapa pula klasifikasi bagi tindakan tidaklah spesifik. Mengapa pula kegiatan terancam atau *organized activities* seperti *extremism* dan keganasan tidak disenaraikan untuk rujukan mudah. Mengapa anasir yang disyaki memiliki senjata berbahaya sama ada yang merupakan pembinasan ramai atau *mass destruction* atau sebaliknya tidak diasingkan secara jelas dari kategori kegiatan lain yang dianggap boleh menjelaskan ketenteraman awam.

#### ■1850

Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria bagi memutuskan sesuatu tindakan itu untuk membangkitkan perasaan setia terhadap Tuan Yang di-Pertuan Agong. Apakah itu juga relevan, terdapat kedua-dua negeri seperti sultan atau Yang di-Pertua Negeri. Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh dua insiden berlaku di Sabah. Satu peristiwa pembakaran bendera negeri Sabah di Lahad Datu pada April 2009 seperti mana yang pernah dimuatkan dalam liputan *New Sulu Times* serta laman-laman web yang mempromosikan isu tuntutan Sabah yang sengaja diungkit-ungkit dari semasa ke semasa walaupun pihak kerajaan telah secara tegas menolak tuntutan itu.

Namun yang demikian, tidak boleh memandang sepi bahaya yang terpendam dalam sentimen anti Malaysia yang masih wujud di negeri Sabah. Ini berpotensi menyemarakkan dan menjadi ancaman terhadap keselamatan negara khususnya ramai pendatang keturunan Filipina telah pun memiliki MyKad.

Oleh demikian, saya ingin memohon penjelasan dari kementerian sama ada individu atau kumpulan yang mempromosikan tuntutan Sabah bagi pihak kuasa asing serta membakar bendera negeri

Sabah itu dianggap tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Yang di-Pertua Negeri Sabah. Kalau kita tidak mengambil tindakan yang berat tentang perkara ini, saya anggap perkara ini cukup serius dan ia akan memberi satu gambaran yang negatif kepada pihak yang terbabit. Lebih-lebih lagi dan 2 Februari 2011, seorang warga Sabah yang bernama Datu Mohd. Akjan bin Datu Ali Mohamad telah menabalkan diri sebagai Sultan Sulu yang ke-33 setelah upacara mengangkat sumpah setia terhadap kuasa asing dilangsungkan di Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah.

Saya ingin tahu apakah tindak tanduk sedemikian tidak dianggap derhaka terhadap Tuan Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertua Negeri Sabah. Saya memohon penjelasan Menteri tentang tindakan yang telah diambil terhadap pihak yang terbabit dalam kedua-dua kes ini yang dimaksudkan. Tidakkah mereka yang terbabit itu telah melanggar kesalahan keselamatan yang kita bahaskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 5(1)(a) dan (b) adakah perlu bahawa pihak polis mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut *standard operating procedure* atau SOP. Baru-baru ini dilaporkan berlakunya satu kes tindakan polis yang melanggar SOP apabila seorang peniaga wanita dibawa balik ke balai polis tanpa sebab-sebab yang jelas dan yang lebih terkilan itu berlaku apabila wanita itu diberi layanan yang bukan sahaja tidak sopan malahan cukup memalukan dalam balai polis.

Tidakkah ini satu tindakan yang telah menjasikan kewibawaan polis dalam kalangan masyarakat dan seterusnya bakal menghakis keyakinan orang ramai terhadap keadilan polis dalam melaksanakan akta ini kelak selepas ia diluluskan nanti. Di sini juga saya minta penjelasan dari kementerian, adakah rang undang-undang ini mempunyai peruntukan keseimbangan dalam siasatan atau *what is the system for check and balance* supaya pihak berkuasa tidak boleh menyalahgunakan kuasa dengan membezakan kes-kes ancaman dan sivil yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita boleh memajukan masa depan dengan memastikan sistem kita adalah bebas, adil dan saksama. Dengan itu, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Hulu Selangor.

#### **6.55 ptg.**

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk menyokong Rang undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini merupakan salah satu pelaksanaan dalam proses PTP atau Program Transformasi Politik dan juga satu lagi janji yang telah pun ditepati.

Pada 15 September 2011, masa itu kita belum tahu Perdana Menteri Great Britain akan sampai ke Malaysia. Pada 15 September 2011 rakyat Malaysia menerima dengan hati terbuka ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengumumkan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau ISA akan dimansuhkan dan pada hari ini dalam tempoh masa tujuh bulan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan rang undang-undang yang baru ini.

Sekiranya kita meneliti tujuan dan konsep Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini, ia terdapat tiga inti pati:

- (i) memansuhkan tahanan pencegahan yang mana ada dalam ISA dahulu;
- (ii) memperuntukkan kesalahan bagi cubaan menjelaskan sistem demokrasi berparlimen; dan
- (iii) memperuntukkan prosedur khas bagi menangani kes-kes keselamatan seperti aktiviti-aktiviti yang menjelaskan demokrasi berparlimen, sabotaj, pengintipan dan juga keanggotaan dalam kumpulan pengganas seperti yang diperuntukkan melalui pindaan kepada Kanun Keseksaan turut dipinda serentak dengan pindaan ini.

Saya ingin mendapat yang penjelasan sedikit daripada kementerian definisi-definisi kumpulan pengganas dan sekiranya ada senarai-senarai yang mana akan mereka pakai guna untuk mengklasifikasikan kumpulan pengganas ini.

Seterusnya, rang undang-undang ini beberapa aspek yang ingin saya ambil nota ialah bahagian dua kuasa khas bagi kesalahan keselamatan yang agak penting dan menjadi satu *point of reference* ialah pertama kuasa Menteri untuk menahan seseorang selama dua tahun atau pun lebih telah dihapuskan dan sebaliknya digantikan dengan perbicaraan di mahkamah. Bukan sahaja itu, tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Akta-akta ini atau syarat-syarat ini tidak ada dalam peruntukan ISA sebelum ini.

Seterusnya, fasal 5 pemberitahuan kepada waris qadim dan rundingan dengan pengamal undang-undang-undang. Fasal 5 menyatakan bahawa; “*Apabila seseorang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen 4, pegawai polis yang menjalankan penyiasatan hendaklah -*

- (a) *dengan segera memberitahu waris kadim kepada orang itu mengenai tangkapan dan penahanan orang itu; dan*
- (b) *tertakluk kepada subseksyen (2), membenarkan orang itu untuk berunding dengan pengamal undang-undang pilihannya.”*

Soalan saya faktor masa akan memainkan peranan penting. Apakah definisi ‘dengan segera’.

Fasal 6, kuasa untuk memintas komunikasi. Saya ingin tahu daripada kementerian contoh-contoh negara-negara yang menggunakan kuasa untuk memintas komunikasi ini dan sama ada satu lagi garis panduan akan digubal untuk mengadakan peraturan-peraturan khas mengenai pemintasan komunikasi ini supaya kita lebih jelas apakah sistem-sistem, apakah cara-cara bagaimana sistem-sistem ini dapat kita membuat pemintasan komunikasi ini.

Seterusnya fasal 6(4), jika seseorang pegawai polis telah bertindak di bawah...

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]:** Ya.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor.

**■1900**

Saya tertarik apabila Yang Berhormat telah bangkitkan tentang soal pemintasan komunikasi. Pada saya komunikasi di sini walaupun banyak alat-alat elektronik yang ada di pasaran sekarang ini tetapi yang lebih penting adalah penggunaan telefon bimbit. Kita lihat ada beberapa peristiwa yang berlaku kebelakangan ini iaitu apabila Kerajaan Thailand bertindak menutup seluruh sistem komunikasi bagi kawasan-kawasan yang dianggap sensitif di kawasan Selatan Thailand. Sekarang ini boleh dikatakan semua sistem ini tidak lagi dibuka kepada umum dan kalau yang berdekatan dengan negara Malaysia, mereka akan menggunakan sistem yang ada di negara kita kerana kita difahamkan telefon bimbit ini bukan sahaja boleh digunakan untuk urusan membuat bom dan sebagainya malah ia boleh mematikan sistem pesawat.

Jadi, dalam keadaan ini saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Hulu Selangor, adakah adil untuk kita membuat pemintasan alat-alat komunikasi dan juga SMS dihantar dan diterima berdasarkan kepada keadaan di mana kita akan melakukan proses mengesyaki kepada seseorang individu yang terlibat dalam tuduhan yang dirancang mengikut langkah-langkah khas ini. Apa pandangan Yang Berhormat Hulu Selangor?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Berdasarkan dengan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Arau saya setuju pemantauan ini diperlukan berdasarkan kepada apa yang telah berlaku di negara-negara jiran ini dan saya juga berharap ucapan Yang Berhormat Arau ini dimasukkan sebagai ucapan saya sekali. Terima kasih.

Berbalik kepada Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 fasal 64, jika seseorang pegawai polis telah bertindak di bawah seksyen 3, pegawai polis itu hendaklah dengan segera memaklumkan pendakwaraya mengenai tindakannya itu dan sesudah itu dia hendaklah disifatkan dan sebagainya telah bertindak di bawah kebenaran pendakwaraya. Sekali lagi tempoh masa, apakah definisi dengan segera.

Seterusnya bahagian ketiga, tatacara khas yang berhubungan dengan peranti pengawasan elektronik. Sekali lagi saya ingin tahu negara-negara yang mengamalkan penggunaan peranti pengawasan elektronik ini, saya pasti mungkin salah satu sebab kita menggunakan peranti pengawasan elektronik ini ialah ia dapat mengurangkan kesesakan di penjara. Saya ingin tahu sama ada inikah sebabnya atau ada sebab-sebab lain untuk kita menggunakan peranti pengawasan elektronik ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V – Perbicaraan. Fasal 13, jaminan. 13(2) berbunyi begini, walaupun subseksyen 1 seseorang yang berumur di bawah 18 tahun jaminan tidak boleh diberikan – 13(1) “*Jaminan tidak boleh diberikan, kepada seseorang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan keselamatan.*

- (2) *Walau apa pun subseksyen (1) -*  
(a) *seorang yang berumur di bawah lapan belas tahun;*  
(b) *seorang perempuan; atau*

(c) *seorang yang sakit atau seorang yang uzur.”*

Bagaimana had umur seorang warga emas? Boleh tidak kementerian tetapkan satu umur kepada seorang warga emas supaya beliau juga dapat dimasukkan dalam 13(2) ini. Seterusnya fasal 16, perlindungan identiti saksi. Saya rasa ini amat diperlukan kerana ada masa kita agak sukar untuk memberi perlindungan kepada saksi kerana masih wujud di mana tempat-tempat yang mana seseorang yang bakal menjadi saksi ini terpaksa menunjukkan kepada pegawai polis secara berterusan tanpa apa-apa gangguan penjenayah-penjenayah itu. Saya pasti ini baik. Saya juga pasti ia dapat mengukuhkan Akta Perlindungan Saksi dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat ataupun *The Whistleblower Act* yang telah kita luluskan baru-baru ini dan juga *The Good Practices and Protection of Witnesses in Criminal Proceeding Involving Organized Crime* daripada *United Nations*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat Bahagian VIII fasal 28 -Perlindungan Pemberi Maklumat merupakan satu rang undang-undang yang baru, yang tidak terdapat di Akta ISA sebelum ini. Fasal 29 pula akses oleh polis kepada tahanan atau banduan. Adakah ini bermakna bahawa polis boleh menjalankan siasatan terhadap tahanan atau banduan yang ada dalam tahanan atau banduan. Perlukah polis sebelum membuat siasatan itu mendapatkan kelulusan daripada sesuatu pihak sebelum mereka boleh memulakan proses siasatan ini terhadap tahanan ataupun banduan.

Fasal 30 juga merupakan satu fasal baru yang mana penambahan sementara menunggu proses undang-undang habis yang tidak ada dalam Akta ISA sebelum ini. Satu lagi aspek yang mana saya rasa di antara hujah-hujah yang memang melucukan saya tadi ialah cadangan jawatankuasa khas yang mana dicadangkan oleh beberapa orang pihak pembangkang. Bagi saya ini benar-benar satu sandiwara politik kerana bagi saya kerajaan telah mewujudkan dua jawatankuasa khas dalam masa yang terdekat ini. Satu, Jawatankuasa Lynas yang mereka tidak mahu melibatkan diri. Yang kedua, Jawatankuasa Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

Setelah semua dilakukan akhirnya mereka juga pilih untuk tidak berdebat ataupun memberi persetujuan terhadap jawatankuasa tersebut. Maka bagi saya cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa ini merupakan satu sandiwara politik bagi mereka untuk cuba menegakkan benang yang basah. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

#### **7.06 mlm.**

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang sedikit untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara berkaitan rang undang-undang ini. Sebagaimana beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang berucap, saya juga merupakan salah seorang bekas tahanan ISA dalam tahun 1998. Apabila saya ditahan ianya berkaitan dengan peristiwa yang

berlaku terhadap Yang Berhormat Ketua Pembangkang ketika itu dan di masa tahanan saya, saya telah dengan nyata beberapa kali mengatakan bahawa saya tidak terlibat dalam aktiviti beliau. Saya tidak pernah berucap, saya tidak berada di atas pentas bersama dengan beliau pun dan saya tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti atau perancangan tetapi saya masih ditahan selama 18 hari sebelum dibebaskan seperti yang terkena kepada beberapa puluh orang dalam tahun 1998 itu.

Saya boleh sebutkan bahawa pengalaman tersebut mengesahkan kepada saya bahawa ISA telah disalahgunakan dan oleh itu ianya memang patut kalau pun tidak oleh sebab-sebab yang lain ianya telah pun digunakan dengan sebegini teruk sekali dan oleh sebab itu kita sudah tentu menyokong tindakan untuk menghapuskan ISA ini. Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar alasan-alasan yang diberikan dan sebab-sebab yang diberikan kenapa rang undang-undang baru ini dibentangkan pula sekarang ini. Saya sudah tentu mengiktiraf bahawa ini adalah satu tindakan kononnya bijak oleh pihak UMNO Barisan Nasional untuk menggilap imej mereka dalam persiapan untuk menghadapi Pilihan Raya Umum yang akan datang... *[Dewan riuh]* Akan tetapi sudah tentu sebagaimana Yang Berhormat Kota Belud cuba untuk berhujah tadi, dia kata kita ini sebenarnya bukan mendengar daripada pemikiran atau cadangan pihak pembangkang tetapi kita mendengar daripada suara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apa maksud suara rakyat? Saya fikir Yang Berhormat Kota Belud amat terkeliru dari segi takrifan suara rakyat atau adakah beliau melihat bahawa suara rakyat yang beliau mahu dan lihat itu seperti yang berlaku di Arab Spring yang sahabat saya daripada Yang Berhormat Pasir Salak amat tidak gemar peristiwa tersebut. Yang mana rakyat berani bangun bangkit dan sebagainya hingga terguling kerajaan-kerajaan yang zalim atau adakah selepas kita berpilihan raya berbelas-belas kali pilihan raya itu, keputusan itu, undi popular itu adalah gambaran suara rakyat. Sedikit sebanyak adalah jelas bahawa dengan rakyat mengundi parti-parti pembangkang dengan calon-calon parti pembangkang memperoleh hampir 50% undi popular baru-baru ini maka ini jelas menunjukkan bahawa suara rakyat menolak bukan sahaja kerajaan Barisan Nasional secara umumnya tetapi akta-akta yang khusus termasuklah Akta ISA ini... *[Tepuk]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat sedikit sahaja. Yang Berhormat Tumpat, mengenai Arab Spring tadi, kebetulan saya ada makluman mengenai Wa'il Ghonim iaitu Eksekutif *Google* yang menulis memoirnya mengenai *Revolution 2.0*. Pengajaran yang ditulis di sini satu sahaja Yang Berhormat Tumpat, mungkin tolong komen, "*The power of the people is greater than the people in power*". Saya mohon penjelasan apa dimaksudkan itu. Adakah itu satu para yang salah ataupun subversif.

■1910

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Amat elok dan cantik sekali ungkapan dalam bahasa Inggeris itu. Saya amat setuju dan menyokong dan saya terimanya sebagai sebahagian daripada ucapan saya yang ringkas ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan suara rakyat juga, ada percubaan-percubaan sebab isu perkauman juga disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Jasin sebentar tadi dengan mengatakan

bahawa perkauman adalah sangat-sangat besar masalahnya. Ia adalah sangat mencabar dan kita sentiasa mesti berjaga-jaga berkaitan dengan isu dan terpecahnya isu perkauman ini sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kepada beberapa tahun yang akhir ini ada percubaan untuk mencetuskan isu perkauman. Kita sudah tentu tidak lupa beberapa kali kepala babi diletakkan di masjid-masjid. Akan tetapi rakyat tidak terkejut, tidak terpesong, tidak terpengaruh, tidak pergi menyerang mana-mana pihak. Orang Melayu menyerang orang Cina dan sebagainya kerana orang-orang Melayu dan rakyat tahu bahawa ini adalah usaha untuk mencetuskan perkauman tetapi rakyat, suara rakyat menolak perkauman bentuk ini... [Tepuk]

Kemudian, kepala lembu pula diletakkan di pintu-pintu kuil dan sebagainya. Kononnya untuk mencetuskan kemarahan orang-orang Hindu, orang India bahawa agama mereka telah di permain-mainkan oleh kononnya orang-orang Islam, orang-orang Melayu. Orang-orang India, orang-orang Hindu pun tidak termakan, tidak terpengaruh dengan permainan buruk yang dilakukan oleh pihak UMNO – Barisan Nasional ini. Jadi isu perkauman bukan lagi isu yang boleh digunakan untuk mencetuskan huru-hara untuk memperoleh undi bagi mereka. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat, sedikit. Subang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat. Saya ingin berbalik kepada satu hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi. Yang Berhormat Kota Belud berkali-kali ulang perkataan keamanan sebagai satu hujah mungkin untuk menyokong kegunaan ISA dahulu dan dia beri gambaran atau hujahnya adalah lebih kurang kegunaan ISA setakat ini adalah yang memberi – menghasilkan kedudukan suatu suasana di Malaysia di mana kita aman dan damai dan dia buat perbandingan dengan kawasan-kawasan lain seperti Thailand dan Indonesia.

Akan tetapi pada masa yang sama, dia pun mengiktiraf suara rakyat yang sekarang menuntut ISA dikeluarkan dan Barisan Nasional sekarang mengiktiraf suara rakyat itu. So, bagi saya ini menunjukkan satu percanggahan. Satu hujah *you* kata ISA mengakibatkan keamanan yang sepatutnya dihargai oleh rakyat tetapi rakyat yang sama menuntut ISA dimansuhkan. Bukankah realitinya keamanan hanya akan dihasilkan untuk masa jangka panjang untuk rakyat apabila rakyat dilayan dengan keadilan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tumpat, kalau saya boleh sambung. Satu ayat sahaja. Apakah Yang Berhormat Tumpat bersetuju tidak akan ada keamanan selagi di sana tidak ada keadilan?

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Saya amat bersetuju dengan kedua-dua Yang Berhormat. Malah disebutkan beberapa kali contoh Thailand. Yang Berhormat Arau pun mendengarnya dengan cukup gembira sekali. Kononnya di Thailand itu hanya beberapa meter daripada Tumpat saya, beberapa meter daripada Arau sana. Keadaannya cukup huru-hara kononnya kerana keadaan undang-undangnya tidak sekeras dan tidak sezalim negara kita. Akan tetapi di pihak yang lain, pengucap yang sama juga akan menyatakan "*Jaga-jaga di Thailand itu kalau kita menyentuh sikit tentang Raja-Raja. Land majesty akan dikenakan. Kita akan dihukum sebagainya dan berbagai-bagai*". Ini hujah yang bercanggah oleh seorang pengucap berkaitan dengan perkara seperti contoh di Thailand ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud juga bahawa kita jangan ingat lagi tentang ISA. ISA adalah sejarah. ISA sudah habis. Kita berada dalam undang-undang yang baru dengan rang undang-undang yang baru. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang baru ini mukadimahnya sama dengan rang undang-undang yang menjadi Akta ISA. Saya ada rujukan ISA hasil daripada usaha penyelidik Parlimen kita. Terima kasih kepada mereka. Yang menunjukkan di sini bahawa Akta ISA tahun 1960 sama mukadimahnya iaitu dengan merujuk kepada Perkara Artikel 149 Perlembagaan. Kalau dalam Akta ISA Jun 1960 ini, ia menyebut bahawa dengan izin "Now, therefore pursuance to Article 149 of the Constitution be enacted by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice, concern Dewan Negara, Dewan Rakyat in Parliament assemble by authority as follows", dan sebagainya.

Ini ISA, yang kita sekarang ini pun bahawasanya tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang dan harta, untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong, yang memudaratkan ketenteraman awam dan persekutuan, untuk mendapatkan perubahan selain cara apa juga ditetapkan melalui undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Tumpat. Mohon pandangan Yang Berhormat, pada tahun tersebut, 1990 apabila Rang Undang-undang ISA dibentangkan dan dibahas di Parlimen, Ahli-ahli Parlimen daripada Parti Islam Se-Malaysia dijamin oleh Perdana Menteri bahawa ISA ini ditumpukan kepada penjenayah-penjenayah dan juga komunis-komunis. Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen daripada Tumpat, masihkah Yang Berhormat ingat seorang mangsa tahanan ISA yang bernama Tok Guru Haji Pok Mei. Tok Guru Haji Pok Mei ini seorang ulama yang cukup tua, cukup kerdil, kurus, lemah lembut tetapi dikatakan menjadi ancaman.

Beliau ditahan dan ditekan dengan begitu hebat oleh pihak polis sehingga dibebaskan beberapa tahun kemudian. Begitulah juga dengan seorang lagi, Tok Guru Haji Omar daripada Kubang Bembang, Pasir Mas. Ditekan, ditahan dan di *torture* menyebabkan Tok Guru Haji Omar ini bertindak balas dan membunuh seorang polis dalam tahanan, mati. Akan tetapi Tok Guru Haji Omar tidak dibawa ke muka pengadilan di atas tuduhan membunuh. Cuma dipujuk dan akhirnya masuk UMNO. Dibebaskan, dapat lesen beras dan... *[Dewan riuh]* Sila minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Amat tepat sekali. Malah di Tumpat ada seorang lagi yang ditahan di bawah ISA. Seorang ulama iaitu ayahanda kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar – Tok Guru Haji Yakcob. Juga di bawah ISA. Itu Tuan Yang di-Pertua, ISA yang mana ia dibentangkan mengikut mukadimah yang agak sama dengan yang sekarang ini. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ayahanda kepada Perdana Menteri hari ini sekurang-kurangnya memberikan dalam ucapan pembentangan beliau dalam tahun 1960 itu agak terperinci.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu sekurang-kurangnya menyebut bahawa kalau dalam Bahasa Inggerisnya dengan izin, teks pada masa itu, beliau mengatakan bahawa dengan izin "*Let me deal with the terrorism first. In Perlis, Kedah, Northern Perak and Western Kelantan and across the Thai border, there are now still 583 arm terrorist of whom perhaps 90 might be on the Federation site of the border at anytime*". Sekurang-kurangnya memang tepat dengan mukadimah itu. Ada satu tindakan yang telah diambil, tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar. Dia bagi faktanya dalam ucapan dalam tahun 1960 itu sebagai alasan kenapa perlu kepada ISA.

Oleh sebab itulah sebagaimana Yang Berhormat Kota Bharu sebutkan tadi bahawa pemimpin-pemimpin PAS pada masa itu amat terpengaruh dengan ramainya pemberontak-pemberontak, komunis-komunis yang masih ada. Itu satu percubaan. Sekurang-kurangnya percubaan yang bersungguh-sungguh dengan bukti yang ada untuk mengatakan ada ancaman terhadap negara. Akan tetapi hari ini dengan menggunakan mukadimah yang sama, tidak ada satu pun disebutkan kes yang konkret. Jadi ini adalah fakta yang salah. Rang undang-undang ini berasaskan kepada mukadimah yang salah faktanya. *There is no basis*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin untuk dimulakan, dibahaskan pun rang undang-undang seperti ini kerana ia adalah *ultra virus* Perlembagaan negara kita ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh?

■1920

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Mohon penjelasan. Apabila dinyatakan dengan jelas bahawa akta ISA tahun 1960 ditujukan kepada *Communist terrorist* tetapi kemudiannya dalam masa tiga tahun, beberapa wakil rakyat yang dipilih ditahan. Seumpama Tok Guru Haji Hassan, seorang Ahli Dewan Negeri daripada Tendung, Pasir Mas. Seumpama Tuan Haji Nik Abdullah Arshad, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri daripada Sering, Pengkalan Chepa. Seumpama Tuan Haji Saufi Idris, seorang Yang Berhormat ADUN daripada Bukit Marak. Jadi ini adalah mangsa wakil rakyat yang dipilih sehingga pokoknya Pok Nik Lah dan juga Saufi Idris ini bertanding untuk pilihan raya umum 1964 dengan tubuh mereka ada dalam tahanan tetapi masih lagi rakyat mengundi dan mereka menang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Tumpat, boleh dapat satu penjelasan?

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Saya jawab dahulu. Memang tepat, itu Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan Yang Amat Timbalan Berhormat Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak, beliau menjanjikan sekali lagi dalam ucapan beliau. Saya baca teks dia dengan izin, "*A person is detained for what it is considered he may reasonably be expected to try to do, but not for what he is proved beyond doubt to have done. He is detained because he represents a risk to the security of the country and not because of he is a member of a lawful political party*". Dalam ucapannya ada komitmen tidak akan menahan kerana terlibat dalam parti atau politik yang sah dan halal. Akan tetapi dalam janji tersebut pun dilakukan tahanan terhadap tidak kira siapa asalkan parti pembangkang, dilakukan juga. Jadi ini adalah menandakan bahawa janji-janji yang ada dalam rang undang-undang yang baru ini pun

sebagaimana janji yang dilakukan dalam tahun 1960, ia kemungkinan besar akan disalahgunakan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Tumpat, boleh dapat penjelasan dengan mukadimah tadi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Tumpat mengenai dengan mukadimah rang undang-undang ini.

Pada hemat saya, kalaupun Rang Undang-Undang Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini diluluskan, ia kemungkinan besar pada pandangan saya adalah tidak sah kerana melanggar peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 149 di mana undang-undang ini dicadangkan mengikut mukadimah ataupun pra dan juga prasyarat Perkara 149 ini, dinyatakan bahawasanya tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar negara Malaysia untuk menyebabkan keganasan, untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong, untuk memudarati ketenteraman awam, untuk mendapatkan perubahan melainkan dengan cara yang sah apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang.

Ini bermaksud seperti yang dinyatakan tadi, mesti ada satu insiden, mesti ada satu kumpulan yang sudah mengambil tindakan. Katakan, komuniskah ataupun *terroristikah*, penganas-penganas yang telah melakukan kesalahan ataupun hendak melanjutkan. Jadi adakah pandangan Yang Berhormat Tumpat sama dengan saya bahawa undang-undang ini tidak boleh diluluskan di bawah Perkara 149?

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Amat betul sekali, amat betul sekali.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tumpat, kalau boleh saya mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Okey.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tumpat, kalau boleh saya sebut. Saya celah sedikit sahaja. Atas perkara jaminan yang diberikan ketika itu juga bahawa Yang Berhormat Bachok, Almarhum Professor Zulkifli Mohamad, memberi jaminan dan mereka menyokong atas ISA ini kerana jaminan seperti itu yang tidak akan disalahgunakan ke atas pihak-pihak yang lain kecuali sasaran yang sebenarnya.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Amat-amat betul Yang Berhormat Kuala Selangor, dan untuk Yang Berhormat Beruas, sekurang-kurangnya kalau mereka ingin ikhlas, mereka sebut bahawasanya tindakan telah diambil sebagainya, ada satu kumpulan yang telah meletakkan kepala babi kah di masjid, ada satu kumpulan yang meletakkan satu kepala lembu di kuil dalam teks itu sebagai ancaman. Akan tetapi itu pun dia tidak berani sebut sebab dia tahu hujahnya amat lemah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ada kita dipersoalkan apa cadangan kita, apa tindakan kita yang hendak kita lakukan dan boleh lakukan sebagai membezakan kita dengan pihak parti kerajaan yang ada ini. Kita lihat contoh al-Ma'unah dalam tahun 2000. Kononnya kita dengar daripada Yang Berhormat Kota Belud tadi, kita punya *Special Branch* yang paling hebat dalam dunia. Kenapa *Special Branch* tidak mengetahui al-Ma'unah akan berlaku, kenapa SB tidak tahu? Maknanya polis pun ada kelemahan

mereka, walau kita mahu puji. Keduanya, kes al-Ma'unah apabila telah berlaku, tidak memerlukan ISA. Mereka didakwa atas undang-undang yang sedia ada. Maknanya polis atau kerajaan dengan ada apa-apa akta yang sezalim dahulu ataupun sezalim yang akan ada ini, tidak semestinya boleh menjamin seratus peratus bahawa tidak akan ada pelanggaran undang-undang dalam negara kita.

Jadi jawapan kita tentang preventif dan sebagainya, kita dengar tadi ada kaedah laporan polis. Misalnya sebelum kita buat Bersih dalam tahun lepas, 1000 lebih laporan polis telah dibentangkan. Maknanya polis boleh bertindak atas laporan-laporan tersebut. Jadi kalau rakyat ataupun polis dengan kebijaksanaan mereka mengesyaki akan berlaku sesuatu keganasan, maka polis sendiri boleh buat laporan polis dan polis sendiri boleh menyiasat dan polis sendiri boleh mengambil tindakan jika ada benar-benar usaha-usaha keganasan yang telah berlaku atau jelas sedang berlaku.

Jadi hujah-hujah yang kita telah lihat tadi, saya fikir amatlah lemah untuk menyokong rang undang-undang ini dan walaupun kita amat menyetujui supaya ISA dimansuhkan, tetapi secara untuk menyelesaikan cabaran untuk mewujudkan negara Malaysia yang adil, yang aman dan sebagainya, sudah tentu kita akan sokong dan ia hanya boleh dilakukan dengan proses Parlimen yang lebih teliti khususnya melalui penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk membincangkan isu ini. Terima kasih, saya menolak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

#### **7.27 mlm.**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Saya kira rang undang-undang seperti ini kita bahaskan adalah sesuatu yang amat penting dalam sejarah dan ini kita lihat dalam mukadimahnya memang adalah untuk memastikan bahawa negara kita sentiasa selamat, sentiasa aman dan sentiasa makmur.

Ini kerana kalau kita lihat mukadimahnya, ia adalah untuk menyebabkan keganasan terancang dan seterusnya. Keduanya, untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong seperti yang dilakukan oleh sekumpulan Ahli Parlimen pembangkang dalam Istana Negara semasa istiadat angkat sumpah seperti yang dilaporkan dalam akhbar. Itu sepatutnya dibawa. Nasib baiklah mereka ini buat sebelum rang undang-undang ini diluluskan. Kalau tidak, kita boleh ambil tindakan yang pertama terhadap mereka berdasarkan rang undang-undang ini. Seterusnya untuk memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya. Nombor empat, bagi saya ada lagi dinyatakan untuk mendapatkan perubahan dengan secara tidak sah.

Saya juga berpendapat kenaan juga pada masa yang sama perlu melakukan penambahbaikan undang-undang menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta tidak boleh membiarkan keamanan dikecapi negara sekarang dibiarkan berlaku begitu sahaja tanpa diawasi.

Ini sangat penting bagi saya kerana yang sebenarnya yang bising ini adalah sedikit sahaja bercakap. Itu hendakkan *absolute freedom* dengan izin, dan sebagainya. Akan tetapi yang sebenarnya yang paling penting bagi kita ialah rakyat yang terbanyak yang kadang-kadang mereka ini diam sahaja, tidak bercakap apa-apa tetapi sentiasa sebenarnya dalam hati mereka mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana selama ini mereka sentiasa mendapat keselamatan, keamanan dan kemakmuran dari segi ekonomi dan sebagainya.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Jika...

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Sikit sahaja, saya hendak bertanya sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Sikit sahaja, tidak sampai satu minit pun.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Jika tidak, pengganas dari luar akan datang ke negara kita dan biasanya mereka akan bersekongkol dengan pengganas dan mungkin penjenayah macam Yang Berhormat itulah dalam negara kita lalu menimbulkan huru-hara. Jadi bagi saya ini sangat penting kerana kalau kita biarkan, kita tidak ada satu undang-undang dalam negara ini yang membuat *preventive* dengan izin dan kita hendak juga yang *pre-emptive mechanism*, rasa saya negara kita pasti akan menjadi huru-hara dan lebih-lebih lagi kalau macam Yang Berhormat dari Kota Bharu ini yang sentiasa menimbulkan provokatif dan sebagainya hendak menghuru-harakan negara kita. Oleh kerana itu saya melihat menerusi rang undang-undang tersebut...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

#### ■1930

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** ...Menerusi rang undang-undang tersebut mampu untuk menjamin kestabilan keselamatan negara pada masa ini dan pada masa hadapan dalam tempoh jangka masa yang...

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** ...Panjang ini. Ini yang sangat penting.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Lipis mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Seperti mana ISA yang diwujudkan pada tahun 1970, saya percaya rakyat akan memberi sokongan kepada...

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Sedikit...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** ...Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Hendak minta penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** ...Selaras dengan rang undang-undang ini diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Tidak.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Masa saya terhad.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Tidak, tidak. Sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu, sila duduk. Mungkin dapat peluang untuk berucap lagi selepas ini.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Tidak akan Yang Berhormat Lipis takut dengan Yang Berhormat Kota Bharu?

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Tidak takut pun.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Saya tidak mengancam ...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Kita tidak pernah takut dengan sesiapa.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Saya lalu ikut Lipis setiap minggu.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Nasib baik dia ada Lipis dia lalu, kalau tidak payah.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Sedikit sahaja, minta penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Okey, silalah sebab sudah bersungguh-sungguh sangat nampaknya. Kalau saya tidak bagi mungkin dia tidak boleh tidur malam. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan. Yang Berhormat mengatakan bahawa ada pihak yang mahukan *absolute freedom*. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan siapakah yang mahukan *absolute freedom* di Malaysia ini?

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Macam Yang Berhormat Kota Bharulah yang selalu menyebut tentang boleh buat apa sahaja dan sebagainya. Kita selalu dengar di Dewan ini. Itu yang dinyatakan. Jadi saya percaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan hendak menggadai keselamatan negara mahupun soal modal menarik sokongan politik. Ini adalah saya kira keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan yang perlu dilakukan kerana kita berada di persimpangan selepas 54 tahun merdeka.

Lihat fasal 4(3) yang mana dinyatakan tiada ada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Jadi yang ini memang saya sokong kerana apa sahaja yang dibuat oleh seseorang atas kepercayaan politiknya memang kita sentiasa benarkan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Kalau tidak, tidaklah dapat ramai Ahli Parlimen pembangkang di sebelah sana.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Ya?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Hendak dapat penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Jangan gigit telinga saya cukup. Itu yang saya takut sangat. Okey, saya bagi laluan kerana takut telinga saya kena gigit.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat lipis, tadi Yang Berhormat sebut kita tidak restui isu yang membenarkan *absolute freedom*. Akan tetapi klausa yang sebut tadi kata tidak ada sesiapa yang harus ditahan sebab fahaman politik serta kepercayaan politik. Adakah ini mencerminkan undang-undang ini membenarkan *absolute freedom* dalam kepercayaan politik. Maksudnya kita boleh percaya kepada *ateisme* kita boleh percaya kepada komunisme, kita boleh percaya kepada apa-apa pun kepercayaan politik dan tidak harus ditangkap kerana ini.

Kedua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Lipis sama ada setuju atau tidak ada perbezaan antara hak dan kebebasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Okey saya percaya supaya kita ada juga *political freedom* dalam kepercayaan kita. Akan tetapi sebenarnya apa jua yang kita buat ada batasnya. Akan tetapi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Absolute freedom* ini.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** ...Kepercayaan dia kita tidak bercakap tentang *absolute freedom*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Kerana ada batasannya dalam apa sahaja yang kita buat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Adakah ini maksudnya *absolute freedom*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Saya percaya, kalau kita ada apa Yang Berhormat Batu cakap itu saya rasa negara kita ini sudah lama tidak aman. Jadi keamanan yang diperoleh oleh negara kita adalah kerana ada batas-batas yang tertentu yang dibuat oleh pihak kerajaan agar perkara pemikiran seperti Yang Berhormat Batu yang sangat berbahaya ini boleh menyebabkan keadaan huru-hara berlaku. Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuduh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis dan Tuan Yang di-Pertua. Dia *simple*, mudah sahaja. Kalau pihak pembangkang kata undang-undang yang dibawa ini tidak popular, tidak mendapat sokongan rakyat, bukankah itu menguntungkan pembangkang? Jadi, apa yang hendak diprotes? Biarlah ia diluluskan. Kenapa takut kepada undang-undang ini? Akan tetapi yang ditakutkan ini mungkin undang-undang yang diterima oleh rakyat. Kalau tidak diterima rakyat, maknanya *the rakyat will go against the government. You benefit* kenapa pula hendak sanggah-sanggah, hendak ditahan-tahan? Biarkanlah ia berlalu dengan diluluskan. Itu satu saya hendak komen Yang Berhormat Lipis.

Lagi satu, politik, mula-mula politik lama-lama jadi penganas. Ini yang masalahnya. Buat tindakan-tindakan kononnya *political activities*, kegiatan politik, tunjuk perasaan, selepas itu membuat tuduhan bukan-bukan, tetapi semua itu akhirnya menimbulkan perasaan provokasi, perasaan marah, perasaan geram, perasaan permusuhan. Jadi daripada *level* politik kepada *level* menjadi ianya satu ancaman kepada ketenteraman awam. Jadi ada batasnya *political. If it's just a political, go ahead but the potential of going into become a terrorist*. Dia akan mengancam keselamatan dan kita mesti mengambil tindakan. Jangan ingat awak orang politik, kita boleh buat apa suka. Akan tetapi kalau kegiatan kita sebagai tokoh politik mengancam ketenteraman negara, ini undang-undang ini mesti dipakai. Itu sahaja.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya memang sangat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu dan saya mohon supaya dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Jadi, kalau kita lihat sebagai fasal 4(3) ini saya percaya ini satu langkah yang berani yang dibuat oleh kerajaan tetapi perlu juga diperhalusi bagi saya dan juga diamati sekiranya fasal yang saya sebutkan tadi hendak dikuatkuasakan.

Kalau kita lihat fasal 4(1) yang mana menyatakan seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya, dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan. Saya kira ia mungkin juga kalau tidak digunakan secara berhati-hati boleh menimbulkan konflik. Jadi saya mohon supaya perkara ini diperjelaskan dengan lebih lanjut oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itulah kerajaan dan pihak yang dipertanggungjawabkan perlu menjelaskan kelak walaupun banyak fasal dalam rang undang-undang ini seboleh-bolehnya memberi ruang kepada rakyat untuk menilai dengan betul berbanding dengan ISA dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 4(7) ada disebut memasang suatu peranti pengawasan elektronik. Saya perlu penjelasan yang lebih lanjut mengenai perkara ini. Kita tidak mahu pula perantis menjadi penghalang ke arah demokrasi moden yang lebih baik. Nanti dikatakan kita tidak beri hak asasi pula kepada seseorang itu.

Saya juga hendak menyentuh fasal 5(1) yang mana mereka yang ditahan akan dimaklumkan segera kepada waris kadim dan rundingan dengan pengamal undang-undang. Ini pun satu lagi langkah

penambahbaikan dan bagi saya perkara ini perlu dilaksanakan kerana dengan cara ini kita tidak menimbulkan keresahan dan kita tidak menganiaya waris-waris mereka yang terlibat. Saya percaya minda rakyat sudah bersedia untuk menerima sebarang perubahan. Apa yang pasti ia perlu memenuhi semangat Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang bermatlamat untuk memelihara keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara serta rakyat terutamanya mereka yang terdiri daripada dengan izin *the silent majority*. Mereka inilah yang sepatutnya yang patut kita jaga, kita pertahankan agar negara ini sentiasa aman, sejahtera dan ekonominya akan menjadi bertambah makmur. Jadi dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Balik Pulau.

■1940

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan Balik Pulau membahaskan Rang undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Tuan Yang di-Pertua, Balik Pulau dengan jelas menyatakan menyokong inisiatif kerajaan membatalkan ISA. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah kenapa undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini masih lagi ialah satu rejim undang-undang yang menggambarkan bahawa kerajaan hari ini masih lagi terperangkap dengan pendekatan pemikiran yang telah membelenggu Amerika sekian lama iaitu undang-undang pasca September 11.

Amerika ketika itu dipimpin oleh Presiden Bush dengan pendekatan Bush doktrinnya, unilaterismenya. Sehingga hak-hak rakyat diambil dan ditarik dan terbukti beliau dihumban keluar daripada jawatan sebagai Presiden Amerika Syarikat. Walaupun dalam nada itu, saya dengan tegas mengatakan saya bersetuju mana-mana tindakan oleh kerajaan untuk memerangi gejala-gejala *terrorism* ataupun gejala-gejala keganasan.

Saya ingin memohon kerajaan hari ini mempertimbangkan bahawa- saya akur bahawa di dalam Malaysia mencari-cari apakah pendekatan yang bersesuaian di dalam menangani keadilan jenayah di Malaysia ini di dalam kerangka demokrasi, apakah sistem perundangan ataupun, dengan izin, negara hukum, *the rule of law* yang sebenarnya bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan hari ini mengambil keputusan iaitu, dengan izin, *moving away from our traditional reliance on deterrence and reactive approaches and towards more preventive and proactive approaches*. Kerajaan perlu ke Dewan yang mulia ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tumpat, memberi fakta justifikasi sebenarnya. Kenapa kita perlukan satu undang-undang yang meletakkan sistem undang-undang kita, dengan izin, *at the exception of law*, bukan *general rule of law*.

Maksudnya, Yang Amat Berhormat Pekan dalam menggambarkan agenda progresifnya, liberalnya, yang dipersembahkan di Dewan yang mulia ini yang akan diguna pakai oleh rakyat Malaysia ini ialah undang-undang yang kita panggil undang-undang terkecuali, *exception to the rule*. Maksudnya apa? *Fundamental liberty*, hak-hak asasi yang diperkatakan tadi itu di dalam perlembagaan daripada hak

berkumpul, hak bersuara dan sebagainya itu dibenarkan untuk diambil. Sehinggakan dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini ianya bukan sahaja, saya ingin katakan kepada Yang Berhormat Jasin, *it is not only about preventive, it is also about pre-emptive*. Bila preventif ini, itu cerita ISA. Akan tetapi yang ini bila kita tengok, ia ada sampai ke satu lagi tahap iaitu *pre-emptive* iaitu memberi andaian-andaian bahawa sesuatu perkara akan berlaku dan sekiranya ianya tidak dibuat ia akan memberi mudarat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengungkap sejarah dan ia termaktub di dalam mungkin rujukan... *[Mengangkat sebuah buku]* Boleh rakan daripada Peguam Negara lihat. *Pre-emption, A Knife That Cut Both Ways, Alan M. Dershowitz*. Di sini terbukti bahawa, dengan izin, *historically the widespread used of early intervention to pre-empt serious threats to the state and its rulers has been associated with tyrannical regime*. Dan terbukti berkesan menggunakan pendekatan ini dua orang sahaja, iaitu Hitler dan Stalin.

*Excel at killing their enemies before there could rise up against them.* Itu sahaja, takkan kita hendak ikut. Apa yang paling saya perlukan penjelasan juga ialah kerana banyak isu-isu yang saya rasa perlu dijelaskan oleh Menteri di Dewan yang mulia ini. Pertama, apakah sebenarnya yang dikatakan, dengan izin, *the nature of the harm feared?* Apakah sebenarnya mudarat yang ditakutkan itu? Saya tidak mahu omokan-omokan orang luar yang mengatakan pasca September 11, terdapat *terrorism-terrorism*. Tadi kita dengar di dalam ucapan Perdana Menteri dulu, Tun Abdul Razak, pun perkataan *terrorism* itu telah muncul pada tahun 60-an.

Pada hal September 11 ini ialah tahun 2000. Adakah Malaysia masih lagi berada di tahap itu? Itu saya mahu jelaskan. *The nature of the harm feared.* Apa sebenarnya. Oleh kerana ingin saya katakan di sini, kebetulan. Tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Saya pun berpeluang buat kes Al-Ma'unah. Ketika mana sekumpulan warga Malaysia, ada pelajar balik dari Al-Azhar sebagainya, seingat saya 29 orang begitu. Dituduh di bawah - pertama kali satu pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan iaitu seksyen 121 iaitu melancarkan perang terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ingin saya katakan, di bawah seksyen 121 itu, sekarang ini dibaca seterusnya 121 - saya tidak ingat akan tetapi selanjutnya ialah hingga dikatakan *to imagine, to wage war against* Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pun masih lagi merupakan satu kesalahan. Ini mungkin kita ketika mana hendak merdeka dulu meniru sepenuhnya undang-undang jenayah daripada India. Ini yang saya katakan di sini sehingga di peringkat itu pun undang-undang itu masih lagi dipakai.

Kerajaan hari ini perlu melihat dalam kes itu contohnya. Kes itu digambarkan satu kumpulan rakyat Malaysia mencuri alatan ketenteraan lari ke Bukit Jenalek, kemudian berkumpul di situ. Kononnya agendanya ialah untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia dengan cara yang tidak demokratik. Sehinggakan di laporan-laporan akhbar *Utusan* dan sebagainya, habislah! Batu Caves hendak diletup, Carlsberg, Guiness Stout, di *Federal Highway* itu, semua hendak diletupkan.

Ingin saya katakan, perkara itu tidak timbul langsung pun ketika perbicaraan. Langsung tidak timbul. Kalau betul ada bukti, buktikan. Ingin saya katakan kepada Dewan yang mulia ini, di dalam kes sebegini pun sehingga kami terpaksa bersidang di PULAPOL disebabkan *rocket launch*nya yang dikatakan itu semua dikumpulkan, kami bersidang di Dewan PULAPOL, Mahkamah Tinggi diisyiharkan di PULAPOL. Sehingga itu pun, saya ingat lagi ketika itu Peguam Negara mengatakan, betul mereka ini ditahan di bawah Akta Darurat (ESCA) tetapi saya akan cuba sebaik mungkin untuk tidak menggunakan akta tersebut kerana akta tersebut zalim sifatnya. Oleh kerana keterangan-keterangan yang mana kita panggil *hearsay* boleh dipakai.

Akan tetapi dalam kes ini kita cuba guna pendekatan yang mana, dengan izin, *go back to the very basic of rule of evidence*. Kerana saya katakan di situ, untuk rakan-rakan Ahli Parlimen di sini, rejim undang-undang pasca September 11 ini telah membawa *the spirit of law*, semangat undang-undang seperti yang diletakkan di bawah, yang saya katakan tadi, Perlembagaan Malaysia dan juga diletakkan di dalam Pemasyhuran Kemerdekaan itu, telah menyimpang jauh. Sehingga di sini saya tengok yang dia minta ini, dia hendak minta hendak *tap*, sehingga kita sudah jadi macam lembu NFC.

Apa dia, kalau di dapati bersalah boleh letak *device*, dia boleh *detect* kita berjalan. Ini apa benda ini. Takkan negara kita hendak jadi negara maju 2020, kita jadi macam itu. Katakan hari ini tiba-tiba *suspect* kita letak alatan, kalau jalan dekat mana pun nanti, semua boleh *detect*. Ini apa ini. Macam cerita zaman “*Kunta Kinte*” dahulu ada diikat rantai di kaki. Itu zaman perhambaan. Zaman apabila sekarang ini kononnya kalau Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan respons kepada agenda kebebasan, respons kepada agenda *freedom*. Ini bukan undang-undang, dengan izin, *a freedom regime oriented law*. Ini ialah, dengan izin, *anti freedom oriented law*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan di sini saya menyokong apa-apa usaha untuk membanteras keganasan. Yang mana dikatakan di sini usaha untuk membanteras *terrorist*. Akan tetapi apa yang saya tidak sokong ialah membentuk negara ini, dengan izin, *become a state of terror, of a terror state*, yang itu kita tidak hendak. Kita bukannya berada di dalam keadaan seperti mana Amerika, baru bila terhantuk baru tengadah. Dasar luarnya menekan orang, tidak cuba memahami kelompok Islam. Isunya isu pembangunan, isunya isu penindasan.

Saya mengatakan di sini, di dalam ruang lain, Yang Amat Berhormat Pekan menunjukkan, saya boleh terima. Tidak apa, hendak buat *world movement of moderates*. *Moderates* yang macam mana ini, kalau kebebasan orang pun hendak diambil dan diambil secara perundangan? Jadi, bagi saya, kalau *moderates* yang sebenarnya ialah beri kebebasan, tahan mengikut *rule of law*.

## ■1950

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya mohon Menteri jelaskan ialah, pasca September 11. Kita tahu ramai yang menempelak rejim Amerika dan sebagainya, buat undang-undang *Patriot Act* dan sebagainya tetapi gagal untuk memastikan *what is the root cause*, apakah permasalahan sebenarnya menyebabkan keganasan itu. Kita di Malaysia pun, kita bercakap mengenai itu. Akan tetapi hari ini saya hendak Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini apa sebenarnya *the source of the*

*harm* itu, apakah sebenarnya yang menyatakan sampai satu naskhah undang-undang yang sebegini rupa, perlu dibuat dengan kadar segera.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, rejim undang-undang yang ada hari ini mampu untuk menyelesaikan permasalahan yang diandaikan akan berlaku dan kalau saya boleh baca untuk kawan-kawan di sini, dengan izin, *Lord Justice Denning*, dia kata; “*it would be contrary to all principle for amend to be punished not for what he has already done, but for what he may hereafter do*”. Benda yang kita hendak luluskan ini ialah satu perkara yang mana akan menyimpang jauh daripada *rule of law*, akan menyimpang jauh daripada hak asasi. Pada masa yang sama, kita ada SUHAKAM, pada masa yang sama, kita hendak jadi *champion* hak asasi manusia sejagat, kita pun jadi ahli, *Human Right Council*. Benda-benda ini sebenarnya menampakkan kita bersifat dengan izin, kawan saya gunakan *inconsistent*, tidak apalah dia hendak kata Pakatan *inconsistent*, tapi kita belum jadi kerajaan, yang kerajaan ini, yang datang ke Dewan minta undang-undang sebegini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Menteri jelaskan, bukan di tahap yang dikatakan *preventive* tadi, *preventive* bagi saya itu ISA. Tadi kawan-kawan mengatakan ISA itu *history*, betul saya setuju, tetapi rejim undang-undang ini saya nampak dia lebih kepada *pre-emptive*. *Pre-emptive* ini Yang Berhormat Kota Belud, bagi saya ialah adakah ianya perlu di dalam negara kita ini?

Ini kerana apa yang kita tengok yang diperlukan di sini bukan jenayah-jenayah yang seperti begini, apa jenayahnya? Rasuah, rasuah ini SPRM dah ada. Boleh Yang Berhormat Kota Belud kalau hendak tanya soalan kepada saya, hendak tunjuk contoh bagaimana kes-kes keganasan di Malaysia, selepas Al-Ma'unah, mungkin boleh tanya soalan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Pandai, pandai Yang Berhormat Balik Pulau. Saya dengar tadi Tuan Yang di-Pertua, berapa lama sudah kita mendengar sejak tahun 2008, saya berada dalam Dewan ini, pihak pembangkang minta supaya ISA ini dimansuhkan, tapi kenapa setiap kali rakan-rakan berdiri mempertikaikan kenapa *dirush*, tapi tidak adalah mansuh...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Okey...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** You tidak dengar benar-benar.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap... *[Disampuk]* Tergopoh-gopoh, ya. Kita mansuhkan ISA tanpa ada satu lagi rang undang-undang ataupun undang-undang yang baru, mana mungkin kita boleh mansuhkan ISA. Saya tahu apa maksud Yang Berhormat, tetapi pada pandangan kerajaan, itu tidak mencukupi, satu.

Keduanya tentang Al-Ma'unah, apakah ada *threat* ataupun ancaman di negara kita, setiap kali Yang Berhormat berdiri, itu yang ditanya tadi. Ini yang saya minta daripada kementerian pun untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk memberi akses kepada pihak pembangkang, isu-isu ataupun insiden-insiden yang selama ini tidak digembar-gemburkan oleh pihak kerajaan supaya pihak Yang Berhormat faham. Saya ada sedikit ruang itu diberi dan saya tahu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Terima kasih, kadang-kadang *the first challenge is to ask the right question*. Yang Berhormat Kota Belud, saya ingin mengatakan di sini. Saya

daripada awal mengatakan jelas hendak perang keganasan betul. Saya hendak Menteri senada juga, tunjukkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya berapa *ratio* kes-kes yang dikatakan dengan izin, *the ratio of successful pre-emption to unsuccessful one*. Maksudnya Menteri datang ke Dewan ini, cuba buktikan ke Dewan ini tanpa undang-undang ini, di mana dikatakan bahawa hendak buat *pre-emptive measure* itu tidak gagal. Kalau setakat datang hari ini mengatakan bahawa untuk menggantikan ISA, kita perlukan undang-undang ini, saya rasa dengan izin, undang-undang itu tidak berpijak dengan realiti konteks Malaysia hari ini.

Ada yang akan berhujah bahawa kebanyakan pengganas-pengganas yang disyaki itu ialah orang Malaysia, disebut nama-nama seperti Dr. Zahari, Mat Top, itu orang Malaysia pergi ke Indonesia dan sebagainya, tetapi saya ingin kerajaan hari ini bersikap lebih bertanggungjawab. Adakah masalah keganasan ini boleh diselesaikan dengan rejim undang-undang ini? Sebab kita pun tahu hari ini yang timbul, tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat, masalah *extremism* dari segi keagamaan, masalah dari segi antara kaum dan sebagainya itu. Adakah itu masalah undang-undang? Saya rasa itu bukan masalah undang-undang, itu masalah ada dasar-dasar yang bersifat diskriminatif, ada dasar-dasar yang tidak menegakkan keadilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya seterusnya kepada Menteri, kebarangkalian mudarat seperti yang diandaikan itu akan berlaku sekiranya tidak ada undang-undang yang di katakan *pre-emptive* ini, iaitu Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Balik Pulau, sebenarnya rang undang-undang yang hendak diluluskan ini, bukan sahaja peruntukannya kita tidak boleh terima. Sebenarnya dengan izin, *it's shifting the very foundation the justice system* dalam negara kita ini kerana selepas seseorang itu telah dibuktikan di mahkamah tidak bersalah, beliau terus dihukum dengan kalau ada rayuan kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, beliau akan terus diawasi dengan peranti pengawasan elektronik. Bagi saya cara ini lagi tidak bertamadun, dengan cara komunis menghukum rakyatnya, contohnya kalau mencuri, dia dipaparkan satu *play card*, diletakkan di tempat awam dengan menulis 'saya pencuri'. Di sini sudah dilepaskan daripada mahkamah masih dikatakan 'saya pengganas'. Adakah ini cara bertamadun kalau kita hendak tunjuk kepada dunia bahawa kita negara Malaysia, negara bebas, negara terbaik?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Baik Yang Berhormat Beruas. Saya ada fakta, dalam buku ini juga, selepas Amerika menggunakan undang-undang pasca *terrorism* ini, peguam negara dia ketika itu mengatakan, nama peguam itu *Attorney General Alberto Gonzales*, dia kata selepas pada itu, apa wujud dalam *justice department*? Yang lebih wujud ialah dia kata apa dengan izin *the prevention of future crime especially terrorism is now regarded as even "more important than prosecution"*. *Justice Department* masa itu kerja hendak bukan mendakwa orang, dia tidak berminat hendak dakwa dah, dia *bypass*. And that's the problem kerana dengan izin, kalau katakan hendak merdeka hari itu pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman dan Tun Sambanthan, Tun Tan Cheng Lock

dan rakan-rakan yang lain, hendak ke England tanpa ada satu komitmen terhadap dengan izin, *fundamental liberty* rakyat Malaysia yang mempertahankan orang Cinakah, orang Melayukah, Indiakah, yang kayakah yang miskinkah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Balik Pulau sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, *thing has changed*, 1957.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Okey, lain kali tanyalah, pencelahan. Cakaplah pencelahan nanti saya bagi.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Balik Pulau sedikit saja.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya selesaikan, sekejap sahaja. Sebab itu Yang Berhormat Kota Belud, di Amerika, kebetulan saya dapat peluang belajar di situ, yang mana dikatakan ketika itu ditempelak habis, *weapon of mass destruction* pun tidak ada, yang dikatakan kononnya ada gerakan-gerakan sehingga hak yang untuk kita kata *to tap the phone* itu, telah dicabar oleh *American Civil Liberty Union* (ACLU) sehingga ke Mahkamah Agung dan perkara itu tercusus sehingga sekarang. Ingin saya katakan di sini, apabila berbahas sebegini, saya bukan mengatakan bahawa *terrorism* itu satu perkara yang tidak ada, itu *something real* tetapi isunya di sini kerana ada satu perkara yang membenggu kerajaan Barisan Nasional hari ini iaitu *they still believe that the security of the citizens of this country can be ensured by secrecy*.

## ■2000

Saya mengatakan keselamatan rakyat di Malaysia ini akan lebih terjamin dengan ketelusan. *The very security of the citizen of this country can be ensured not by security but by transparency. The more transparency you become*, lebih telus. Kita macam hari ini, kita tahu kedudukan, ke mana kita hendak pergi. Dapat laporan tsunami, *details*. Dapat apa yang dikatakan *terrorism* itu *detail*. Kita boleh membuat keputusan dengan rasional...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Negara maju mengajar rakyatnya menjadi dengan izin, masyarakat yang rasional bukan *irrational*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Akan tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya. Tanyalah, pencelahan dahulu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, pencelahan lah itu. Kita automatiklah itu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Minta kebenaran. Kebenaran, kebenaran. Cakap minta izin.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sudah *eyes to eyes*. Boleh mencelah?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dengan izin, dengan izin.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dengan izin.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Minta dengan izin.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta mencelah, boleh mencelah?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Boleh.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Susah lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Bharu tidak boleh ambil video tanpa kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ha! Itu. Jangan ambil kuasa Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Balik Pulau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit tentang soal salah satu daripada peruntukan dalam rang undang-undang ini ialah untuk melindungi saksi yang mungkin itu di antara Yang Berhormat Balik Pulau katakan *secrecy*. Akan tetapi bagaimanakah caranya. Katakanlah contohnya orang yang dituduh itu adalah seorang *terrorist*. *We take it for granted* dia ini *terrorist* yang menyembelih orang kerjanya. Akan tetapi kalau ada saksi yang membawa bukti, bagaimana dia boleh berdepan dengan orang ini tanpa ada *secrecy*? Tak kan kita hendak kena masuk, "Oh! Inilah orangnya." Nanti saksi ini akan dibunuh atau akan dianiaya.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** So, itu sebabnya mengapa ada *secrecy* begitu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Balik Pulau boleh habiskan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sebenarnya Yang Berhormat Kota Belud tidak faham. Saya tidak kata *secrecy* pasal *witness protection* pun. Apa yang saya maksudkan *secrecy* ini ialah apa yang dipanggil sebagai dengan izin, *intelligent model of enforcement*. Saya boleh terima sebuah negara itu perlukan risikan. Boleh terima sebab itu tadi saya hendak katakan kepada Yang Berhormat Rembau tadi, saya tidak sempat untuk pencelahan apabila berlakunya pendekatan *Guantanamo Bay, Patron Act* dan sebagainya. Muncullah satu kes yang telah dengan izin, berganjaknya pendekatan Amerika iaitu Hamdan *versus* Rumsfeld, yang mana Hamdan ini membawa kes ke Mahkamah Agung sehingga yang dikatakan tidak memberi ruang langsung kepada yang ditahan itu untuk mengetahui apakah asas-asas tahanan.

Jadi, yang saya katakan kepada Perdana Menteri yang juga Yang Berhormat Pekan ini, betul hendak memerangi *terrorism*, saya sokong. Ini kerana saya katakan di sini Amerika pun sudah sampai ke *second or third tier anti terrorism approach* pun gagal juga. Hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak buat, buat tetapi kenapa perlu diambil hak *fundamental liberty* rakyat sehingga yang hendak digambarkan oleh Yang Berhormat Pekan kononnya dia ialah Perdana Menteri yang paling progresif ialah apa? Kita jadi *big brothers state* yang mana semua benda sehingga sampai hendak masuk dalam kelambu, hendak masuk dalam rumah pun semua boleh diikuti. Bukan, yang mengamalkan negara maju ialah apabila negara itu menghormati privasi.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Bukan yang disyaki sahaja Yang Berhormat Balik Pulau?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Hak individu.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Bukan yang disyaki sahaja. Bukan semua orang kot hendak pasang peranti.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Betul, ini soalan yang baik sebenarnya walaupun tengah duduk. Saya terus ke depan, Soalan yang baik sebenarnya Yang Berhormat Arau. Disyaki itu *to what extent* sebenarnya orang yang disyaki itu boleh diambil hak perlembagaannya, sehinggakan sebuah negara itu saya katakan perlembagaan kita itu bukan panjang tetapi dengan izin, jantung perlembagaan kita itulah. *The fundamental liberties* itu, sebab itu saya andaikan kalau jantung kita pun dirobak-robak, dilubang-lubang, ditarik-tarik sebab itu terpaksa buat *bypass* itu. Kemudian, bila *bypass* sakit lah negara kita.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat ada provinsi. Minta laluan. Ada *provision* di dalam perlembagaan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak minta kebenaran juga Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya mintalah ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Bangun tidak minta kebenaran.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ada *provision* di dalam perlembagaan yang mengatakan bahawa Dewan yang mulia ini boleh menggantung sesetengah hak individu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Okey, saya mengikut pandangan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya sentuh, saya gulung. Jadi, di sini...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi, kalau cara Yang Berhormat menjaga keamanan dan membendung keganasan di negara ini saya *guarantee* Yang Berhormat tidak akan menang pilihan raya akan datang ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua yang ini simptom-simptom keganasan sebab saya kata berhenti dia tidak berhenti... *[Ketawa]* Lawak kawan-kawan. Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua tengok, saya hendak rumuskan di sini. Apa yang saya katakan tadi betul membasmikan keganasan tetapi saya tekankan Yang Berhormat Menteri jelaskan di mana elemen transparensinya? Ini kerana yang diminta di sini contohnya, memang dia kata dekat sini pada mulanya kerajaan pinda seksyen 51 Kanun Tatacara Jenayah. Sebab apa dengan izin, hendak memberi lebih banyak *disclosure* kepada tertuduh. Dahulu tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Beri seksyen 51. Pinda lagi seksyen 51(a).

Kita ingat graf naik macam ini, tiba-tiba dia turun macam itu sebab dia ambil balik semua hak itu sehingga di sini, di bawah seksyen 11 hingga di sini. *"Mahkamah tidak boleh memerintahkan pendakwaraya untuk mengemukakan apa-apa -*

(a) *pernyataan yang menyatakan fakta berkaitan yang akan dibuktikan oleh maklumat sensitif itu."*

Atas nama sensitif, dengan izin saya hendak tutup Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita berbicara mengenai *national security* kadang-kadang kita terlalu salah anggap. *National* ini siapa? *Nation* rakyat, *security*, keselamatan. Keselamatan siapa? Keselamatan rakyat, bukan keselamatan bapa Menteri atau pun ketua-ketua jabatan. Rakyat yang perlu di jaga sebab itu saya ingin mengatakan dalam hal ini...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat boleh lagi? *Last.*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sudahlah itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya hendak beritahu kalau Yang Berhormat setuju...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ini simptom keganasan ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Letak dalam manifesto Pakatan Rakyat bahawa ISA...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sistem keganasan Parlimen.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ISA itu dimansuhkan dan tidak akan dibuat lagi undang-undang yang lain untuk menggantikan. Letak dalam manifesto, kita hendak lihat sama ada rakyat menerima apa Yang Berhormat kata atau apa yang kami kata dalam Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua ini benda saya belum bincang dengan... polisi. Komitmen Balik Pulau mansuhkan ISA tanpa diganti dengan undang-undang lain.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ambil buat dalam manifesto nanti dan kita lihat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dan dengar ini, dengar ini, dan ditambahkan lagi undang-undang yang mana represif macam Yang Berhormat Rembau cakap *Official Secret Act*, *Printing Presses Act*, semua kita buat. Boleh tambah lagi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu saya anggap kenyataan rasmi daripada Pakatan. Rasmi atau tidak rasmi kenyataan ini?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Cukuplah, sudahlah, hendak tutup ini, hendak tutup dan ditambahkan lagi memperkasakan rakyat dengan *Freedom of Information Act*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Beranikah hendak letak dalam manifesto?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dengar ini. [*Dewan riuh*] Apabila rakyat tidak tahu dan dikatakan di sini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi *miss the chance*. Terlepas peluang untuk menggambarkan negara ini sebagai negara progresif dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi terlepas peluang untuk menunjukkan bahawa ini adalah agenda *reform* yang sebenarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau Yang Berhormat Balik Pulau sahaja susahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Simpang Renggam.

#### **8.07 mlm.**

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana banyak *point* pun telah disentuh oleh rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengotakkan janjinya melaksanakan pelbagai transformasi termasuklah transformasi politik untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghormatan kerana Barisan Nasional kita bukan sekadar cakap tetapi kita sebenarnya melaksanakannya. Antara program-program transformasi ini, saya rasa transformasi politik ini paling susah untuk ditangani. Ini kerana seperti pemansuhan Akta ISA dan digantikannya dengan Akta Kesalahan Keselamatan ianya melibatkan keselamatan negara. Kalau kita tidak teliti kuasa keganasan seperti *terrorist*, pengganas akan masuk ke dalam negara kita dan keselamatan rakyat akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ISA yang menjadi tumpuan dan kontroversi ialah berkaitan dengan lima isu iaitu kuasa Menteri, tempoh tahanan, hak orang tahanan, orang ditahan atas alasan politik dan penahanan tanpa bicara. Tuan Yang di-Pertua, Akta ISA membolehkan Menteri mengeluarkan perintah tahanan kepada seseorang selama dua tahun atau lebih atas alasan untuk mencegahnya daripada bertindak dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan negara.

Akan tetapi akta ini telah menghapuskan kuasa Menteri untuk menahan seseorang selama dua tahun ataupun lebih dan sebaliknya digantikan dengan perbicaraan di mahkamah. Akta ini juga memperuntukkan kuasa, tangkapan, dan menahan seseorang kepada pihak polis untuk tujuan penyiasatan. Pihak polis boleh menahan orang itu selama 24 jam dan jika siasatan tidak boleh diselesaikan maka seseorang itu boleh dikenakan tahanan lanjut selama tidak lebih daripada 28 hari dengan kuasa seorang berpangkat superintenden. Kalau dibandingkan dengan ISA, tempoh tahanan telah dipendekkan daripada 60 hari ke 28 hari dan hak orang yang ditahan juga dipelihara iaitu suspek yang ditahan mempunyai akses kepada peguamnya dan juga boleh membuat permohonan semakan kehakiman kepada Mahkamah Tinggi dan boleh mencabar penahanannya dari aspek prosedur dan isu-isu substantif.

#### **■2010**

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya di sini ialah bagaimakah boleh kita mengelakkan pihak polis daripada menyalahgunakan kuasa ini? Di kalangan rakyat memang ada pertikaian bahawa polis mungkin akan menggunakan kuasa ini untuk sengaja mahu mengenakan seseorang dan meminta rasuah. Akan tetapi dengan adanya semakan kehakiman *habeas corpus* semasa dalam tempoh ditahan oleh polis untuk tujuan semakan. Seseorang itu tidak dihalang daripada memfailkan permohonan *habeas corpus* atau semakan kehakiman untuk mencabar alasan tahanan yang dibuat oleh pihak polis. Cuma Tuan

Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan SUHAKAM bahawa tempoh tahanan 20 hari harus dihapuskan.

Saya berpendapat bahawa hak asasi manusia memang penting. Akan tetapi kalau kita tidak, cuma tidak boleh menggadaikan keselamatan nyawa rakyat Malaysia oleh kerana hak asasi manusia. Kita tidak boleh beri sedikit ruang dan peluang kepada pengganas untuk memudaratkan ketenteraman negara kita. Kalau negara kita tidak selamat tidak akan wujud juga hak asasi manusia. Keselamatan negara hendaklah sentiasa diletakkan di tempat pertama. Saya lihat kerajaan juga tidak akan berkompromi atas apa-apa alasan. Pihak pembangkang selalu suka membandingkan negara kita dengan negara lain yang memperjuangkan hak asasi manusia. Akan tetapi mereka selalu melupakan budaya Malaysia sebenarnya adalah berbeza dengan negara lain.

Seperti contoh setengah negara Barat sebenarnya membenarkan rakyatnya berenang bogel di pantai. Adakah kita mahu juga membenarkan budaya sebegini di negara kita kerana hak asasi manusia? Memang jawapannya adalah tidak kerana budaya Malaysia kita adalah berlainan dengan negara lain. Di Amerika Syarikat juga sebuah negara yang paling mementingkan hak asasi manusia juga bukan semuanya negeri, semua negerinya yang menghalalkan perkahwinan sama jantina *same sex marriage*. Akan tetapi mahu juga sebelum ini kita dapat lihat pihak pembangkang mahu memperjuangkan *sexuality* merdeka. Mungkin ini ada agenda lain saya tidak tahu...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Bagi jalan?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Arau.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Bagi dia bagi Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Arau.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat yang lain duduk Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih sahabat saya daripada Simpang Renggam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh suara macam *microphone* oh!

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Suara wanita ini dia, sewaktu wanita dikecualikan akta ini dia dibebaskan dia dibenarkan ikat jamin sebab wanita dihargai oleh kerajaan. Saya ingin bangkitkan tentang soal asasi. Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat Tumpat tidak ada Dewan. Tadi Yang Berhormat Tumpat bangkitkan soal yang berkaitan dengan beberapa isu sensitif yang melibatkan soal meletakkan kepala babi di masjid, kepala lembu di kuil dan sebagainya. Secara tidak langsung saya tidak mengatakan Yang Berhormat Tumpat menuduh UMNO tetapi klise di situ nampak macam bunyinya

macam. Akan tetapi di sini saya walaupun contoh ini mungkin Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah atau Yang Berhormat Kota Bharu tidak suka. Akan tetapi saya hendak bangkitkan satu contoh Selatan Thailand sekali lagi.

Hari ini pembunuhan sami, esok ustaz dibunuuh, lusa imam yang sedang mengimamkan sembahyang dibunuuh. Jadi ada orang mengatakan ada pihak-pihak tertentu yang tidak ingin melihat kedamaian berlaku di Selatan Thailand. Jadi hak asasi ini, saya dengan Yang Berhormat Tumpat bertemu semasa kami mewakili Malaysia dalam sidang AIPA di Hanoi. Seorang Ahli Parlimen Indonesia bernama Al-Mutawakkil sahabat kita bersama. Dia mengatakan dia kata Malaysia, saya menasihatkan kawan-kawan di Malaysia kalau hendak bebas dia kata janganlah mutlak hak seperti mana yang berlaku di negara kami. Itu nasihat mereka kepada kita. Adakah benda ini kita tidak perlu ambil ikhtibar? Al-Mutawakkil DPR sekarang. Bapa Marzuki Ali, Yang di-Pertua DPR kami berjumpa dengan dia secara langsung. Mereka menasihati Malaysia berhati-hati sebab soal *level of thinking*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua boleh atau tidak masyarakat kita menerima kebebasan mutlak ataupun hak asasi yang diperjuangkan ini secara telus, secara terus, secara terbuka? Pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya tidak mengikuti...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh juga dapat penjelasan? Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pihak di sini langsung tidak minta kebebasan mutlak. Apa yang kita hendak tekankan di sini ialah undang-undang yang sedia ada kalau ada pembunuhan sudah ada Kanun Keseksaan dan juga ada Kanun Tatacara Jenayah yang membenarkan seseorang suspek itu ditahan 14 hari kemudian didakwa di mahkamah.

Maksud kita ini 14 hari sudah cukuplah tidak payah undang-undang tambahan yang boleh disalahgunakan kerana peruntukan-peruntukan yang kita kata melanggar keadilan. Itulah harap dapat Yang Berhormat Simpang Renggam bagi pandangan. Adakah yang kita tahu memang undang-undang sebegini pernah disalahgunakan sehingga Yang Berhormat Kepala Batas yang memang orang baik pun boleh menahan Yang Berhormat Seputeh yang memang kita tahu bukan ancaman kepada negara. Jadi sebab itulah kita bantah salah guna kuasa kalau ia diberikan kepada mana-mana pihak.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat Simpang Renggam dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang. Kalau kita hendak pergi kepada pokok, soalan pokok di sini adalah mengenai sama ada kita hendak perkenalkan satu rang undang-undang yang lain daripada yang lain. Saya rasa kesimpulan yang kita buat di sini adalah apa yang sedia ada tidak mencukupi untuk kita menghadapi ancaman keganasan. Kalau sekiranya mencukupi sudah pastinya kita akan teruskan dengan apa yang sedia ada dengan *criminal procedure code* dan sebagainya. Akan tetapi ini memerlukan satu undang-undang yang istimewa yang membenarkan maklumat yang sensitif yang

didapati melalui perisikan untuk dikemukakan kepada mahkamah supaya mahkamah boleh putuskan sama ada perkara itu boleh dihakimi ataupun tidak.

Kita tidak bincangkan *ordinary crime*. Masalahnya hari ini *the problem* dengan izin adalah pembangkang menganggap bahawa keganasan *terrorism* itu adalah *ordinary crime*. Oleh sebab itu saya sebut bahawa *the opposition is weak on security*. Mereka lemah bila isu keselamatan ini dibangkitkan sebab itu mereka tidak ada satu alternatif untuk dibentangkan bagi menggantikan ISA bagi tujuan khusus untuk membanteras keganasan seperti mana yang terkandung dalam rang undang-undang ini. *Not a catch all* bukannya satu peruntukan yang luas yang boleh disalahgunakan tetapi khusus untuk ancaman pengganas.

Lagi satu saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam. Tadi disebut banyak kali bahawa maklumat sensitif tidak boleh diberi kepada tertuduh, tidak boleh diberi kepada peguam tertuduh daripada Yang Berhormat Balik Pulau dan juga *insinuation* yang kita dapat daripada pihak pembangkang. Akan tetapi di sini kalau kita tengok masalahnya mereka tidak baca rang undang-undang ini dengan teliti, tidak memahami dengan baik dengan mendalam. Kita tengok seksyen 8 rang undang-undang ini iaitu seksyen 8(4),

*"Apabila pernyataan ataupun ringkasan mengenai maklumat sensitif itu diserahkan antara lain peguam tertuduh itu hendaklah dibenarkan untuk*

- (a) *melihat maklumat sensitif itu;*
- (b) *mengemukakan hujah-hujah membantah penerimaan maksud pernyataan atau ringkasan mengenai maklumat sensitif itu dalam perbicaraan dan*
- (c) *mengemukakan hujah supaya maklumat sensitif itu dizahirkan kepada tertuduh."*

Jadi di manakah ada peruntukan di mana walaupun maklumat itu sensitif berhubung kait dengan risikan *national intelligence* tidak dapat dibentangkan kepada peguam tertuduh. Itu pun kita bagi. Itu pun mereka kata bahawa tidak cukup kerana maklumat sensitif ini perlulah didedahkan kepada semua untuk dilihat bahawa inilah cara bagaimana kita dapat maklumat tersebut. Saya rasa kalau itulah cara pembangkang negara kita hancur dengan izin..

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sambung Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sebab risikan kita terbongkar habis kepada semua pihak untuk terdedah untuk dibacakan...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, lepas ini Arau ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Organisasi pengganas boleh tengok apa kaedah itu. Terima kasih.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Tidak apa terima kasih menyokong.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Wah! Boleh campur macam ini nanti saya campur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, hendak bagi lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Simpang Renggam? Ya Yang Berhormat Arau.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya bersetuju sangat dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau. Ini sebab kalau kita lihat di UK sekalipun tidak semua peguam yang boleh akses pada maklumat sulit iaitu mereka ada *special advocate* yang dikhaskan *lawyer-lawyer* tertentu sahaja. Saya ingat Yang Berhormat Puchong boleh sahkan perkara ini. Okey pandangan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Simpang Renggam bagi laluan?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Oh! Lepas Yang Berhormat Kota Beludlah.

#### ■2020

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya kadang-kadang saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau. Apabila ada hujah yang dibawa oleh pihak pembangkang, saya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, tak tahu sama ada kita membaca rang undang-undang yang sama atau tidak sebab mereka tak faham walaupun ramai di antara mereka di kalangan orang-orang yang sepatutnya tahu tentang undang-undang.

Yang Berhormat Simpang Renggam, saya nak tanya sedikit. Tadi kita mendengar kata mereka bahawa kita dengar Yang Berhormat Balik Pulau bercakap, Yang Berhormat Subang bercakap, Yang Berhormat Tumpat yang mengatakan seolah-olah kita harus mengimbangi dan memberi kelebihan kepada kebebasan individu, hak asasi melebihi daripada apa yang dikatakan oleh mereka ialah kekangan dalam kita cuba membendung keganasan ini.

Saya nak bagi tahu, negara yang paling menghormati atau menghargai semangat individualisme, semangat kebebasan bercakap, semangat *freedom* dan sebagainya itu Amerika Syarikat. Mereka berperang untuk ini, untuk mendapatkan keupayaan mereka ataupun kemampuan mereka untuk bercakap dan *freedom* itu. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat, tahun 2001 seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, *Patriot Act*. Apa *Patriot Act* buat? Dia boleh bagi akses mudah kepada hubungan e-mel, telefon, rekod kewangan dan rekod perubatan. Kemudian selepas itu tahun 2006, *Military Commission Act*. Apa yang *Military Commission* ini buat? Boleh membuat penahanan tanpa had oleh tentera.

Ketiga, *Foreign Intelligence Surveillance Act 2008*, perisikan tanpa waran Yang Berhormat dan yang terakhir lebih kurang dua bulan yang lepas, *National Defense Authorization Act 2012*, tahanan tanpa bicara. Tak ada akses kepada *lawyer* dan orang yang hanya boleh memberitahu kepada tentera – ha, ini tentera yang buat ini, bukan polis. *National Defense Authorization Act 2012* bukan polis Yang Berhormat, tentera Amerika boleh masuk dan tangkap *surveillance* dan hanya dengan arahan daripada Presiden Amerika. Eh, kalau negara yang betul-betul mahukan kebebasan ini, sudah tentu Malaysia ini lebih baik daripada itu.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Kota Belud. Saya tidak mengikuti hujah Yang Berhormat Tumpat maka saya tidak dapat nak komen. Jadi soalan tadi sila kemukakan kepada pihak Menteri. Saya setuju dengan Yang Berhormat Beruas, itu sebab kita keluarkan kuasa Menteri melalui akta ini. Yang Berhormat Rembau juga saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Kota Belud, pembangkang memang tidak ada cadangan, mereka cuma tahu cakap nak mansuhkan akta tetapi lepas itu nak bagi cadangan positif tidak ada langsung.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, kita ambil daripada Menteri bagi kepada *public prosecutor* lagi teruk.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Buku 'Jingga' pun tidak dapat dipersetujui oleh pihak PAS Kedah sampai nak buang ke dalam tong sampah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, boleh bagi penjelasan?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tadi saya cuma nak menegaskan bahawa Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita ambil kuasa daripada Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, lepas ini berucap Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Kita harus seimbangkan antara dua benda ini, hak asasi manusia dan keselamatan negara, di mana kita harus letakkan di tempat pertama tentunya adalah keselamatan negara, bukan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, jika...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Simpang Renggam....

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tak apalah, saya nak teruskan. Dah habis dah. Nantilah bila sampai giliran Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, saya nak tanya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Jika polis mendapatkan bahawa ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berkennaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Rembau dan yang lain.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** ...Seseorang tidak perlu lagi ditahan tetapi penyiasatan masih perlu dijalankan, maka pihak polis perlu mengemukakan laporan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, duduk Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia tak berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak bagilah.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** ...Kepada pendakwaraya yang seterusnya akan menilai kes berkenaan. Pendakwaraya akan mengemukakan permohonan kepada mahkamah supaya

suspek itu dipasang dengan peranti pengawasan elektronik selama 28 hari atau lebih pendek. Orang yang dipasang peranti ini adalah bebas dan tidak perlu ditahan tapi mahu tampil ke balai bila-bila masa apabila dipanggil. Ini merupakan satu langkah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran keadilan negara. Kaedah pengawasan elektronik ini telah lama digunakan di negara-negara maju seperti UK dan Amerika Syarikat. Suspek akan mendapat manfaat kerana boleh terus bekerja dan dapat menjalani kehidupan mereka seperti biasa.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada kementerian iaitu tentang harga peranti pengawasan elektronik ini. Berapakah harganya dan juga berapakah lama hajatnya? Seterusnya adalah orang yang dipasang peranti ini adakah ia dibenarkan keluar daripada Malaysia dan sekiranya dia keluar, adakah kita masih dapat mengesan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana kelima-lima isu ...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, sikit. Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Sebut tentang peranti ini atau *electronic device*, apa pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam sebab tadi Yang Berhormat Simpang Renggam menyebut tentang peranti elektronik yang patut diletakkan atau dipasang kepada mereka-mereka yang dilepaskan daripada tahanan tetapi adakah Yang Berhormat Simpang Renggam ingin mencadangkan bahawa alat peranti tersebut jauh lebih rendah ataupun sama dengan kadar radiasi Lynas, 0.002 *millisievert* sebab itu masih selamat lagi. Apa pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya percaya ia tidak radioaktiflah, saya percaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana kelima-kelima isu iaitu kuasa Menteri, tempoh tahanan, hak orang tahanan, orang ditahan atas alasan politik dan penahanan tanpa bicara telah berjaya ditangani dan ia juga akan menghilangkan kerisauan *public* melalui akta ini. Saya hendak menegaskan bahawa cuma Barisan Nasional yang bukan sekadar kita cakap tapi kita hendak melaksanakannya dan bukan seperti ada sesetengah pihak terutamanya pihak pembangkang yang tahu cakap tetapi tidak perlu apa-apa modal dan cuba mahu dapat *cheap political mileage* dan cuba nak memperdaya rakyat dan membuat janji-janji kosong. Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana beliau sahaja yang dapat melaksanakan transformasi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini bukan ceramahlah. [*Dewan riuh*]

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** ...Untuk membawa negara kita ke satu tahap yang tinggi dan maju menjelang tahun 2020.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Ceramah, bukan 'celamah'.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas.

### **8.27 mlm.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang hendak saya bangkitkan ialah mungkin satu perkara teknikal iaitu bahawa dalam rang undang-undang ini ditakrifkan bahawa mahkamah itu adalah Mahkamah Sesyen tetapi di bawah seksyen 12 dikatakan semua kes kesalahan di bawah rang undang-undang ini mesti dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi. Jadi kemungkinan berlaku kita kata ketidakpastian sama ada Mahkamah Sesyen hendak menguruskan semua kes ini ataupun Mahkamah Tinggi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, persoalan timbul sama ada rang undang-undang ini kalau diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, adakah ia sah di sisi undang-undang? Ia menjadi satu persoalan kerana di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, hanya undang-undang yang ada prasyarat atau *precondition* yang telah dinyatakan di bawah perkara 149 boleh diluluskan di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan iaitu bahwasanya tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia: pertama, untuk menyebabkan keganasan terancam terhadap orang atau harta atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu; kedua, untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong; ketiga, yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau; keempat, untuk mendapatkan perubahan selain daripada cara yang sah apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang.

#### **■2030**

Ketiga, yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau yang memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Keempat, untuk mendapatkan perubahan selain daripada cara yang sah apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membentangkan rang undang-undang ini pihak kerajaan tidak menyatakan siapakah kumpulan besar ini yang telah mengambil tindakan dan juga tindakan lanjut yang diancam oleh sekumpulan besar orang ini. Jadi kalau tidak dinyatakan, seperti zaman dulu kalau kita nyatakan ada sekumpulan ahli-ahli Komunis yang hendak menggulingkan negara secara paksa, kita boleh mengatakan perkara 149 ini terpakai. Jadi dengan rendah diri saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini kalau diluluskan oleh Dewan yang mulia ini akan tidak sah kerana melanggar peruntukan Perlembagaan Persekutuan sendiri dan diharap perkara ini dapat pihak Menteri atau kerajaan menjelaskan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, bagi saya rang undang-undang ini hanya menghalalkan ketidakadilan kerana peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini merupakan peruntukan-peruntukan, ada banyak peruntukan yang melanggar prinsip-prinsip asas keadilan. Kalau kita tengok kepada Bahagian VI, seksyen 14 ke 16, kita boleh nampak bahawa seseorang itu boleh menjadi mangsa

saksi-saksi palsu dan keterangan-keterangan palsu kerana saksi-saksi boleh dibawa tanpa diberitahu nama, tempat, siapa mereka dan semua keterangan yang diberikan adalah secara sulit. Ini bermaksud keterangan yang telah diberikan tidak boleh dicabar oleh mereka yang dituduh melakukan keganasan ini untuk menggulingkan negara ataupun tindakan menyebabkan ketenteraman awam atau negara terancam.

Seksyen 18 mengatakan keterangan boleh digunakan bagi mereka yang telah hilang diri ataupun telah meninggal dunia. Sama ada seseorang saksi itu wujud atau tidak kita pun tidak tahu. Kalau keterangan sedemikian boleh diterima, ini bermaksud kita boleh mendapatkan keterangan dari seseorang yang tidak wujud langsung. Jadi bagi saya, begitu juga Bahagian VII memperuntukkan bahawa keterangan-keterangan yang melanggar Akta Keterangan 1950 boleh digunakan untuk sebagai keterangan dalam kes-kes di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita meluluskan Akta Keterangan dan menyenaraikan keterangan-keterangan yang boleh diterima sebagai keterangan yang kukuh ataupun boleh diterima sebagai keterangan ada alasan-alasannya kerana tanpa *safeguard* dengan izin, yang dinyatakan di bawah Akta Keterangan, keterangan-keterangan palsu boleh menyebabkan orang yang tidak bersalah dihukum dan menyebabkan ketidakadilan kepada mangsa-mangsa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya membantah sekeras-kerasnya Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan ini kerana ia melanggar prinsip asas sistem kehakiman dan pengadilan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga dalam peruntukan yang ada dalam akta ini, orang yang sudah diisyiharkan oleh mahkamah tidak bersalah masih terus dihukum kerana beliau masih perlu atau masih boleh dipaksa untuk memakai peranti pengawasan elektronik. Ini merupakan satu undang-undang yang mencabar *foundation of the judicial system* ataupun sistem keadilan kerana di bawah undang-undang yang sedia ada, seseorang itu tidak bersalah melainkan telah dibuktikan beliau bersalah. Akan tetapi dalam undang-undang yang hendak dibawa oleh kerajaan sekarang ini, seseorang itu yang telah dibuktikan tidak bersalah, masih terus dihukum dan diperlukan membawa peranti pengawasan elektronik ini ke merata-rata tempat mengumumkan kepada dunia bahawa beliau adalah masih suspek pengganas ataupun mereka yang akan mendatangkan *threat to the nation*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dengan tidak menerima akta ini tidak bermaksud kami di pihak sini menyokong apa-apa jenis keganasan ataupun apa-apa tindakan melanggar undang-undang. Satu lagi perkara yang kita mesti bawa perhatian ke Dewan yang mulia ini ialah dengan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini, juga pihak kerajaan ingin meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah. Bagi saya, ini membawa negara Malaysia balik ke zaman 50-an dan 60-an di mana kerajaan-kerajaan komunis di negara China dan di *Soviet Union* amat ditakuti kerana prinsip-prinsip KGB dan juga prinsip-prinsip Parti Komunis China yang senantiasa mengawasi rakyat mereka kerana di bawah undang-undang yang dicadangkan, pindaan yang dicadangkan, pihak pendakwaraya boleh memberi kuasa kepada pihak polis masuk ke premis-premis atau rumah kita untuk memasang apa-

apa jenis *any device* dengan izin, *for the interception and retention of a specified communication or communications of a specified description and to remove and retain such evidence.*

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini amat membimbangkan kerana kalau kita tahu tentang apa insiden yang berlaku di *England* baru-baru ini di mana pihak polis kerana tidak menyiasat kes di mana terdapatnya mencuri dengar telefon orang ramai pun telah dikenakan tindakan dan juga surat khabar, *the news of the world*. Akibat daripada tindakan pekerja-pekerja mencuri dengar perbualan telefon perlu ditutup dan ketua polis di kawasan itu telah pun meletak jawatan untuk mengambil tanggungjawab atas tindakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini satu undang-undang yang amat membimbangkan kerana rakyat Malaysia tidak bebas lagi. Akhir sekali seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi, memang di bawah ISA kita memberi kuasa kepada pihak Menteri tetapi memang menterilah lebih, dulu kita lebih percaya tetapi Menteri yang kita percaya itu pun pernah menyalahgunakan kuasanya. Yang tadi saya nyatakan, Yang Berhormat Kepala Batas memang kita semua sanjung tinggi sebagai orang yang dihormati dan membawa pembaharuan dan harapan kepada negara kita tetapi kerana adanya undang-undang yang membolehkan beliau menahan Yang Berhormat Seputeh, beliau pernah menyalahgunakan kuasanya.

Memang Yang Berhormat Seputeh ini kita tahu dia bukan pengganas, tidak mendatangkan apa-apa *threat to the nation*, dengan izin. Haruslah kita berhati-hati sekarang ini memastikan kalau orang yang lebih teruk daripada Yang Berhormat Kepala Batas menerajui ataupun mempunyai kuasa ini, habislah rakyat negara Malaysia. Sekarang ini kita pindah kuasa untuk menahan ini daripada Menteri kepada pendakwaraya.

#### **■2040**

Lagi kita bimbang kerana pihak pendakwaraya tidak perlu datang ke Parlimen untuk bertanggungjawab atas tindakan beliau. Sekurang-kurangnya Menteri datang. Jadi, bagi saya ini satu pindaan yang kita kata regresif, *not progresif* seperti yang Perdana Menteri hendak kita percaya bahawa beliau membawa pembaharuan yang lebih baik.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Beruas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Baharu Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bagi saya ini adalah satu undang-undang yang membawa negara Malaysia ke zaman kegelapan.

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Beruas, saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, mengenai dengan risiko yang ditanggung. Walaupun kita sebagai Ahli Dewan, Ahli Parlimen tetapi tidak ada jaminan bahawa kita tidak akan dianggap sebagai *terrorist* atau pun seperti apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Seputeh.

Pengalaman di Kelantan, satu orang yang pernah hadir ke Dewan ini dua penggal, tahun 1990 dan 1995 iaitu Allahyarham Haji Bunyamin Yaakob daripada Bachok. Sebelum dia masuk Parlimen, dia

ditahan ISA. Bukan sekali tetapi dua kali. Dia sebagai pejuang tidak mengapa, dia okey, dia boleh menghadapi ujian tetapi keluarganya, anak-anak yang kecil, isterinya. Apabila dia kena kali yang kedua, isterinya hilang kewarasannya. Ini adalah di antara kesan yang cukup-cukup hiba. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Memang, penahanan yang kita kata di bawah ISA membawa banyak kesengsaraan dan juga menyebabkan kesusahan kepada isteri dan juga keluarga yang berkenaan. Termasuk juga baru-baru ini kalau kita baca siri mereka yang ditahan di bawah ISA, termasuklah editor *New Straits Times*. Bagaimana keluarga mereka menyatakan sebab-sebab kenapa bapa atau editor *New Straits Times* ditahan dan juga kesengsaraan keluarga yang dilalui oleh keluarga mereka. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita tahu yang pihak sana telah banyak bercakap tentang betapa baiknya rang undang-undang ini. Kita juga lihat terdapat fasal yang menyatakan bahawa rang undang-undang ini bukan diadakan tidak boleh digunakan untuk menangkap sesiapa kerana kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Akan tetapi kita lihat bekas tahanan ISA di sebelah sini, kita semua ini ditahan dahulu kerana dianggap sebagai pengganas. Kami dikatakan mengancam ketenteraman dan keselamatan negara, macam saya.

Saya ditahan kerana ada orang UMNO pergi sebarkan maklumat palsu, kata saya melarang azan. Polis tidak buat siasatan dan terus tangkap saya di bawah ISA. Itu yang apa kami di sini cuba katakan bahawa rang undang-undang seperti ini walaupun ianya ditujukan kepada pengganas tetapi di sebelah sini semua boleh dianggap sebagai pengganas. Jadi, ini yang menyebabkan keimbangan kami. Itu sebabnya kami bimbang dan prihatin tentang kesemua fasal berkenaan dengan *human rights*, hak asasi manusia. Jadi, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dekat sana juga perlu berhati-hati supaya kalau tukar kerajaan, ini tidak digunakan terhadap kamu semua juga.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya juga masukkan pandangan Yang Berhormat Seputeh tadi dalam ucapan saya. Saya akhiri ucapan saya dengan memberi jaminan kepada pihak Barisan Nasional, kita di Pakatan Rakyat memang inginkan sebuah negara yang tenteram dan aman. Kita tidak pada bila-bila masa, menyokong apa-apa jenis keganasan atau sesiapapun melanggar undang-undang Malaysia yang tercinta ini.

Kita juga hendak beritahu Barisan Nasional, kita tidak perlukan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Ini kerana undang-undang sedia ada sudah pun mencukupi. Ini kerana kita tahu di bawah undang-undang yang sedia ada, kalau seseorang itu disyaki melakukan kesalahan ataupun akan melakukan sesuatu kesalahan, beliau boleh ditahan 24 jam dan dibawa ke depan majistret yang mempunyai kuasa untuk melanjutkan penahanannya selama 14 hari. Jikalau orang yang disyaki melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di bawah Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 iaitu untuk menggulingkan negara ataupun hendak menghancurkan negara, memang itu satu tuduhan yang amat berat. Boleh membawa

hukuman mati ataupun 20 tahun. Biasanya mahkamah tidak akan membebaskan beliau dengan *bail*, dengan izin, ataupun dengan *bail*. Maksudnya, beliau boleh terus ditahan apabila perbicaraan dijalankan. Jadi, di sini jelas bahawa kita bantah undang-undang ini bukan kerana kita menyokong keganasan tetapi kita mahu hak rakyat dilindungi. Tidak ada sesiapa yang berkuasa itu akan menyalahgunakan kuasa mereka untuk menidakkannya hak asasi yang dijamin di bawah Perlembagaan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang.

#### 8.47 mlm.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya sudah tentulah ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang ini walaupun pihak pembangkang sampai kiamat pun tidak akan sokong rang undang-undang ini.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Dia orang memang tidak akan sokonglah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akan tetapi dahulu Yang Berhormat sokong ISA. Sekarang *you* kata tahniah ada rang undang-undang ini. Bukankah ini bercanggah dengan pendirian Yang Berhormat dahulu?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Pagi tadi saya sudah cakap, terbukti lagi. Belum lagi berkuasa sudah melanggar undang-undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak ulas sedikit sebelum saya masuk bab yang lain-lain. Tadi ada satu pihak mengatakan bahawa Parlimen akan merampas kuasa hakim. Saya tidak tahuhlah atas tafsiran bagaimana Parlimen akan merampas kuasa hakim sedangkan Parlimen adalah tempat kita menggubal undang-undang-undang kemudian hakim mentafsir undang-undang yang kita gubal dan kemudian hakim mengadili dan menjatuhkan hukuman sama ada seseorang itu bersalah atau tidak? Jadi, tidak timbul soal merampas kuasa hakim. Hakim kena akur dengan apa-apa keputusan yang kita gubal, khususnya berkaitan dengan rang undang-undang. Jadi, tidak timbul soal merampas kuasa hakim ini. Sila hendak tambah.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang tadi. Satu lagi perkara yang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Ledang. Saya sebenarnya kurang faham logik yang diguna pakai oleh Ahli-ahli Parlimen pembangkang. Saya ambil contoh yang begitu nyata sekali tadi. Yang Berhormat Beruas, dia bangkitkan bahawa sekarang ini kuasa diberi kepada *public prosecutor*, pendakwaraya dan itu lebih teruk daripada kuasa diberi kepada Menteri dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Jadi, saya tidak faham apa yang sebenarnya mereka hendak. Sama ada ISA dikekalkan ataupun akta baru digubal di mana tidak ada kuasa mutlak Menteri langsung untuk menandatangani *detention order*, perintah tahanan di bawah seksyen 8, ISA. Akan tetapi hari ini dia kata bahawa lebih teruk sebab pendakwaraya tidak boleh masuk ke Parlimen untuk jelaskan apakah sebab tahanan tersebut. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ledang. Apakah sebenarnya logik mereka ataupun mereka ini memang tidak ada logik langsung. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Ledang, boleh saya...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Nanti sekejap, saya hendak ulas dahulu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maksud saya ialah kita...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Silalah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya tadi, kuasa kita berikan pihak pendakwaraya dan tidak mempunyai budi bicara kepada mahkamah untuk memutuskan keputusan seperti kalau kita lihat seksyen 30, subseksyen (4) ini. Untuk jimatkan masa, saya sudah baca seluruh seksyen itu. Dikatakan, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "*Upon application by the Public Prosecutor under subsection (3), the court shall commit the accused to prison pending the disposal of the appeal.*" Kalau ada rayuan pun, kalau pihak pendakwaraya minta mahkamah untuk terus memenjarakan orang yang kena tuduh itu, mahkamah terpaksa, tidak ada budi bicara, sungguhpun sudah dibuktikan tidak bersalah, masih mesti. Jadi itulah maksud kami di mana kuasa mahkamah telah diambil alih oleh pihak pendakwaraya.

#### ■2050

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas atas celahan daripada Yang Berhormat Rembau tadi sebenarnya yang penting ada perbicaraan dan selepas itu ada lagi urutan-urutan lain dalam usaha untuk memastikan bahawa perjalanan undang-undang itu lancar dan kepentingan umum itu diutamakan. Bukan seperti undang-undang lama Yang Berhormat Seputeh, di mana langsung tidak ada perbicaraan tapi itu sudah berlalu. Tidak berlaku lagi sudah. Akan tetapi janganlah ada satu pihak mengatakan bahawa ini adalah kerana desakan pembangkang dan sebagainya tapi kita kena lihat senario iklim Malaysia keseluruhannya kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang NKEA, NKRA semuanya ada kaitan. Berlaku satu transformasi secara keseluruhan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Maknanya kita tidak boleh *claim* bahawa ini adalah 100% kerana desakan pembangkang maka ISA ini dihapuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang, Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat, sebenarnya pembangkang kata semua ini adalah kerana desakan daripada mereka tetapi sebenarnya fenomena kita untuk membuka ruang lingkup yang lebih luas untuk demokrasi dan juga pandangan dan keterbukaan ini bermula apabila Yang Berhormat Kepala Batas yang ada pada malam ini menjadi Perdana Menteri memberi ruang kepada kita. Ini hakikatnya. Semasa pentadbiran Yang Berhormat Kepala Batas dialah yang membuka dan hari ini disusul pula oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Jadi saya kira ini mimpi di siang hari Yang Berhormat Seputeh ini dan juga Yang Berhormat Beruas yang mengatakan semua ini adalah...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya juga dikenakan di bawah ISA...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Semasa Yang Berhormat Kepala Batas jadi Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Macam mana ISA disalahgunakan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Suara beginilah Yang Berhormat Kepala Batas masukkan ISA hari itu.... *[Ketawa]* Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya hendak jawab ringkas sahaja. Sudah terang lagi bersuluh. Itulah jawapannya. Sebab di satu pihak inginkan supaya ISA ini dikekalkan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tanya satu?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap, sekejap. Nanti Yang Berhormat Beruas. Di satu pihak tidak mahu ISA dikekalkan, di satu pihak minta supaya ISA dikekalkan. Satu pihak mengatakan bahawa ISA patut dikekalkan juga itu kita patut hormati. Kita tidak boleh kata bahawa pendapat mengatakan ISA itu mestilah dikekalkan itu sebagai satu perkara yang tidak dihormati tetapi kerajaan bijaksana dalam mengolah semua tuntutan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kalau saya menjadi rakyat biasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Batu bangun.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap lagi. Kalau saya menjadi rakyat biasa melihat pada senario di sekeliling saya, melihat kepada sejarah silam dan melihat kepada ancaman-ancaman yang masih berlaku pada zaman ini saya minta supaya ISA dikekalkan tapi itu pandangan saya kerana saya bukan Perdana Menteri. Saya hanya melihat dalam kerangka saya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat dari sudut atau kerangka yang lebih luas.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Ledang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bagilah!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kejap, kejap. Nanti saya hilang idea. Saya putus idea ini nanti.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, perkara yang sama. Hendak dapat satu pandangan boleh?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kejap, kejap. Prinsipnya ialah pertamanya kita mesti menghormati pandangan semua pihak dan kerajaan yang diberi amanah mampu dan bijak mengolah segala pandangan, kritikan, cadangan daripada semua pihak untuk menjadi satu rumusan seperti rang undang-undang ini.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Awal tadi Yang Berhormat Rembau menyebut bahawa apabila ISA ini dihapuskan ada satu rang undang-undang yang...

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...Penting dalam usaha untuk menjaga bahawa kepentingan umum itu sentiasa di selenggara dan segala keimbangan tentang keselamatan negara itu rapuh diatas dengan izin, *anticipate* kemungkinan-kemungkinan satu perkara itu berlaku. Sila Yang Berhormat Silam.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang sahabat saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bercelaru pembangkang ini. Setuju Yang Berhormat Ledang? Sebab cakap tidak serupa bikin ini. Dia cakap hendak hapuskan ISA. Bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita cakap *freedom responsibility* ertinya rang undang-undang yang diperkenalkan sekarang ini...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Freedom with responsibility!*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yalah, *freedom responsibility*.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Ya, *freedom responsibility*. Ertinya kalau...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Freedom with responsibility.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya celah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh celah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Freedom with responsibility* bukan *freedom responsibility*.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Itu sebabnya Yang Berhormat Batu ini kepala batu. *This is my floor.* Yang Berhormat Ledang sudah bagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Unparliamentarily language.*

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Bayangkan kalau buku yang ditulis...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehlah kepala batu. *Do you want to permit this kind of language?*

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *No, no.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta tarik balik. Jangan gunakan perkataan macam itu.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Ini saya punya *floor*. Yang Berhormat Ledang sudah bagi ruang kepada saya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak, *you* gunakan peraturan mesyuarat.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *You do not need to speak that.* Tidak minta *permission. Is it?* You should ask from your colleague you know, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ada peraturan mesyuarat mengatakan bahawa tidak sesuai menggunakan perkataan kepala batu. Fasal itu bukan kawasan dia Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kawasan dia adalah kawasan Batu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak, tidak. Kepala batu Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat. Rujuk "Batu" ini sebagai kawasan Ahli Parlimen Batu.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Ya, kawasan dia sebagai...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Degil, "kepala batu" ini degil bukannya Yang Berhormat Batu punya kepala...

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Jangan dia salahkan Kamus Dewan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kepala batu itu degil.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Kalau kita pun hendak ajar dia di sini..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isunya bukan isu degil. Saya hanya kata yang diucap oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Itu istilah kadang-kadang kita tidak boleh terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mencelah pun tidak ikut peraturan. Baik, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Subang tidak bagi peraturan mesyuaratkah Yang Berhormat Batu mencelah tidak kena tempat.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Di Semenanjung ada dia punya bahasa "kepala batu" mungkin tafsiran...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta dia tarik balik.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** ...Ahli Parlimen Batu berbeza. Di Sabah lain maknanya. Jadi kita kena terima hakikat ini perbezaan ini. Itu sebabnya kita berbincang hari ini oleh sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat Silam.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Tuan Yang di-Pertua, dia ganggu kita. Kita kena jawablah kebenaran fakta ini sebab rang undang-undang menunjukkan negara kita ini sudah memenuhi kehendak tuntutan semasa. Yang kita panik sangat ini kalau di negara Myanmar yang 90% beragama Buddha kemudian di Rangoon itu sendiri ada 200 buah masjid di sekeliling gerejanya, di sekeliling *temple* nya dan mereka tidak pernah merasa terancam pun bahawa agama mereka akan diganggu oleh agama lain sedangkan undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan kita sekarang ini yang jelas hendak *accommodate* semua pihak supaya kita tidak dikata *uncivilized* dengan izin, dan pandangan Yang Berhormat Ledang betul. Ini fakta yang betul. Tidak akan kita hendak *share* yang mereka hendak sokong Ketua Pembangkang dan sebagainya konon dikacau oleh Kerajaan Myanmar sebenarnya kita sudah bagi kebebasan sama dengan konsep negara kita sendiri.

Kita kena ada peraturan sendiri yang boleh mengawal dan mengurus tadbir negara kita dengan sendiri. Mungkin rang undang-undang yang difikirkan yang lebih nampak pada sebelah pihak bahawa dia tidak begitu tegas dan sebagainya tetapi sebenarnya ini caranya. Sebab kita hendak beri kebebasan kepada semua pihak. Contohnya di negara Britain sendiri bagaimana BBC SkyNews yang mereka godam internet, e-mel pihak-pihak tertentu yang sebenarnya negara Britain yang begitu terbuka pun

mengambil tindakan sebab menggodam ini mengancam keselamatan negara mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Ledang dan sangkut-pautannya dengan rang undang-undang yang begini baik, yang memberi ruang kepada semua kebebasan rakyat di negara kita? Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Silam.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Ledang boleh bagi satu perkara yang spesifik. Boleh tidak?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejaplah. Nanti saya terputus idea. Kejap, kejap. *One minute, one minute.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Satu perkara yang saya minta kepada rakan-rakan ialah kita tidak boleh *zoom* kepada erti keganasan itu Komunis semata-mata ataupun pegang senjata, parang, lembing dan sebagainya semata-mata. Tidak. Sekarang dunia sudah canggih. Dunia sudah canggih.

■2100

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Erti keganasan yang menjurus kepada rosaknya sistem demokrasi berparlimen sudah berubah. Sudah berubah. Banyak senjata yang boleh digunakan sama ada yang kita boleh kesan ataupun tidak boleh kesan. Kalau dahulu ada surat layang. Surat layang letak bawah stoking. Saya masih ingat lagi pakcik saya dahulu bawa surat layang. Sebentar, Yang Berhormat Beruas, ya. Buat surat layang daripada Kuala Lumpur, bawa ke Johor untuk minta kita baca. Di simpan bawah stoking. Bawah kakinya. Itu semua adalah surat layang yang bertujuan untuk menjatuhkan bukannya pemimpin tetapi sistem demokrasi pada masa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Beruas bangun.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Masa sekarang, pendekatan yang sama boleh dibuat tetapi tidak lagi menggunakan surat layang letak bawah stoking.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ada satu.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Banyak kaedah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh Yang Berhormat Ledang, dapat satu pandangan spesifik satu perkara sahaja?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ya, silalah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Barisan Nasional mengatakan *bill* ini begitu baik. Jadi saya hanya dapat satu pandangan daripada Yang Berhormat Ledang. Kalau Yang Berhormat Ledang boleh baca seksyen 30 yang diperuntukkan, di mana selepas mahkamah membicarakan seseorang itu dan didapati tidak bersalah, pihak pendakwaraya boleh berbohong kepada pihak mahkamah untuk dipenjarakan terus orang itu dan mahkamah terpaksa menggunakan – mesti turut penjarakan orang kena tuduh itu.

Apabila dibawa rayuan kepada Mahkamah Rayuan, selepas Mahkamah Rayuan pun mendapati beliau tidak bersalah, pihak pendakwaraya boleh memohon lagi dan mahkamah mesti. Saya menggunakan perkataan mesti, *should*, mesti lagi menahan orang itu di penjara sehingga kepada Mahkamah Persekutuan. Kalau Mahkamah Tinggi mendapati beliau tidak bersalah, Mahkamah Rayuan mendapati dia tidak bersalah, masih terus dipenjarakan. Kemungkinan kalau proses ini mungkin mengambil masa tiga tahun hingga lima tahun, beliau terpaksa dipenjarakan selama tiga tahun hingga lima tahun. Adakah pihak Yang Berhormat Ledang setuju dengan peruntukan sedemikian?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ini soal keselamatan jalan raya ya? Eh! Soal keselamatan negara. Bukan soal keselamatan jalan raya... *[Ketawa]* Bukan soal keselamatan jalan raya, ini soal keselamatan negara.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isunya orang ini tidak terlibat dalam menyebabkan ancaman kepada negara. Mahkamah telah buktikan. Jadi, adakah Yang Berhormat Ledang setuju orang yang tidak laksanakan kekejaman kepada negara ataupun ancaman kepada negara mesti terus dianiaya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Betul atau tidak? Mahkamah sudah buktikan dia tidak bersalah. Dua kali. Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Adakah Yang Berhormat Ledang setuju orang yang tidak bersalah mesti terus dipenjarakan? Itu soalan saya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Pada prinsipnya, pada prinsipnya saya juga tidak bersetuju kalau orang yang tidak bersalah itu dipenjarakan. Saya setuju. Akan tetapi dalam kes ini, dalam kes ini baca betul-betul. Ada unsur-unsur kesalahan. Masih ada lagi kaedah lagi iaitu *habeas corpus* kemudian juga ada undang-undang lain yang kita boleh kaitkan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi Yang Berhormat Ledang tidak ada kepercayaan kepada mahkamah Malaysia bahawa akan putus keputusan yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud sahaja. Yang lain duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Ledang, hujah begini, *you* tahu apa masalahnya Yang Berhormat Ledang? Masalahnya pembangkang terutamanya Yang Berhormat Beruas ini menganggap bahawa rang undang-undang ini adalah untuk menganiaya orang. Jadi, kalau persepsi ini sudah begitu maka yang lain lagi tidak penting sudah. Semuanya di – mana noktahnya? Kenapa noktahnya dua, kenapa komanya? *You see*, Yang Berhormat Ledang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Ledang, pandangan saya, perbezaannya pertama, ialah hakim-hakim yang akan menghakimi kes-kes ini Yang Berhormat Ledang, adalah hakim-hakim yang berpengalaman. Akan dilatih mengenai undang-undang ini...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Bermakna akan dibuat secara cepatlah. Itu satu. Yang keduanya, mungkin ada juga idea yang hendak mengatakan bahawa mahkamah khas dibuat untuk

perbicaraan ini. Itu ada dibincangkan. Ada dibincangkan. Mungkin melalui pentadbiran. Yang Berhormat tidak tahu. Itu kedua.

Yang ketiga, masalahnya Yang Berhormat Ledang ialah berbeza dengan ISA. Walaupun dia tahan enam bulan, tiga bulan, dua bulan atau setahun kah, dia ada akses kepada *lawyer*. Itu yang paling penting. Jadi, apa-apa yang berlaku kepada yang ditahan, yang di reman, itu ada akses kepada *lawyer*. Itu bezanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Ledang, boleh saya hendak tambah sedikit sebelum Yang Berhormat Ledang bagi jawapan?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya hendak beri kepada Yang Berhormat Batu tetapi sebelum saya bagi kepada Yang Berhormat Batu, saya hendak ulas dahulu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak ulas tentang Yang Berhormat Kota Belud itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Teringat Yang Berhormat Beruas dulu-dulu... *[Ketawa]* Yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi sangat tepat. Ini bukannya undang-undang rimba. Pertama, kita mesti ingat. Peguam masih lagi ada ruang untuk bawa kes ini kepada peringkat seterusnya. Masih ada ruang lagi. Masih ada lagi rang undang-undang lain yang ada kaitan dengan ini yang boleh digunakan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kes bunuh pun macam itu. Kes bunuh.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sama dengan kes bunuh, kes liwat dan sebagainya. Boleh sampai kepada semakan kehakiman. Sampai.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh saya tambah sedikit? Sedikit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya bagi Yang Berhormat Batu dululah. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya hendak bawa *point* yang sama, sebenarnya. Ya lah, betul Yang Berhormat Kota Belud kata ingin bawa ke mahkamah *special*kah tetapi dalam yang ditulis ini bahawa sungguhpun mahkamah bebaskan, bila pendakwaraya buat rayuan, dia tetap dipenjarakan. Itu yang kita rasa ragu-ragu. Akan tetapi saya agak *point* yang kita ada ialah kerana untuk menangani isu *terrorism* ini sangat rumit. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ledang. So, waktu kita tergesa-gesa hendak luluskan undang-undang ini, bila ada *point* yang tertentu, Yang Berhormat Kota Belud pun setuju ada *point* yang hendak tambah. Mahkamah *special* kah atau apa, belum kita putuskan, kita tergesa-gesa hendak luluskan. So, itulah sebab saya rasa lebih baik kita tangguh dahulu untuk dibincangkan dalam *Select Committee*.

Akan tetapi sebelum ini saya hendak bawa balik yang tadi Yang Berhormat Ledang kata sebenarnya Yang Berhormat Ledang tidak bersetuju dengan ISA. Kalau peribadi, lebih baik ISA dikekalkan. Itulah saya rasa sikap ini yang jadi masalah sebab dahulu, bila pembangkang sebut hendak

hapuskan ISA, semua beria-ia. Setiap orang mempertahankan ISA. Bila Yang Berhormat Pekan sahaja sebut ISA harus dimansuhkan, semua beria-ia sokong ISA dimansuhkan. Akan tetapi kenapa kita tidak boleh fikir secara *independent*...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sudah cukup.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Ledang, sekejap.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau betul rakyat sokong ISA, berani kita pertahankan ISA sekarang. Janganlah kita ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Ledang, sedikit.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap-sekejap, sudah habis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya, kalau saya akan hormat Yang Berhormat Ledang, nanti semasa undang-undang ini diluluskan, tolak dan kata kita pertahankan ISA yang sedia ada.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Batu, tadi saya sudah ulas panjang lebar. Saya secara peribadi. Kemudian Perdana Menteri mempunyai wawasan yang jauh, lebih luas dan dia nampak. Dia nampak ke mana negara hendak dibawa dan dia menghormati pandangan semua pihak.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kita pun tidak menyokong membabi buta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Setengah minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis masa, Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Just on* Yang Berhormat Kota Belud itu.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Satu perkara, Yang Berhormat Batu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Setengah minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya ingin merakamkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa ISA yang saya dahulu dan rakan-rakan dulu sokong, itulah yang mengekalkan keamanan dalam negara kita sehingga tidak ada masalah hubungan kaum dan semuanya dapat diselesaikan secara harmoni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis masa, Yang Berhormat. Habiskan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua. Habis sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habis, sudah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rumuskan sedikit sahaja. Sedikit sebelum saya duduk iaitu pada prinsipnya Tuan Yang di-Pertua ialah kalau kita bercakap soal hak asasi manusia, dia mesti seimbang dengan keselamatan negara. Yang disebut oleh pihak pembangkang lebih kepada hak asasi manusia tetapi membelaikan keselamatan negara. Ini yang saya amati tadi... *[Tepuk]*

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya belum nampak hujah yang kukuh mengapa mesti ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi mengkaji ataupun bagi membincangkan dan merumuskan rang undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

■2110

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong hujah tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, bisinglah Yang Berhormat Seputeh. Duduk tempat orang lagi.

**9.10 mlm.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga *[Disampuk]* Siapa itu? Ada apa hal?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak nampak siapa Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya teruskan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di dalam... *[Disampuk]* Sudah? Baik. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin juga menyatakan bahawa tindakan kerajaan memansuhkan ISA ini memang satu tindakan yang baik. Ini tindakan yang seharusnya dilakukan sudah lama. *It should have been done a long time ago.* Kalau hendak cakap, sila bangun saya akan bagi jalan. Tidak ada masalah. Apa yang kita perlu prihatin adalah ini, apakah masalah dengan ISA Tuan Yang di-Pertua? Masalahnya adalah ini, bahawa seseorang itu boleh ditahan oleh seseorang Menteri tanpa dibicarakan.

Jadi di situ, masalah yang timbul adalah kenapa seseorang itu tidak diberikan satu perbicaraan yang adil? *Why not a fair trial* kalau ada bukti terhadap beliau dan bukti itu boleh menunjukkan satu kesalahan maka seharusnya beliau dituduh. Jadi apabila kita bercakap berkenaan dengan pemansuhan ISA ini, itu yang dikemukakan dalam Buku Jingga Pakatan Rakyat. Itu satu perkara yang seharusnya dilihat secara sendiri. *So let us talk about repeal of ISA*, dan selepas daripada itu kita sekarang berbalik kepada persoalan menggubal undang-undang baru untuk menangani masalah keselamatan negara. Isu yang berbangkit adalah ini Tuan Yang di-Pertua, selepas kita memansuhkan ISA, undang-undang baru ini, apakah masalah dengan undang-undang baru ini? Saya setuju, saya setuju dengan semua rakan saya yang telah pun berbahas bahawa kita sebagai Ahli Parlimen bertanggung jawab untuk memastikan keselamatan negara kita sentiasa dipelihara.

Jadi, apa yang berlaku adalah perlu untuk undang-undang membawa peruntukan supaya keadaan-keadaan yang mendesak bolehlah pihak polis bertindak, bolehlah pihak kehakiman, pihak

peguam negara bertindak dan sebagainya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah kita lihat kepada peruntukan baru di dalam Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan ini, apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Walhal kuasa menteri untuk memenjarakan seseorang tersebut untuk dua tahun sekarang dimansuhkan. Kita lihat bahawa kerajaan ingin memberikan kuasa yang lebih luas serta melonggarkan undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan satu sabitan jenayah di bawah undang-undang baru ini.

Jadi apa yang berlaku adalah undang-undang berkenaan dengan *sensitive information*. Kelonggaran undang-undang yang sedia ada di mana kalau maklumat itu sensitif, maka terdapat peruntukan-peruntukan baru. Kedua, berkenaan dengan saksi Tuan Yang di-Pertua. Seseorang saksi itu tidak perlu diberitahu atau memberitahu nama dan sebagainya. *So there is a relaxation of the rules* yang membenarkan seseorang tersebut disabitkan. Soalan ini timbul adalah ini, kalau dahulu kita menyatakan bahawa masalah dengan ISA tersebut, orang tersebut tidak diberikan satu perbicaraan yang adil. Apa guna kita sekarang menggubal undang-undang di mana undang-undang yang sedia ada yang seharusnya memelihara seharusnya *protect the interest of an accuse* tersebut dilonggarkan.

Jadi apa yang kita buat, kita mengadakan undang-undang baru di mana senang untuk seseorang itu disabitkan. Itu menjadi masalahnya. Itu menjadi apa yang kita dalam pembangkang, kita bangun untuk kita membantah. Kita tidak ada masalah dengan pemansuhan ISA. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau bahawa kita tidak ada idea dan sebagainya, ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Rembau tidak faham. Dia tidak faham isu yang berbangkit. Kita dalam Buku Jingga jelas Kita kata kita perlu mansuhkan ISA. Itu satu. Akan tetapi isu berkenaan dengan penggubalan undang-undang baru, kita juga dengar daripada Yang Berhormat Kota Belud. Kalau seseorang diberikan peguam atau ada *lawyer*, tidak ada masalah, boleh. Boleh kita tahan dia. *This is the kind of logic that we hear from Barisan Nasional and that is the kind of...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Am I stretching a bit too far?* Silakan, silakan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kenyataan itu tidak betul. Saya katakan tadi begitu kerana pihak pembangkang mengandaikan bahawa kesalahan-kesalahan ini adalah kesalahan-kesalahan biasa. Itu *fundamental problem* di antara kita dengan pihak pembangkang. Jadi kalau dianggap sebagai kesalahan yang biasa, maka apabila pihak Peguam Negara ataupun pihak pendakwaraya bangun minta supaya di reman semula, ditangkap semula, dimasukkan ke dalam lokap, maka pemikiran kita akan mengatakan ini tidak adil. Akan tetapi bayangkan, kalau *background* pertuduhan itu adalah berkenaan dengan keganasan, maka ia lebih bersesuaian. Oleh sebab itu saya katakan tadi, ada *access* kepada *lawyers*. Sekurang-kurangnya tidaklah *solitary confinement*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You see, you see, even you are now recognizing that what you said amounts to nonsense you now.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *No, no, no, no, I am not.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Even you recognize what you said is nonsense.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, saya tarik baliklah perkataan "nonsense" itu sebab *it is very unparliamentary*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** That is very ...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak, saya tidak, I mean...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Cukup jelas Yang Berhormat Kota Belud. Apa ini? Tidak apa, tidak ada bicara, tidak ada *natural justice* semua tidak ada, tidak apa. *You got a lawyer, access to lawyer so okay.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** No, no, no. don't stretch it too so far Yang Berhormat. You are peguam. I know, understand where you are come from?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak apa, hold on, saya tidak hendak buang masa dengan ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** You come from, I know where you are coming from. That you are peguam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Izin saya teruskan. It is okay. That is your view, I respect it for whatever it worth but this is a kind of logic Tuan Yang di-Pertua that we see is coming from that side.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Puchong, boleh?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, hold on, Yang Berhormat Beruas hold on ya. Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang ini kita membenarkan seseorang itu ditahan selama 28 hari. Yang Berhormat Rembau bangun mengatakan bahawa tidak ada masalah. Dalam 28 hari tersebut itu kita boleh bawa *read of habeas corpus*. Ya, kalau kita baca undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh kita bawa *habeas corpus*. Saya dengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata boleh bawa *habeas corpus*. Akan tetapi sebagai seorang pengamal undang-undang, and I think Yang Berhormat Kota Belud correct me if I am wrong. Do you do *habeas corpus* matters? Pernah buat? Do you know what happened in the *habeas corpus* matter? Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua adalah ini, kita failkhan permohonan tersebut. Itu mengambil dua hari. Selepas daripada itu pihak daripada Jabatan Peguam Negara akan datang balik dan minta sekurang-kurangnya sebulan untuk masukkan afidavit membala.

So, dari segi praktis, dalam 28 hari tersebut kita hendak menentang *habeas corpus* apa? So ini cadangan. Kemungkinan each an overside, perhaps the ministry could be informed. Mungkin satu juga peruntukan digubal di situ. Sekiranya ada permohonan untuk *habeas corpus* dalam masa ini, maka had masa ditetapkan untuk dokumen-dokumen ini dimasukkan. So we can improve on it. Mungkin dalam 48 jam Tuan Yang di-Pertua. Ini satu suggestion. So Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bawa pengalaman dari segi guaman *habeas corpus*. Ya, silakan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puchong, saya minta penjelasan sedikit sebab kita sudah dengar beberapa kali daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional, Yang Berhormat Kota Belud dan satu, dua orang lain. Hujah

macam ini, oh! Inilah rang undang-undang ini adalah satu rangka baru untuk *a special category of offences*. Seolah-olah ini macam baru muncul dan macam inilah, ini yang kita perlu tangani.

Bagi saya, sebenarnya macam lebih kurang adalah satu hujah *after thoughts* dengan izin, sebab apa yang kita tahu, kesalahan *terrorism* sudah dimasukkan dalam *Penal Code* pada tahun 2007. Parlimen ini sendiri dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu, sudah pinda *Penal Code*, Bab 6, Bab 6A, semua dimasukkan lengkap. Dengan apakah *expectation* pada masa itu, orang yang melakukan kesalahan itu dia akan dibawa ke mahkamah dengan sistem yang sedia ada, dengan CPC yang sedia ada, dengan undang-undang baru. Jadi sudah ada, Yang Berhormat Kota Belud. Itulah kesilapan di dalam hujah itu yang masih belum difaham. Jadi Yang Berhormat Puchong, saya minta penjelasan.

#### ■2120

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi hujah yang dikemukakan hari ini adalah memang betul satu *after thought* untuk bagi justifikasi untuk rang undang-undang ini yang sebenarnya kita sudah ada peruntukan. Minta penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan berbalik kepada apa yang dinyatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Subang. *I will come to that.* Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, *the starting point is 28 days* dalam masa mana dia kata okey *you can move for a motion of habeas corpus*. Tuan Yang di-Pertua, masalah dengan undang-undang ISA adalah ini. Bukan sahaja ISA, tetapi juga semua undang-undang di mana orang tersebut tidak dibicarakan. Prosedur yang digunakan Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Dalam masa tahanan pihak polis akan mendapatkan daripada mereka *statement-statement*. Dalam masa tersebut mereka akan dibelasah, mereka akan diugut, macam-macam akan dikenakan terhadap mereka. *There even has been a case in Johor Bahru* di mana Tuan Yang di-Pertua saya sebagai peguam telah diberitahu bahawa pihak polis mengugut mendatangkan kecederaan kepada keluarga kepada isteri seseorang tahanan tersebut kalau tidak beliau mengaku.

Ini menjadi masalah dalam mana kita katakan kalau hendak tahan, apa masalah kita hendak bawa ke hadapan seorang hakim tersebut dalam 28 hari tersebut. Kenapa tidak dalam 24 jam kita bawa ke mahkamah? Biar seseorang suspek tersebut kalau hendak membuat aduan, boleh buat aduan kepada hakim tersebut. Kenapa pihak polis, kenapa Kerajaan Barisan Nasional takut dengan hakim? *These are our judges* Tuan Yang di-Pertua, *we have to trust them*. Kenapa sehingga tahap – kalau cakap tidak yakin dengan peguam kerana peguam mungkin mengeluarkan maklumat *and it is a reality*, saya terima, tetapi apa masalah dengan seorang Hakim? Kenapa tidak seseorang tersebut dihadapkan kepada Hakim *to protect himself* supaya tohmahan-tohmahan seperti ini dapat kita tangani. Itu satu.

Kalau kita melihat kepada undang-undang ini lagi Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini berbalik. Saya bawa perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada seksyen 27. Tuan Yang di-Pertua, kuasa diberikan kepada hakim untuk mengambil satu pengakuan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam undang-

undang negara kita, pada tahun 2006 atau 2007 kalau tidak silap Tuan Yang di-Pertua, ada kenyataan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara di mana Jabatan Peguam Negara mengatakan bahawa mereka terima bahawa dalam kebanyakan kes ini di mana terdapat satu pengakuan, ramai daripada mereka mengadu bahawa pengakuan tersebut dibawa di bawah paksaan. Pengakuan tersebut diberikan kerana mereka tidak dapat tahan belasah. Pengakuan tersebut diberikan kerana mereka diugut. Pengakuan tersebut diberikan kerana mereka ditrick dengan izin. Ini terpakai juga kepada *confession before a judge*. Sama juga. Ini kerana pihak polis yang tahan beliau tersebut tunggu di luar bilik dalam masa beliau berikan *confession* tersebut.

So isu berbangkit Tuan Yang di-Pertua, adalah ini. Kita sekarang ada satu undang-undang baru di mana undang-undang ketat dahulu yang seharusnya *protect and accuse* dilonggarkan, kita benarkan tahanan 28 hari. Dalam masa tersebut seseorang tersebut tidak ada akses kepada Hakim. Beliau boleh dibelasah dan sebagainya, selepas itu *statement* boleh diambil. Kalau ikut akta ini, *statement*...

**Dato' Ismail Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Puchong, boleh sedikit?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta laluan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just a minute. I will give you.*

**Dato' Ismail Kassim [Arau]:** Sedikit, sedikit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bagi saya habis. *Statement* tersebut, *confession* tersebut Tuan Yang di-Pertua, boleh digunakan sebagai asas dalam perbicaraan tersebut.

**Dato' Ismail Kassim [Arau]:** Bukankah dalam tempoh 48 jam Yang Berhormat Puchong, dia kata mesti *refer* kepada saudara terdekat ataupun *lawyer*. Dalam tempoh 48 jam selepas tahanan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Setuju. Itu bukan isu dia. Hakim. Terdapat perbezaan di antara keluarga, *lawyer* dan hakim. Persoalan yang saya bangkitkan adalah ini. Kalau kita hendak dalam masa 28 hari tersebut kita kata kita hendak *simpan* dia, masa tersebut, masalah lama di bawah undang-undang lama ini, dalam masa tersebut, *the pressure is brought upon the accused*. Tekanan digunakan untuk dapatkan *confession*. Dan sekarang undang-undang ini membawa balik ke dalam undang-undang *the requirement or the admissibility of the confession*.

Tahu atau tidak Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini juga telah pun meminda Kanun Tatacara Jenayah untuk mengeluarkan *confession*? *We have done a way which is section 113* untuk keskes yang biasa. *But we are bringing back confession into this law*. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Sorry Yang Berhormat Kota Belud, silakan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat. *I know where're you come from, again* Tuan Yang di-Pertua. Dari segi pandangan seorang peguam bela, saya kira itu adalah beberapa kekhawatiran yang datang daripada pihak Yang Berhormat Puchong. Akan tetapi saya ingin tanya sedikit Yang Berhormat, di Amerika seperti yang saya sebut tadi, satu negara yang mementingkan agenda ataupun *fundamental freedom* ini. Kenapa mereka sanggup untuk mengorbankan kebebasan ini sedikit demi untuk kepentingan sebuah negara? Saya minta ulasan sedikit daripada Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I am coming to that. Don't worry. I know you have raised it many times, you also brought out the various act, bagus.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you have four minutes left.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita kena lihat *as I said earlier and I repeat*, kelonggaran yang diberikan, *28 days available for detention, they can do anything during that period time* dengan izin, *confession also admissible*, tetapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa yang cukup penting yang tidak disebut oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam *debate* ini adalah kalau kita lihat kepada pindaan Kanun Keseksaan Tuan Yang di-Pertua, Kanun Keseksaan ini ingin membawa dua atau tiga jenis kesalahan yang baru yang termasuk sekarang kepada undang-undang baru ini. Kalau saya boleh bawa kepada perhatian semua pada seksyen 124K dan juga seksyen 124M iaitu kesalahan baru, *sabotage*. Tuan Yang di-Pertua, *there is no bahasa Malaysia version, so I have to read in English.*

Ini penting. *For sabotage and espionage, two of these. This is what it says. "Whoever, by any means, directly or indirectly, commits sabotage shall be punished with imprisonment for life." Mandatory life imprisonment. Same for espionage. "Whoever, by any means, directly or indirectly, commits espionage shall be punished with imprisonment for life". Imprisonment for life* kalau kita lihat dalam seksyen 130A(f), *"Imprisonment for life means imprisonment until the death of the person on whom the sentence is imposed".* Ini bukan 20 tahun *life imprisonment. This is natural life.* So kita ada undang-undang yang melonggarkan prinsip-prinsip *allows of confesses, brings in two new offences which is sabotage and espionage.*

*Let's look what sabotage means, kalau kita hendak lihat berapa luas masalah dia. Let's look at what sabotage means. Espionage first. "Espionage means any activity to obtain sensitive information by ulterior or illegal means for the purpose that is prejudicial to the security or interest of Malaysia." What does it mean? It is broad. It is so broad. Any activity to obtain sensitive information by ulterior or illegal means. For something as broad as that, a person can be put in for his whole life.* Itu satu.

Nombor dua, "sabotage". What does "sabotage" mean? *"An act or omission intending to cause harm-*

- (i) *for the interests for foreign powers or foreign organizations;*
- (ii) *to the premises or utilities used for national defense or for war; or*
- (iii) *to the maintenance of essential services."*

*So, kalau kita membuat sesuatu tindakan that membawa prejudis kepada essential services, imprisonment for life. Jadi undang-undang baru ini, it makes it easier dengan izin. It makes easier for convictions. You can use confessions. Twenty eight days you keep them there, you beat them up, you get confessions, you charge them for something as serious as this and then it is imprisonment for life.* Hakim pun tidak diberikan sebarang ruang *for sentencing.*

*So for example, kalau kita sekarang masuk dalam perarakan BERSIH yang akan datang for example. I am not saying – I am just giving an example.*

■2130

Kalau perarakan Bersih tersebut menyebabkan *for example a massive traffic jammed, arguably is also an attempt by group of people that effect essential services. Why not, it is here.*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *You are stretching a little bit too far Yang Berhormat.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You are...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *You are a bit too far. You are thinking the judges do not have any mind at all, dengan izin.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no. That brings me back, hold on. Itu yang membawa saya membawa kembali kepada isu pokok. Just give one minute. Bila kawan saya daripada Kota Belud bertanya mengenai dengan US. Don't worry about US. Kalau kita hendak beri kuasa kepada pendakwaraya hendak buat keputusan, pendakwaraya seharusnya to, in the first instance be somebody you can trust. Bagaimana pendakwaraya dalam negara ini? We look at all the allegation against our pendakwaraya. He's not even elected like in New York pendakwaraya is elected. That is the reason why they are subject, they are responsible. Akan tetapi di sini, pendakwaraya yang dilantik oleh Perdana Menteri dan selepas daripada itu undang-undang yang cukup luas to basically get any, anybody. This is what the problem is.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, *this is important portion. Peguam bela dengan seorang politician makes, becoming you, this is the problem.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *That is why you can not understand the actual impact, impact Tuan Yang di-Pertua. Impact ini tidak disedari.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak disedari oleh ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhujah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk Yang Berhormat Batu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya berpendapat ini *real life example*. Bila ISA diluluskan kita kata untuk keganasan, untuk sabotaj akhirnya dalam ISA orang yang buat pasport palsu, ISA juga. Orang yang buat syiling palsu ISA juga, orang yang buat IC, ISA. Orang yang...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang gigit telinga sahaja bukan ISA.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau ikut logik. *If you were followed the strict letter of the law, kalau kita lihat apa yang berlaku dengan Akta Hasutan misalnya yang hari ini saya gembira. Saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata akan ambil tindakan untuk kita juga hapuskan Akta*

Hasutan. *This is what I heard.* Bukan Yang Berhormat Padang Rengas kata dua minggu lalu kata tidak ada.

*We can see how it is bila kita berikan kuasa sedemikian kepada pendakwaraya juga boleh. It can also be abused. That is the reason why.* Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung saya tidak faham apabila pihak Barisan Nasional mengatakan *we are now looking toward abolishing that penalty. We are now looking toward giving back judge discretion in terms of imprisonment, in terms of punishment. But we come back here and we do the exact opposite.* Kita kemukakan sekarang rang undang-undang yang membawa kembali kepada zaman dahulu di mana kita ada natural *life* dan juga untuk perkara tersebut untuk kita mendapatkan sabitan.

Undang-undang ini cukup membenarkan ruang untuk *abuse of process*. Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi hendak sebut kita dalam pembangkang cukup setuju dengan kerajaan dan kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membawa rang undang-undang yang memansuhkan ISA. Akan tetapi undang-undang yang sekitar yang juga dikemukakan memang ada ruang untuk...

**Dato' Abd. Rahman Dahlal [Kota Belud]:** Yang Berhormat, boleh sedikit lagi sebelum *last*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak tahu masa.

**Dato' Abd. Rahman Dahlal [Kota Belud]:** As a peguam of course your job is to challenge the state, the authority as peguam bela.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** No, no. And your job is to listen to the problem that you cause in court. Ya, kerana kita pergi ke mahkamah *the judges scold us and say what's wrong with the Members of Parliament. Basic things you all don't know. Make life difficult for us. So, why don't you come back to practice and then go and answer them.* So, ini menjadi masalah dia... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlal [Kota Belud]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberas suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yalah. Bukan, bukan. *Just to challenge authority. My job is to come here and tell you what you do is applied in real life, is applied in court. So, you come and talk about Amerika Syarikat and all that, but let me tell you right, there is not need to go that far.* Apa yang berlaku cukup jelas. Undang-undang sebegini Tuan Yang di-Pertua dengan mudah, dengan mudah *it can be abused.* Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada membenarkan saya mengambil bahagian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Ahli Yang Berhormat setakat itulah perbahasan untuk rang undang-undang ini. Jam 10 pagi esok Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi hari Selasa 17 April 2012.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 9.34 malam.***